



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
NEGERI SARAWAK
TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	v
BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi	1
Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian	
Jabatan Kerja Raya	
Penyenggaraan Jalan Negeri	46
Jabatan Agama Islam Sarawak	
Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)	84
Jabatan Pertanian Sarawak	
Program Pembangunan Industri Padi	122
Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah	
Program Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah	160
Lembaga Air Kuching	
Kajian Terhadap Pengurusan Loji Rawatan	212
Majlis Daerah	
Pengkomputeran Di Majlis Daerah	260
Majlis Bandaraya Miri	
Projek Pembinaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah	303

BAHAGIAN II : PERKARA AM

Pedahuluan	336
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004	336
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kajian Kementerian/Jabatan/Agensi	343
Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri	343
PENUTUP	344
LAMPIRAN	
Lampiran I	345

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mendarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap beberapa aktiviti yang dipilih. Pengauditan prestasi ini adalah untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri Tahun 2005 ini disediakan hasil daripada pengauditan sepanjang tahun 2005 melalui kaedah pengauditan prestasi. Sehubungan itu, pengauditan prestasi yang dijalankan adalah seperti berikut:
 - a) Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian
 - b) Penyenggaraan Jalan Negeri
 - c) Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain
 - d) Program Pembangunan Industri Padi
 - e) Program Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah
 - f) Pengurusan Loji Rawatan
 - g) Pengkomputeran Di Majlis Daerah
 - h) Projek Pembinaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah
3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini turut mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 dan sebelumnya untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
4. Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun,

dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan telah diperhatikan berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta tanpa pemantauan yang berterusan.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh terus dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

PUTRAJAYA
31 Julai 2006

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi - Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian) bertanggungjawab memulihara dan mempromosi warisan budaya, membangunkan kesenian dan kesusasteraan Negeri Sarawak. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan 3 teras utama iaitu pemeliharaan, pemuliharaan dan pengekalan bagi membudaya dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian. Dengan itu, perhatian khusus telah diberikan kepada 3 seni persembahan iaitu seni tari, seni muzik dan seni teater dengan mengambilkira ciri kepelbagaian kebudayaan suku kaum etnik Negeri Sarawak. Pada umumnya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian boleh dipertingkatkan lagi. Penyelidikan dan kerja mendokumentasi perlu digiatkan dalam usaha mempertahankan dan mengekalkan kebudayaan dan kesenian sesuatu suku kaum etnik daripada di pengaruhi oleh unsur-unsur budaya luar/asing.

2. Jabatan Kerja Raya – Penyenggaraan Jalan Negeri

Jabatan Kerja Raya Sarawak bertanggungjawab untuk menjaga dan menyenggara kesemua jalan yang diletakkan di bawah pentadbirannya iaitu meliputi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Fungsi Jabatan antara lain adalah merancang dan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dan seterusnya memantau keadaan jalan bagi memastikan jalan yang digunakan berada dalam keadaan baik dan selamat. Mulai tahun 2003, kerja penyenggaraan jalan negeri sepanjang 4,731 kilometer dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik untuk jangka masa selama 15 tahun. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM197.36 juta daripada sejumlah RM209.06 juta peruntukan Penyenggaraan Jalan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan secara kontrak tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Pengagihan kerja penyenggaraan tidak dinyatakan dengan jelas dalam syarat

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 menjalankan pengauditan terhadap program atau aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ianya telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat, berkesan serta mencapai objektifnya. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, pada tahun 2005 sebanyak 8 kajian telah dijalankan terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri. Kajian tersebut meliputi Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian, Penyenggaraan Jalan Negeri, Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA), Program Pembangunan Industri Padi, Program Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah, Kajian Terhadap Pengurusan Loji Rawatan, Pengkomputeran Di Majlis Daerah dan Projek Pembinaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan dan hanya isu yang penting dilaporkan di **Bahagian** ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN URBANISASI

AKTIVITI KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi (Kementerian) melalui aktiviti kebudayaan dan kesenian bertanggungjawab memulihara dan mempromosi warisan budaya, membangunkan kesenian dan kesusasteraan negeri Sarawak. Sehubungan itu, Kementerian telah menetapkan 3 teras utama iaitu pemeliharaan, pemuliharaan dan pengekalan bagi membudaya dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian. Pemeliharaan merujuk kepada khazanah seni yang diwarisi akan terus dihidupkan, didokumentasi dan diperaktikkan di kalangan masyarakat dalam bentuk asal dan tulen. Pemeliharaan dari sudut praktikalnya akan menjadi usaha utama agar ianya tidak luput ditelan zaman dan nilai kesenian yang ada dapat dinikmati

oleh generasi baru. Manakala pemuliharaan membawa maksud usaha untuk menerap atau mengembalikan keaslian khazanah seni yang hilang nilai asalnya, yang telah dicemari oleh budaya sezaman atau mulai dilupakan oleh generasi baru. Sementara pengekalan budaya bermaksud usaha bagaimana sesuatu khazanah seni akan terus diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira usia atau status. Khazanah kesenian bukan hanya dipersembahkan semasa majlis persembahan atau keramaian sahaja tetapi turut menjadi satu praktik sosial di mana semua orang tidak akan berasa asing dengan budaya dan tradisi suku kaumnya sendiri.

2.2 Kementerian telah menyerahkan tanggungjawab kepada Bahagian Kebudayaan untuk merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian di negeri Sarawak. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, perhatian khusus telah diberikan kepada 3 seni persembahan iaitu seni tari, seni muzik dan seni teater dengan mengambilkira ciri kepelbagaiannya kebudayaan suku kaum etnik negeri Sarawak seperti kaum Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Lun Bawang, Kelabit dan Bisaya. Kementerian juga berusaha menggiatkan pendidikan dan penghayatan seni di kalangan masyarakat melalui program latihan dan pembangunan seni, menonjolkan kepelbagaiannya identiti etnik melalui kesenian yang berkualiti dan bertaraf profesional. Melalui program dan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dirancang, masyarakat tempatan boleh mengenali budaya sendiri dan mempertahankan serta memartabatkan khazanah kebudayaan negeri selaras dengan Dasar Kebudayaan negeri Sarawak. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM7.81 juta untuk mengurus aktiviti kebudayaan dan kesenian.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada aktiviti kebudayaan dan kesenian telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian ini dipilih kerana aktiviti kebudayaan dan kesenian melambangkan identiti, keunikan dan kesepadan masyarakat berbilang suku kaum etnik di negeri Sarawak. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian oleh Kementerian bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Pejabat Bahagian Kebudayaan Kementerian di Kuching dan Pejabat

Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian di Bintulu dan Sri Aman. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan rekod kewangan, laporan dan dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dibuat bagi mendapat keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Soal selidik juga telah diedarkan kepada peserta yang terlibat dengan aktiviti kebudayaan dan kesenian anjuran Kementerian termasuk penonton persembahan untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan aktiviti yang dilaksanakan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Sehubungan itu, proses pembentukan kebudayaan nasional di negeri Sarawak memerlukan perancangan yang teliti dan rapi supaya dapat mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu. Berikut adalah aspek-aspek perancangan yang disemak:

5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan negeri Sarawak telah menerima pakai Dasar Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971. Dasar Kebudayaan Kebangsaan berlandaskan 3 prinsip asas iaitu berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima dan nilai murni Islam yang akan menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan. Usaha pembentukan Kebudayaan Kebangsaan adalah bertujuan untuk mencapai 3 objektif penting iaitu untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan dan memperkayakan kualiti kehidupan manusia/kerohanian agar seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi. Pelaksanaan objektif dasar ini boleh dicapai melalui strategi seperti berikut:

- a) Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usahasama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;
- b) Meningkat dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha membimbing dan melatih peminat, mendokong dan menggerak kebudayaan sebagai jentera pembangunan yang berkesan;
- c) Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia;
- d) Memenuhi keperluan sosio budaya; dan
- e) Meninggikan taraf dan mutu kesenian.

Di peringkat negeri Sarawak, dasar kebudayaan negeri adalah berlandaskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan serta berteraskan falsafah yang diucapkan oleh Ketua Menteri sempena Perasmian Simposium Budaya Negeri Sarawak pada tahun 1988 iaitu:

‘.....Di Sarawak kita mempunyai satu falsafah bahawa kebudayaan anak Sarawak yang terdiri daripada berbilang kaum adalah ibarat air di beberapa anak sungai di hulu, di beberapa simpang sungai mempunyai banyak warna, ada yang warna jernih, ada yang warna kuning, ada yang warna merah dan lain-lainnya. Tetapi semuanya bergerak menuju ke laut. Di persimpangan sungai airnya mula bertemu tapi belum bercampur sebatik tetapi semakin lama air di semua anak sungai ini mengalir ke laut, makin rapatlah pertemuan air sungai ini sehingga pada suatu tempat dekat kuala, airnya mempunyai satu warna sahaja, iaitu mencantumkan semua air daripada hulu.....’

*Petikan Ucapan YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud
Semperna Perasmian Simposium Budaya Negeri Sarawak Tahun 1988.*

Petikan ucapan tersebut adalah merujuk kepada penduduk suku kaum etnik negeri Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Lun Bawang, Kelabit dan Bisaya. Selain dari penduduk etnik tempatan, penduduk yang mendiami negeri Sarawak juga terdiri daripada kaum Cina, Jawa, India dan Serani. Sehubungan itu, mengambilkira kepelbagaiannya kaum di Sarawak, Kementerian beriltizam untuk memulihara dan mempromosikan warisan kebudayaan negeri Sarawak, mempamerkan khazanah warisan budaya dan membangunkan kesenian selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

5.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian mencapai objektif yang ditetapkan, Kementerian menyediakan garis panduan seperti berikut:

a) Perolehan Kerja Dan Bekalan/Perkhidmatan

Garis panduan ini menetapkan semua perolehan kerja dan bekalan/perkhidmatan Kementerian hendaklah mematuhi pekeliling dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Pada awal bulan Mac 2003, Kementerian telah mengeluarkan memorandum rasmi berkaitan prosedur pengendalian perolehan bekalan dan kerja/perkhidmatan kepada semua Jabatan/Agensi di bawah kawalannya. Prosedur tersebut menyatakan bagi perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan yang tidak melebihi had kewangan RM10,000 boleh dibuat secara pembelian terus. Manakala bagi perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 setahun hendaklah diurus secara sebut harga oleh Jawatankuasa

Sebut Harga Kementerian yang dipengerusi oleh Setiausaha Tetap atau wakilnya. Bagi perolehan kerja, atau bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dibuat melalui pelawaan tender.

b) Prosedur Mendapatkan Perkhidmatan Kebudayaan Dan Kesenian

Jabatan, Agensi Kerajaan dan pihak swasta boleh mendapatkan perkhidmatan kebudayaan dan kesenian dengan memohon kepada Kementerian atau menghubungi Bahagian Kebudayaan dan menyatakan jenis keperluan persembahan yang dikehendaki. Bagi majlis rasmi Kerajaan, anggaran perbelanjaan akan disediakan oleh Bahagian Kebudayaan dan seterusnya pihak Agensi Kerajaan akan mengemukakan waran peruntukan kepada Kementerian. Bagi tujuan persembahan pada majlis tidak rasmi, cek atau wang tunai akan dibayar terus kepada Kementerian. Anggaran perbelanjaan adalah merangkumi bayaran sagu hati, kos makan dan minum serta kos pengangkutan. Kadar bayaran yang dikenakan oleh Kementerian bagi persembahan yang diadakan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kadar Bayaran Persembahan

Bil.	Bilangan Artis/Kakitangan						Amaun (RM)
	Penyanyi	Penari	Teknikal	Kombo	MITRA	Jurulatih/Koreografer	
1.	-	15 - 20	2 - 8	-	-	-	1,000
2.	1 - 5	-	2 - 8	2 - 5	-	-	1,500
3.	-	15 - 20	2 - 8	-	4 - 10	-	2,500
4.	1 - 5	15 - 20	2 - 8	2 - 5	4 - 10	-	3,500
5.	-	-	-	-	-	1	1,500

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Nota:-

Persembahan - persembahan bermaksud acara hiburan seperti muzik, nyanyian dan tarian bagi tempoh 5 minit hingga 2 jam

Penari - sekumpulan penari seramai 15 hingga 20 orang

Penyanyi - penyanyi seramai 1 hingga 5 orang

Kombo - pemain muzik sezaman/moden terdiri daripada 2 hingga 5 orang

MITRA - pemain muzik tradisional terdiri daripada 4 hingga 10 orang

Teknikal - tenaga pekerja teknikal seramai 2 hingga 8 orang untuk mengendalikan alat siaraya, tatacahaya dan kelengkapan pentas

Jurulatih - tenaga yang dilantik untuk mengajar, membimbing dan melatih penari

Koreografer - seorang yang dilantik untuk mencipta dan mengolah tarian

5.1.3 Kadar Bayaran Sagu Hati

Sagu hati atau honorarium akan dibayar kepada kakitangan tetap atau kontrak yang mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dikelolakan oleh Kementerian. Bayaran sagu hati diberikan kepada kakitangan atau ahli staf produksi termasuklah pengurus pentas, pengarah, penulis skrip, pengacara, juruteknik, pekerja pentas dan penyelaras pementasan.

a) Kadar Bayaran Sagu Hati Mengikuti Latihan Dan Mengadakan Persembahan

Kadar bayaran sagu hati yang dikenakan adalah berbeza sama ada untuk mengikuti sesi latihan ataupun mengadakan persembahan. Bagi kakitangan kontrak yang mengikuti sesi latihan koir, kadar yang ditetapkan adalah RM10 seorang untuk setiap sesi latihan. Manakala bagi peserta yang mengikuti sesi latihan tarian dan lakonan, mereka tidak dibayar sagu hati sebaliknya mereka dibayar eluan lebih masa berdasarkan gred perjawatan kakitangan tersebut. Kementerian menetapkan kadar bayaran sagu hati antara RM10 hingga RM140 setiap sesi latihan atau persembahan kepada penari, pemuzik atau penyanyi mengikut penilaian gred yang ditetapkan oleh Kementerian seperti kesempurnaan tugas, kualiti, standard, bakat, kemahiran dan persembahan mereka seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Gred Dan Kadar Bayaran Sagu Hati

Gred	Penari Amaun (RM)	Pemuzik/Penyanyi Amaun (RM)
A	70-140	100-140
B	30-60	35-70
C	10-25	10-30

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Nota :Penilaian gred berdasarkan pengalaman, kemahiran, kepakaran, kekananan dan kedudukan peruntukan penganjur

Bagi artis undangan daripada luar Sarawak seperti penyanyi dan pemuzik yang terlibat dalam sesuatu persembahan anjuran Kementerian, bayaran sagu hati adalah mengikut tawaran yang ditetapkan oleh pengurus artis tersebut. Manakala bayaran sagu hati kepada artis tempatan adalah mengikut kadar yang ditawarkan oleh syarikat produksi atau mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kementerian.

b) Bayaran Sagu Hati Untuk Ahli Simfoni Orkestra Negeri Sarawak

Sagu hati dibayar kepada setiap ahli Simfoni Orkestra Negeri Sarawak dan pemuzik jemputan apabila menghadiri sesi latihan dan persembahan. Kadar bayaran sagu hati untuk menghadiri setiap sesi latihan adalah antara RM15 hingga RM45 seorang dan untuk persembahan adalah antara RM40 hingga RM75 seorang bergantung kepada tempoh keahlian mereka seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Kadar Sagu hati Untuk Simfoni Orkestra Negeri Sarawak

Bil.	Gred	Latihan	Persembahan
		Amaun (RM)	Amaun (RM)
1.	Konsert Master	45	300
2.	Ketua Seksyen	40	200
3.	Pemuzik Kanan	40	200
4.	Diperakui oleh Konduktor Simfoni	30 – 40	100 – 150
5.	Keahlian 5 Tahun	25	75
6.	Keahlian 2 Tahun	20	50
7.	Ahli Baru	15	40

Sumber: Rekod Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

5.1.4 Sasaran Aktiviti

Kementerian telah merangka 4 program khususnya bagi menyebarluaskan aktiviti kebudayaan dan kesenian kepada kumpulan sasaran seperti penggiat seni, pelajar sekolah, belia dan orang awam seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Kumpulan Sasaran Bagi Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Program/Aktiviti	Kumpulan Sasaran
i) Pembangunan Seni Praktikum Seni Kursus Tarian, Muzik Dan Teater Bengkel Tarian Kreatif Bengkel Muzik Kreatif Kursus Teater Untuk Guru Bimbingan Lagu Asli	Orang Awam, Pelajar Sekolah Orang Awam Jurulatih Bahagian Belia Lepasan Sekolah Guru Mengajar Sastera Aktivis Seni, Penyanyi
ii) Program Penggalakan Manifestasi Seni Festival/Pertandingan Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli Pancaragam Mingguan Festival Kesenian Sekolah	Kumpulan/Pertubuhan Kebudayaan Aktivis Budaya (Penggiat seni) Orang Awam Pelajar Sekolah
iii) Program Latihan Dan Pendidikan Bengkel Kejurulatihan Tarian Bengkel Busana Bengkel Fasilitator	Kakitangan Kementerian & Jurulatih Agenzia Swasta Yang Terlibat Dengan Kostum Kakitangan Kementerian & Jurulatih
iv) Program Penyelidikan Dan Dokumentasi	Orang Awam

Sumber: Rekod Bahagian Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Selain itu, Kementerian juga akan memberi keutamaan dan penekanan kepada latihan untuk pelatih sebagai usaha ke arah memperbanyak jurulatih mahir dalam pelbagai bidang seni persembahan melalui bengkel kejurulatihan tarian dan bengkel fasilitator.

Bagi memastikan 4 program yang dirancang berjalan dengan lancar, Kementerian telah menyediakan kalender aktiviti kebudayaan dan kesenian tahunan yang merangkumi jenis aktiviti, tarikh dan tempat aktiviti dijalankan. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 45 aktiviti kebudayaan dan kesenian sama ada berbentuk persembahan,

kursus, pertandingan/festival dan bengkel telah dirancang oleh Kementerian seperti di **Jadual 5.**

Jadual 5
Kalendar Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Aktiviti	2003	2004	2005	Jumlah Aktiviti	Kekerapan
Kursus Muzik	Januari - Disember	Januari - Disember	Januari - Disember	3	624
Kursus Tarian	Mac - Disember	Mac - Disember	Mac - Disember	3	264
Kursus Teater	T/B	Februari -Disember	Februari - Disember	2	192
Bengkel Kejurulatihan Tarian	Mei	Mac	Jun	3	3
Bengkel Fasilitator	Januari - Disember	Mac	Jul	3	3
Praktikum Seni	April-Disember	Mac - September	Mei, Ogos, September	3	24
Persembahan Pancaragam	Januari - Disember	Mac - Disember	Januari - Disember	3	32
Festival Tarian Dan Muzik Etnik	Julai	T/B	Mei	2	2
Konsert Klasik/Jazz/Koir/Pop Orkestra	Julai	Mac - April	Januari - September	3	14
Penyelidikan	Januari - Disember	Januari - Disember	T/B	2	2
Bengkel Busana	Januari - Disember	Januari - Disember	T/B	2	2
Pertandingan Tarian Dan Lagu Asli	T/B	April	T/B	1	11
Manifestasi Seni	Januari - Disember	September	T/B	2	2
Festival Teater Borneo	Januari - Disember	Okttober	T/B	2	2
Persembahan Bangsawan	Okttober	Januari - Disember	Okttober	3	3
Merayau	T/B	Ogos	T/B	1	6
Festival Kesenian Sekolah	September	Ogos	April - September	3	27
Bengkel Tarian Kreatif	T/B	T/B	Januari - Disember	1	7
Kursus Teater Untuk Guru	T/B	T/B	Januari - Disember	1	7
Bengkel Muzik Kreatif	T/B	T/B	Januari - Disember	1	7
Bimbingan Lagu Asli	T/B	T/B	Januari - Disember	1	11
Jumlah Aktiviti	14	16	15	45	1,254

Sumber: *Kalendar Aktiviti Tahun Bahagian Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi*

Nota: TB – Tidak dirancang

Aktiviti kebudayaan dan kesenian akan dilaksanakan melalui 2 pendekatan iaitu dirancang dan dilaksana oleh Kementerian ataupun dirancang oleh Jabatan/Agensi Kerajaan dan dilaksanakan oleh Kementerian dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diberi oleh Jabatan/Agensi Kerajaan. Aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dirancang berbentuk sesi latihan sama ada kursus, bengkel dan praktikum seni di mana 80% adalah kaedah secara praktikal dan 20% kaedah secara teori. Selain daripada sesi latihan, aktiviti kebudayaan dan kesenian juga dilaksanakan melalui pertandingan/festival yang dirancang oleh Kementerian atau anjuran bersama dengan Jabatan/Agensi Kerajaan di mana ia akan dilaksana di peringkat Bahagian ataupun peringkat negeri Sarawak.

5.1.5 Komponen Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Matlamat Kementerian adalah untuk memupuk kesedaran, pengetahuan, pemahaman, kecintaan dan rasa tanggungjawab di kalangan orang awam melalui pengasahan bakat dan pendedahan dalam bidang kesenian, tarian dan adat resam yang sesuai dengan kepercayaan kaum masing-masing. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kementerian telah membahagikan aktiviti kebudayaan dan kesenian kepada 3 komponen utama iaitu seni tari, seni muzik dan seni teater.

a) Seni Tari

Seni tari akan memberi tumpuan kepada asas tarian tradisional dan tarian kreatif. Asas tarian tradisional bagi 5 suku kaum etnik iaitu kaum Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh dan Orang Ulu akan diperkenalkan seperti latar belakang mengenai sejarah dan geografi suku kaum, sosio budaya, teknik dan asas tarian seperti gerak geri, tempo/rentak, bentuk dan jenis tarian. Jenis tarian adalah seperti Tarian Zapin, Inang dan Joget bagi kaum Melayu, Tarian Ngajat Pahlawan, Ngajat Indu dan Ngajat Ngalu Temuai bagi kaum Iban, Tarian Mengarang Menyak dan Seladai bagi kaum Melanau, Tolak Bala, Weh Jongan dan Langi Julang bagi kaum Bidayuh dan Tarian Datun Julut dan Kanjet Lasan bagi kaum Orang Ulu. Manakala tarian kreatif merupakan gabungan antara tarian tradisional dan moden di mana Kementerian memberi tumpuan pengajaran kepada definisi tarian, mengenal anggota tubuh badan, muzik tarian, penghayatan, gerak bebas, olah bentuk, olah tubuh, penumpuan dan pola ruang.

b) Seni Muzik

Seni muzik merupakan pengenalan muzik terhadap definisi dan bunyi muzik, ritma, bentuk, ekspresi dan skala. Asas muzik tradisional bagi 5 suku kaum etnik iaitu kaum Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh dan Orang Ulu akan diperkenalkan yang meliputi latar belakang mengenai sejarah/geografi suku kaum, sosio budaya mengenai bahasa, pekerjaan, agama dan perayaan. Selain itu, pengenalan kepada jenis muzik dan asas pembelajaran muzik seperti teori, alat muzik dan teknik bermain muzik termasuklah pengenalan kepada asas muzik kreatif.

c) Seni Teater

Seni teater merupakan pengenalan mengenai asas teater seperti definisi teater dan lakonan, instrumen dan teknik lakonan, aspek teknikal teater, aspek pengarahan dari segi memilih skrip, analisis drama, pemilihan watak, pemotongan dan pengubahsuaian drama, nilai dramatik dan estetika serta bahantara pengarah. Selain itu, penekanan juga diberikan kepada disiplin pentas dan persiapan seorang aktor dari segi fizikal, vokal dan mental.

5.1.6 Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Kementerian merancang melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian melalui 4 program iaitu Program Pembangunan Seni, Program Penggalakkan, Program Latihan Dan Pendidikan dan Program Penyelidikan Dan Dokumentasi.

a) Program Pembangunan Seni

Objektif program ini adalah untuk memulihara, membangun dan mempertingkatkan mutu kesenian serta menggerakkan kegiatan pengolahan dan percubaan kreatif dalam bidang seni teater tradisional, drama, tarian dan muzik berdasarkan kepada bahan kesenian rakyat tempatan negeri ini. Aktiviti yang dirancang ialah Praktikum Seni, Kursus Tarian Tradisional, Kursus Muzik, Kursus Teater dan Bengkel Tarian, Muzik Kreatif Dan Teater Untuk Guru.

i) Praktikum Seni

Praktikum seni adalah satu cabang pembangunan seni yang dikendalikan oleh Seksyen Latihan, Bahagian Kebudayaan. Praktikum seni bermaksud latihan berbentuk praktikal bagi aktiviti kesenian dengan memasukkan teori seni pementasan. Objektifnya adalah untuk meningkatkan perkembangan dan mutu kesenian persembahan kesenian di negeri Sarawak, untuk meningkatkan rasa tanggungjawab dan mewujudkan kesedaran orang ramai dalam menghargai nilai kesenian. Di samping itu, pelajar sekolah juga akan diberi peluang belajar mengenai seni pementasan bagi meningkatkan kualiti persembahan mereka di peringkat sekolah.

ii) Kursus Tarian Tradisional

Kursus tarian tradisional bertujuan untuk mengasah bakat serta memupuk minat para peserta terhadap tarian tradisional dan menggalak pelajar sekolah dan golongan belia mengembang ilmu pengetahuan tentang bidang seni tarian. Di samping itu, ianya bertujuan bagi memastikan khazanah tradisi terus terpelihara, memberi pengetahuan dan melahirkan kecintaan peserta terhadap tarian tradisional dan mempopularkan tarian tradisional di negeri ini agar tidak pupus. Kursus tarian tradisional seperti tarian suku kaum Melayu, Iban, Melanau, Bidayuh dan Orang Ulu merupakan pengajaran yang berpanjangan dan berterusan. Kursus ini akan dikendalikan oleh jurulatih di Bahagian Kebudayaan dan juga akan dilaksanakan di 4 Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian iaitu di Kuching, Sarikei, Bintulu dan Kapit. Kursus ini merupakan kursus tahunan dan dibuka kepada pelajar, belia dan orang awam yang berminat. Sesi latihan akan bermula pada awal tahun dan tamat pada akhir tahun di mana pada akhir kursus, para peserta akan diberi sijil penyertaan oleh Kementerian berpandukan prestasi peserta sepanjang sesi latihan dijalankan.

iii) Kursus Muzik

Kursus muzik adalah bertujuan menggalak dan meningkatkan penyertaan peserta dengan pendedahan dan bimbingan ke arah pembelajaran muzik secara berterusan. Kursus ini akan melengkapkan peserta dengan pengetahuan teori serta kemahiran praktikal bermain alat muzik. Kursus muzik seperti kelas piano, gitar, vokal dan dram akan dikendalikan oleh jurulatih luar yang dilantik dan jurulatih kontrak. Kursus ini dibuka kepada orang awam yang berumur antara 8 hingga 35 tahun dan akan dilaksana di Bahagian Kebudayaan sahaja. Jadual sesi latihan kursus muzik disediakan secara tahunan iaitu bermula pada awal tahun dan tamat pada akhir tahun. Para peserta akan diajar teori dengan menggunakan buku rujukan dari *Associated Board Of The Royal School Of Music (ABRSM)* dan Kolej Triniti. Peserta juga akan dinilai kecekapan mereka melalui peperiksaan yang dianjurkan oleh ABRSM.

iv) Kursus Teater

Kursus teater bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah menengah tentang asas lakonan dan pengarahan serta memberi pendedahan tentang cara memproduksikan sebuah pementasan teater. Kursus ini dirancang akan dilaksanakan oleh Bahagian Kebudayaan sahaja di mana iaanya akan dikendalikan oleh seorang jurulatih kontrak.

v) Bengkel Tarian, Muzik Kreatif Dan Teater Untuk Guru

Bengkel tarian, muzik kreatif dan teater untuk guru merupakan aktiviti yang dirancang sekiranya aktiviti praktikum seni tidak dilaksanakan di Bahagian berkenaan pada tahun tersebut. Bengkel ini dibuka kepada belia lepasan sekolah, jurulatih tari dan guru sekolah. Bengkel tersebut bertujuan mendedahkan peserta kepada bentuk gabungan tarian suku kaum etnik Sarawak yang menggambarkan kehidupan masyarakat tempatan.

b) Program Penggalakkan

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengaruh kesenian dan meluaskan penghayatan terhadap kesenian tempatan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengembangkan bahan pemulihan, pengolahan dan penciptaan melalui proses produksi pendidikan dan keilmuan. Aktiviti yang dirancang ialah Manifestasi Seni, Festival Kesenian Sekolah dan Pancaragam.

i) Manifestasi Seni

Manifestasi seni yang berkonsep persembahan pentas merangkumi persembahan kebudayaan suku kaum Melayu, Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu, Cina, Jawa dan India. Ia menggambarkan pembangunan dan pembelajaran kebudayaan dalam bentuk kesenian yang wujud di negeri Sarawak. Tujuannya adalah untuk menggalakkan para aktivis seni terus bergiat memberi sumbangan yang berterusan, mengenengahkan serta memberi peluang kepada persatuan kebudayaan mengelolakan persembahan kesenian, mengeratkan jalinan kerjasama antara Kementerian dan persatuan kebudayaan.

ii) Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli

Festival tarian dan nyanyian lagu asli merupakan usaha Kementerian untuk mencungkil bakat baru di kalangan para penggiat seni di samping memelihara kesenian tradisi. Festival ini diadakan melalui 2 peringkat iaitu pertandingan di peringkat Bahagian dan festival di peringkat negeri Sarawak secara selang-seli setiap tahun. Pemenang pertandingan di peringkat Bahagian akan bertanding di festival peringkat negeri Sarawak. Pertandingan tarian akan dibuat secara berkumpulan yang terdiri daripada 12 orang di mana setiap kumpulan perlu mempersembahkan 2 bentuk tarian iaitu tarian tradisional dan tarian kreatif berpandukan kepada tarian di Sarawak ataupun Malaysia. Bagi pertandingan nyanyian lagu asli akan dipertandingkan secara perseorangan di mana ia dibahagikan kepada 3 kategori iaitu veteran, wanita dan lelaki dewasa.

iii) Festival Kesenian Sekolah

Festival kesenian sekolah merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Sarawak. Objektif festival ini adalah untuk mengenengahkan dan memberi peluang kepada pelajar di Sarawak menunjukkan bakat serta kreativiti mereka dengan menyertai persembahan kesenian dan mempersembahkan kebolehan, kemahiran dan kefahaman para pelajar dalam bidang seni. Festival ini akan dilaksanakan melalui 2 peringkat iaitu peringkat Bahagian dan peringkat negeri Sarawak. Aktiviti bercorak seni pementasan dan bidang keilmuan yang akan dipertandingkan adalah drama Bahasa Melayu, drama Bahasa Inggeris, tarian kreatif dan etnik, *choral speaking* dan pertandingan muzik oleh pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Bahagian Kebudayaan akan bertanggungjawab untuk mengelolakan pertandingan tarian dan muzik manakala Jabatan Pendidikan dipertanggungjawab untuk mengatur penyertaan pelajar dalam pertandingan berkenaan.

iv) Pancaragam

Pancaragam merupakan satu persembahan berbentuk hiburan kepada masyarakat umum di sekitar Bandaraya Kuching. Ianya adalah satu bentuk hiburan kekeluargaan untuk beriadah di hujung minggu. Objektifnya adalah untuk menarik perhatian orang ramai agar meminati muzik dan mengetengahkan muzik yang ada di Malaysia kepada pelancong yang berkunjung ke Sarawak. Sesi latihan mingguan akan diadakan sebagai persediaan mengadakan persembahan sekiranya ada permintaan dari pihak tertentu.

c) Program Latihan Dan Pendidikan

Objektif program ini adalah untuk membina dan melatih peminat, pendokong dan penggerak kebudayaan sebagai jentera perkembangan yang berkesan dan untuk mendorong perkembangan kesenian secara terbimbing menerusi pendidikan kesenian. Aktiviti yang dirancang ialah Bengkel Kejurulatihan Tarian dan Bengkel Busana.

i) Bengkel Kejurulatihan Tarian

Bengkel kejurulatihan tarian berkonsepkan perkongsian dan penyebaran maklumat khasnya yang berkaitan dengan tarian. Ianya bertujuan untuk mengasah dan memantapkan lagi kemahiran, persembahan dan persediaan para peserta semasa mengajar kelas tarian dan mempersembahkan tarian kepada masyarakat umum. Objektifnya ialah untuk meningkatkan mutu dan kualiti pengajaran seni persembahan dan menyelaras modul latihan tarian.

ii) Bengkel Busana

Bengkel busana bertujuan untuk memperkenalkan pembuatan dan pemakaian kostum suku kaum etnik negeri ini kepada masyarakat tempatan.

d) Program Penyelidikan Dan Dokumentasi

Program ini adalah untuk pengumpulan, penyimpanan dan penyelarasaran bahan kebudayaan bagi dokumentasi dan penerbitan buku. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyimpan maklumat bidang kebudayaan dalam bentuk asal bagi maksud pengkajian dan panduan kepada penggalakkan dan pengembangan. Program yang dirancang ialah membukukan hasil penyelidikan dan pengkajian bagi mengekalkan budaya tempatan yang hampir pupus. Manakala program dokumentasi merupakan program mendokumentasikan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dilaksana dalam bentuk bergambar/foto dan rakaman video.

5.1.7 Lokasi Pusat Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Pada tahun 1995, Kementerian telah menempatkan Bahagian Kebudayaan di sebuah bangunan 2 tingkat iaitu Rumah Sarawak yang terletak di Jalan Taman Budaya. Kementerian telah menjadikan bangunan ini sebagai pusat pentadbiran kebudayaan dan kesenian negeri Sarawak. Bangunan ini telah diubah suai oleh Kementerian dengan menukar struktur bilik asal menjadi beberapa bilik pejabat untuk Seksyen Pentadbiran, Seksyen Akaun, Seksyen Tari, Seksyen Sumber, Seksyen Pembangunan Dan Latihan, Seksyen Muzik, Seksyen Teknikal dan Pejabat Simfoni Orkestra Negeri Sarawak. Ruang legarnya pula dijadikan sebagai tempat sesi latihan peserta yang mengikuti kursus yang dianjurkan seperti kursus tarian tradisional dan kelas muzik simfoni. Di samping itu, stor yang ada ialah stor untuk menyimpan peralatan muzik dan kostum. Berhampiran Rumah Sarawak ada sebuah bangunan kecil yang mempunyai 4 bilik iaitu 2 Bilik Kombo untuk sesi latihan dan raptai pemuzik sebelum sesuatu persembahan diadakan, Bilik Audio untuk sesi latihan nyanyian dan rakaman lagu dan Bilik Suntingan untuk kerja menyunting rakaman video. Selain itu, Kementerian juga telah menyediakan sebuah lagi bangunan 2 tingkat iaitu Rumah Sri Kuching sebagai tempat sesi latihan kumpulan koir dan latihan bermain piano. **Foto 1** merupakan Rumah Sarawak dan **Foto 2** merupakan Rumah Sri Kuching.

Foto 1
Rumah Sarawak



Foto 2
Rumah Sri Kuching



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sarawak
Tarikh : 28.07.2005
Lokasi : Rumah Sarawak Dan Rumah Sri Kuching

5.1.8 Keperluan Kewangan

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah memohon peruntukan perbelanjaan mengurus untuk Bahagian Kebudayaan berjumlah RM14.72 juta. Bagaimanapun daripada jumlah yang dipohon tersebut, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM10.14 juta bagi membiayai perbelanjaan melaksanakan aktiviti kebudayaan

dan kesenian. Perbelanjaan tersebut ialah bayaran emolument, upah, sagu hati, elauan makan, kos sewa pengangkutan, publisiti, pembelian peralatan muzik dan pembelian kostum.

5.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Kementerian diketuai oleh seorang Setiausaha Tetap dan dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber, Bahagian Kebudayaan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Belia dan Bahagian Sukan. Selain itu, Kementerian juga mempunyai 9 Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian di Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang yang berperanan untuk melaksanakan program kebudayaan selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh Kementerian. Bagaimanapun, Kementerian belum mempunyai Pejabat di Bahagian Betong dan Mukah.

a) Struktur Pengurusan Di Bahagian Kebudayaan

Bahagian Kebudayaan di beri tanggungjawab merancang, melaksana, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian di Sarawak. Bahagian Kebudayaan diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N48 dan dibantu oleh seorang Pegawai Kebudayaan Gred B41 dan 3 orang pegawai bertaraf tetap, seorang bertaraf sementara dan seramai 89 kakitangan secara kontrak. Kakitangan secara kontrak terdiri daripada Penyelidik, Juruteknik, Pemuzik, Penyanyi, Jurulatih, Penari, Artis Budaya, Pembantu Khas, Jaga, Penyelia Stor, Pembersih Pejabat dan Pekerja Am. Bahagian ini dibahagikan kepada 8 Seksyen dan 1 simfoni iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Akaun, Seksyen Latihan Dan Pembangunan, Seksyen Sumber Dan Perhubungan Awam, Seksyen Muzik, Seksyen Tarian, Seksyen Teater, Seksyen Teknik dan Simfoni Orkestra Negeri Sarawak.

Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1988. Kumpulan pemuzik simfoni ini adalah merupakan yang pertama ditubuhkan oleh sebuah negeri di Malaysia. Cadangan pengurusan pada awalnya ialah ia mempunyai 11 ahli Lembaga Pengurusan, tujuh ahli Jawatankuasa Eksekutif dan 60 ahli muzik amatur. Struktur organisasi Simfoni Orkestra Negeri Sarawak dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen Klasik, Seksyen Jazz/Pop dan Seksyen Koir.

b) Latihan

Kursus dan latihan untuk kakitangan adalah diselaras oleh Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber. Bahagian Kebudayaan akan mencalonkan kakitangannya ke Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber untuk mengikuti kursus dan latihan

yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Menteri melalui *Centre For Modern Management*, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan juga kursus anjuran Kementerian sendiri. Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber akan membuat analisis keperluan kursus/latihan terhadap pegawai/kakitangan bagi menghadiri kursus/latihan yang dianjur oleh pihak Kementerian atau Agensi Kerajaan yang berkaitan. Kursus/latihan yang dirancang oleh Kementerian adalah Kursus Pengurusan dan Pentadbiran, Program Pembangunan Perkhidmatan Awam, Program Teras, Program ICT, Kursus Protokol, Kursus Perakaunan dan Kursus Kecekapan Pengawal Keselamatan. Selain itu, Kementerian juga telah merancang untuk mengadakan taklimat/seminar pengendalian siaraya dan sistem lampu, pengacara majlis, pengurusan mesyuarat, penulisan laporan dan taklimat tata cara perolehan.

5.1.10 Publisiti

Publisiti yang meluas memainkan peranan penting untuk membantu dan meningkatkan penyaluran maklumat kepada orang awam mengenai aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dianjurkan oleh Kementerian. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah memohon peruntukan berjumlah RM83,400 bagi tujuan publisiti sama ada melalui iklan surat khabar, televisyen atau liputan berita melalui siaran radio RTM dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Inggeris dan Cina. Maklumat juga akan disalurkan melalui bahan cetakan seperti kain rentang atau banting yang akan dipamerkan di kawasan sekitar aktiviti yang akan dilaksanakan dan juga Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian sekiranya aktiviti dilaksana di Bahagian berkenaan. Selain itu, Kementerian juga akan membuat promosi dengan mengeluarkan surat kepada sekolah yang dikenalpasti bagi aktiviti tertentu.

5.1.11 Kaedah Pemantauan

Bagi memantau dan menyelia aktiviti kebudayaan dan kesenian berjalan dengan cekap dan berkesan, Kementerian telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui Mesyuarat Pegawai Kanan Kementerian yang akan bermesyuarat secara mingguan. Manakala di peringkat Bahagian Kebudayaan, mesyuarat akan diadakan sebelum sesuatu aktiviti/acara persembahan dianjurkan. Selain itu, Kementerian juga mengeluarkan Surat Pekeliling dan kertas minit yang menyatakan supaya laporan aktiviti dihantar ke Kementerian selepas setiap aktiviti kebudayaan dan kesenian diadakan.

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpandangan Kementerian telah merancang pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian dengan memuaskan di mana faktor kepelbagaian kaum dengan ciri kebudayaan mereka sendiri telah diambilkira di peringkat perancangan.

5.2 PELAKSANAAN

Misi utama Kementerian ialah untuk memulihara dan mempromosi warisan budaya, membangunkan kesenian dan kesusasteraan negeri Sarawak. Jika diuruskan dengan bijaksana, aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dilaksanakan akan dapat menyatu padukan masyarakat dan menjadi tarikan utama pelancong berkunjung ke negeri Sarawak.

5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Semakan Audit terhadap pelaksanaan dan pematuhan Dasar Kerajaan Negeri mendapati Kementerian telah mengambilkira kepelbagaiannya suku kaum etnik dalam pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Selain itu, Kementerian berusaha meninggikan taraf dan mutu kesenian melalui latihan dan persembahan yang diadakan di peringkat Bahagian.

Pada pendapat Audit, Kementerian telah melaksanakan program yang dirancang selaras dengan Dasar Kerajaan yang ditetapkan.

5.2.2 Prosedur Mendapatkan Perkhidmatan Kakitangan Kebudayaan

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian anjuran Jabatan/Agensi/Swasta. Pemeriksaan Audit terhadap fail dan Jadual Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian yang diselenggarakan di Bahagian Kebudayaan mendapati sebanyak 366 aktiviti kebudayaan dan kesenian sama ada membuat persembahan tarian tradisional, bantuan teknikal, persembahan muzik kombo dan nyanyian telah dilaksanakan. Semakan Audit terhadap 21 permohonan oleh Jabatan/Agensi/Swasta mendapati prosedur mendapatkan perkhidmatan kakitangan kebudayaan dan jurulatih telah dipatuhi di mana proses permohonan dan kelulusan Kementerian telah diperolehi terlebih dahulu.

Pada pendapat Audit, prosedur mendapatkan perkhidmatan kakitangan kebudayaan oleh pihak berkenaan telah dipatuhi.

5.2.3 Pengurusan Pembayaran Sagu Hati

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM577,780 telah dibelanjakan untuk pembayaran sagu hati. Semakan Audit secara rambang terhadap 87 baucar bayaran berjumlah RM305,358 mendapati Kementerian telah membayar sagu hati kepada peserta yang terlibat dalam sesi latihan atau persembahan mengikut kadar yang ditetapkan. Selain itu, Kementerian juga telah membayar sagu hati kepada panel penilai antara RM800 hingga RM1,500 seorang bagi satu persembahan berdasarkan kepada

pengalaman, kekanan dalam bidang masing-masing, kemahiran, ketokohan dan juga kedudukan peruntukan kewangan Kementerian/pihak pengajur. Manakala fasilitator dibayar sagu hati sejumlah RM30 sehari bagi mengendalikan sesi latihan kelas muzik seperti kelas piano, klarinet, tuba, teori, vokal, trompet, gitar dan dram. Sementara fasilitator praktikum seni pula dibayar sagu hati RM80 sehari.

Bagi Simfoni Orkestra Negeri Sarawak, sejumlah RM760,054 telah dibelanjakan bagi pembayaran sagu hati. Semakan Audit terhadap 156 baucar bayaran berjumlah RM533,109 mendapati pembayarannya adalah mengikut kadar yang ditetapkan seperti kadar bayaran sagu hati kepada ahli yang menghadiri sesi latihan adalah di antara RM15 hingga RM45 sejam dan mengadakan persembahan adalah antara RM40 hingga RM300 sejam. Selain itu, dua orang konduktor yang diambil bekerja secara separuh masa juga dibayar sagu hati apabila mengadakan kelas muzik atau sesi latihan. Semakan Audit juga mendapati 60 artis luar yang turut sama menjayakan konsert Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah diberi bayaran sagu hati dalam lingkungan RM300 hingga RM8,000 seorang untuk satu persembahan iaitu bergantung kepada populariti artis tersebut.

Pada pendapat Audit, pembayaran sagu hati adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kementerian atau mengikut kadar yang dipersetujui antara kedua belah pihak.

5.2.4 Pencapaian Sasaran Aktiviti

Semakan Audit terhadap pencapaian sasaran aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui program yang dirancang mendapati perkara berikut:

a) Praktikum Seni

Semakan Audit terhadap aktiviti praktikum seni mendapati bahawa praktikum seni tidak dilaksanakan pada tahun 2005. Bagaimanapun pada tahun 2003 dan 2004, praktikum seni diadakan dan seramai 1,035 peserta telah terlibat dalam aktiviti praktikum seni yang diadakan oleh Kementerian. Jenis aktivitinya ialah kursus asas muzik tradisional, kursus muzik kreatif, kursus asas tarian tradisional, kursus asas tarian Melayu, kursus asas lakonan, bengkel lagu asli dan bengkel muzik kreatif. Praktikum seni hanya mencapai 61% atau 495 peserta daripada seramai 810 peserta yang disasarkan pada tahun 2003 dan 55% atau 540 peserta daripada seramai 990 peserta yang disasarkan pada tahun 2004.

b) Kursus Tarian Tradisional

Kementerian tidak menetapkan bilangan sasaran untuk aktiviti kursus tarian tradisional. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati seramai 127 peserta yang terdiri daripada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa telah mendaftar untuk menyertai kursus ini pada tahun 2003 dan hanya seramai 49 peserta yang layak diberi sijil penyertaan bagi tempoh yang sama kerana telah mematuhi syarat dari segi teori, praktikal, kehadiran dan disiplin setelah dinilai oleh jurulatih. Sementara pada tahun 2004, seramai 102 peserta telah mendaftar untuk menyertai kursus ini. Adalah didapati tempoh kursus ini telah dilanjutkan dari 1 tahun kepada 3 tahun. Oleh itu, Kementerian tidak mengambil peserta baru untuk tahun 2005 manakala peserta yang mengikuti kursus pada tahun 2004 telah dilanjutkan tempoh hingga ke tahun 2006. Semakan Audit terhadap rekod kehadiran peserta bagi tempoh bulan Mac hingga Jun 2005 mendapati purata kehadiran peserta setiap bulan adalah seramai 25 orang atau 25% berbanding dengan 102 peserta yang berdaftar. Pada masa kini, hanya 5 pejabat iaitu Pejabat Bahagian Kebudayaan, Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Kuching, Kapit, Bintulu dan Sarawak sahaja yang melaksanakan kursus ini. Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi di Bahagian lain tidak mengendalikan kursus tarian kerana tidak mempunyai jurulatih.

c) Kursus Muzik

Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati seramai 410 peserta telah mendaftar untuk mengikuti kursus muzik bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Adalah didapati kehadiran peserta bagi bulan Mac hingga Jun 2005 mencatat purata kehadiran bulanan peserta seramai 9 orang berbanding dengan pendaftaran seramai 18 peserta bagi kelas gitar, dua puluh dua orang berbanding 51 peserta bagi kelas piano dan 6 orang berbanding 10 peserta bagi kelas pancaragam. Kebanyakan kursus muzik yang dikendalikan adalah lebih menjurus kepada alat muzik bukan tradisional negeri Sarawak. Bilangan peserta kursus muzik juga berkurangan iaitu daripada 210 peserta pada tahun 2003 kepada 121 peserta pada tahun 2004 dan 79 peserta pada tahun 2005. Penurunan ini berlaku disebabkan Kementerian tidak mengambil peserta baru bagi tahun 2004 dan 2005. Selain itu, peserta telah berhenti mengikuti kursus muzik atas alasan memberi perhatian kepada pelajaran sekolah mereka.

d) Kursus Teater

Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati pada tahun 2003, kursus teater tidak ada dalam perancangan manakala pada tahun 2004 kursus tersebut telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan. Kursus teater hanya dilaksanakan pada tahun

2005. Semakan Audit terhadap rekod kehadiran kursus teater bagi bulan Mac hingga Jun 2005 mendapati purata kehadiran bulanan peserta adalah seramai 5 peserta berbanding dengan 51 peserta yang berdaftar. Temu bual Audit dengan pegawai Kementerian menyatakan bahawa kehadiran peserta yang rendah disebabkan peserta yang juga merupakan pelajar, perlu menghadiri aktiviti sekolah, membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan bulanan dan masalah pengangkutan ke tempat latihan.

e) Bengkel Tarian, Muzik Kreatif Dan Kursus Teater Untuk Guru

Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati pada tahun 2003 dan 2004, tidak ada bengkel tarian, muzik kreatif dan kursus teater untuk guru diadakan kerana tidak ada dirancang pada tahun tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2005, seramai 30 atau 14.3% peserta telah mengikuti bengkel tarian kreatif berbanding dengan 210 peserta yang disasarkan dan seramai 60 orang atau 28.6% peserta daripada 210 peserta yang disasarkan mengikuti bengkel muzik kreatif.

f) Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli

Pada tahun 2003, festival tarian dan nyanyian lagu asli telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana seramai 143 orang bertanding dalam pertandingan nyanyian lagu asli dan sebanyak 26 kumpulan tarian bertanding dalam pertandingan tarian di peringkat negeri Sarawak. Manakala pada tahun 2004, seramai 50 orang bertanding dalam pertandingan nyanyian lagu asli dan sebanyak 20 kumpulan tarian bertanding dalam pertandingan tarian di peringkat Bahagian. Pada tahun 2005, seramai 32 orang menyertai pertandingan nyanyian lagu asli dan 11 kumpulan tarian pula bertanding dalam pertandingan tarian di peringkat negeri Sarawak.

g) Festival Kesenian Sekolah

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, festival kesenian sekolah telah menarik seramai 2,084 peserta yang terdiri daripada peserta yang mewakili 129 buah sekolah menengah dan sekolah rendah diseluruh negeri Sarawak.

h) Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian Secara *Ad Hoc*

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah terlibat secara langsung dalam 366 aktiviti kebudayaan dan kesenian secara *ad hoc* sama ada membuat persembahan tarian tradisional, bantuan teknikal, persembahan muzik kombo dan nyanyian untuk majlis anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan/Swasta seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Aktiviti Ad Hoc Oleh Kementerian Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Agenzi Kerajaan/Swasta	2003	2004	2005	Jumlah
Kementerian/Jabatan Negeri	58	54	92	204
Kementerian/Jabatan Persekutuan	2	7	6	15
Agenzi Kerajaan Negeri	4	25	17	46
Agenzi Kerajaan Persekutuan	2	4	4	10
Syarikat Swasta/Persatuan/Kelab	8	44	39	91
Jumlah	74	134	158	366

Sumber: Rekod Bahagian Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Persembahan secara *Ad-Hoc* ialah majlis makan malam Penyampaian Anugerah Kumpulan Meningkat Mutu Kerja Sektor Awam Dan Jamuan Pancawarna, persembahan kebudayaan sempena Majlis Makan Malam Karnival Sukan Kementerian Dalam Negeri dan lawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, persembahan kebudayaan sempena Majlis Pelancaran Jubli Delima, persembahan sempena Majlis Makan Malam Perayaan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Sarawak, persembahan kebudayaan Majlis Makan Malam Lawatan Gabenor Australia, persembahan Kebudayaan sempena Majlis Makan Malam Lawatan Presiden Indonesia dan sambutan ketibaan dan balik sempena lawatan rasmi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke Sarawak.

Sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian agak umum. Oleh itu, agak sukar untuk membuat penilaian sama ada objektif penganjuran aktiviti telah dicapai atau tidak. Ini disebabkan, pada masa sekarang Kementerian tidak menetapkan bilangan sasaran sekolah/pelajar di setiap Bahagian dan tidak ada tindakan susulan diambil terhadap perkembangan pelajar sekolah yang tamat zaman persekolahannya tetapi sebelum itu pernah menyertai aktiviti Kementerian. Oleh itu Kementerian perlu menetapkan sasaran dalam bentuk bilangan penyertaan oleh pihak sekolah, pelajar sekolah, belia lepasan sekolah, orang awam ataupun bilangan sasaran audiens. Dengan ini, Kementerian boleh merangka strategi tertentu dan membuat pemantauan terhadap aktiviti yang dilaksanakan.

Kementerian juga terlibat dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian yang tidak termasuk dalam perancangan tahunan Kementerian iaitu aktiviti secara *ad hoc*. Ini telah memberi kesan secara langsung kepada perancangan asal Kementerian hingga menyebabkan beberapa aktiviti kebudayaan dan kesenian tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Adalah disyorkan supaya sebahagian besar aktiviti *ad hoc* diseraf (*outsourcing*) kepada kumpulan/persatuan kebudayaan yang dikenal pasti dan mempunyai jalinan erat dengan Kementerian. Ini bagi membolehkan hasrat

Kementerian mencapai sasaran khusus/matlamat perancangan program dapat difokus dengan berkesan.

Pada pendapat Audit, pencapaian sasaran aktiviti yang dilaksanakan seperti yang dirancang adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana hanya sebahagian sasaran yang ditetapkan dapat dicapai kerana wujud aktiviti secara ad-hoc atas permintaan Kerajaan Negeri.

5.2.5 Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian Yang Dilaksanakan

Pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian dibuat berdasarkan kepada aktiviti yang dirancang pada awal tahun. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan/Agensi Kerajaan dan syarikat swasta untuk menganjurkan aktiviti kebudayaan dan kesenian secara *ad hoc*. Semakan Audit terhadap Jadual Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian Kementerian mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sebanyak 24 daripada 45 aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan iaitu 18 aktiviti peringkat Bahagian dan 6 aktiviti peringkat negeri Sarawak. Butiran lanjut mengenai aktiviti kebudayaan dan kesenian adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian Yang Dilaksanakan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Aktiviti	Tahun			Bil. Aktiviti Dilaksana	Bil. Tidak Dilaksana	Peringkat Aktiviti
	2003	2004	2005			
Kursus Muzik	√	√	√	3	-	Bahagian
Kursus Tarian	√	√	√	3	-	Bahagian
Kursus Teater	T/B	X	√	1	1	Bahagian
Seminar/Bengkel Jurulatih Tarian	X	X	x	-	3	-
Bengkel Fasilitator	X	X	X	-	3	-
Praktikum Seni	√	√	X	2	1	Bahagian
Persembahan Pancaragam	X	√	X	1	2	Bahagian
Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli	√	T/B	√	2	-	Bahagian/Negeri
Konsert Klasik/Jazz/Koir/Pop Orkestra	√	√	√	3	-	Bahagian
Penyelidikan	√	X	T/B	1	1	Bahagian
Bengkel Busana	X	X	T/B	-	2	-
Pertandingan Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli	T/B	√	T/B	1	-	Bahagian
Manifestasi Seni	X	X	T/B	-	2	-
Festival Teater Borneo	X	X	T/B	-	2	-
Persembahan Bangsawan	X	√	X	1	2	Negeri
Merayau	T/B	√	T/B	1	-	Bahagian
Festival Kesenian Sekolah	√	√	√	3	-	Bahagian/Negeri
Bengkel Tarian Kreatif	T/B	T/B	√	1	-	Bahagian
Kursus Teater Untuk Guru	T/B	T/B	X	-	1	-
Bengkel Muzik Kreatif	T/B	T/B	√	1	-	Bahagian
Bimbingan Lagu Asli	T/B	T/B	X	-	1	-
Jumlah	7	9	8	24	21	

Sumber: Jadual Pelaksanaan Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian, Bahagian Kebudayaan

Nota: √ - Telah Dilaksanakan x - Tidak Dilaksanakan T/B - Tidak Berkenaan

Semakan Audit terhadap fail aktiviti kebudayaan dan kesenian, rekod kehadiran peserta, tinjauan Audit ke kelas kursus/bengkel di Bahagian Kebudayaan dan lawatan ke Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Bintulu dan Sri Aman mendapati perkara berikut:

a) Program Pembangunan Seni

Aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dilaksanakan oleh Bahagian Kebudayaan di bawah program ini bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti berikut:

i) Praktikum Seni

Pada tahun 2003, praktikum seni telah dilaksanakan di 7 daripada 11 Bahagian yang dirancang iaitu di Bintulu, Mukah, Sibu, Betong, Sri Aman, Limbang dan Miri melibatkan seramai 495 orang peserta yang terdiri daripada orang awam. Pada tahun 2004 aktiviti ini telah dilaksanakan di 6 daripada 11 Bahagian yang dirancang iaitu Bahagian Bintulu, Miri, Limbang, Samarahan, Sibu dan Kapit melibatkan seramai 540 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah. Sijil penyertaan telah dianugerahkan kepada peserta yang menghadiri aktiviti ini. Sementara itu, bagi tahun 2005 aktiviti ini belum dilaksanakan di peringkat Bahagian di Sri Aman, Sarakei, Mukah dan Betong.

Jenis kursus/bengkel yang diadakan ialah Asas Muzik Tradisional, Asas Tarian Melayu, Asas Tarian Etnik, Tarian Etnik Kreatif, Asas Lagu Asli, Asas Teater, Bimbingan Lagu Asli, Tarian Tradisional Melayu (Zapin), Muzik Tradisional, Bengkel Lagu Asli, Bengkel Muzik Kreatif dan Bengkel Teater. Semakan Audit mendapati daripada 13 bengkel seni persembahan muzik yang dianjurkan, sebanyak 11 bengkel menjurus kepada muzik kreatif dan hanya 2 bengkel muzik tradisional.

ii) Kursus Tarian Tradisional

Kursus tarian tradisional yang dikendalikan oleh 3 jurulatih di Seksyen Latihan, Bahagian Kebudayaan telah dilaksanakan mengikut jadual latihan yang disediakan. Kursus ini dibahagikan kepada 2 sesi iaitu sesi pertama dari pukul 2 petang hingga 4 petang dan sesi kedua dari pukul 4 petang hingga 6 petang pada setiap hari Sabtu. Pihak Audit telah mengedarkan 24 borang soal selidik kepada peserta kursus ini dan analisis Audit mendapati hanya 54% responden berpuas hati dengan aktiviti yang dianjurkan dari segi tempat latihan, teknik pengajaran dan memahami objektif aktiviti ini diadakan. Temu bual Audit dengan pegawai yang bertanggungjawab memaklumkan bahawa kursus ini hanya diadakan pada

hari Sabtu kerana kebanyakannya pelatih adalah kakitangan awam atau pelajar sekolah. Selain itu, jurulatih juga terlibat dengan aktiviti secara *ad hoc* di mana mereka juga mengajar tarian kepada pihak Jabatan/Agensi Kerajaan atau syarikat swasta.

Selain dari Bahagian Kebudayaan, adalah didapati 4 Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian di Kuching, Kapit, Bintulu dan Sarawak juga telah melaksanakan kursus tarian. Lawatan Audit ke Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Bintulu pada awal bulan Ogos 2005 mendapati kursus tarian telah dilaksanakan seperti jadual yang telah disediakan. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit ke Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Sri Aman pada awal bulan Ogos 2005 mendapati kursus ini tidak dilaksanakan sejak tahun 2003 kerana ketiadaan jurulatih.

iii) Kursus Muzik

Pada tahun 2003 hingga 2005, kursus muzik seperti kelas dram, gitar, piano, vokal, pancaragam dan teori muzik yang dikendalikan oleh jurulatih Kementerian dan juga jurulatih luar telah dilaksanakan mengikut jadual latihan yang disediakan. Kursus muzik diadakan di Bahagian Kebudayaan pada hari Isnin hingga Ahad mulai pukul 5.30 petang hingga 7.30 malam dan pukul 7.00 malam hingga 9.00 malam bagi hari Isnin hingga Jumaat dan pukul 2.00 petang hingga 5.30 petang pada hari Sabtu dan Ahad. Temu bual Juruaudit dengan pegawai berkenaan menyatakan pelaksanaan kursus ini tidak dilaksanakan di peringkat Bahagian lain di Sarawak kerana tidak ada jurulatih dan alat muzik di Pejabat Bahagian berkenaan.

iv) Kursus Teater

Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati kursus teater tidak dilaksanakan pada tahun 2003 dan 2004 kerana tidak mendapat sambutan sungguhpun hebahan melalui siaran radio telah dibuat. Pada tahun 2005, Kementerian telah melantik seorang jurulatih luar untuk mengendalikan kursus teater dan telah mendapat sambutan di mana seramai 51 peserta telah mendaftarkan diri untuk menyertai kursus ini. Kursus ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad pada pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang.

v) Bengkel Tarian, Muzik Kreatif Dan Kursus Teater Untuk Guru

Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati pada tahun 2005, bengkel tarian dan muzik kreatif hanya dilaksanakan di Bahagian Bintulu dan Miri sahaja

dari pada 7 Bahagian yang dirancang. Bahagian lain yang tidak dilaksanakan ialah Kuching, Samarahan, Sibu, Kapit dan Limbang. Kursus teater untuk guru yang dirancang pada tahun 2005 tidak dilaksanakan. Ini adalah disebabkan kakitangan terlibat dengan aktiviti *ad hoc*.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Pembangunan Seni kurang memuaskan kerana program ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh di Bahagian lain negeri Sarawak.

b) Program Penggalakkan Kebudayaan Dan Kesenian

Aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dilaksanakan di bawah program ini ialah:

i) Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli

Festival tarian dan nyanyian lagu asli telah dilaksanakan di peringkat negeri Sarawak selama 13 tahun berturut-turut sejak tahun 1992 sebagai usaha memelihara khazanah tradisi dan membentuk identiti bangsa. Semakan Audit terhadap jadual aktiviti kebudayaan dan kesenian mendapati bahawa Kementerian telah melaksanakan Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli peringkat negeri Sarawak pada tahun 2003, Pertandingan Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli peringkat Bahagian di Sarawak bagi tahun 2004 dan Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli peringkat negeri Sarawak pada tahun 2005 seperti mana yang dirancangkan. Adalah didapati peserta juga dianugerahkan sijil penyertaan oleh Kementerian. Pemenang bagi festival tarian dan nyanyian lagu asli adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Pemenang Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Peringkat Pertandingan	Johan Festival Tari	Festival Lagu Melayu Asli		
			Peserta Terbaik Kategori Lelaki	Peserta Terbaik Kategori Wanita	Peserta Terbaik Kategori Veteran
2003	Negeri Sarawak	Kumpulan Bayu UNIMAS (Bahagian Kota Samarahan)	Adam Abu Kawi (Bahagian Sri Aman)	Suryati Bt. Bohari (Bahagian Miri)	-
2004	Bahagian Kuching	Kumpulan Kesenian Petra	Jamaluddin Bohari	Sofiah Bt. Sahi	Mohd. Rafiee Abdul Latif
	Bahagian Sri Aman	Kelab Anak Seni Sri Aman	Saifuzan Li	Hafiza Azura Bt. Mohd. Hamdan	Awg. Sahpri Hj. Awg. Halil
	Bahagian Sibu	Seni Budaya Rajang	Shamsi Abu Bakar	Sharina Bt. Hussin	Minian Bt. Mohd. Sapawi
	Bahagian Miri	Kumpulan Jentayu	Mohamed Sukri Mohd. Yusop	Norliza Bt. Usup	Hipnee Kintol
	Bahagian Sarikei	Gabungan Anak Seni Sarikei	Abdul Kadir Jolhi	Dyg. Maziah Bt. Awg. Mahdihi	Johor Naie
	Bahagian Limbang	D'Tari Lawas	Mohd. Khairul Abdul Amit	Yati Bt. Hamid	Rahmah Bt. Ahmad
	Bahagian Kapit	Kumpulan Tarita Budaya	Kong Koh Ming	Elyna Anne Saidi	Abg. Mohd. Abg. Ismail
	Bahagian Kota Samarahan	Kumpulan Bayu UNIMAS	Yahya Hj. Drahman	Hazimah Bt. Samsudin	Samsudin Chong
	Bahagian Bintulu	Sri Budaya Bintulu	Merazan Mechang	Asiah Bt. Arbi	Hajijah Bt. Rajeli
	Bahagian Mukah	Kumpulan Anak Seni Igan	-	Rabiah Bt. Openg	Ideris @ Idris Dollah
2005	Bahagian Betong	Group Impressi Seni	Shahrul Zikry Ahmad	Yami Bt. Bujang	Hajijah Bt. Latip
	Negeri Sarawak	Kumpulan Bayu UNIMAS (Bahagian Kota Samarahan)	Jamaludin Bohari (Bahagian Kuching)	Sofiah Bt. Sahi (Bahagian Kuching)	Idris @ Idris Dollah (Bahagian Mukah)

Sumber: Rekod Keputusan Rasmi Bahagian Kebudayaan

Lawatan Audit ke Bintulu pada awal bulan Ogos 2005 semasa Festival Tarian Dan Nyanyian Lagu Asli peringkat Negeri yang diadakan di Dewan Suarah Bintulu mendapati festival tersebut telah mendapat sambutan baik dari kalangan peserta dan penonton. Sebanyak 11 kumpulan tarian telah bertanding dalam pertandingan tarian dan seramai 32 peserta telah bertanding dalam pertandingan tarian dan nyanyian lagu asli. Pihak Audit juga mengedarkan 63 borang soal selidik kepada para peserta/penonton yang menghadiri pertandingan tersebut. Analisis terhadap maklumbalas responden menunjukkan 87% penonton/peserta berpuas hati terhadap festival ini dan dapat memahami objektif pertunjukan/pertandingan telah disampaikan. Seramai 55 daripada 63 responden berpendapat bahawa aktiviti ini adalah satu program yang baik yang boleh menyemai semangat kenegerian, kemasyarakatan dan pembangunan kendiri.

ii) Festival Kesenian Sekolah

Semakan Audit terhadap rekod dan jadual aktiviti mendapati bahawa festival kesenian sekolah telah dilaksanakan di peringkat Bahagian dan juga di peringkat negeri Sarawak. Aktiviti yang diadakan adalah pertandingan Drama Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, *Choral Speaking* dan tarian. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, seramai 2,084 peserta yang terdiri daripada 129 buah sekolah

menengah dan sekolah rendah telah terlibat dalam festival tersebut. Pada tahun 2003, festival kesenian sekolah telah diadakan di peringkat negeri Sarawak yang melibatkan seramai 665 peserta yang terdiri daripada peserta yang mewakili 32 buah sekolah menengah dan sekolah rendah. Manakala pertandingan tarian di peringkat Bahagian iaitu di Bahagian Bintulu, Limbang, Kapit, Sibu, Mukah dan Sarakei telah menarik seramai 387 peserta yang terdiri daripada peserta yang mewakili 28 buah sekolah menengah dan sekolah rendah. Pada tahun 2004, pertandingan tarian telah diadakan di peringkat Bahagian di Bahagian Bintulu, Sri Aman, Limbang, Sarakei, Kapit, Mukah dan Sibu yang melibatkan seramai 912 peserta yang terdiri daripada peserta yang mewakili 62 buah sekolah menengah dan sekolah rendah. Sehingga bulan Jun 2005, pertandingan tarian telah diadakan di Bahagian Bintulu yang melibatkan seramai 120 peserta yang terdiri daripada peserta yang mewakili 7 buah sekolah menengah dan sekolah rendah. Kesemua peserta yang menyertai festival kesenian sekolah juga telah dianugerah dengan sijil penyertaan oleh Kementerian.

iii) Persembahan Bangsawan

Bangsawan Sarawak merupakan khazanah seni budaya yang popular di kalangan masyarakat Melayu di negeri ini pada masa yang lalu. Peranan bangsawan bukan sekadar memberikan hiburan kesenian semata-mata tetapi untuk menanam semangat patriotisme dan menganjurkan amalan baik dan nilai murni bangsa kepada generasi muda. Kementerian telah bekerjasama dengan Medan Teater Sarawak (MANTERA) dengan mengadakan sebuah persembahan bangsawan dari sebuah karya sastera sejarah "Cucu Syarip Masahor" peringkat negeri Sarawak pada bulan Januari 2004. Persembahan teater ini yang memaparkan peristiwa yang berlaku di Sarawak pada tahun 1961 hingga 1963 iaitu ketika pembentukan gagasan Malaysia hingga ke saat bendera *Union Jack* diturunkan.

Pada pendapat Audit, aktiviti yang dilaksanakan melalui Program Penggalakkan adalah baik kerana aktiviti yang dirancang seperti festival nyanyian dan lagu asli serta festival kesenian sekolah telah dilaksanakan mengikut jadual dan mendapat sambutan daripada orang awam/pelajar.

c) Program Penyelidikan Dan Dokumentasi

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati perbelanjaan bagi program penyelidikan dan dokumentasi adalah berjumlah RM33,158. Adalah didapati satu penyelidikan telah dibuat pada akhir tahun 2003 iaitu mengenai Gendang Melayu lama dan baru di Kampung Semariang Baru,

Petra Jaya. Manakala bagi program dokumentasi, Kementerian telah membuat 28 rakaman video terhadap aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti Festival Tarian Dan Lagu Asli Peringkat Negeri Sarawak, Konsert Simfoni Klasik 'Yang Mana Satu Idaman Kalbu', Pesta Sungai Asap, Malam Ambang Merdeka dan Festival Kesenian Sekolah Peringkat Negeri Sarawak. Adalah didapati rakaman tersebut disimpan di Seksyen Sumber Dan Perhubungan Awam, Bahagian Kebudayaan sebagai bahan rujukan.

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, tidak ada buku diterbitkan oleh Kementerian berkaitan dengan warisan kebudayaan negeri Sarawak. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod penyelidikan dan dokumentasi mendapati Kementerian pernah membukukan kertas kerja hasil daripada penyelidikan oleh kakitangan Kementerian dan pengkaji/penyelidik luar yang bekerja sama dengan Kementerian. Buku yang dihasilkan adalah mengenai seni tarian seperti Ngajat Iban (1987), Asas Tarian Bidayuh (1994), Asas Tarian Melayu (1996), Asas Tarian Melanau (1997), Asas Tarian Orang Ulu (1998) dan Tepak Sambutan Majlis (1998). Manakala buku yang dihasilkan mengenai seni muzik adalah Muzik Tradisional Melayu Sarawak (1996), Alat Muzik Tradisional Selako (1997) dan Muzik Tradisional Iban (1998). Sesungguhnya usaha Kementerian untuk mendokumentasi gerak asas tarian dan peralatan muzik tradisional telah memberi manfaat kepada penggiat seni kerana ianya bukan sahaja boleh dijadikan sebagai bahan rujukan di masa hadapan tetapi yang lebih penting memupuk kesedaran masyarakat menjaga khazanah warisan budaya mereka agar tidak pupus ditelan zaman.

Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati masih terdapat sejumlah 3,594 stok buku yang diterbit pada tahun 1987 dan 1996 hingga 1998 disimpan di Seksyen Sumber Dan Perhubungan Awam. Buku tersebut perlu diagihkan kepada pihak sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi serta perpustakaan awam sebagai rujukan. Manakala, hasil penyelidikan disebar secara meluas kepada masyarakat umum.

d) Simfoni Orkestra Negeri Sarawak

Cadangan penubuhan Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah dikemukakan oleh Menteri Tugas-Tugas Khas kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada bulan Mei 1988 melalui memorandum bilangan KPS/9513. Ini adalah ekoran daripada mesyuarat penubuhan simfoni oleh Jawatankuasa *Ad Hoc* Simfoni Orkestra Negeri Sarawak pada akhir bulan Februari 1988. Pelancaran rasmi penubuhan Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah disempurnakan pada akhir bulan Mac 1989 di Dewan Suarah Kuching oleh Ketua Menteri Sarawak. Pada tahun 2005, Simfoni Orkestra

Negeri Sarawak mempunyai 11 orang kakitangan secara kontrak dan seramai 212 ahli orkestra yang terdiri daripada 112 ahli kumpulan klasik, pop orkestra seramai 41 ahli dan 59 ahli kumpulan koir. Ahli kumpulan terdiri daripada kakitangan Kementerian dan orang awam di mana hanya mereka yang dipilih sahaja akan terlibat dalam persempahan anjuran Simfoni Orkestra Negeri Sarawak.

Semakan Audit terhadap rekod Kementerian mendapati pada tahun 2003, Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah melaksanakan 3 konsert iaitu simfoni klasik, koir simfoni dan festival jazz. Pada tahun 2004, Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah melaksanakan 3 persempahan iaitu 2 persempahan koir simfoni dan 1 persempahan simfoni klasik. Manakala pada tahun 2005, Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah mengadakan 4 persempahan iaitu konsert koir simfoni yang bernama ‘Variasi Harmoni’, persempahan ‘Yang Mana Satu Idaman Kalbu’, Konsert Explorasi Pop Orkestra dan Teater Muzikal bertajuk *Trial By Jury*.

e) Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Semakan Audit terhadap jadual pelaksanaan aktiviti mendapati sebanyak 21 aktiviti atau 46.7% daripada 45 aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dirancang tidak dilaksanakan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Aktiviti yang tidak dilaksanakan ialah Kursus Teater bagi tahun 2004, Praktikum Seni di Bahagian bagi tahun 2005, Bengkel Tarian dan Muzik kreatif serta Kursus Teater Untuk Guru di Bahagian bagi tahun 2005 di bawah Program Pembangunan Seni. Manakala bagi Program Penggalakkan, aktiviti yang tidak dilaksanakan ialah Persembahan Pancaragam bagi tahun 2003 dan 2005, Manifestasi Seni bagi tahun 2003 dan 2004 dan Festival Teater Borneo bagi tahun 2003 hingga 2004. Bagi Program Latihan Dan Pendidikan, aktiviti yang tidak dilaksanakan ialah Bengkel Kejurulatihan Tarian bagi tahun 2003, 2004 dan 2005, Bengkel Fasilitator bagi tahun 2003 dan 2004 serta Bengkel Busana bagi tahun 2003 dan 2004.

Temu bual Juruaudit dengan pegawai di Bahagian Kebudayaan menyatakan sebab ianya tidak dilaksanakan adalah kerana faktor masa yang tidak mencukupi disebabkan Kementerian juga terlibat melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian secara *ad hoc* iaitu majlis yang dianjurkan oleh Jabatan/Agenzi Kerajaan lain. Secara perbandingan, pihak Audit mendapati aktiviti secara *ad hoc* adalah lebih banyak berbanding dengan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dirancang dan dilaksana oleh Kementerian. Pada tahun 2003, sebanyak 74 aktiviti secara *ad hoc* dilaksanakan berbanding 7 aktiviti dilaksanakan daripada 14 aktiviti yang dirancang. Manakala pada tahun 2004, sebanyak 134 aktiviti secara *ad hoc* dilaksanakan berbanding dengan 9

aktiviti daripada 16 aktiviti yang dirancang. Pada tahun 2005 pula mencatat sebanyak 158 aktiviti secara *ad hoc* berbanding 8 aktiviti yang dilaksana daripada 15 aktiviti yang dirancang oleh Kementerian.

Pihak Audit berpendapat pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian adalah kurang memuaskan kerana Kementerian tidak menyediakan program susulan secara terancang tanpa mengambil kira aktiviti *ad hoc*.

5.2.6 Lokasi Pusat Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching merupakan pusat pentadbiran dan pengurusan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Dengan kemudahan dan kelengkapan yang ada di kedua bangunan tersebut, Kementerian berusaha untuk memastikan matlamatnya dicapai. Lawatan Audit ke Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching mendapati beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian seperti berikut:

a) Rumah Sarawak

Sebelum ini, Pejabat Bahagian Kebudayaan telah ditempatkan di Pejabat Kebudayaan, Belia Dan Sukan Persekutuan (1973), Pusat Pelbagai Guna (1978), Wisma Bapa Malaysia (1984) dan Bangunan Yayasan Sarawak (1992). Adalah diperhatikan bangunan di Rumah Sarawak tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk sesi latihan tarian atau kelas muzik sama ada secara praktikal dan teori. Ruang legar untuk sesi latihan tarian dan raptai adalah sempit, dua daripada 4 cermin besar yang disediakan untuk penari di ruang legar telah pecah, tidak mempunyai sistem bunyi dan tidak ada tempat duduk berehat. Pemeriksaan Audit ke Bilik Kombo dan Bilik Audio mendapati ia adalah sempit untuk memuat sekumpulan pemuzik atau penyanyi semasa membuat sesi latihan di bilik berkenaan. Selain itu, peralatan muzik tidak disusun dengan teratur dalam bilik berkenaan. Keadaan Bilik Kombo yang sempit di mana keluasannya hanya 12.15 meter persegi (panjang 4.5 meter x lebar 2.7 meter x tinggi 2.75 meter) adalah tidak sesuai untuk aktiviti ini seperti di **Foto 3**.

Foto 3
Bilik Kombo Yang Sempit



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sarawak

Tarikh : 28.07.2005

Lokasi : Bilik Kombo, Rumah Sarawak

b) Rumah Sri Kuching

Lawatan ke Rumah Sri Kuching mendapati bangunan tersebut digunakan sebagai tempat untuk sesi latihan koir dan piano. Bagaimanapun, adalah diperhatikan papan lantai tempat sesi latihan agak usang dan ini membahayakan para pelatih yang berlatih di sana. Ini disebabkan oleh papan lantai telah reput kesan daripada kurangnya penyenggaraan di mana papan yang buruk tidak diganti dengan yang baru. Selain itu, ianya disebabkan oleh kesan air hujan akibat atap yang bocor.

Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati Kementerian telah merancang di bawah RMK-9 untuk mewujudkan satu Pusat Kebudayaan Dan Kesenian di Kompleks Dewan Undangan Negeri dengan anggaran kos RM3 juta. Pusat pentadbiran kebudayaan dan kesenian negeri Sarawak akan memberi manfaat besar ke arah pembangunan kebudayaan dan kesenian agar selaras dengan perkembangan dan kemajuan yang dicapai di peringkat nasional. Ia akan menjadi pusat kegiatan dan tempat bagi sesi latihan dan persembahan di samping menyedia ruang dan peluang bagi anak remaja melibatkan diri dalam aktiviti sihat. Kemudahan yang disediakan adalah sebuah panggung teater 2 tingkat yang mempunyai kapasiti 800 tempat duduk di mana auditorium utama mampu memuatkan 550 tempat duduk dan tingkat atas mempunyai 250 tempat duduk. Selain itu, dua buah studio untuk

raptai tarian dan teater yang mempunyai *ballet bars*, *sprung floor* dan cermin, sebuah studio raptai orkestra, bilik mesyuarat, bilik kuliah, perpustakaan dan galeri pameran.

Pada pendapat Audit, pusat aktiviti kebudayaan dan kesenian adalah kurang sesuai kerana tempat sesi latihan yang sempit dan tidak mempunyai sistem bunyi yang baik.

5.2.7 Pengurusan Peralatan Muzik Dan Kostum

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM294,847 atau 70.37% daripada RM418,973 peruntukan yang diterima untuk membeli peralatan muzik dan sejumlah RM489,194 daripada RM614,374 atau 79.62% peruntukan yang diterima untuk membeli kostum. Manakala Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah membelanjakan sejumlah RM158,632 untuk pembelian peralatan muzik.

Kementerian telah menyediakan 5 bilik untuk diguna sebagai stor di Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching bagi memudahkan pengurusan peralatan muzik dan kostum. Stor peralatan muzik adalah untuk menyimpan alat muzik tradisional/moden dan stor tatacahaya untuk menyimpan alat siaraya/tatacahaya, stor tarian untuk menyimpan kostum, stor alat tarian untuk menyimpan peralatan tarian dan stor pinjaman untuk menyimpan kostum tradisional dan aksesori. Seksyen Akaun Dan Stor bertanggungjawab menyimpan rekod peralatan muzik dan kostum, manakala Seksyen Teknik Dan Workshop bertanggungjawab memastikan peralatan muzik, siaraya dan tatacahaya direkod dan peralatan disediakan untuk sesuatu persembahan. Lawatan Audit ke Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching mendapati perkara seperti berikut:

a) Peralatan Muzik

Peralatan muzik dikendalikan oleh seorang Pembantu Tadbir Gred N17 dan seorang Artis Budaya Gred B17 yang bertanggungjawab merekod dan mengemaskini semua peralatan muzik yang ada di Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching. Peralatan muzik dibahagikan kepada 2 jenis iaitu alat muzik tradisional dan alat muzik moden. Alat muzik tradisional terdiri kepada canang, tawak, gong, ukulele, rebana dan beduk. Manakala alat muzik moden terdiri daripada gitar, dram, *keyboard*, piano, tamborin dan sebagainya.

i) Stor Peralatan Muzik Tradisional, Bilik Kombo, Bilik Audio dan Bilik Suntingan

Stor peralatan muzik tradisional adalah untuk menyimpan alat muzik tradisional antaranya engkoromong, gendang, gong papan dan sape. Semakan Audit

mendapati Daftar Induk Inventori ada diselenggara. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan bilangan dan nilai alat muzik tradisional yang terdapat di bilik tersebut kerana Daftar Inventori Induk yang diselenggarakan tidak kemaskini. Contohnya, pembelian peralatan muzik yang tidak direkodkan adalah 4 unit beduk kulit lembu bernilai RM6,000 dan 1 unit ukulele bernilai RM290 yang dibeli pada bulan Jun 2003, satu set (8 unit) engkromong bernilai RM4,150 dan 2 unit canang bernilai RM2,200 serta 2 unit tawak bernilai RM5,400 yang dibeli pada bulan Disember 2004.

Bilik kombo terbahagi kepada 2 untuk menempatkan peralatan muzik. Bilik kombo digunakan untuk sesi latihan dan raptai sebelum sesebuah persembahan. Peralatan yang disimpan adalah dram, pembesar suara, *keyboard* dan mikrofon kecuali gitar yang disimpan oleh para pemuzik. Temu bual dengan kakitangan memaklumkan mereka diberi kebenaran dan dipertanggungjawabkan menyimpan sendiri peralatan muzik tersebut. Semakan Audit mendapati senarai alat muzik yang digunakan ada diselenggarakan.

Lawatan Audit juga dilakukan di Bilik Audio yang digunakan untuk tujuan rakaman lagu dan sesi latihan nyanyian. Alat muzik yang disimpan antaranya perakam suara, pembesar suara dan mikrofon. Manakala pemeriksaan Audit ke Bilik Suntingan mendapati bilik tersebut dilengkapi dengan peralatan untuk menyunting lagu dan rakaman video. Bagaimanapun, semakan lanjut Audit mendapati rekod untuk peralatan tidak disediakan untuk 2 bilik tersebut. Oleh sebab itu, pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah dan nilai sebenar peralatan di bilik berkenaan. Pihak Audit juga mendapati peralatan muzik belum dicap ‘Hak Milik Kerajaan’ dan tidak ditanda nombor inventori seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991.

ii) Stor Siaraya Dan Stor Tatacahaya

Pemeriksaan Audit ke stor siaraya dan stor tatacahaya mendapati peralatan siaraya seperti *power amplifier*, *mixer*, *cable electric*, mikrofon, pembesar suara, pemproses digital dan *sport light* ditempatkan di ruang yang agak sempit dan tidak disusun dengan teratur mengikut jenis dan saiz. Walaupun Daftar Inventori Induk ada diselenggarakan tetapi ianya tidak dikemaskini di mana peralatan sistem siaraya yang dibeli pada bulan Disember 2004 seperti 1 unit *Digital Mixing Console-Yamaha*, satu unit *Audio Workstation*, dua puluh unit mikrofon dan 1 unit *accordian* bernilai RM34,710 tidak direkod ke dalamnya. Semakan fizikal mendapati 10 unit pembesar suara, lima unit *equalizer*, dua unit *crossover*, tujuh

puluh tujuh unit *bulb*, satu unit *double cassette deck* dan 2 unit *snake cable* yang rosak dan nilainya tidak diketahui belum diambil tindakan untuk pelupusan.

iii) Stor Di Rumah Sri Kuching

Lawatan Audit ke Rumah Sri Kuching yang terletak di Jalan Taman Budaya mendapati terdapat sebuah stor untuk menyimpan peralatan muzik yang telah rosak. Pemeriksaan Audit mendapati stor tersebut juga menempatkan alat tarian/*prop* seperti kerusi, meja, kayu, besi dan kain rentang yang telah diguna pakai selepas sesuatu acara diadakan. Peralatan muzik di Rumah Sri Kuching yang rosak dan belum diambil tindakan untuk pelupusan adalah seperti di **Foto 4**.

Foto 4
Peralatan Muzik Yang Rosak Di Rumah Sri Kuching



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sarawak

Tarikh : 28.07.2005

Lokasi : Rumah Sri Kuching

Adalah didapati pihak Kementerian belum mengambil tindakan segera untuk melupuskan peralatan muzik yang telah rosak dan peralatan tarian seperti kayu/besi buruk yang berlonggok di Rumah Sri Kuching selaras dengan arahan yang terkandung dalam Memorandum Pekeliling Bersama bertarikh 10 Jun 1998 daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

b) Kostum

Semua kostum, alat tarian dan aksesori pakaian disimpan di 3 buah stor iaitu stor tarian, stor alat tarian dan stor pinjaman di Rumah Sarawak. Bagi setiap stor, seorang pegawai telah dilantik untuk menyimpan, merekod dan menyenggara kostum yang

digunakan oleh para penari atau untuk pinjaman oleh orang awam. Cara penyimpanan rekod pula dikategorikan mengikut pakaian suku kaum. Kostum suku kaum Iban, Bidayuh, Melanau, Melayu dan Orang Ulu adalah antara koleksi yang ada di dalam simpanan Kementerian. Ada juga pakaian suku kaum yang lain seperti Cina, India, Jawa, Barat atau tarian kreatif disimpan dan akan digunakan mengikut kesesuaian majlis dan permintaan pihak pengajur.

i) **Stor Tarian**

Stor tarian menempatkan kostum untuk kegunaan para penari. Stor tersebut dilengkapi dengan almari untuk menyimpan kostum, aksesori pakaian dan juga kain untuk membuat kostum. Lawatan Audit mendapati stor tersebut tidak dapat menampung kesemua kostum kerana ruangnya agak sempit hingga menyebabkan beberapa kostum dan aksesori pakaian seperti sanggul cucuk, sugu tinggi dan tali pinggang disimpan dalam bekas plastik dan kotak. Cara penyimpanan sebegini akan menyebabkan pakaian terkoyak dan perhiasan pada kostum tertanggal. Selain itu, adalah diperhatikan sebanyak 22 gulung kain satin pelbagai warna yang dianggarkan bernilai RM5,000 yang dibeli pada tahun 2004 masih disimpan di stor. Manakala semakan fizikal terhadap kostum dan rekod yang diselenggarakan mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- Buku rekod untuk pakaian ada diselenggarakan tetapi tidak kemaskini di mana tarikh pembelian dan amaun yang terlibat tidak dicatat ke dalam buku tersebut.
- Tidak ada rekod diselenggarakan untuk peralatan kostum seperti tali pinggang, rantai, anting-anting, cucuk sanggul, gelang, penghias tangan, sugu tinggi, pin baju dan gelang kaki.
- Pihak Audit dimaklumkan juga bahawa sesetengah kostum disimpan oleh para penari di rumah masing-masing. Bagaimanapun tidak ada rekod pinjaman diselenggarakan dan ini boleh menyebabkan kemungkinan kostum hilang, rosak atau terlupa untuk dikembalikan.

ii) **Stor Alat Tarian**

Stor alat tarian menempatkan peralatan tarian seperti parang ilang, lesung kayu, terabai, tepak sirih dan lampu pelita. Lawatan Audit mendapati peralatan tarian disimpan di stor yang agak kecil dan sempit menyebabkan beberapa alat tarian lain seperti bakul, raga dan bубу diletakkan di tepi sudut almari. Memandangkan alat tarian diperbuat daripada rotan dan kayu dan memerlukan pengudaraan yang mencukupi, Kementerian perlu menimbang semula mewujudkan stor yang lebih sesuai bagi mengelakkan kerosakan pada struktur dan warna alat tarian dan berlakunya serangan anai-anai dan kulat yang boleh merosakkan bentuk asal alat

tarian. Keadaan peralatan tarian yang tidak tersusun di Stor Alat Tarian adalah seperti di **Foto 5**.

Foto 5
Peralatan Tarian Yang Tidak Tersusun Di Stor Alat Tarian



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sarawak
Tarikh : 28.07.2005
Lokasi : Stor Alat Tarian, Rumah Sarawak*

Temu bual Audit dengan kakitangan tersebut menyatakan beliau hanya dipertanggungjawab untuk menjaga stor alat tarian pada tahun 2005 dan senarai rekod alat tarian tidak diserahkan kepada beliau oleh kakitangan yang sebelumnya.

iii) Stor Pinjaman

Stor pinjaman pula digunakan untuk menyimpan kostum tradisional dan aksesori pelbagai suku kaum di Sarawak untuk dipinjamkan sama ada kepada pihak sekolah, Agensi Kerajaan, pihak swasta atau orang perseorangan. Lawatan Audit ke stor pinjaman mendapati ruang stor agak sempit dan panas serta tidak sesuai untuk menyimpan kostum tradisional dan aksesori pakaian kerana persekitaran sebegini boleh merosakkan warna dan struktur kostum/aksesori tersebut. Keadaan kostum yang tidak tersusun di Stor Pinjaman adalah seperti di **Foto 6**.

Foto 6
Kostum Yang Tidak Tersusun Di Stor Pinjaman



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sarawak

Tarikh : 28.07.2005

Lokasi : Stor Pinjaman, Rumah Sarawak

Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati rekod pinjaman adalah tidak kemas kini kerana kostum yang telah dikembalikan ke stor tidak dicap "Sudah Dipulangkan" sebaliknya borang pinjaman dibatalkan dengan garisan palang untuk menunjukkan barang telah dipulangkan. Selain itu, rekod tidak menunjukkan bila tarikh kostum yang dipinjam diserahkan kembali ke stor pinjaman. Temu bual Audit dengan kakitangan berkenaan mengatakan beliau mengambil alih tugas sebagai penjaga stor pada tahun 2004 dan rekod yang sedia ada diserahkan oleh pegawai yang terdahulu.

Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan muzik dan kostum adalah tidak memuaskan.

5.2.8 Prestasi Kewangan

a) Pengurusan Peruntukan Yang Diterima

Pada tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM7.81 juta atau 77.02% telah dibelanjakan berbanding dengan sejumlah RM10.14 juta peruntukan yang diterima bagi menjalankan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Perbelanjaan yang dibuat adalah meliputi pembayaran emolumen, upah, sagu hati, elauan makan, kos sewa pengangkutan, publisiti, pembelian peralatan muzik dan pembelian kostum. Simfoni Orkestra Negeri Sarawak pula menerima geran tahunan daripada Kementerian

Pembangunan Sosial dan Urbanisasi. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Simfoni Orkestra Negeri Sarawak telah menerima geran sejumlah RM2.32 juta untuk menguruskan aktiviti harian. Geran ini dibankkan ke dalam akaun Simfoni Orkestra Negeri Sarawak dan diuruskan oleh pihak Kementerian.

Bagi tempoh yang sama, Kementerian telah menerima 49 waran peruntukan sejumlah RM3.88 juta daripada Jabatan Ketua Menteri, Unit Perancang Negeri dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dan Pelancongan untuk membiayai perbelanjaan persembahan kebudayaan berkenaan. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM3.41 juta atau 87.88% telah dibelanjakan. Semakan lanjut Audit mendapati terimaan dalam bentuk waran peruntukan daripada Jabatan Kerajaan telah diuruskan dengan teratur.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang diterima telah diuruskan dengan baik di mana tidak ada perbelanjaan melebihi peruntukan yang berlaku.

b) Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Kerja/Perkhidmatan

Semakan Audit di Bahagian Kebudayaan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 mendapati perkara berikut:

i) Pembelian Terus

Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM499,065 bagi membeli alat ganti peralatan muzik, pakaian ahli koir, pembelian kostum, alat tarian/prop, perkhidmatan kenderaan dan perkhidmatan mencuci pakaian melalui pembelian terus. Bagaimanapun, adalah didapati pembelian terus melalui 10 baucar bayaran yang bernilai RM111,925 telah dibuat tanpa mempelawa sebut harga sedangkan perolehan/pembelian barang adalah sama dan melebihi RM10,000. Pembelian tersebut adalah bagi membekal belon perhiasan, kos perkhidmatan membekal alat kelengkapan, kos perkhidmatan menyediakan makanan dan minuman, kos pemberian pembesar suara dan pembelian peralatan muzik. Menurut peraturan Kerajaan, pembelian/perolehan mana-mana barang yang sama/berkaitan pada tahun yang sama dan jumlahnya melebihi RM10,000 hendaklah dibuat secara sebut harga.

ii) Sebut Harga

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 17 sebut harga telah dikeluarkan oleh Kementerian yang bernilai RM489,507 bagi pembelian peralatan muzik, pembesar suara dan peralatan siaraya. Adalah didapati 9 sebut harga berjumlah RM207,914

telah mendapat pengecualian sebut harga daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri seperti kos penyediaan *sound system*, sewa projektor, memasang lampu perhiasan dan kos menyedia lampu limpah.

Manakala 8 sebut harga yang berjumlah RM281,593 tidak dibuat dengan teratur kerana pembelian dibuat tanpa melalui Jawatankuasa Sebut Harga dan kaedah perolehan secara sebut harga yang ditetapkan tidak diikuti seperti tidak ada daftar sebut harga disediakan, tidak ada jadual sebut harga diterima, tidak ada laporan penilaian sebut harga dan keputusan pemilihan sebut harga/pembekal dibuat oleh Bahagian Kebudayaan tanpa merujuk kepada Kementerian. Semakan lanjut Audit mendapati 2 daripada 8 sebut harga yang bernilai RM49,520 dan RM41,908 setiap satu yang dibuat pada bulan Januari 2004 merupakan pembelian item yang sama iaitu membekal peralatan siaraya. Pihak Kementerian sepatutnya mengurus pembelian tersebut melalui tender. Menurut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, penjawat awam adalah tidak dibenarkan sama sekali memecah kecilkan nilai perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan bagi mengelakkan prosedur perolehan yang berkuatkuasa. Semasa pemeriksaan Audit di Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Bahagian Sri Aman juga mendapati perolehan perkhidmatan yang dibuat pada awal bulan Jun 2005 bagi sewaan *power amplifier system* dan *lighting system* berjumlah RM11,900 sempena pentas rakyat juga telah dibuat tanpa mempelawa sebut harga.

iii) Tender

Sebanyak 6 tender berjumlah RM716,315 telah dikeluarkan oleh Kementerian bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Semakan Audit mendapati 5 tender berjumlah RM655,315 telah mendapat pengecualian proses tender iaitu bagi sewaan *sound system*, pertunjukan bunga api, menyediakan lampu limpah dan memasang belon perhiasan. Manakala 1 tender yang dibuat pada bulan September 2004 berjumlah RM61,000 bagi sewaan *sound system* dan *ground support truss* masih belum dibayar oleh Kementerian kerana peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bekalan atau kerja/perkhidmatan dan pengurusan pembayaran adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana pengurusan sebut harga tidak dibuat dengan teratur seperti tidak ada daftar sebut harga disediakan, tidak ada jadual sebut harga diterima dan tidak ada borang penilaian

sebut harga. Sementara itu, terdapat perolehan pada tahun 2004 belum dijelaskan lagi.

5.2.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian berjalan dengan lancar, Kementerian telah merangka keperluan guna tenaga berdasarkan struktur pengurusan dan program latihan kakitangan seperti di bawah:

a) Struktur Pengurusan Di Bahagian Kebudayaan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri telah meluluskan sebanyak 14 jawatan bertaraf tetap. Daripada jumlah tersebut hanya 10 sahaja yang diisi iaitu 6 orang bertugas di Bahagian Kebudayaan bagi jawatan Pegawai Tadbir Gred N48, Pegawai Kebudayaan Gred B41, tiga Pembantu Tadbir Gred N17/S17 dan seorang Pembantu Tadbir Rendah Gred N11. Tetapi 4 orang lagi telah ditempatkan di Ibu Pejabat Kementerian iaitu seorang Pegawai Tadbir Gred N41, dua Pembantu Tadbir Gred N17/S17 dan seorang Pemandu Kenderaan Gred R1. Selain dari penglibatan pegawai bertaraf tetap untuk menguruskan aktiviti kebudayaan dan kesenian, Kementerian telah melantik 89 orang kakitangan secara kontrak yang terdiri daripada pelbagai jawatan seperti Pegawai Penyelidik, Pegawai Muzik, Penolong Pegawai Penyelidik, Pemuzik, Penyanyi, Ketua Jurulatih, Jurulatih Tarian, Penolong Jurulatih Tarian, Pembantu Jurulatih Tarian, Penari, Juruteknik, Artis Budaya, Penyelia Stor, Jaga, Pekerja Am, Pembersih Pejabat, Penolong Pengurus dan Jurulatih Muzik.

Bagaimanapun, seramai 17 kakitangan secara kontrak iaitu seorang Pegawai Muzik Gred B41, dua Penolong Pegawai Penyelidik Gred B27, dua artis budaya Gred B17, 9 artis budaya Gred B11, seorang pembersih pejabat Gred R1, seorang Penolong Pengurus Gred B27 dan seorang Jurulatih Muzik Gred B27 telah ditempatkan di bahagian lain seperti Bahagian Pentadbiran, Kewangan Dan Sumber, Bahagian Sukan, Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Kuching, Simfoni Orkestra Negeri Sarawak dan Pejabat Sudut Pertemuan Remaja. Adalah disyorkan supaya jawatan yang belum diisi iaitu jawatan Pegawai Tadbir Gred S41/N41, Pengajar Budaya Kanan Gred B27 dan 2 Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 diisikan segera. Manakala 4 pegawai/kakitangan tetap termasuk 17 orang kakitangan secara kontrak yang dipindah ke Bahagian lain perlu dikaji semula dan dikembali ke Bahagian Kebudayaan. Ini bertujuan memastikan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan ke arah mencapai objektif yang ditetapkan.

Organisasi Simfoni Orkestra Negeri Sarawak pula terdiri daripada 1 orang pegawai berjawatan tetap dan 10 orang kakitangan secara kontrak. Ia diketuai oleh seorang

Ketua Seksyen Gred S17 (tetap), seorang Penolong Pengurus Gred B27 (kontrak), seorang penyelaras Gred B41 (kontrak), 2 orang Artis Budaya Gred B17, seorang Konduktor Muzik Gred B41(sepenuh masa), dua orang Konduktor Muzik Gred B41 (separuh masa) dan 3 orang pemuzik Gred B11 yang dilantik secara sambilan. Sehingga kini Seksyen Klasik mempunyai ahli seramai 112 orang, Seksyen Jazz/pop mempunyai 41 orang dan Seksyen Koir mempunyai 59 orang ahli. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Lembaga Pengurusan dan Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan seperti yang dirancang pada awal penubuhan Simfoni Orkestra Negeri Sarawak.

Pada pendapat Audit, kakitangan tetap adalah tidak mencukupi kerana perjawatan hanya tertumpu di Bahagian Kuching sahaja.

b) Pengurusan Pengambilan Kakitangan Secara Kontrak

Menurut Perintah Am Kerajaan Negeri 1996, Perenggan 32 menyatakan seseorang pegawai boleh dilantik secara kontrak ke sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam untuk tempoh tertentu dan tertakluk kepada syarat kontrak. Kerajaan Pusat juga telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2003 sebagai rujukan kepada Agensi awam dalam urusan pelantikan kakitangan secara kontrak.

Berikutan dengan beban kerja harian untuk melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian yang semakin meningkat, Kementerian telah mengambil seramai 89 kakitangan secara kontrak. Kos pembayaran gaji kakitangan ini bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah berjumlah RM2.50 juta. Mengikut amalan yang dipraktikkan oleh Kementerian, pemohon menulis surat kepada Kementerian dan mengemukakan *resume*. Panel temuduga Kementerian kemudiannya akan mempertimbangkan permohonan mereka dan diuji bakat mengikut jawatan yang dipohon. Bagi kakitangan secara kontrak yang telah berkhidmat dan masih ingin meneruskan perkhidmatan, mereka perlu memaklumkan kepada Kementerian secara bertulis 3 bulan sebelum tamatnya kontrak mereka.

Semakan Audit terhadap 89 fail perjanjian kontrak mendapati tempoh pelantikan artis kebudayaan yang berkhidmat dengan Kementerian secara kontrak sama ada 1 tahun atau melebihi 1 tahun adalah berdasarkan syarat yang terkandung di dalam perjanjian kontrak mereka dengan Kementerian. Selain itu, gaji yang dibayar adalah berdasarkan kepada Skim Perkhidmatan Bakat Dan Seni iaitu Gred B11 sehingga Gred B41 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002. Mereka hanya dibayar gaji pokok sahaja tanpa sebarang elaun lain kecuali elaun perbatuan

dan elaun lebih masa termasuk elaun makan dan elaun lojing sekiranya diarah bertugas di luar stesen. Kadar cuti rehat juga ditetapkan berdasarkan gred jawatan yang disandang.

Bagaimanapun, semakan lanjut Audit terhadap 18 fail peribadi kakitangan secara kontrak mendapati 7 perjanjian kontrak perkhidmatan tidak disimpan dalam fail peribadi kakitangan. Manakala 4 perjanjian kontrak lagi, cuma ditandatangani oleh kakitangan berkenaan dan saksi sahaja dan tidak ditandatangani oleh Setiausaha Tetap atau pihak yang diberi kuasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengambilan kakitangan kontrak tidak memuaskan kerana kekosongan jawatan tidak diiklankan dan perjanjian kontrak tidak ditandatangani atau di simpan dalam fail peribadi kakitangan.

c) Latihan Untuk Kakitangan

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, empat orang pegawai berjawatan tetap dari Bahagian Kebudayaan telah menghadiri kursus/bengkel yang diadakan oleh Jabatan Ketua Menteri melalui *Centre For Modern Management*. Kursus tersebut adalah Seminar Kesedaran Dan Tanggungjawab Sosial, *Workshop On Development Of Program Activities For 2005, Event Management* dan Penerangan tentang Data Entry BSC. Manakala seramai 11 kakitangan secara kontrak telah menghadiri pelbagai kursus dan taklimat yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Menteri, Majlis Hal Ehwal Pengguna & Biro Wanita, Persatuan Perancang Keluarga Tabung Baitulmal Sarawak dan juga Kementerian sendiri. Kursus dan latihan tersebut adalah seperti Kursus Komputer, Kursus Celik IT, Bimbingan Fasilitator, Kursus Pengacara Majlis, Seminar Pendidikan Pengguna Dan Dialog Bersama Pemimpin dan Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja.

Pada pendapat Audit, latihan yang diberikan kurang memuaskan kerana ianya tertumpu kepada pengurusan dan pentadbiran pejabat sahaja.

5.2.10 Publisiti

Publisiti memainkan peranan penting untuk memastikan maklumat aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dianjurkan dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan. Kementerian telah menggunakan pelbagai kaedah publisiti iaitu iklan dan artikel di surat khabar, liputan berita menerusi siaran radio dan televisyen dan kain rentang atau banting untuk menyalurkan maklumat aktiviti kebudayaan dan kesenian yang akan dilaksanakan. Semakan Audit terhadap fail, keratan surat khabar dan juga

baucar bayaran mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM54,399 telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi mengadakan 60 kali publisiti iaitu 11 kali menerusi iklan atau artikel surat khabar, dua belas kali liputan berita menerusi siaran radio atau televisyen, dua puluh dua kali melalui bahan cetakan iaitu kain rentang/banting dan 11 kali melalui surat rasmi Kementerian kepada 11 sekolah yang dipilih.

Semakan Audit terhadap baucar bayaran Simfoni Orkestra Negeri Sarawak mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM52,562 telah dibelanjakan bagi mengadakan 34 kali iklan melalui surat khabar dan kain rentang/banting untuk tujuan mempromosi konsert simfoni dan aktiviti anjuran Kementerian. Sejumlah RM14,507 telah dibelanjakan pada tahun 2003 untuk 2 kali iklan di surat khabar tempatan, lima kali iklan melalui kain rentang/banting untuk 4 konsert simfoni dan 2 aktiviti kebudayaan dan kesenian anjuran Kementerian. Manakala pada tahun 2004, sejumlah RM17,821 telah dibelanjakan untuk 6 kali iklan di surat khabar tempatan dan 5 kali iklan melalui kain rentang/banting untuk 8 konsert simfoni. Sementara pada tahun 2005, sejumlah RM20,234 telah dibelanjakan untuk 10 kali iklan di surat khabar tempatan dan 7 kali iklan melalui kain rentang/banting bagi konsert simfoni dan juga aktiviti kebudayaan dan kesenian Kementerian.

Pada pendapat Audit, usaha Kementerian untuk mempromosikan aktiviti kebudayaan dan kesenian adalah memuaskan.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian boleh dipertingkatkan lagi dalam usaha Kerajaan melahirkan satu bangsa yang bersatu padu dan seterusnya mencirikan sifat persamaan yang melampaui batas kebudayaan kesukuan/kaum. Penyelidikan dan pendokumentasian pula telah memberi kebaikan kepada Kementerian dalam usahanya mempertahan dan mengekalkan susur galur kebudayaan dan kesenian sesuatu suku kaum daripada tercemar/terhakis oleh arus pemodenan. Bagaimanapun, Kementerian perlu menimbang semula penstrukturran perjawatan di Bahagian Kebudayaan, penempatan pusat pentadbiran/latihan yang lebih sesuai dan memberi perhatian serius terhadap kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset.

5.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting. Sekiranya pengurusan aktiviti kebudayaan dan kesenian dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian boleh mengenal pasti kelemahan dan masalah di peringkat awal seterusnya mengambil tindakan serta merta untuk mengatasi masalah yang mungkin timbul.

5.3.1 Mesyuarat Pengurusan

Di peringkat Kementerian, pemantauan dilaksanakan dengan mengadakan mesyuarat mingguan Pegawai Kanan Kementerian yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kementerian telah mengadakan mesyuarat sebanyak 54 kali. Perkara yang dibincangkan adalah mengenai aktiviti yang telah, sedang berjalan atau aktiviti yang akan dilaksanakan. Perkara yang disentuh antaranya aktiviti semasa, masalah pengangkutan serta masalah gangguan bunyi dan lampu semasa persembahan.

Di peringkat Bahagian Kebudayaan, pemantauan dilakukan melalui mesyuarat yang dipengerusi oleh Pegawai Kebudayaan dan dihadiri oleh kakitangan kebudayaan yang terlibat dalam setiap aktiviti kebudayaan dan kesenian. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, mesyuarat aktiviti kebudayaan dan kesenian telah dibuat sebanyak 61 kali bagi membincangkan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan, masalah pengangkutan, pembahagian tugas dan aktiviti Simfoni Orkestra Negeri Sarawak.

5.3.2 Laporan Aktiviti

Mengikut Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 1997 dan kertas minit rujukan KPS/8576/1 bertarikh 6 Mac 1997 dan 15 Disember 2000 yang dikeluarkan oleh Kementerian, laporan aktiviti yang meliputi laporan perbelanjaan sebenar, senarai peserta dan salinan borang penilaian daripada peserta kursus hendaklah dikemukakan kepada Kementerian sejurus setiap aktiviti selesai dilaksanakan. Semakan Audit terhadap fail yang diselenggarakan oleh Kementerian mendapati pada tahun 2003, hanya Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Sarakei yang mengemukakan laporan aktiviti kepada Bahagian Kebudayaan dan pada tahun 2004 hanya 2 Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian iaitu Sri Aman dan Betong. Manakala pada tahun 2005, tidak ada laporan aktiviti yang dikemukakan oleh mana-mana Bahagian.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti kebudayaan dan kesenian di peringkat Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian adalah tidak memuaskan.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian. Usaha Kementerian untuk membangun dan mempergiatkan kebudayaan tempatan dan adat resam, memperkayakan kualiti hidup

masyarakat seiring dengan pembangunan sosio ekonomi, menzahirkan falsafah seni budaya bangsa yang unggul serta mengungkapkan wadah dan citra bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan suku kaum menerusi aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dilaksanakan amatlah dipuji. Bagaimanapun, usaha ke arah mencapai matlamat Kementerian tersebut boleh dipertingkatkan lagi. Sehubungan itu, Kementerian adalah disyorkan:

- i) Menyediakan tempat/kemudahan yang lebih sesuai sebagai pusat pentadbiran, latihan dan dewan agar aktiviti kebudayaan dan kesenian berjalan dengan lancar;
- ii) Menjalankan kajian secara terperinci untuk menentukan sebab penglibatan masyarakat yang amat kurang dan seterusnya mempertingkatkan usaha publisiti agar aktiviti yang diadakan sampai kepada lebih ramai kumpulan sasaran;
- iii) Mengkaji semula penstrukturran perjawatan di Bahagian Kebudayaan dan menyediakan garis panduan yang komprehensif mengenai pengambilan kakitangan secara kontrak;
- iv) Meningkatkan kawalan pengurusan perbelanjaan dan pengurusan aset; dan
- v) Meningkatkan pemantauan terhadap aktiviti kebudayaan dan kesenian.

JABATAN KERJA RAYA

PENYENGARAAN JALAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

7.1 Jalan Negeri mengikut Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994) merangkumi semua jalan masuk, jalan bawah tanah, persimpangan, bulatan dan semua jalan awam lain yang boleh dilalui selain Jalan Persekutuan. Jabatan Kerja Raya Sarawak (Jabatan) adalah dipertanggungjawab untuk menjaga dan menyenggara kesemua jalan yang diletakkan di bawah pentadbirannya iaitu meliputi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Cawangan Jalan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya telah diberi tanggungjawab tersebut dengan dibantu oleh Jabatan Kerja Raya Bahagian. Fungsi Jabatan antara lain adalah merancang dan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan dan pemantauan bagi memastikan jalan yang diguna berada dalam keadaan baik dan selamat. Objektif penyenggaraan Jalan Negeri adalah untuk memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Sehingga akhir tahun 2005, ada sepanjang 4,731 kilometer Jalan Negeri di seluruh Sarawak yang terdiri daripada jalan berturap dan jalan tidak berturap telah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan.

7.2 Kerajaan Negeri menerima pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun berdasarkan kepada Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan Jalan Negeri. Jarak Jalan Negeri yang menjadi asas tuntutan pemberian tersebut daripada Kerajaan Persekutuan adalah dikira dari Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Malaysia Road Record Information System - MARRIS) yang disediakan oleh Jabatan. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan ini diakaunkan ke Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (State Road Maintenance Fund) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9(3) Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61). Penyenggaraan Jalan Negeri meliputi penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala seperti kerja menampal jalan, membaru muka jalan, menyenggara bahu jalan, memotong rumput, membaiki jambatan, pembetung dan membersih longkang. Pada tempoh tahun 2003 hingga 2005, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM197.36 juta daripada sejumlah RM209.06 juta pemberian Penyenggaraan Jalan yang diterima bagi menampung kos penyenggaraan jalan kepada pihak kontraktor dan lain-lain aktiviti penyenggaraan.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada penyenggaraan Jalan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

9. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Kajian Audit terhadap Penyenggaraan Jalan Negeri dibuat adalah berdasarkan kepada geran tahunan yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah tinggi dan pelaksanaan penyenggaraannya pula telah diswastakan. Skop pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan secara kontrak bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Pengauditan yang dijalankan melibatkan tempoh kontrak jangka panjang selama 15 tahun. Pengauditan dijalankan di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu. Pemilihan Bahagian ini dibuat berdasarkan kepada jumlah panjang Jalan Negeri yang melebihi 60% daripada keseluruhan panjang Jalan Negeri di Sarawak. Semakan dan analisis Audit dijalankan terhadap fail, dokumen perjanjian kontrak, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Sarawak, Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu. Fail dan dokumen bagi tahun sebelumnya juga disemak. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan dan lawatan Audit ke lokasi jalan yang dipilih juga dijalankan.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teratur dan tersusun adalah penting bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan lancar. Perancangan projek meliputi aspek berikut:

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri Sarawak memutuskan untuk menswastakan penyenggaraan Jalan Negeri bagi menyediakan kemudahan dengan lebih cekap dan sempurna. Bagi memenuhi hasrat ini, jalan raya yang sedia ada perlu dipelihara dan dijaga dengan baik. Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri secara penswastaan. Penswastaan ini bertujuan supaya pengurusan penyenggaraan Jalan Negeri dapat dilaksanakan oleh Jabatan dengan lebih cekap dan sekaligus dapat memberi lebih tumpuan kepada kerja penyenggaraan Jalan Negeri.

10.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Pengurusan penyenggaraan Jalan Negeri adalah tertakluk kepada perjanjian kontrak, Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994), Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Arahan Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri 1995 (The State Road Maintenance Fund Direction 1995).

a) Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan

Di bawah Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri layak menerima pemberian Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyenggaraan berdasarkan kepada panjang Jalan Negeri pada akhir tahun. Kadar bulanan yang diberi kepada Negeri Sarawak adalah sejumlah RM1,695 bagi jalan berturap dan RM1,270 bagi jalan tidak berturap. Semua Jalan Negeri yang diwartakan di bawah Ordinan Jalan Negeri 1994 perlu disenggara mengikut mutu minimum atau yang lebih baik daripada yang ditetapkan oleh Jabatan.

b) Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994)

Mengikut Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994), Jalan Negeri bermaksud '*any public road within the State other than a road declared to be a Federal Road under and by virtue of Federal Roads Act 1959, and includes any lay-bys, interchanges, roundabouts, trafficislands, road dividers, side table, median strips, overpasses, underpasess, approaches, ramps, toll plazas, sedrics areas and other structures and fixtures on such road and also includes any road used for logging or transportation of timber built on State land which the Minister shall by notification in Gazette to be a State road*''. Semua Jalan Negeri tersebut perlu diwartakan bagi melayakkannya menerima geran tahunan daripada Kerajaan Persekutuan.

c) Arahan Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri 1995

(The State Road Maintenance Fund Direction 1995)

Pada tahun 1995, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (State Road Maintenance Fund) di bawah Seksyen 9(3) Akta Acara Kewangan. Akaun Tabung Amanah ini yang diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kewangan Negeri bertujuan untuk mengakaunkan semua pemberian Penyenggaraan Jalan dan peruntukan yang diterima serta perbelanjaan yang dibuat untuk tujuan penyenggaraan Jalan Negeri. Sehubungan itu, satu Arahan Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah dikeluarkan bagi menyelenggara Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Semua pemberian dan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan

Kerajaan Negeri untuk tujuan penyenggaraan Jalan Negeri, perlu dimasukkan ke Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri. Manakala dana Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri hendaklah digunakan untuk tujuan menyenggara Jalan Negeri seperti yang telah ditetapkan dalam arahan amanah tersebut.

d) Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak yang lengkap dan menyeluruh perlu disediakan bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan dengan teratur dan segala kepentingan Kerajaan dipelihara. Perjanjian kontrak mengandungi Syarat Am Kontrak (General Conditions Of Contract), peraturan atau garis panduan penyenggaraan jalan seperti *Road Maintenance Management System*, Spesifikasi Piawaian Untuk Kerja Jalan (Standard Specification For Road Works) dan Arahan Teknik Cawangan Jalan.

10.1.3 Projek Percubaan

Pada bulan Disember 1993, Kerajaan Negeri menerima satu kertas cadangan dari Sara Road Maintenance Sdn. Bhd. (sekarang dikenali sebagai CMS Roads Sdn. Bhd.) bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri secara kontrak. Pada mesyuarat kabinet yang diadakan pada akhir bulan Mac 2000, Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan daripada syarikat berkenaan dan melantik syarikat tersebut bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri bagi tempoh percubaan selama 2 tahun iaitu bermula pada awal bulan Jun 2000 hingga bulan Mei 2002. Tempoh percubaan dilanjutkan sehingga akhir bulan Disember 2002. Projek percubaan tersebut melibatkan Jalan Negeri sepanjang 813 kilometer di Bahagian Kuching dan Samarahan. Sehubungan itu, satu kontrak perjanjian telah ditandatangani pada pertengahan bulan Mei 2000 yang melibatkan kos berjumlah RM32.20 juta.

10.1.4 Sasaran Penyenggaraan Jalan Negeri

Pada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri yang diadakan pada akhir bulan November 2002, Kabinet Negeri telah bersetuju untuk meneruskan kerja penyenggaraan Jalan Negeri secara kontrak setelah tamat tempoh percubaan. Persetujuan tersebut dibuat setelah Kerajaan Negeri membuat penilaian serta kajian yang teliti melalui sebuah syarikat perunding yang dilantik iaitu Konsultan Timur. Kerajaan Negeri mensasarkan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan semua Jalan Negeri sepanjang 4,731 kilometer secara kontrak. Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberikan kontrak penyenggaraan Jalan Negeri kepada kontraktor yang sama bagi tempoh 15 tahun iaitu bermula pada awal bulan Januari 2003.

10.1.5 Komponen Penyenggaraan Jalan Negeri

Aktiviti penyenggaraan Jalan Negeri yang perlu dilaksanakan oleh pihak kontraktor merangkumi semua jenis aktiviti penyenggaraan termasuk penyenggaraan biasa, penyenggaraan berkala dan kerja tambahan yang diarahkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Bagi penyenggaraan biasa ia tidak perlu dirancang kerana ianya dilaksanakan sepanjang masa atau mengikut tempoh yang ditetapkan. Sementara bagi kerja kecemasan pula ianya dilaksanakan ketika peristiwa tersebut berlaku. Manakala bagi aktiviti penyenggaraan berkala ianya boleh dirancang. Bagaimanapun bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, adalah didapati tiada rancangan yang komprehensif disediakan bagi melaksanakan aktiviti penyenggaraan berkala.

a) Penyenggaraan Biasa

Penyenggaraan biasa meliputi kerja menampal jalan, membaiki kerosakan jalan, memotong rumput, menyenggara bahu dan rezab jalan, mengecat garisan jalan, membaiki dan membersih perabot jalan, menyenggara jambatan dan pembetong dan membersih longkang. Aktiviti kerja penyenggaraan biasa perlu dilaksanakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan dalam *Road Maintenance Management System* seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Jadual Penyenggaraan Biasa Jalan Negeri
Mengikut Road Maintenance Management System

Bil.	Jenis Kerja /Aktiviti	Kategori Jalan	Kekerapan / Kriteria
1.	Menampal & Membaiki kerosakan jalan	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Sepanjang tahun
2.	Menyenggaraan bahu jalan	Jalan berturap	Sekali setahun
3.	Menyenggaraan muka jalan (Grade & Roll)	Jalan tidak berturap	Empat kali setahun
4.	Memotong rumput	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Apabila mencapai ketinggian 0.5 meter
5.	Menyenggara perabot jalan	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Sekali setahun
6.	Menyenggara jambatan dan pembetong	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Sepanjang tahun
7.	Membersih longkang	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Sepanjang tahun
8.	Mengecat garisan jalan	Jalan berturap	Apabila garisan jalan sudah luntur
9.	Memeriksa jalan	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Dua belas kali setahun

Sumber : Manual Operasi Road Maintenance Management System

b) Penyenggaraan Berkala

Aktiviti penyenggaraan berkala meliputi kerja membaru muka jalan, membaiki permukaan dan bahu jalan, menyenggara jambatan, menyenggara pembetung,

membaiki longkang dan lain-lain. Jadual penyenggaraan berkala adalah seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10
Jadual Penyenggaraan Berkala Jalan Negeri
Mengikut Road Maintenance Management System

Bil.	Jenis Kerja	Kategori Jalan	Kekerapan/Kriteria
1.	Membaru muka jalan	Jalan berturap	Apabila permukaan jalan tidak rata, kasar dan berlaku keretakan kecil
2.	Menyenggara bahu jalan	Jalan berturap	Apabila bahu jalan lebih tinggi/rendah dari aras jalan
3.	Menyenggara jambatan : - Mengecat semula	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Empat tahun sekali/mengikut keperluan
4.	Menyenggara pembetong - Mencuci	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Dua kali setahun
5.	Mengali semula longkang	Jalan berturap dan Jalan tidak berturap	Apabila longkang tersumbat/tidak berfungsi

Sumber : Manual Operasi Road Maintenance Management System

c) Kerja Yang Diarahkan Dari Semasa Ke Semasa

Aktiviti yang terlibat dengan kerja yang akan diarahkan dari semasa ke semasa adalah meliputi kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan di luar skop aktiviti penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala seperti lanskap, kerja penyenggaraan besar yang melibatkan struktur jalan, jambatan, pembetong dan cerun. Skop kerja ini termasuk melaksanakan kerja kecemasan.

10.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan menetapkan beberapa kaedah untuk melaksanakan projek penyenggaraan jalan termasuk perolehan kerja, penyerahan senarai jalan, opsyen kepada kakitangan dan penyewaan jentera/mesin.

a) Perolehan Kerja

Perolehan kerja akan dibuat mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003. Perolehan kerja yang bernilai RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 dan tidak menggunakan Jadual Kadar, hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga. Manakala perolehan kerja yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender. Bagaimanapun pengecualian daripada mematuhi peraturan ini boleh dibuat sekiranya mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

b) Penyerahan Senarai Jalan

Penyerahan senarai Jalan Negeri yang terdiri daripada jalan berturap dan jalan tidak berturap sepanjang 3,763 kilometer untuk disenggara oleh kontraktor akan dibuat

secara 3 peringkat. Penyerahan senarai jalan peringkat 1 akan dibuat pada bulan Januari 2003 melibatkan jalan sepanjang 1,068 kilometer di Bahagian Kuching dan Samarahan. Bagi peringkat 2 akan dibuat pada bulan Julai 2003 melibatkan jalan sepanjang 1,054 kilometer di Bahagian Sri Aman, Betong dan Sarikei. Manakala pada peringkat 3 pula akan dibuat pada bulan Januari 2004 melibatkan jalan sepanjang 1,641 kilometer meliputi Bahagian Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang. Senarai dan jumlah jalan yang disenggara akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Butiran lanjut mengenai penyerahan senarai jalan adalah seperti di **Jadual 11.**

Jadual 11
Jadual Penyerahan Senarai Jalan Negeri Kepada Kontraktor

Peringkat	Bahagian	Tarikh Serah	Jenis Jalan		Jumlah (km)
			Jalan Berturap (km)	Jalan Tidak Berturap (km)	
1	Kuching & Samarahan	Januari 2003	761	307	1,068
2	Betong, Sri Aman & Sarikei	Julai 2003	535	519	1,054
3	Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri & Limbang	Januari 2004	1,027	614	1,641
Jumlah			2,323	1,440	3,763

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

c) Opsyen Kakitangan

Jabatan perlu menentukan bilangan sebenar kakitangan yang terlibat dengan kontrak penyenggaraan Jalan Negeri dan mengeluarkan satu surat opsyen kepada kakitangan termasuk kepada kakitangan bergaji hari. Surat opsyen tersebut hendaklah mengandungi syarat dan terma perkhidmatan yang ditawarkan oleh kontraktor.

d) Penyewaan Jentera/Mesin

Kontraktor yang menjalankan kerja penyenggaraan jalan dikehendaki menggunakan jentera/mesin yang ada di Jabatan seperti *motor grader*, *wheel roller*, *wheel shower*, *backhoe* dan *tipper truck*. Sekiranya jentera/mesin yang diperlukan tidak ada di Jabatan, kontraktor dibenarkan menyewanya dari luar Jabatan. Kontraktor yang menggunakan jentera/mesin tersebut akan dikenakan bayaran sewa berdasarkan kepada kadar sewa yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Potongan sewa terhadap jentera/mesin yang digunakan akan dibuat melalui bayaran kemajuan bulanan. Jentera/mesin yang terlibat dan kadar sewa yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 12.**

Jadual 12
Jenis Jentera/Mesin Dan Kadar Sewa Yang Dikenakan Kepada Kontraktor

Bil.	Jentera/Mesin	Kadar Sewa Bulanan (RM)
1.	<i>Bitumen Sprayer 1000 gal.</i>	14,764
2.	<i>Premix Finisher/Paver</i>	10,700
3.	<i>Low Loader</i>	10,154
4.	<i>Motor Grader 120HP</i>	9,414
5.	<i>Powered Vibrating Roller <10 tons</i>	8,140
6.	<i>Tractor/Dozer</i>	7,522
7.	<i>Backhoe Excavator ½ cu. yd.</i>	7,495
8	<i>Wheel Shovel 2 ¼ cu. yd.</i>	6,994
9.	<i>Backhoe Loader</i>	6,569
10.	<i>Fuel Tanker 4x4</i>	6,272
11.	<i>Pneumatic Multi Wheeled Roller 6-8 tons</i>	5,396
12.	<i>Wheel Roller 8-10 tons</i>	4,943
13.	<i>Tipper Truck 4x2 6 cu.yd.</i>	4,742
14.	<i>Land Cruiser 4x4</i>	3,946
15.	<i>Pick Up</i>	3,322
16.	<i>Compressor</i>	1,697
17.	<i>Pedestrian Roller</i>	841
18.	<i>Pavement Breaker</i>	374
19.	<i>Plate Compactor</i>	372
20.	<i>Water Pump</i>	257
21.	<i>Bitumen Hand Sprayer</i>	172

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

10.1.7 Keperluan Dan Sumber Kewangan

Adalah dianggarkan peruntukan tahunan yang diperlukan bagi menyenggara Jalan Negeri sepanjang 4,731 kilometer di seluruh Sarawak adalah berjumlah RM122.83 juta. Jumlah ini meliputi bayaran kepada kontraktor yang berjumlah RM102.19 juta (RM1,800 bagi satu kilometer setiap bulan), peruntukan yang diagihkan kepada Jabatan Kerja Raya Bahagian berjumlah RM14.64 juta setahun dan kos yang diperlukan bagi menyenggara jentera/mesin Jabatan berjumlah RM6 juta setahun. Bagaimanapun, jumlah anggaran kos tersebut tidak termasuk kerja tambahan yang diarahkan dari semasa ke semasa. Sumber peruntukan diperolehi daripada pemberian penyenggaraan jalan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri di bawah Perkara 109(1)(b) Perlumbagaan Persekutuan. Pemberian penyenggaraan jalan diberi berdasarkan kepada jumlah panjang Jalan Negeri yang ada di Sarawak yang didaftar melalui Sistem Rekod Penyenggaraan Jalan Malaysia (MARRIS). Kadar bulanan yang diberi adalah sejumlah RM1,695 bagi jalan berturap dan RM1,270 bagi jalan tidak berturap. Pemberian yang diterima akan disalurkan kepada Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri.

10.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur Organisasi Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak terdiri daripada 14 Cawangan iaitu Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia, Mekanikal, Ukur Bahan, Elektrikal,

Kewangan Dan Akaun, Setor, Woksyop Mekanik Pusat, Pengurusan Teknikal, Projek Pertahanan Dan Hal Ehwal Dalam Negeri, Bekalan Air Dan Pembetungan, Bangunan Dan Kerja, Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur, Jalan Raya Dan Lapangan Terbang dan Audit Dalam serta 11 pejabat Jabatan Kerja Raya Bahagian iaitu Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Ia diketuai oleh seorang Pengarah Kerja Raya Negeri Jusa B. Cawangan yang terlibat secara langsung untuk kerja penyenggaraan Jalan Negeri adalah Cawangan Jalan Raya Dan Lapangan Terbang dan semua bahagian. Pada tahun 2005, perjawatan yang diluluskan bagi Cawangan ini adalah sejumlah 65 jawatan. Manakala bagi perjawatan yang diluluskan di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu pula adalah sejumlah 316 jawatan. Daripada 316 jawatan yang diluluskan, 105 perjawatan atau 33% adalah dari Seksyen Penyenggaraan Jalan. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Jabatan telah merancang untuk melatih pegawai dan kakitangannya dengan menyediakan 20 kursus yang berkaitan dengan kerja penyenggaraan jalan seperti *An Investigation to Ground In Investigation, Construction Safety and Health For Site Management, Effective Project Management, Practical Traning On Laboratory Test And Occupation Safety, Health And Enviromental Protection* dan *Basic Road Design*.

10.1.9 Kaedah Pemantauan

Pelaksanaan dan penyelian kerja projek ini akan diawasi oleh Cawangan Jalan Dan Lapangan Terbang, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan pejabat Jabatan Kerja Raya Bahagian mengikut kedudukan kerja/projek penyenggaraan yang akan dilaksanakan. Pegawai dan Jurutera Jabatan akan membuat lawatan dan pemeriksaan ke tapak projek atau tempat penyenggaraan jalan yang berkaitan. Tanggungjawab Jabatan adalah menentukan kerja di tapak projek atau tempat penyenggaraan Jalan Negeri dilaksana mengikut syarat perjanjian dan spesifikasi. Antara tanggungjawab Jabatan adalah memeriksa program penyenggaraan jalan yang disediakan oleh kontraktor dan memeriksa serta mengesahkan tuntutan bayaran kemajuan bulanan. Bagi memantau pelaksanaan kemajuan fizikal dengan prestasi kewangan, Jabatan akan menggesa pihak kontraktor menyediakan laporan yang berkaitan dan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di peringkat negeri dan zon. Selain itu, kontraktor juga dikehendaki menyediakan laporan terhadap setiap komponen jalan yang diperiksa pada setiap bulan. Aduan dari orang ramai juga merupakan mekanisme pemantauan Jabatan bagi menentukan keberkesanan penyenggaraan Jalan Negeri.

Pada pandangan Audit, perancangan projek penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan secara kontrak pada keseluruhannya adalah memuaskan.

10.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan projek yang dilaksana mencapai objektif yang ditetapkan pelaksanaan kerja hendaklah dibuat dengan cekap sebagaimana dirancang. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

10.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri turut melaksanakan Dasar Penswastaan Negara yang mula diperkenalkan pada tahun 1983. Dasar Penswastaan Negara antara lain adalah bertujuan untuk mengurangkan beban Kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam, menggalakkan persaingan, memperbaiki kecekapan dan meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Satu daripada projek penswastaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ialah penyenggaraan Jalan Negeri dan mula dilaksanakan pada tahun 2000 iaitu melalui projek percubaan melibatkan Jalan Negeri sepanjang 813 kilometer di Bahagian Samarahan dan Kuching. Penyenggaraan Jalan Negeri sebelum ini dilaksanakan oleh Jabatan, diserahkan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri tersebut dengan dipantau oleh Jabatan. Kontraktor dibayar secara bulanan bagi setiap kilometer jalan yang disenggara berdasarkan kadar yang dipersetujui dalam kontrak iaitu RM1,800.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah berjaya menjalankan dasar Kerajaan Negeri dengan melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri secara kontrak.

10.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Kerja penyenggaraan Jalan Negeri diurus dan dilaksana mengikut perjanjian kontrak, Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994), Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, dan Arahan Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri 1995 (The State Road Maintenance Fund Direction 1995). Semakan Audit terhadap undang-undang dan peraturan mendapati perkara berikut:

a) Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan

Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri layak menerima pemberian Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan penyenggaraan Jalan Negeri yang berjumlah 4,731 kilometer. Pemberian tersebut diberi berdasarkan kepada jumlah panjang Jalan Negeri yang diwartakan. Kadar yang diberi adalah RM1,695 bagi jalan turap dan RM1,270 untuk jalan tidak berturap. Semakan Audit terhadap Rekod Perbendaharaan Negeri Sarawak mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM355.99 juta pemberian Jalan Negeri telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun tiada butiran terperinci disediakan mengenai pemberian tersebut. Justeru, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pemberian tersebut diberi mengikut kadar yang ditetapkan serta mengikut jumlah panjang sebenar Jalan Negeri di Sarawak.

b) Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994)

Pemberian Jalan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan perlu dibelanjakan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan di Jalan Negeri seperti menampal jalan, membaru muka jalan, membaiki jambatan, memotong rumput dan lain-lain kerja penyenggaraan seperti yang ditetapkan pada Ordinan Jalan Negeri 1994 (State Roads Ordinance 1994). Semakan Audit terhadap Rekod Penyenggaraan Jalan Negeri mendapati kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan ke atas semua Jalan Negeri di bawah pentadbiran Jabatan yang meliputi jalan awam, jalan masuk, persimpangan jalan dan bulatan.

c) Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri 1995

(The State Road Maintenance Fund Direction 1995)

Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri 1995 (The State Road Maintenance Fund Direction 1995) ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1995 yang bertujuan untuk mengakaunkan pemberian penyenggaraan jalan daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri ini diselenggara oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri di bawah kawalan Setiausaha Kewangan Negeri. Pemberian ini adalah khusus untuk menyenggara Jalan Negeri termasuk jalan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Bandaraya. Bagi penyenggaraan jalan di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, bayaran dibuat melalui Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam. Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri ini hendaklah dibelanjakan bagi membayar kos penyenggaraan Jalan Negeri dan lain-lain bayaran yang ditetapkan dalam Arahan Amanah. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 pemberian berjumlah RM355.99 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM306 juta atau 86% telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kerja Raya (RM209.06 juta), Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (RM50.25 juta) dan Majlis Bandaraya (RM46.69 juta). Pada akhir bulan Disember 2005, baki Akaun Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah berjumlah RM16.54 juta. Selain itu perbelanjaan juga dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
**Tabung Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri Dan Agihan Pemberian Kepada
Jabatan Kerja Raya, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Dan Majlis
Bandaraya Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005**

Tahun	Pemberian Penyenggaraan Daripada Kerajaan Persekutuan			Agihan Pemberian Penyenggaraan Jalan					Perbezaan (RM juta)
	Baki Awal Tahun (RM juta)	Tahun Semasa (RM juta)	Jumlah (RM juta)	Jabatan Kerja Raya (RM juta)	Kementerian Alam Sekitar & Kesihatan Awam (RM juta)	Majlis Bandaraya (RM juta)	Jumlah Agihan (RM juta)	% Agihan	
2003	19.78	87.96	107.74	68.46	12.18	15.26	95.90	89.0	11.84
2004	22.95	89.73	112.68	61.70	17.96	11.41	91.07	80.8	21.61
2005	16.54	119.03	135.57	78.90	20.11	20.02	119.03	87.8	16.54
Jumlah	59.27	296.72	355.99	209.06	50.25	46.69	306.00	86.0	49.99

Sumber : Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

d) Perjanjian Kontrak

Satu perjanjian kontrak yang formal perlu disediakan bagi kepentingan kedua belah pihak. Semakan Audit mendapati perjanjian kontrak bagi melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri telah disediakan dan ditandatangani antara Kerajaan Negeri Sarawak dengan *Sara Road Maintenance Sdn. Bhd.* pada bulan April 2003. Kontrak bagi menyenggara Jalan Negeri ini adalah bagi tempoh 15 tahun iaitu bermula pada awal bulan Januari 2003. Kandungan dan syarat penting yang telah dipersetujui dan dipatuhi adalah seperti berikut:

- i) Kontraktor dikehendaki melaksanakan semua aktiviti penyenggaraan meliputi penyenggaraan biasa, berkala dan kerja yang diarahkan dari semasa ke semasa bagi senarai jalan yang telah ditetapkan dalam perjanjian.
- ii) Kerja penyenggaraan jalan perlu dilaksanakan mengikut *Road Maintenance Management System*, Spesifikasi Piawaian Untuk Kerja Jalan (Standard Specification For Road Works) dan Arahan Teknik Cawangan Jalan.
- iii) Menyediakan Wang *Performance Security* berjumlah RM3.50 juta dan insurans sekurang-kurangnya berjumlah RM50,000 bagi melindungi pekerja dan pihak ketiga.
- iv) Kontraktor dibayar RM1,800 sebulan bagi setiap kilometer Jalan Negeri yang disenggara tetapi tidak termasuk kerja yang diarahkan oleh Jabatan. Kerja yang diarahkan oleh Jabatan dibayar berdasarkan kadar harga yang ditetapkan dalam perjanjian.

- v) Potongan harga sehingga maksimum 15% boleh dibuat ke atas bayaran bulanan terhadap kerja penyenggaraan yang dibuat tidak mengikut syarat perjanjian kontrak.
- vi) Kontrak ditamatkan jika kontraktor gagal melaksanakan aktiviti penyenggaraan Jalan Negeri.
- vii) Semakan terhadap kadar harga boleh dibuat pada setiap 3 tahun.

Semakan Audit terhadap perjanjian kontrak mendapati pada umumnya semua syarat kontrak telah dipatuhi. Bagaimanapun, masih ada syarat kontrak tidak dipatuhi iaitu tidak menyediakan Rangkaian Penyenggaraan Strategik (Network Maintenance Strategy) dan Jaminan Kualiti (Quality Assurance System) dalam tempoh yang ditetapkan. Selain itu, ada syarat kontrak yang didapati merugikan Jabatan seperti pelaksanaan terhadap aktiviti kerja penyenggaraan.

- **Rangkaian Penyenggaraan Strategik (*Network Maintenance Strategy*)**

Mengikut syarat perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan Rangkaian Penyenggaraan Strategik (Network Maintenance Strategy) pada tempoh 30 hari dari tarikh surat pemilikan tapak dikeluarkan. Rangkaian Penyenggaraan Strategik adalah merupakan satu rangkaian program penyenggaraan jalan jangka panjang yang perlu disediakan oleh kontraktor bagi menyenggara Jalan Negeri yang terdiri daripada jenis dan keadaan yang berbeza sepanjang tempoh kontrak. Rangkaian Penyenggaraan Strategik perlu mengimbangi antara kerja penyenggaraan biasa dengan penyenggaraan berkala dengan peruntukan kewangan yang terhad. Selain itu, kontraktor juga perlu merancang dan mencadangkan kerja penyenggaraan luar biasa yang perlu dilaksanakan bagi memperbaiki keadaan Jalan Negeri yang sedia ada. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor tidak menyediakan Rangkaian Penyenggaraan Strategik bagi menyenggara Jalan Negeri. Akibatnya, Jabatan tidak mengetahui apakah perancangan dan strategi jangka panjang yang disediakan oleh kontraktor bagi memperbaiki keadaan dan mutu Jalan Negeri di Sarawak. Selain itu, Jabatan juga tidak dapat memberi pandangan dan penilaian terhadap pelan rancangan yang disediakan. Semakan Audit di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Sibu dan Betong mendapati perancangan dibuat berdasarkan kepada rancangan mingguan dan tahunan. Namun ianya hanya melibatkan aktiviti penyenggaraan biasa seperti memotong rumput, menampal lubang, membersih longkang dan sedikit sahaja kerja membaru muka jalan yang

dilaksanakan dalam kuantiti yang terhad. Perancangan terhadap aktiviti penyenggaraan berkala dan penyenggaraan biasa seperti program membaru muka jalan, membaiki bahu jalan, membina longkang dan mengecat garisan jalan tidak dijalankan. Program Rangkaian Penyenggaraan Jalan Strategik secara komprehensif tidak disediakan oleh pihak kontraktor dan akibatnya Jabatan sukar untuk menilai, mengkaji dan seterusnya membuat cadangan bagi penambahbaikan terhadap program yang disediakan.

- **Jaminan Kawalan Kualiti (*Quality Assurance And Control*)**

Kontraktor perlu menyediakan Sistem Jaminan Kualiti (*Quality Assurance System*) dan mengemukakannya kepada Jabatan untuk disemak dan dilulus pada tempoh 30 hari dari tarikh surat pemilikan tapak dikeluarkan. Tujuan Sistem Jaminan Kualiti adalah untuk memastikan bahan yang digunakan dalam kerja penyenggaraan jalan memenuhi spesifikasi. Selain itu, sistem ini juga memastikan kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah mengikut kaedah *Road Maintenance Management System*, Spesifikasi Piawai Untuk Kerja Jalan, Arahan Teknik Cawangan Jalan dan lain-lain kaedah penyenggaraan jalan yang diamalkan. Kandungan Sistem Jaminan Kualiti yang perlu disediakan oleh kontraktor adalah seperti Carta Organisasi serta kelayakan/kelulusan dan pengalaman kakitangan Bahagian Kawalan Kualiti, Pelan Jaminan/Kawalan Kualiti dan Pelan Ujian Kualiti (*Test Plan Quality*). Selain itu, Sistem Jaminan Kualiti yang disediakan perlu berpandukan kepada 2 garis panduan Jabatan iaitu JKR's *Guidelines For Inspection And Testing Of Road Works* (JKR 20407-0001-90) dan JKR's *Construction Supervision Manual For Contract Road Works* (JKR 20407-003-90). Semakan Audit mendapati Sistem Jaminan Kualiti tidak disedia dan dikemukakan oleh kontraktor. Akibatnya, Jabatan tidak dapat memastikan jaminan kawalan kualiti terhadap bahan dan kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan dipelihara dan mengikut spesifikasi serta kaedah yang ditetapkan.

- **Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan**

Mengikut perjanjian kontrak, ada 2 jenis penyenggaraan yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor iaitu penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala. Aktiviti penyenggaraan biasa adalah seperti menampal jalan, memotong rumput, membersih longkang, pembetung dan jambatan. Sementara aktiviti penyenggaraan berkala pula ialah seperti membaru muka jalan, membaiki bahu jalan dan membina longkang. Selain itu, kontraktor juga perlu melaksanakan kerja tambahan yang diarahkan dari semasa ke semasa termasuk kerja kecemasan. Pemeriksaan Audit mendapati agihan aktiviti kerja penyenggaraan Jalan Negeri

dilaksanakan oleh kontraktor pada setiap bulan/tahun tidak dinyatakan dengan jelas dalam kontrak. Kontraktor perlu melaksanakan kerja penyenggaraan berkala dan penyenggaraan biasa tetapi kuantiti dan amaun yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor tidak dinyatakan. Akibatnya, agihan skop dan aktiviti kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak seimbang antara 2 jenis penyenggaraan tersebut.

Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan tahun 2004 dan 2005 di Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu yang disediakan oleh kontraktor mendapati banyak aktiviti penyenggaraan Jalan Negeri ditumpukan kepada penyenggaraan biasa seperti kerja menampal jalan, memotong rumput dan membersih longkang. Bagi kerja penyenggaraan berkala seperti membaru muka jalan, membaiki bahu jalan dan menyenggara longkang amat sedikit dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan kerja penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak seimbang dan merugikan pihak Jabatan. Jabatan tidak mengagih dan menyatakan komponen dan jenis aktiviti penyenggaraan dengan jelas dalam syarat kontrak menyebabkan Jalan Negeri tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan Jalan Negeri diurus dan dilaksana mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

10.2.3 Pelaksanaan Projek

Jabatan telah melaksana beberapa kaedah pelaksanaan bagi memastikan projek penyenggaraan Jalan Negeri berjalan dengan lancar dan teratur. Kaedah pelaksanaan yang dilaksanakan adalah meliputi pemilihan kontraktor, penyerahan senarai Jalan Negeri, penyerapan kakitangan dan penyewaan loji, jentera dan mesin. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek mendapati perkara berikut:

a) Pemilihan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, perolehan kerja yang melebihi RM50,000 setahun, hendaklah dibuat secara tender dan pemilihan kontraktor pula dikendalikan oleh Lembaga Tender Pusat Negeri.

Semakan Audit mendapati perolehan kerja tidak dibuat secara tender walaupun purata kos penyenggaraan jalan tahunannya berjumlah RM60 juta tetapi sebaliknya dibuat secara lantikan terus. Pengecualian tender telah diperolehi daripada Setiausaha Kewangan Negeri pada awal bulan Mei 2000. Kerajaan Negeri telah

melantik *Sara Road Maintenance Sdn. Bhd.*, sekarang dikenali sebagai *CMS Roads Sdn.Bhd.* bagi mengurus dan melaksanakan kerja penyenggaraan Jalan Negeri di seluruh Sarawak. Selepas tamat tempoh percubaan, Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan program penyenggaraan Jalan Negeri secara kontrak. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk melantik kontraktor yang sama untuk menjalankan kerja penyenggaraan tersebut. Pelantikan kontraktor dibuat pada bulan April 2003 setelah Kerajaan Negeri menilai, mengkaji dan meneliti prestasi kontraktor semasa projek percubaan. Pelantikan ini melibatkan kontrak jangka panjang iaitu bagi tempoh 15 tahun bermula pada bulan Januari 2003. Mengikut perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki menyenggara kesemua Jalan Negeri sepanjang 4,731 kilometer di seluruh Sarawak dan diserahkan kepada kontraktor secara 3 peringkat. Semakan Audit seterusnya mendapati pemilihan kontraktor dibuat dengan teratur iaitu seperti melantik dikalangan kontraktor Kelas A dan mempunyai modal kewangan yang kukuh. Bagaimanapun, sehingga bulan Mei 2005, kontraktor belum lagi berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri.

b) Penyerahan Senarai Jalan Negeri

Mengikut perjanjian kontrak, penyerahan senarai Jalan Negeri sepanjang 3,763 kilometer kepada kontraktor untuk disenggara perlu dibuat dalam 3 peringkat iaitu pada bulan Januari 2003, Julai 2003 dan Januari 2004. Bagi Jalan Negeri di Bahagian Kuching dan Samarahan sepanjang 1,068 kilometer, penyerahan Jalan Negeri dibuat pada awal bulan Januari 2003. Sementara jalan di Bahagian Sri Aman, Betong dan Sarikei sepanjang 1,054 kilometer diserahkan pada bulan Julai 2003. Manakala penyerahan Jalan Negeri di Bahagian Sibu, Kapit, Mukah, Bintulu, Miri dan Limbang sepanjang 1,641 kilometer pula perlu dibuat pada bulan Januari 2004.

Pemeriksaan Audit terhadap Laporan MARRIS mendapati pada akhir tahun 2005, panjang sebenar Jalan Negeri di seluruh Sarawak adalah berjumlah 4,731 kilometer. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 3,851 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor untuk disenggara mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Sementara bakinya sepanjang 880 kilometer lagi disenggara sendiri oleh pihak Jabatan. Semakan Audit mendapati semasa kontrak ditandatangani, hanya Jalan Negeri di Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan sahaja yang disenaraikan dalam kontrak. Bagi Jalan Negeri di Bahagian lain, senarai jalan hanya dikemukakan selepas kontrak ditandatangani. Bahagian Samarahan, Bahagian Betong dan Bahagian Sibu mempunyai jalan sepanjang 1,506 kilometer yang terdiri daripada jalan berturap sepanjang 1,048 kilometer dan

jalan tidak berturap sepanjang 458 kilometer. Bahagian Samarahan mempunyai Jalan Negeri sepanjang 555 kilometer iaitu 455 kilometer jalan berturap dan 100 kilometer jalan tidak berturap. Bagi Bahagian Sibu pula, ada sepanjang 520 kilometer yang terdiri daripada 419 kilometer jalan berturap dan 101 kilometer jalan tidak berturap. Manakala Bahagian Betong pula mempunyai Jalan Negeri sepanjang 431 yang terdiri daripada jalan berturap sepanjang 174 kilometer dan jalan tidak berturap sepanjang 257 kilometer. Semakan Audit lanjutnya mendapati Jabatan telah berjaya menyerahkan Jalan Negeri untuk disenggara oleh kontraktor pada tempoh yang ditetapkan. Daripada sepanjang 1,506 kilometer, sejumlah 1,365 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor untuk disenggara dalam masa yang ditetapkan iaitu pada bulan Januari dan bulan Julai 2003. Sementara bakinya sepanjang 140 kilometer, belum lagi diserahkan kepada kontraktor disebabkan jalan tersebut masih dalam tempoh tanggungan kecacatan dan menunggu kelulusan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya. Akibatnya, rumput dan semak samun di jalan tersebut tidak disenggara dan tumbuh terbiar seperti berlaku di Jalan Sebangan/Sebuyau (Bahagian Samarahan) dan Jalan Aup/Rantau Panjang (Bahagian Sibu) seperti di **Foto 7** dan di **Foto 8**.

Foto 7
Rumput Dan Semak Samun Di Bahu Jalan Tumbuh Terbiar Tidak Dipotong Di Jalan Yang Belum Diserah Kepada Kontraktor



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 15 Ogos 2005
 Lokasi : Jalan Aup/Rantau Panjang, Bahagian Sibu



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 15 Ogos 2005
 Lokasi : Jalan Sebangan/Sebuyau, Samarahan

c) Penyerapan Kakitangan

Semakan Audit terhadap rekod kakitangan mendapati sejumlah 945 kakitangan yang bertugas di Seksyen Penyenggaraan Jalan di seluruh Jabatan Kerja Raya termasuk di Ibu Pejabat. Daripada jumlah tersebut, 521 orang atau 55.1% adalah terdiri daripada kakitangan kontrak yang bergaji hari. Bagi mengurangkan beban

Jabatan/Kerajaan Negeri membayar gaji kakitangan terutama yang bergaji hari, kakitangan tersebut diberi opsyen sama ada untuk berkhidmat dengan kontraktor ataupun terus kekal berkhidmat dengan Jabatan. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2005, daripada sejumlah 945 orang kakitangan, seramai 437 kakitangan atau 46.24% iaitu yang terdiri daripada 318 kakitangan kontrak dan 119 kakitangan tetap, telah menyertai/berkhidmat dengan kontraktor. Sementara bakinya yang berjumlah 508 orang kakitangan atau 53.75% iaitu 203 kakitangan kontrak dan 305 kakitangan tetap, masih kekal berkhidmat dengan Jabatan. Akibatnya, Jabatan terpaksa membelanjakan sejumlah RM9.14 juta setahun bagi membayar gaji kakitangan tersebut.

Bagi Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu, adalah didapati seramai 222 orang kakitangan bertugas di Seksyen Penyenggaraan Jalan iaitu seramai 198 orang kakitangan kontrak yang bergaji hari dan 24 orang kakitangan tetap. Daripada sejumlah 222 kakitangan, 173 orang atau 77.93% telah menyertai atau berkhidmat dengan kontraktor iaitu 13 pekerja tetap dan 160 pekerja kontrak. Manakala bakinya yang seramai 49 orang masih kekal berkhidmat dengan Jabatan tetapi kesemuanya telah diserapkan ke seksyen lain. Bagaimanapun, Jabatan masih membelanjakan sejumlah RM882,000 setahun bagi membayar gaji pekerja yang masih kekal berkhidmat di Jabatan terutama kakitangan kontrak yang bergaji hari. Jabatan/Kerajaan Negeri tidak memberi opsyen kepada kakitangan kontrak yang bergaji hari tetapi sebaliknya menyerap terus kakitangan tersebut supaya berkhidmat dengan kontraktor bagi mengelakkan Jabatan/Kerajaan Negeri terus menanggung kos membayar gaji pekerja yang terlibat.

d) Penyewaan Loji, Jentera Dan Mesin

Mengikut syarat perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki menyewa loji, jentera, mesin dan kenderaan dari Jabatan dengan kadar sewa yang ditetapkan. Jabatan dikehendaki memantau penggunaannya seperti merekod jumlah jentera dan tempoh yang digunakan. Selain itu, Jabatan juga bertanggungjawab menyenggara jentera dan mesin yang digunakan. Bayaran sewa dituntut melalui potongan bayaran kemajuan yang dibuat pada setiap bulan. Jenis jentera dan mesin yang disewa dari Jabatan adalah seperti *Shovel, Backhoe Excavator, Roller, Motor Grader, Generator Set, Weight Bridge* dan *Tipper Truck* dengan kadar sewanya adalah antara RM172 hingga RM10,700 sebulan. Semakan Audit ke atas rekod sewaan loji dan mesin mendapati pada tempoh tahun 2003 hingga bulan Mei 2005, sebanyak 107 buah jentera, mesin dan *tipper truck* disewa dari Jabatan di seluruh Sarawak dengan sejumlah RM9.69 juta telah berjaya dikutip. Bagi JKR Samarahan, Bahagian Betong

dan Bahagian Sibu, sebanyak 40 buah jentera, mesin dan *tipper truck* disewa dari Jabatan dengan kutipan sewanya berjumlah RM3.71 juta. Semakan Audit juga mendapati penggunaan jentera direkod dengan lengkap, kemas kini dan potongan sewanya dibuat mengikut kadar yang ditetapkan pada perjanjian kontrak.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan projek penyenggaraan Jalan Negeri dengan baik menetapkan beberapa kaedah pelaksanaan bagi memastikan ianya berjalan lancar dan teratur.

10.2.4 Pengkelasan Keadaan Komponen Jalan (Road Condition Rating Survey)

- a) Mengikut syarat perjanjian kontrak, Jabatan dikehendaki menyediakan pengkelasan keadaan komponen jalan (Road Condition Rating Survey) dalam tempoh sebulan dari tarikh surat pemilikan tapak dan diserahkan kepada pihak kontraktor. Pengkelasan keadaan komponen jalan adalah merupakan satu maklumat survei yang mengandungi maklumat keadaan status komponen jalan seperti permukaan jalan (carriageway), bahu jalan, longkang, papan tanda, jambatan, pembetong dan lain-lain yang disenaraikan dalam kontrak untuk disenggara oleh kontraktor dan perlu dikemas kini pada setiap bulan. Survei tersebut boleh dikendalikan bersama dengan pihak kontraktor. Setiap komponen jalan diberi pengkelasan (rating) berdasarkan kepada maklumat survei yang diperolehi iaitu Keadaan 1 (Baik), Keadaan 2 (Memuaskan) dan Keadaan 3 (Tidak Baik). Keutamaan pembaikan komponen jalan tersebut dilaksana berdasarkan kepada tahap kerosakan yang berlaku. Pengkelasan keadaan komponen jalan tersebut perlu dikemas kini pada setiap bulan. Semakan Audit ke atas Rekod *Road Condition Rating Survey* didapati Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu ada menyediakan pengkelasan keadaan komponen jalan pada tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, maklumat tersebut hanya dikemas kini setahun sekali kerana Jabatan berpendapat kaedah ini lebih praktikal. Mengikut Laporan Pengkelasan Keadaan Komponen Jalan yang disediakan pada tahun 2004, keadaan permukaan jalan (carriageway) pada Bahagian Sibu adalah paling banyak mengalami kerosakan iaitu berada dalam status Keadaan 3 iaitu sebanyak 41% jika dibandingkan dengan jalan di Bahagian Samarahan dan Betong. Rekod bagi tahun 2005, belum lagi diperolehi kerana ianya hanya dapat disediakan pada tahun 2006 iaitu selepas kerja survei tahun 2005 siap dijalankan. Butiran lanjut mengenai laporan keadaan pengkelasan komponen jalan bagi komponen jalan yang lain adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
**Maklumat Road Condition Rating Survey Di Bahagian Samarahan,
 Bahagian Betong Dan Bahagian Sibu Pada Tahun 2004**

Bahagian	Komponen Jalan																	
	Permukaan Jalan (%)			Bahu Jalan (%)			Longkang (%)			Papan Tanda (%)			Jambatan (%)			Pembetung (%)		
	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3	1	2	3
Samarahan	55	36	9	50	28	22	48	28	25	25	25	-	38	35	27	42	35	23
Betong	41	56	3	12	88	-	6	92	2	-	2	-	28	70	2	5	90	5
Sibu	6	53	41	-	81	19	-	58	42	3	42	-	37	63	-	2	61	37

Nota :

1 - Baik
 2 - Memuaskan
 3 - Tidak Baik

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

- b) Jabatan juga dikehendaki memperbaiki tahap kedaan/mutu keseluruhan jalan berturap daripada Keadaan 3 menjadi Keadaan 1 sebanyak 1.9% daripada jumlah panjang jalan pada setiap tahun. Sementara bagi jalan tidak berturap pula, sebanyak 8.7% daripada keseluruhan panjang jalan akan diturap. Semakan Audit terhadap Rekod Program Kerja mendapati Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu tidak menyediakan perancangan bagi memperbaiki tahap keadaan/mutu atau menaik taraf jalan disebabkan tiada peruntukan. Semua peruntukan yang diterima berjumlah RM52.77 juta setahun telah dibelanjakan bagi membayar kos penyenggaraan jalan kepada kontraktor. Malah, pemberian penyenggaraan jalan tahunan yang diterima daripada Kerajaan Negeri tidak mencukupi bagi membayar kos penyenggaraan jalan kepada pihak kontraktor yang purata kos penyenggarannya berjumlah RM91.03 juta setahun.

Pada pendapat Audit, pengelasan komponen jalan tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana tidak dikemas kini pada setiap bulan yang membolehkan Jabatan memantau setiap komponen jalan dengan lebih berkesan.

10.2.5 Prestasi Penyenggaraan Jalan Negeri

Prestasi kerja diukur sama ada secara fizikal seperti tempoh siap dan pematuhan kepada spesifikasi atau melalui perbandingan kos sebenar kerja dengan kos asal. Bagi memastikan pelaksanaan kerja penyenggaraan Jalan Negeri dilaksanakan mengikut piawaian dan kualiti yang ditetapkan oleh Jabatan, pihak Audit telah menjalankan lawatan ke Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu. Semakan Audit terhadap prestasi kerja penyenggaraan Jalan Negeri ini adalah seperti berikut:

a) Penyenggaraan Biasa

Kerja penyenggaraan biasa meliputi aktiviti menampal lubang dan membaiki kerosakan jalan, memotong rumput, membersih longkang, mengecat garisan jalan dan menyenggara jambatan dan pembetung.

i) Membaiki Kerosakan Jalan

Kerja membaiki kerosakan jalan perlu dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh 24 jam dari masa ianya dilaporkan. Antara pembedahan yang dilaksanakan adalah seperti menampal keretakan permukaan setempat dan menampal jalan. Kerosakan biasa pada struktur jalan adalah keretakan kecil pada permukaan jalan yang berpunca dari penggunaan bahan yang tidak bermutu, pembinaan yang kurang baik, usia permukaan jalan, bebanan lalu lintas serta keadaan lembapan tanah. Keretakan pada permukaan jalan yang tidak disenggara dengan segera boleh mengakibatkan kerosakan kepada keseluruhan permukaan jalan dan seterusnya jika dibiarkan berterusan boleh menyebabkan kerosakan kepada struktur jalan. Selain itu, kerosakan permukaan jalan juga perlu diperbaiki segera bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

- Membaiki Kerosakan Di Jalan Berturap**

Jalan yang berlubang atau rosak perlu ditanda dan dipotong/gali empat persegi dan dibersihkan dari segala kotoran seperti bahan buangan (*loose material*) dan lumpur serta dikeringkan. Sebelum lapisan *premix* diletakkan ke dalam lubang yang telah dibersihkan, satu lapisan *bituminous tact coat* perlu diletakkan ke dalam lubang tersebut. Lapisan *premix* yang telah diletakkan ke dalam lubang tersebut perlu dipadatkan secukupnya dengan *roller*. Lawatan Audit ke Jalan Teku-Pasai Siong, Jalan Oil Palm Scheme, Jalan Stabau di Bahagian Sibu dan Jalan Simunjan, Bahagian Samarahan mendapati kerja membaiki kerosakan jalan tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan dalam tempoh yang ditetapkan kerana banyak kerosakan yang berlaku ke atas jalan berkenaan seperti di **Foto 9** hingga di **Foto 12**.

Foto 9
Keadaan Permukaan Jalan Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 13 Julai 2005
Lokasi : Jalan Staba, Bahagian Sibu

Foto 10



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 03 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Simunjan, Bahagian Samarahan

Foto 11



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 14 Julai 2005
Lokasi : Jalan Teku/Pasai Siong, Bahagian Sibu

Foto 12



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 14 Julai 2005
Lokasi : Jalan Teku/Pasai, Bahagian Sibu

Kerosakan jalan ini adalah disebabkan jalan tersebut kerap dilalui oleh kenderaan berat yang mengangkut balak, kelapa sawit dan tanah.

- **Membaiki Kerosakan Jalan Di Jalan Tidak Berturap**

Kerosakan yang sering berlaku di jalan tidak berturap adalah seperti jalan berlubang dan permukaan jalan yang tidak rata dan seterusnya boleh menyebabkan air bertakung. Mengikut kaedah *Road Maintenance*

Management System, jalan tidak berturap yang berlubang perlu dibersihkan dan ditimbul dengan lapisan batu hancur (*crusher run*) serta dipadatkan secukupnya dengan *roller*. Bagi permukaan jalan tidak berturap yang kurang rata pula, jalan tersebut perlu diratakan dengan menggunakan *motor grader* dan dipadatkan dengan *roller* serta permukaan jalan tersebut perlu dibina cerun yang sesuai bagi mengelak air bertakung. Lawatan Audit ke Jalan Mentong Merau/Paoun Limau, Samarahan, Jalan Masuk Ke Oil Palm Transit, Sibu dan Jalan Tanjung Assam, Betong mendapati kerja membaiki lubang dan meratakan permukaan jalan dilaksanakan segera dalam tempoh yang ditetapkan serta dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut kaedah yang ditetapkan.

ii) Memotong Rumput

Rumput yang panjangnya melebihi 0.5 meter atau yang boleh menghalang penglihatan yang terletak di kawasan kiri dan kanan bahu jalan, selebar 3 meter dari permukaan jalan, perlu dipotong tanpa mengira kekerapannya. Kerja memotong rumput ini termasuk membersih semak samun di kiri dan kanan bahu jalan. Rumput dan semak samun hendaklah dipotong rapat dengan ketinggiannya tidak melebihi 50 milimeter daripada permukaan tanah. Rumput dan semak samun yang telah dipotong perlu dibuang dari tapak. Lawatan Audit ke Jalan Mentong Merau/Paon Limau dan Jalan Muara Mongkos di Bahagian Samarahan, Jalan Stabau, Jalan Batang Igan dan Jalan *Palm Oil Scheme* di Bahagian Sibu mendapati kerja memotong rumput di jalan berkenaan dilaksanakan dengan baik mengikut spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan. Bagaimanapun semasa lawatan Audit ke Jalan Gedong, Bahagian Samarahan pada awal bulan Ogos 2005 mendapati kerja memotong rumput tidak dilaksana mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Rumput di kawasan bahu jalan di jalan tersebut dibiar tumbuh sehingga mencapai ketinggian 1.3 meter. Keadaan yang sama juga berlaku semasa lawatan Audit di Jalan Kanowit/Penyulau, Jalan Masuk Ke Oil Palm Transit, Bahagian Sibu, Jalan Mentong Merau/Paoun Limau, Bahagian Samarahan dan Jalan Tanjung Assam, Bahagian Betong seperti di **Foto 13** hingga di **Foto 16**.

Foto 13
Keadaan Rumput Yang Tumbuh Terbiar Di Kawasan Bahu Jalan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 01 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Gedong, Bahagian Samarahan

Foto 14
Keadaan Rumput Yang Tumbuh Terbiar Di Kawasan Bahu Jalan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 13 Julai 2005
Lokasi : Jalan Kanowit, Bahagian Sibu

Foto 15



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 01 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Mentong Merau/Paon Limau, Bahagian Samarahan

Foto 16



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 01 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Masuk Ke Oil Palm Transit, Bahagian Sibu

iii) Mengecat Garisan Jalan

Mengecat semula garisan jalan adalah merupakan salah satu aktiviti penyenggaraan biasa yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor. Kekerapannya adalah bergantung keadaan garisan jalan tersebut yang pudar disebabkan kekerapan lalu lintas, cuaca dan jenis cat yang digunakan. Garisan jalan adalah

penting untuk dijadikan panduan kepada pengguna jalan raya terutama ketika hujan dan di waktu malam. Lawatan Audit ke jalan di Bahagian Samarahan, Bahagian Betong dan Bahagian Sibu mendapati banyak garisan jalan dan papan tanda yang telah pudar tetapi tidak dicat semula seperti Jalan Simunjan, Jalan Gedong di Bahagian Samarahan, Jalan Spoah Spur di Bahagian Betong dan Jalan Palm Oil Scheme di Bahagian Sibu.

b) Penyenggaraan Berkala

Aktiviti penyenggaraan berkala meliputi kerja membaru muka jalan, mengali semula longkang dan menyenggara bahu jalan.

i) Membaru Muka Jalan

Keadaan permukaan jalan yang tidak rata, kasar dan banyak berlaku keretakan kecil perlu diperbaharui dengan *premix* yang baru bagi mengelakkan kerosakan menjadi lebih serius dan seterusnya boleh membahayakan pengguna jalan raya. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2005 ke Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu mendapati ada permukaan jalan perlu diperbaharui kerana lapisan permukaan jalan tidak rata, kasar dan banyak berlaku keretakan kecil. Lawatan Audit ke Jalan Spoah/Spur dan Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga di Bahagian Betong mendapati keadaan permukaan jalan telah rosak dan perlu dilapis semula dengan *premix* seperti di **Foto 17** dan di **Foto 18**.

Foto 17
Keadaan Permukaan Jalan Yang Rosak Dan Perlu Dilapis Semula



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 17 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Spoah Spur, Bahagian Betong



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 18 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga, Bahagian Betong

Semakan Audit terhadap program kerja tahunan mendapati tiada program dirancang untuk membaru muka jalan di jalan yang terlibat. Bagaimanapun di Bahagian Betong, kontraktor ada menyediakan *in-house programme* bagi melapis semula permukaan jalan di beberapa batang jalan seperti di Jalan Spaoh Spur dan Jalan Roban.

ii) Menyenggara Bahu Jalan

Bahu jalan perlu disenggara dengan baik supaya air tidak bertakung dan mengalir ke arah permukaan jalan yang boleh mengakibatkan kerosakan terhadap lapisan jalan berturap yang sedia ada dan seterusnya boleh membahayakan pengguna jalan raya. Aras bahu jalan yang rendah perlu ditambah dengan tanah. Manakala aras bahu jalan yang tinggi perlu direndahkan searas dengan permukaan jalan supaya air tidak bertakung. Selain itu, bahu jalan yang sempit perlu dilebarkan supaya dapat menjaga keselamatan pengguna jalan raya ketika berlaku kecemasan. Lawatan Audit pada bulan Ogos 2005 ke Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu mendapati ada bahu jalan yang tidak disenggara dengan baik. Bahu jalan didapati lebih tinggi daripada aras jalan seperti di Jalan Mentong Merau/Paon Limau, Bahagian Samarahan dan Jalan Kanowit Penyulau, Bahagian Sibu. Sementara Jalan Muara Mongkos pula didapati bahu jalannya lebih rendah ataupun langsung tidak mempunyai bahu jalan seperti **Foto 19** hingga **Foto 22**. Keadaan ini boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya ketika berlaku kecemasan.

Foto 19
Keadaan Bahu Jalan Yang Rendah
Dari Aras Jalan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 02 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Muara Mongkos, Bahagian Samarahan

Foto 20
Keadaan Bahu Jalan Yang Sempit



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 02 Ogos 2005
Lokasi : Jalan Muara Mongkos, Bahagian Samarahan

Foto 21

Keadaan Bahu Jalan Lebih Tinggi Dari Aras Jalan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 02 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Mentong Merau/Paon Limau, Samarahan

Foto 22



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 13 Julai 2005

Lokasi : Jalan Kanowit/Penyuluau, Bahagian Sibu

iii) Memasang Papan Tanda Dan Perabot Jalan

Jalan perlu mempunyai papan tanda dan perabot jalan yang mencukupi bagi memberi panduan kepada pengguna jalan raya. Lawatan Audit ke Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu pada bulan Ogos 2005 mendapati papan tanda dan perabot jalan yang rosak dan hilang di Jalan Mentong Merau/Paon Limau dan Jalan Muara Mongkos Bahagian Samarahan tidak diganti seperti **Foto 23** dan **24**

Foto 23

Papan Tanda Jalan Yang Hilang/Rosak Dan Tidak Diganti



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 02 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Mentong Merau/Paon Limau, Bahagian Samarahan

Foto 24



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 02 Ogos 2005

Lokasi : Jalan Muara Mongkos, Bahagian Samarahan

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab Jabatan untuk memastikan papan tanda dan perabot jalan dipasang dengan secukupnya di setiap jalan yang berkaitan bagi memberi panduan dan keselamatan kepada pengguna terutama ketika memandu di waktu malam.

c) Kerja Yang Diarahkan Dari Semasa Ke Semasa

Mengikut syarat perjanjian kontrak, Jabatan boleh mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja penyenggaraan yang tidak termasuk dalam aktiviti penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala termasuk bagi kerja kecemasan. Bayaran dibuat berdasarkan kepada kadar harga yang telah dipersetujui dalam perjanjian kontrak. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005, ada 24 kerja yang diarahkan oleh Jabatan telah dilaksanakan oleh kontraktor dengan kos berjumlah RM10.24 juta. Daripada jumlah tersebut, enam daripadanya adalah di Bahagian Samarahan dan Betong dengan kos berjumlah RM4.56 juta. Tiada kerja yang diarah dan dilaksanakan oleh Jabatan di Bahagian Sibu. Aktiviti kerja penyenggaraan yang terlibat adalah seperti menaik taraf jalan, membaiki cerun, membina *gabion* dan membaiki bahu jalan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Aktiviti Kerja Penyenggaraan Yang Diarahkan
Dari Semasa Ke Semasa Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bahagian	Butiran Kerja	Tarikh Siap Dilaksanakan	Amaun (RM juta)
Samarahan	i. Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Jalan Muara Mongkos ii. Membaiki Bahu Jalan Di KM 9 Jalan Mentong Merau / Paon Limau iii. Membaiki Bahu Jalan Di KM 2 Jalan Kpg. Tema, SerianMembina iv. <i>Gabion</i> di KM 2.3 Jalan Kpg. Sebandi Ulu / Sebandi Matang v. Membina <i>Gabion</i> di KM 3.5 Jalan Kpg. Sebandi Ulu / Sebandi Matang	Okt. 2004 Dis. 2004 Jan 2005 Mac 2005 Mac 2005	4.00 0.09 0.09 0.08 0.11
Betong	vi. Membaiki Cerun Runtuh di KM 14.2 Jalan Ulu Layar / Nanga Tiga	Feb. 2005	0.29
Jumlah			4.56

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

Sementara itu, ada 7 kerja penyenggaraan lagi dengan anggaran kos berjumlah RM560,949 perlu dilaksanakan tetapi belum diluluskan oleh Ibu Pejabat Jabatan

Kerja Raya. Kerja tersebut perlu segera dilaksanakan bagi mengelak kerosakan menjadi lebih serius dan seterusnya boleh membahayakan pengguna jalan raya. Selain itu, ia juga bertujuan memperbaiki mutu jalan berkenaan dan sekali gus memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya. Jenis kerja yang terlibat adalah seperti mengganti pembetung besi (AMCO), menaik aras jalan yang terkena banjir di Jalan Tanjung Assam dan membaiki cerun runtuh di jalan Ulu Layar/Nanga Tiga, Bahagian Betong.

Semasa lawatan Audit ke Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga di Bahagian Betong pada bulan Ogos 2005 mendapati cerun runtuh telah berlaku di Kilometer 14.3, Kilometer 15 dan Kilometer 20. Satu daripada cerun runtuh iaitu di Kilometer 14.3 telah siap dilaksanakan dengan kos berjumlah RM289,241. Bagaimanapun cerun runtuh yang berlaku di Kilometer 15 dan Kilometer 20 belum lagi dibaiki dan memerlukan tindakan segera. Keadaan cerun yang runtuh agak kritikal di mana hampir setengah permukaan jalan tidak berturap telah rosak dan keadaannya mungkin akan bertambah teruk apabila tiba musim hujan seperti **Foto 25** dan **Foto 26**. Cadangan untuk membaiki cerun tersebut telah dikemukakan oleh kontraktor kepada Jabatan pada bulan Oktober 2004 dengan anggaran kos berjumlah RM252,200, namun belum lagi diluluskan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Foto 25
Keadaan Cerun Runtuh Yang Memerlukan Pembaikan Segera



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 18 Ogos 2005
Lokasi : KM 15, Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga, Bahagian Betong



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 18 Ogos 2005
Lokasi : KM 20, Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga, Bahagian Betong

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak memberi keutamaan dan mengambil tindakan segera terhadap aktiviti kerja penyenggaraan yang kritikal bagi mengelakkan kerosakan jalan yang lebih teruk dan seterusnya boleh meningkatkan kos penyenggaraan. Selain itu, ia juga boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya tersebut.

Mengikut syarat perjanjian kontrak, aktiviti kerja penyenggaraan jalan yang diarah oleh Jabatan (termasuk kerja kecemasan) untuk dilaksanakan yang kosnya kurang daripada RM200,000 boleh dilaksanakan terus oleh kontraktor. Manakala bagi kerja penyenggaraan jalan yang melebihi daripada kos tersebut, panggilan tender hendaklah dipelawa dan kontraktor dibenarkan untuk menyertai tender tersebut. Semakan Audit terhadap kerja yang dilaksanakan mendapati perkara berikut:

a) Kerja Menaik Taraf Dan Membaih Pulih Di Jalan Muara Mongkos, Bahagian Samarahan

Adalah didapati kerja menaik taraf jalan di Jalan Muara Mongkos, Bahagian Samarahan telah dilaksanakan oleh kontraktor yang sama dengan kos berjumlah RM4 juta. Perolehan kerja dilaksanakan tanpa dipelawa tender kerana pengecualian tender bagi melaksanakan kerja tersebut telah diperolehi daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Bagaimanapun Jabatan lewat mengemukakan permohonan pengecualian prosedur tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri iaitu pada awal bulan Julai 2005, sedangkan kelulusan diperolehi pada pertengahan bulan Julai 2005. Kerja membaik pulih jalan tersebut telah siap dilaksanakan pada bulan Oktober 2004 yang melibatkan aktiviti menambak *crusher-run* dan menghampar *premix*.

Semakan Audit seterusnya mendapati tiada ikatan perjanjian kontrak dibuat antara kontraktor dengan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan kerja membaik pulih jalan tersebut. Walaupun kontraktor mendapat pengecualian tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri, namun perjanjian kontrak perlu dibuat antara pihak kontraktor dengan Kerajaan seperti yang dikehendaki dalam Arahan Perbendaharaan. Perjanjian Kontrak penting bagi menjaga kepentingan Kerajaan seperti jaminan kualiti kerja, penyelian, tempoh penyiapan sesuatu kerja dan tempoh membaiki kecacatan. Perjanjian kontrak yang sedia ada didapati tidak cukup bagi menjamin kepentingan Kerajaan/Jabatan terutama dari aspek penguatkuasaan terhadap kerja yang dilaksanakan. Dengan demikian, adalah disangsikan bagaimana pihak Jabatan dapat memastikan sama ada kerja yang dilaksanakan berkualiti dan mengikut spesifikasi piawaian jalan.

ii) Kerja Membaiki Cerun Di Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga Di Bahagian Betong

Semakan Audit terhadap Fail Arahan Kerja mendapati satu arahan kerja telah dikeluarkan kepada kontraktor bagi melaksanakan kerja membaiki cerun di Kilometer 14.3 Jalan Ulu Layar/Nanga Tiga di Bahagian Betong dengan kos berjumlah RM289,241. Kerja membaiki cerun runtuh di Kilometer 14.3 ini siap dilaksanakan pada bulan Februari 2005. Kerja membaiki cerun tersebut dilaksanakan secara terus oleh kontraktor yang sama kerana anggaran kos asal adalah kurang daripada RM200,000. Bagaimanapun kos sebenar kerja tersebut adalah berjumlah RM289,241 berbanding RM181,878 anggaran kos asal. Semakan Audit seterusnya mendapati walaupun pelan reka bentuk di buat oleh jurutera profesional pihak kontraktor, namun butiran terperinci mengenai kaedah pelaksanaan dan spesifikasi kerja tidak disediakan. Penyeliaan dan pengawasan terhadap kerja yang dilaksanakan juga tidak dibuat oleh jurutera profesional tersebut atau perunding lain yang dilantik. Selain itu, tiada laporan kualiti disediakan terhadap kerja yang dilaksanakan.

Pada pendapat Audit prestasi kerja penyenggaraan Jalan Negeri adalah kurang memuaskan kerana banyak aktiviti penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala tidak dilaksana dengan baik.

10.2.6 Prestasi Perbelanjaan Penyenggaraan Jalan Negeri

Kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah berdasarkan rancangan program mingguan dan tahunan yang disediakan oleh pihak kontraktor bagi menyenggara Jalan Negeri sepanjang 4,731 kilometer. Bayaran kepada kontraktor dibuat berdasarkan kadar yang dipersetujui pada perjanjian kontrak iaitu RM1,800 bagi setiap kilometer Jalan Negeri yang disenggara tidak termasuk kerja yang diarahkan oleh Jabatan. Pada tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM209.16 juta pemberian untuk menyenggara Jalan Negeri telah diterima oleh Jabatan daripada Kerajaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM201.65 juta telah dibelanjakan bagi membayai kos penyenggaraan Jalan Negeri tersebut. Semakan Audit terhadap bayaran kepada kontraktor mendapati perkara berikut:

a) Peruntukan Kewangan

Sistem Maklumat Rekod Jalan Malaysia (Malaysia Road Record Information System - MARRIS) adalah merupakan satu data maklumat jalan yang disediakan oleh Jabatan bertujuan bagi mendapatkan bantuan pemberian tahunan penyenggaraan

Jalan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Antara maklumat yang terkandung adalah seperti panjang jalan, jenis jalan dan lebar jalan. MARRIS diselenggara dan dikemas kini bagi semua Jalan Negeri pada setiap tahun. Jumlah pemberian penyenggaraan jalan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada MARRIS yang disediakan oleh Jabatan.

Semakan Audit terhadap rekod MARRIS mendapati jumlah panjang Jalan Negeri di seluruh Sarawak pada akhir tahun 2004 adalah 2,915 kilometer iaitu terdiri daripada 1,635 kilometer jalan berturap dan 1,280 kilometer jalan tidak berturap. Adalah diadapati jumlah panjang jalan tersebut tidak dikemas kini. Menurut rekod Jabatan, jumlah panjang sebenar Jalan Negeri pada tahun 2004 adalah 4,731 kilometer iaitu 3,081 kilometer jalan berturap dan 1,650 kilometer jalan tidak berturap. Semakan Audit selanjutnya mendapati bakinya sepanjang 1,816 kilometer (1,445 kilometer jalan berturap dan 371 kilometer jalan tidak berturap) lagi belum dimasukkan ke dalam MARRIS. Justeru, panjang sebenar Jalan Negeri sepatutnya dicatat dalam MARRIS pada tahun 2004 adalah sepanjang 4,731 kilometer. Akibatnya, bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kerajaan Negeri menerima pemberian penyenggaraan jalan yang yang berkurangan berjumlah RM55.73 juta. Bagaimanapun pada bulan April 2005, Jabatan telah mengemas kini maklumat MARRIS untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Pada tempoh tahun 2003 hingga 2005, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM296.72 juta pemberian penyenggaraan jalan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai kos penyenggaraan Jalan Negeri dengan kadar bulanannya RM1,695 bagi setiap kilometer untuk jalan berturap dan RM1,270 bagi jalan tidak berturap.

b) Bayaran Kepada Kontraktor

Pada tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM195.14 juta telah dibayar kepada pihak kontraktor bagi kerja penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM57.09 juta adalah bayaran untuk Bahagian Betong, Sibu dan Samarahan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 36 tuntutan bayaran kemajuan kerja yang berjumlah RM196.75 juta telah diterima daripada kontraktor. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM195.14 juta telah dijelaskan kepada pihak kontraktor. Sementara bakinya berjumlah RM1.61 juta belum lagi dijelaskan oleh Jabatan disebabkan peruntukan/pemberian yang diterima daripada Kerajaan Negeri tidak mencukupi seperti di **Jadual 16**. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran kemajuan dibuat dengan teratur mengikut kadar yang ditetapkan dalam kontrak.

Jadual 16
Bayaran Kemajuan Kepada
Pihak Kontraktor Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Bulan	Bilangan Penyata Tuntutan	Jumlah Tuntutan Terkumpul (RM juta)	Sudah Bayar	Belum Bayar
				Jumlah Kecil (RM juta)	Jumlah Kecil (RM juta)
2003	Januari hingga Disember	1 - 12	34.00	34.00	-
2004	Januari hingga Disember	13 - 24	85.62	85.62	-
2005	Januari hingga Disember	25 - 36	77.13	75.52	1.61
Jumlah			196.75	195.14	1.61

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

c) Kadar Bayaran Kepada Kontraktor

Kadar kos penyenggaraan Jalan Negeri yang ditetapkan dan dipersetujui pada setiap bulan bagi satu kilometer untuk semua jenis Jalan Negeri ialah RM1,800. Bagaimanapun kadar tersebut boleh disemak pada setiap 3 tahun. Semakan Audit mendapati kadar yang perlu dibayar kepada pihak kontraktor bagi menyenggara Jalan Negeri adalah RM1,800 setiap bulan untuk satu kilometer tanpa mengira jenis jalan yang disenggara. Kadar bayaran tersebut tidak selaras dengan pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan iaitu RM1,695 sebulan bagi setiap kilometer untuk jalan berturap. Manakala bagi jalan tidak berturap pula ialah pada kadar RM1,270 sebulan bagi setiap kilometer. Akibatnya, Jabatan mengalami maslah pembayaran kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan penyenggaraan Jalan Negeri adalah memuaskan.

10.2.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Penyenggaraan Jalan Negeri diurus oleh Cawangan Jalan di peringkat Ibu Pejabat yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Jalan Gred J54 dan dibantu oleh 8 pegawai termasuk 2 orang jurutera. Sementara di peringkat Bahagian pula, ianya diketuai oleh Jurutera Bahagian Gred J48 dan dibantu oleh Jurutera Awam Gred J41 serta kakitangan teknikal dan sokongan di Seksyen Jalan. Seksyen Jalan di peringkat Bahagian bertanggungjawab mengawasi dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

Semakan Audit di JKR Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu mendapati daripada 222 kakitangan di Seksyen Penyenggaraan Jalan, hanya 49 kakitangan sahaja yang masih tinggal bertanggungjawab mengurus dan memantau kerja penyenggaraan Jalan Negeri. Daripada sejumlah 49 kakitangan, hanya 11 orang kakitangan teknikal

sahaja yang masih kekal berkhidmat dengan Jabatan iaitu 3 kakitangan dari Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan, 4 kakitangan dari Jabatan Kerja Raya Bahagian Betong dan 4 kakitangan dari Jabatan Kerja Raya Bahagian Sibu. Dengan bilangan kakitangan teknikal yang terhad ini, tugas mengurus dan memantau kerja penyenggaraan Jalan Negeri yang terdiri daripada 275 jalan iaitu 101 di Bahagian Samarahan, 98 Bahagian Betong dan 76 Bahagian Sibu seperti menjalankan *Road Condition Rating Survey*, memantau kerja penyenggaraan Jalan Negeri dan membuat pengesahan kerja terhadap tuntutan bayaran bulanan yang dikemukakan oleh kontraktor tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, pegawai terlibat juga perlu melaksanakan tugas pengawasan dan pemantauan terhadap kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan dan juga menjalankan tugas pentadbiran lain. Akibatnya, kerja penyenggaraan tidak dapat diurus dan dipantau dengan baik.

b) Latihan

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan telah mengadakan latihan yang sesuai dengan tugas kakitangan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas yang berkaitan dengan penyenggaraan jalan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005, daripada 20 kursus dan latihan yang dirancang, hanya 2 daripadanya telah dilaksanakan. Manakala bagi tempoh tahun 2003 tiada maklumat diperolehi daripada Jabatan. Antara kursus yang telah diadakan dan dihadiri oleh kakitangan Seksyen Jalan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005 adalah seperti *Introduction to Satelite GPS Survey And Its Application In GIS, Occupation Safety, Health And Environmental Protection* dan *Practical Traning On Laboratory Tests*.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak mempunyai kakitangan teknikal yang mencukupi di Seksyen Penyenggaraan Jalan bagi memantau kerja penyenggaraan jalan yang dijalankan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan secara kontrak pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan. Kerja penyenggaraan biasa seperti memotong rumput dan membaiki kerosakan jalan tidak dilaksanakan dengan baik. Manakala bagi aktiviti penyenggaraan berkala pula seperti membaru muka jalan juga amat kurang dilaksanakan.

10.3 PEMANTAUAN

Projek penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksana perlu dipantau dengan baik dan berterusan supaya ianya berjalan dengan lancar dan teratur serta mengikut perancangan

yang telah dibuat. Adalah menjadi tanggungjawab Cawangan Jalan Jabatan Kerja Raya (Ibu Pejabat) khususnya Seksyen Penyenggaraan Jalan dan Jabatan Kerja Raya Bahagian memantau projek penyenggaraan Jalan Negeri seperti membuat lawatan dan pemeriksaan ke tapak projek, mengadakan mesyuarat, menyediakan laporan dan mengambil tindakan yang sewajarnya tehadap Aduan Pengguna Jalan Raya.

10.3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Zon/Bahagian

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan juga memantau pelaksanaan projek melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Zon yang diadakan setiap bulan seperti yang ditetapkan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Jurutera Bahagian dan dihadiri oleh Penolong Jurutera Bahagian, Jurutera Penyenggaraan Jalan, Jurutera Daerah, Penyelaras Penyenggaraan Jalan Bahagian, Juruteknik Seksyen Penyenggaraan Jalan Bahagian, Juruteknik Daerah dan wakil daripada pihak kontraktor yang bertujuan membincangkan perkembangan terkini projek penyenggaraan jalan. Setakat bulan Julai 2005, didapati sebanyak 17 mesyuarat telah diadakan iaitu 10 kali di Bahagian Samarahan dan 7 kali di Bahagian Betong. Manakala di Bahagian Sibu pula pemantauan dibuat melalui Mesyuarat Bersama Penyenggaraan Jalan Negeri dan Persekutuan dan sebanyak 8 mesyuarat telah diadakan. Antara lain perkara yang dibincangkan ialah Program Kerja Tahunan, Pelan Rancangan bagi kawasan yang selalu mengalami banjir, tanda amaran bagi kerja kecemasan di jalan, kehilangan papan tanda jalan, mutu kerja yang kurang memuaskan dan tindakan yang diambil oleh kontraktor terhadap aduan daripada pengguna jalan raya.

10.3.2 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Ibu Pejabat

Mengikut perjanjian kontrak, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri hendaklah diadakan 3 bulan sekali. Mesyuarat ini bertujuan bagi membincangkan perkara berbangkit berkaitan masalah penyenggaraan Jalan Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri hanya diadakan sebanyak 4 kali bermula daripada akhir bulan September 2003 hingga awal bulan Mei 2005. Mesyuarat ini dikendalikan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya. Ianya dihadiri oleh Jurutera Awam dari Seksyen Penyenggaraan Jalan, Jurutera Bahagian dan wakil daripada kontraktor. Perkara yang sering dibincangkan ialah masalah kerja pemotongan rumput di buah jalan yang kurang memuaskan, penyenggaraan biasa hendaklah dibuat mengikut jadual kerja, penyewaan jentera dan mesin, kedudukan terkini kakitangan di Seksyen Penyenggaraan Jalan yang ditawarkan berkhidmat dengan kontraktor termasuk yang masih menduduki kuarters Kerajaan dan peruntukan kewangan. Adalah

didapati perkara atau masalah yang dibangkitkan telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berkenaan.

10.3.3 Pengawasan Projek

Pengawasan projek yang rapi dan berterusan adalah penting bagi memastikan projek penyenggaraan jalan negeri dilaksanakan dengan baik dan mengikut standad dan spesifikasi yang ditetapkan. Adalah didapati tahap pengawasan projek penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan sama ada di peringkat Bahagian ataupun Ibu Pejabat adalah minimum. Ini adalah disebabkan ramai kakitangan di Seksyen Jalan telah menyertai atau telah dipinjamkan kepada kontraktor. Jabatan banyak memantau tehadap pelaksanaan dan kualiti kerja melalui Laporan Kerja Bulanan dan Laporan Kualiti yang disediakan oleh kontraktor tanpa pengawasan rapi dari pihak ketiga. Justeru, tanpa pengawasan yang rapi dari pihak ketiga adalah sukar memastikan sama ada kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah bermutu dan mengikut standad dan spesifikasi yang ditetapkan.

10.3.4 Aduan Pengguna Jalan Raya

Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan, setiap aduan pengguna jalan raya perlu diambil tindakan dalam tempoh 24 jam dari tarikh aduan diterima. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor ada menyediakan kemudahan talian *hotline* Jalanraya yang diperkenalkan pada bulan Ogos 2004. Ianya bertujuan untuk memudahkan pengguna jalan raya membuat aduan terhadap kerosakan Jalan Negeri yang di bawah seliaan kontraktor. Nombor talian ini ada dipamerkan di setiap kenderaan kontraktor dan papan tanda jalan. Semakan Audit terhadap rekod aduan mendapati bagi tahun 2005, sejumlah 46 aduan diterima dari pengguna jalan raya. Daripada sejumlah 46 aduan tersebut, dua puluh tiga dari Bahagian Sibu, lapan dari Bahagian Samarahan dan 15 dari Bahagian Betong. Antara aduan yang sering diterima daripada pengguna jalan raya adalah seperti jalan berlubang, jalan yang mengalami kerosakan teruk, rumput tidak dipotong, kerosakan jambatan dan longkang tidak dibersih. Semakan lanjut Audit mendapati kontraktor telah mengambil tindakan dengan segera bagi setiap aduan yang diterima. Selain itu, Jabatan juga ada menerima aduan daripada pengguna jalan raya melalui panggilan telefon, surat dan e-mel tetapi tidak direkodkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap projek penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan secara kontrak adalah kurang memuaskan.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Penyenggaraan Jalan Negeri yang dilaksanakan secara kontrak tidak dilaksanakan dengan baik. Walaupun Jabatan dapat menumpukan sepenuhnya terhadap aktiviti penyenggaraan jalan apabila kerja penyenggaraan dilaksanakan secara kontrak, namun ia gagal menggunakan segala sumber tenaga dan kewangan yang diperolehi secara optimum bagi menyenggara Jalan Negeri dengan memuaskan. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan penyenggaraan jalan negeri adalah disyorkan:

- i) Jabatan seharusnya mengenal pasti Jalan Negeri yang boleh dibuat tanda aras (*benchmark road*) sebelum Kerajaan/Jabatan membuat keputusan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan secara kontrak. Ia bertujuan bagi membandingkan kualiti jalan yang disenggara oleh Jabatan dengan jalan yang disenggara oleh kontraktor dan juga bagi mendapatkan anggaran kos penyenggaraan jalan.
- ii) Pengagihan aktiviti penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala perlu dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian kontrak supaya penyenggaraan Jalan Negeri dapat dilaksanakan dengan lebih komprehensif.
- iii) Perolehan kerja penyenggaraan Jalan Negeri wajar dibuat secara tender terbuka bagi memastikan Kerajaan memperolehi harga tawaran yang kompetatif.
- iv) Jabatan perlu berbincang dengan agensi yang terlibat dengan aktiviti pembalakan dan kelapa sawit bagi berkongsi kos penyenggaraan jalan yang rosak akibat penggunaan kenderaan berat yang begitu intensif. Jabatan juga perlu bekerjasama dengan pihak penguatkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Polis Diraja Malaysia bagi membendung kegiatan kenderaan berat yang membawa muatan berlebihan. Selain itu, Jabatan disaran meletakkan Papan Tanda Berat Muatan di tepi jalan berkenaan dan seterusnya mewartakannya bagi memudahkan pejabat/agensi penguatkuasa melaksanakan tugas mereka.
- v) Kadar yang dibayar kepada kontraktor wajar ditetapkan berdasarkan kepada jenis dan keadaan jalan serta selaras dengan pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan supaya tidak berlaku masalah pembayaran kepada kontraktor.
- vi) Satu jadual program penyenggaraan berkala melibatkan semua jalan negeri perlu disediakan bagi membolehkan penyenggaraan jalan negeri yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.
- vii) Memastikan Daftar Jalan Negeri yang dibuat melalui Sistem Maklumat Rekod Jalan Malaysia (MARRIS) sentiasa dikemas kini supaya pemberian penyenggaraan jalan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan jumlah panjang sebenar jalan raya di Sarawak.

- viii) Jabatan wajar menyediakan peruntukan tahunan untuk menaik taraf jalan iaitu dari jalan tidak berturap kepada jalan berturap dan sekali gus dapat meningkatkan status Jalan Negeri. Selain itu, adalah wajar Jabatan memasukkan tanggungjawab untuk memperbaiki status Jalan Negeri ke dalam syarat perjanjian kontrak agar status Jalan Negeri dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
- ix) Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penyenggaraan Jalan Negeri, peruntukan yang mencukupi sewajarnya disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya.
- x) Menyediakan perjanjian kontrak yang berasingan bagi kerja yang diarahkan yang kosnya melebihi RM200,000 seperti yang dikehendaki dalam Arahan Perbendaharaan. Ini adalah bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan dan kepentingan Kerajaan terpelihara.
- xi) Pemantauan terhadap aktiviti penyenggaraan terutama bagi aktiviti penyenggaraan berkala seperti membaru muka jalan perlu dibuat dengan lebih baik bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dibuat mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.
- xii) Jabatan perlu menambah kakitangan teknikal di Seksyen Penyenggaraan Jalan di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian supaya pengurusan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- xiii) Jabatan wajar melantik satu pasukan khas atau perunding bebas bagi mengawasi projek yang dilaksanakan supaya mutu kerja yang dilaksanakan dapat dibuat dengan lebih rapi dan terjamin.

JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA)

12. LATAR BELAKANG

12.1 Pada tahun 1990, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA). Program ini dilancarkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada Januari 1989 dan diluluskan pelaksanaannya oleh Mesyuarat Jemaah Menteri Persekutuan pada September 1989.

12.2 Matlamat utama program KAFA adalah untuk mewujudkan satu sistem kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain yang tersusun, seragam dan bersepadu di seluruh negara. Program ini dilaksanakan bagi memastikan semua kanak-kanak Islam di negara ini yang berumur antara 6 hingga 12 tahun dapat membaca Al-Quran dengan baik dan betul serta mempelajari dan mengamalkan perkara asas yang menjadi fardhu kepada orang Islam. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkuatkannya lagi asas pendidikan Agama Islam di sekolah kebangsaan bagi memastikan pelajar di sekolah tersebut mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan dan pengetahuan Agama Islam. Program KAFA adalah berkonsepkan pendidikan agama peringkat rendah bagi menyokong dan memperkuuh pendidikan Islam yang dilaksana melalui sistem pendidikan kebangsaan. Penekanan dan tumpuan adalah diberi kepada latihan amali dan kemahiran membaca Al-Quran mengikut tajwid di samping memberi kemahiran terhadap penulisan dan pembacaan tulisan jawi.

12.3 Program KAFA dilaksanakan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. JAKIM bertanggungjawab untuk merancang dan menyedia peruntukan tahunan serta menentukan dasar dan Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang perlu diikuti oleh setiap negeri. Manakala Kementerian Pelajaran pula dipertanggungjawabkan bagi menyedia kemudahan tempat belajar dan memberi kebenaran bagi penggunaan sekolah serta kemudahan lain yang berkaitan dan jika perlu mengawasi pelaksanaan KAFA yang diadakan di sekolah tersebut. Bagi negeri Sarawak, semua kelas KAFA diadakan di sekolah dan tidak melibatkan premis lain. Pada tahun 2005, sebanyak 440 buah sekolah telah mendaftar bagi kelas KAFA dengan bilangan pelajar seramai 56,190 orang.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

14.1 Kajian ini dipilih adalah kerana program KAFA merupakan asas pendidikan Agama di kalangan murid beragama Islam yang dilaksanakan di negara ini melalui sistem pendidikan kebangsaan. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan program ini di negeri Sarawak serta masalah yang wujud dalam pelaksanaannya. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti KAFA oleh JAIS dan JAKIM bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat JAIS, JAIS Bahagian Sarikei, JAIS Bahagian Miri dan 11 buah sekolah yang dipilih di Bahagian Kuching, Sarikei dan Miri.

14.2 Kaedah Pengauditan melibatkan semakan Audit terhadap Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, fail kewangan, buku kehadiran, dokumen pelantikan penyelia dan guru KAFA, minit mesyuarat dan rekod berkaitan. Selain itu temu bual dengan pegawai JAIS, penyelia dan guru KAFA serta lawatan ke kelas KAFA turut dijalankan. Borang Soal Selidik diedarkan kepada ibu bapa murid di beberapa buah sekolah yang dilawati bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan kelas KAFA.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Perancangan mengenai program KAFA adalah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama JAIS. Pihak JAKIM juga telah menyediakan satu Garis Panduan Pelaksanaan KAFA sebagai asas bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan secara bersepada dan seragam di peringkat negeri. Aspek yang dirancang di peringkat JAKIM dan JAIS adalah seperti berikut:

15.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam mesyuaratnya kali ke 15 yang diadakan pada pertengahan bulan Oktober 1986 telah memutuskan supaya kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain disusun dan dilaksana di seluruh negara. Sehubungan itu, Dasar

Kerajaan Negeri menerusi JAIS telah memutuskan agar Program KAFA dijalankan serentak diseluruh negeri mulai pada tahun 1990.

15.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

a) Garis Panduan

Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain seluruh Malaysia telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam JAKIM, Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan penyeragaman pelaksanaan KAFA di seluruh negara. Garis Panduan ini merangkumi semua aspek pelaksanaan KAFA seperti tujuan, objektif, konsep, sistem pengurusan KAFA, syarat pewujudan kelas, pentadbiran KAFA, pengurusan kewangan dan sebagainya.

b) Peraturan Pewujudan Kelas KAFA

Permohonan mewujudkan kelas KAFA hendaklah dibuat dengan mengisi Borang A dan B sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Kelima, Garis Panduan KAFA. Borang A merupakan borang yang mengandungi maklumat mengenai kelas KAFA yang akan diadakan. Borang B pula adalah maklumat mengenai murid yang akan mengikuti kelas KAFA. Pewujudan kelas KAFA boleh dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Ada permohonan bagi pewujudan kelas yang dibuat oleh masyarakat setempat.
- ii) Ada 25 hingga 30 orang murid berumur antara 6 hingga 12 tahun.
- iii) Tidak ada Sekolah Rendah Agama Rakyat atau Sekolah Rendah Agama Negeri di kawasan kelas KAFA hendak diadakan melainkan jika sekolah berkenaan telah diintergrasikan dengan KAFA.
- iv) Ada guru yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh JAKIM untuk mengendalikan kelas.
- v) Ada premis yang sesuai dan selesa bagi tempat belajar serta dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi.
- vi) Selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan didalam Garis Panduan pelaksanaan KAFA, pewujudan kelas KAFA juga tertakluk kepada kuota kelas yang telah ditetapkan oleh Pihak JAKIM.

15.1.3 Sasaran Program

Sasaran program KAFA adalah supaya murid yang berumur 6 hingga 12 tahun bagi sekolah yang berdaftar untuk kelas KAFA menghadiri kelas dan kurikulum yang ditetapkan. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, JAIS telah mensasarkan seramai 56,190 orang murid di 440 buah sekolah yang akan mengikuti kelas KAFA.

Selain itu, murid beragama Islam juga dikehendaki mengambil ujian KAFA. Ujian KAFA diadakan dan diselaraskan oleh JAIS bersama dengan JAKIM secara bulanan dan tahunan bagi tujuan mengenal pasti pencapaian dan prestasi murid dari semasa ke semasa. Murid yang tidak mengikuti kurikulum yang ditetapkan oleh JAKIM sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum sesuatu ujian diadakan adalah tidak dibenarkan memasuki ujian KAFA. Di samping itu murid juga dikehendaki untuk menjalani latihan amali solat. Sasaran program boleh diukur berdasarkan prestasi kehadiran murid dan ujian penilaian kelas KAFA.

15.1.4 Komponen Program

Program KAFA adalah merangkumi kurikulum yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Komponen program adalah terdiri daripada kelas Al-Quran dan Fardhu Ain. Kelas Al-Quran akan memberi penekanan kepada asas bacaan Al-Quran, hukum tajwid dan hafazan. Manakala kelas Fardhu Ain pula akan menitikberatkan penghayatan cara hidup Islam. Semua kelas KAFA di seluruh negara hendaklah menggunakan pakai kurikulum dan bahan rujukan KAFA yang dikeluarkan oleh JAKIM termasuklah kelas yang diintegrasikan dengan Sekolah Rendah Agama Rakyat. Penggunaan bahan rujukan yang lain akan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada JAKIM atau JAIS. Penggunaan buku dan bahan rujukan lain yang bertentangan dengan ajaran dan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah dilarang.

15.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan KAFA di negeri Sarawak adalah di bawah tanggungjawab Unit KAFA, JAIS. Unit ini hendaklah berperanan bagi pelantikan penyelia dan guru, memastikan peruntukan kewangan disalurkan sewajarnya serta memastikan Jawatankuasa yang ditubuhkan berperanan mengikut tujuan penubuhannya. Kaedah pelaksanaan kelas KAFA adalah seperti berikut:

a) Tempat Dan Peralatan

Segala kemudahan bagi tempat dan peralatan belajar dan mengajar akan disediakan oleh Kementerian Pelajaran melalui sekolah terlibat. Penyelia dan guru KAFA dikehendaki memastikan perjalanan kelas KAFA adalah mengikut tempoh masa yang ditetapkan serta kurikulum KAFA telah disampaikan kepada murid dengan sempurna.

b) Penyelia Dan Guru

Seorang penyelia akan dilantik mengikut bahagian bagi mengawasi perjalanan KAFA di bahagian tersebut. Pelantikan bagi jawatan Penyelia dan guru KAFA yang

akan dilaksanakan oleh JAIS hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak JAKIM. Pemohonan bagi jawatan penyelia adalah melalui iklan yang ditawarkan dan temuduga yang diadakan oleh JAIS. Bagi jawatan guru pula, permohonan boleh dibuat melalui borang yang disediakan oleh JAKIM. Borang tersebut boleh didapati di JAIS. Segala pembayaran gaji bagi guru dan penyelia dan penamatan kontrak bagi penyelia juga tertakluk di bawah tanggungjawab JAIS.

c) Kurikulum

Kurikulum KAFA yang telah ditetapkan oleh JAKIM adalah Al-Quran, Fiqh, Tauhid, Sirah An Nabawi, Akhlak Islam, Jawi Dan Khat dan Bahasa Arab. Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) akan diadakan bagi murid yang mengikuti kelas KAFA di tahun lima. Ujian akan diadakan secara amali bagi mata pelajaran seperti bacaan Al-Quran, hafazan dan solat. Manakala ujian bertulis akan diadakan bagi mata pelajaran Hukum Tajwid, Penghayatan Al-Quran, Fikh, Tauhid, Sirah, Akhlak, Jawi dan Bahasa Arab. Kelas KAFA akan diadakan 2 jam sehari dan 3 kali seminggu atau 6 jam seminggu. Kelas yang akan diadakan tidak melebihi 24 jam sebulan. Penempatan bagi murid yang mengikuti kelas KAFA adalah mengikut kategori umur kecuali bagi murid yang bermasalah seperti tidak mahir dalam pembacaan Al-Quran dan tulisan Jawi ditempatkan di kelas khas yang bersesuaian.

15.1.6 Keperluan Kewangan

JAIS menganggarkan sejumlah RM24.61 juta adalah diperlukan untuk mengurus kewangan KAFA bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Sumber peruntukan adalah pemberian Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM, dan Hasil Pelaburan yang diurus oleh Tabung Kewangan Amanah KAFA. Tabung ini hendaklah ditubuhkan oleh JAIS dan diurus mengikut kehendak Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Sumber peruntukan tersebut hanya boleh diguna bagi membayar elaun penyelia, guru dan kakitangan KAFA yang dilulus oleh JAKIM serta membiayai program atau aktiviti yang dilulus secara bertulis oleh JAKIM. Manakala Hasil Pelaburan pula akan digunakan bagi menampung pembiayaan elaun perjalanan penyelia, elaun pekerja sukarelawan, perbelanjaan pejabat, peralatan pejabat, UPKK, aktiviti murid, alat bantuan mengajar dan buku persediaan mengajar yang dilulus oleh JAKIM.

Pihak JAIS juga dikehendaki menyediakan laporan kewangan dan aktiviti KAFA setiap 3 bulan sekali, anggaran perbelanjaan tahunan serta aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya bersama dengan laporan kewangan suku tahun sebelum bulan September setiap tahun.

15.1.7 Struktur Pengurusan KAFA

Satu Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Negeri (JPKPN) perlu ditubuhkan dan hendaklah dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak dan diwakili oleh pihak JAIS, JAKIM, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Mufti Sarawak, Tabung Baitulmal dan tokoh lain yang difikirkan perlu.

Unit KAFA di Bahagian Pendidikan JAIS pula telah dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan KAFA seluruh negeri Sarawak. Pengurusan di peringkat bahagian akan diselia oleh seorang penyelia yang dilantik oleh JAIS. Manakala di peringkat kelas pengurusan KAFA adalah di bawah tanggungjawab Guru Besar dan Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Kelas (JPKPK). Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Guru Besar atau ketua masyarakat setempat jika premis kelas KAFA adalah selain daripada sekolah.

15.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

i) Pelantikan Penyelia

Pemohonan bagi jawatan penyelia adalah melalui tawaran iklan dan temuduga dilaksanakan oleh JAIS. Syarat utama permohonan jawatan penyelia adalah warganegara Malaysia, berumur antara 21 hingga 60 tahun semasa lantikan pertama, sihat tubuh badan dan mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia. Bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada pesara guru yang fasih membaca dan mempunyai pengetahuan mengenai hukum hakam Al-Quran dan ilmu Fardhu Ain. Pelantikan adalah secara kontrak dan perlu diperbaharui setiap tahun. Elaun bagi penyelia akan dibayar secara bulanan sejumlah RM500 sebulan dan apa juga elaun yang diluluskan oleh Kerajaan melalui JAKIM dan disampaikan secara bertulis kepada JAIS. Elaun perbatuan pula akan dibayar kepada penyelia sepenuh masa tidak melebihi RM250 sebulan manakala bagi penyelia separuh masa tuntutan boleh dibuat mengikut kadar jawatan hakikinya.

ii) Pelantikan Guru

Permohonan jawatan bagi guru boleh dibuat pada bila-bila masa bagi mengelak berlakunya kekurangan guru sekiranya ada guru yang meletak jawatan. Kelayakan bagi seorang guru mestilah berumur antara 18 hingga 60 tahun, berpengetahuan dan mahir membaca Al-Quran serta lulus ujian bertulis dan lisan yang dijalankan oleh JAIS. Elaun bagi guru akan dibayar berdasarkan tempoh mengajar dengan bayaran RM14 sejam dan tertakluk kepada maksimum

24 jam atau RM336 sebulan. Tuntutan elauan guru akan dibuat dengan mengisi borang yang disediakan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh, Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Tuntutan perlu disahkan oleh salah seorang ahli JPKPK dan disahkan semula oleh penyelia Bahagian. Tuntutan ini akan dikemukakan kepada JAIS sebelum 10 hari bulan pada bulan berikutnya.

b) Kursus Dan Latihan

Pihak JAIS dengan kerjasama JAKIM dan Kementerian Pelajaran hendaklah dari semasa ke semasa mengadakan kursus dan latihan yang bersesuaian kepada penyelia dan guru bagi meningkatkan kualiti kelas KAFA. Kursus dan latihan tersebut adalah seperti Kursus Penyelia KAFA, Kursus Pendedahan Guru, Bengkel Al-Quran, Bengkel Penguasaan Jawi Dan Tajwid dan Bengkel Penyemakan Kertas UPKK. Setiap kursus dan latihan yang dirancang perlu mendapat kebenaran bertulis daripada JAKIM terlebih dahulu. Bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Julai 2005 sebanyak 84 kursus dan latihan telah dirancang seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Kursus Dan Latihan Yang Dirancang Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Nama Kursus	Bil. Diadakan	Tempat Diadakan	Sasaran	Penyelaras
Tahun 2003					
1.	Kursus Penyelia KAFA	1	Kuching	Penyelia	Bahagian Pendidikan KAFA
2.	Taklimat Guru KAFA	9	Kuching/Samarahan/ Sri Aman/Sarikei/Sibu/ Bintulu/Miri/Limbang/Lawas	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
3.	Kursus Pendedahan Guru KAFA	2	Kuching/S amarahan	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
4.	Kursus Peningkatan Guru KAFA	7	Sri Aman/Sarikei/Sibu/ Bintulu/Limbang/Miri/Lawas	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
5.	Bengkel Guru KAFA	9	Sri Aman/Sarikei/Kuching/ Sibu/Bintulu/Miri/Limbang/Lawas	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
Jumlah Kecil		28			
Tahun 2004					
1.	Taklimat Guru KAFA	9	Kuching/Samarahan/ Sri Aman/Sarikei/Sibu/ Bintulu/Miri/Limbang/Lawas	Guru	Penyelia KAFA
2.	Seminar Kecemerlangan Guru KAFA	6	Kuching/Samarahan/ Sri Aman/Sarikei/Sibu	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
3.	Bengkel Al-Quran	6	Kuching/Samarahan/ Sri Aman/Sarikei/Sibu	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
4.	Seminar Motivasi Guru KAFA	1	Sri Aman	Guru	JAIS
Jumlah Kecil		22			
Tahun 2005					
1.	Peningkatan Profesionalisme Guru KAFA	12	Limbang/Lawas/Sarikei/ Sibu/Mukah/Sri Aman/ Betong/Saratok/Miri/Bintulu/Kuching	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
2.	Seminar Pengerusi KAFA	3	Sri Aman/Betong/Kuching/ Miri	Pengerusi KAFA Sekolah	Bahagian Pendidikan KAFA
3.	Kursus Pendedahan HSP (Guru Baru KAFA)	1	Kuching	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
4.	Bengkel Penguasaan Jawi dan Tajwid	27	Kuching/Sri Aman/ Samarahan/Miri/Bintulu/Sibu/Lawas	Guru	Bahagian Pendidikan KAFA
Jumlah Kecil		43			
JUMLAH BESAR		93			

Sumber: Rekod Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

15.1.9 Kemudahan Peralatan Dan Alat Bantuan Mengajar

Jabatan Pelajaran Negeri perlu membenarkan semua sekolah menggunakan bangunan dan kemudahan asas seperti kerusi, meja, keperluan kelas yang lain, bilik solat dan sebagainya yang diperlukan bagi melaksanakan program KAFA di negeri Sarawak. Bagi maksud tersebut, Jabatan Pelajaran telah mengeluarkan arahan kepada guru besar sekolah supaya memberi kebenaran penggunaan bangunan dan kemudahan asas di sekolah.

JPKPK perlu memastikan adanya segala kemudahan seperti kelas dan peralatan mengajar yang sesuai sebelum mengemukakan cadangan bagi pembukaan kelas KAFA kepada JAIS. Bagi pembelian peralatan mengajar tambahan seperti buku Iqra, buku amali dan alat bantuan mengajar, JPKPK boleh mengutip yuran secara sukarela daripada ibu bapa atau penjaga murid yang berkemampuan.

Selain itu, penyelia bahagian juga boleh membuat permohonan kemudahan peralatan seperti peralatan pejabat, komputer dan peralatan lain daripada JAIS untuk kegunaan semasa menjalankan tugas berdasarkan peruntukan yang ada.

15.1.10 Kaedah Pemantauan

Kaedah pemantauan yang melibatkan pengurusan KAFA dijalankan mengikut perancangan dan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa diperingkat persekutuan, negeri, daerah dan kelas seperti berikut:

a) Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Persekutuan

Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Persekutuan (JPKPP) diberi tanggungjawab untuk merancang pelaksanaan dan menyediakan peruntukan, menentukan dasar dipatuhi, memberi khidmat nasihat dasar Pendidikan Islam kepada JAIS, menyelaras kurikulum KAFA dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran/Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah JAKIM, wakil daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Perkhidmat Awam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Pentadbiran), Yang Di Pertuan Majlis/Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Pengarah Jabatan Pembangunan Negeri Kelantan, Pengarah Yayasan Islam Trengganu, Pengarah JAKIM Negeri Sabah dan Pengarah Bahagian Pembangunan Pendidik Islam JAKIM.

b) Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri (JPKPN)

JPKPN pula ditubuhkan bagi mengurus dan mengawal pelaksanaan KAFA di peringkat negeri, menyediakan anggaran peruntukan tahunan, memproses elauan penyelia dan guru, mengawal pertambahan kelas dan melantik penyelia dan guru. Ahlinya hendaklah terdiri daripada Yang Di Pertua Majlis Islam Sarawak, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, wakil daripada JAKIM Pusat, Kementerian Pelajaran, Pejabat Mufti Sarawak dan penyelia KAFA. JPKPN hendaklah mengadakan mesyuarat sekurangnya 2 kali setahun. Pada setengah tahun pertama mesyuarat diadakan adalah bagi menjelaskan pelaksanaan keputusan JPKPP kepada JPKPN dan agensi lain yang terlibat dengan program KAFA. Manakala setengah tahun kedua pula iaitu sebelum bulan Ogos adalah bagi menyediakan permohonan peruntukan dan perancangan bagi tahun berikutnya.

c) Penyeliaan Di Peringkat Bahagian

Seorang penyelia akan dilantik disetiap bahagian bagi menyelia guru dan kelas KAFA. Penyelia KAFA yang dilantik adalah bertanggungjawab sebagai pegawai

penghubung antara pihak JAIS dan sekolah. Penyelia akan memantau perjalanan kelas KAFA dengan melawat dan menyelia guru dan murid KAFA. Satu laporan lawatan penyelia akan disediakan setiap kali lawatan. Seorang penyelia adalah dikehendaki menyelia antara 150 hingga 200 orang guru. Mesyuarat penyelia akan diadakan di Ibu Pejabat JAIS sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

d) Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Kelas (JPKPK)

JPKPK pula perlu ditubuhkan bagi mengawasi perjalanan aktiviti KAFA dari segi kehadiran guru dan murid, mengadakan tempat yang sesuai bagi kelas KAFA dan berkerjasama dengan penyelia Bahagian bagi menentukan pelaksanaan KAFA berjalan dengan baik. Ahlinya hendaklah terdiri daripada guru besar atau Ketua Kampung (jika pelaksanaan KAFA bukan di sekolah), guru, Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIGB) dan Ahli Jawatankuasa Kampung (AJKK).

e) Penyediaan Laporan Perjalanan Program

Laporan pejalanan program perlu disediakan pada setiap tahun dan dikemukakan kepada Pengarah JAIS. Laporan ini akan menceritakan perihal program dan aktiviti KAFA yang akan dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun berkenaan

Pada pandangan Audit, perancangan program KAFA tidak dibuat secara menyeluruh oleh JAKIM dan JAIS. Ini kerana ada komponen pelaksanaan program seperti pertambahan bilangan guru dan penyelia serta kuota kelas tidak dibuat perancangan mengikut pertambahan murid Islam setiap tahun.

15.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan KAFA di peringkat negeri adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang dikeluarkan oleh JAKIM. Kajian Audit terhadap pelaksanaan KAFA di negeri Sarawak mendapati perkara seperti berikut:

15.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

JAIS telah melaksanakan program KAFA pada tahun 1990 selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri. Ia adalah juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Persekutuan dalam mewujudkan satu sistem kelas pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh Negara. Bagi menjayakan Dasar Pendidikan Al-Quran dan Fardu Ain ini, Jabatan Pelajaran Negeri telah diberi tanggungjawab bagi menyediakan kemudahan persekolahan yang ada untuk kegunaan kelas KAFA.

15.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

a) Garis Panduan

Garis Panduan Perlaksanaan KAFA Seluruh Malaysia yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah diedarkan kepada setiap negeri bagi pelaksanaan program KAFA. Semakan Audit mendapati garis panduan yang disediakan adalah lengkap dan mengandungi segala aspek asas bagi pelaksanaan KAFA seperti tujuan, objektif, konsep, pengurusan, pentadbiran, pengurusan kewangan serta perkara lain berkaitan pelaksanaan KAFA. Sepanjang tempoh pelaksanaan program KAFA, Garis Panduan ini telah dipinda sebanyak 3 kali oleh pihak JAKIM bagi menyesuaikan pemakaianya mengikut keadaan semasa.

b) Peraturan Pewujudan Kelas KAFA

i) Borang Permohonan Kelas KAFA

Semakan Audit terhadap sampel borang permohonan mewujudkan kelas bagi 11 buah sekolah mendapati permohonan tersebut adalah tidak seragam dan tidak menggunakan borang A dan B seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan. Maklumat mengenai bilangan murid, senarai ahli JPKPK dan kemudahan asas bagi kelas KAFA seperti yang disyaratkan tidak dinyatakan. Ada permohonan hanya menggunakan surat biasa sahaja. Namun permohonannya diluluskan seperti permohonan KAFA oleh Sekolah Kebangsaan Biawak Lundu.

ii) Kuota Kelas

Kelulusan mengenai pewujudan kelas KAFA adalah tertakluk kepada kuota yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Semakan Audit terhadap 10 permohonan untuk mewujudkan kelas KAFA, seperti di atas mendapati hanya 2 sekolah sahaja yang diluluskan. Manakala 8 sekolah lagi tidak diluluskan atas sebab tidak ada kuota kelas di kawasan berkenaan. 4 daripada permohonan adalah atas alasan kebanyakkan murid adalah terdiri daripada saudara baru yang amat memerlukan bimbingan dari sudut ilmu agama. Berikutan perkara di atas, pada tahun 2003 Jabatan ada membuat permohonan pertambahan kuota kelas KAFA disebabkan perkara berikut:

- i) Pertambahan bilangan murid di dalam sesebuah kelas**
- ii) Bilangan sekolah baru bertambah**
- iii) Jarak di antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain begitu jauh**
- iv) KAFA perlu diwujudkan di sekolah yang mempunyai saudara baru terutama di kawasan pedalaman.**

Jumlah pertambahan Kelas KAFA yang dipohon mengikut bahagian adalah seperti di **Jadual 18.**

Jadual 18
Jumlah Pertambahan Kelas KAFA Yang Dipohon Mengikut Bahagian

Bil.	Bahagian/Daerah Terlibat	Kelas KAFA Yang Sedia Ada	Jumlah Pertambahan Kelas KAFA Yang Diperlukan
1.	Kuching	524	82
2.	Samarahan	339	36
3.	Sri Aman / Betong	369	24
4.	Sarikei	250	08
5.	Sibu/ Kapit/ Mukah	134	18
6.	Bintulu	88	09
7.	Miri	175	51
8.	Limbang/ Lawas	180	22
Jumlah		2,059	250

Sumber : Rekod Jabatan Agama Islam

Pertambahan ini juga akan melibatkan pertambahan kos bagi bayaran elaun guru berjumlah RM940,000. Namun sehingga akhir tahun 2005 pertambahan kuota kelas tidak diluluskan oleh pihak JAKIM dengan alasan Perbendaharaan Malaysia masih belum meluluskan peruntukan. Berdasarkan kepada pertambahan bilangan sekolah dan murid setiap tahun, pihak JAKIM sepatutnya memberi perhatian kepada perkara ini memandangkan keperluan kelas KAFA amat diperlukan oleh masyarakat setempat.

iii) Had Umur Murid

Garis Panduan Pelaksanaan KAFA seluruh Malaysia menjelaskan had umur bagi murid KAFA adalah antara 6 hingga 12 tahun. Bagaimanapun semakan Audit terhadap rekod dan lawatan ke 11 buah sekolah di Bahagian Kuching, Sarikei dan Miri mendapati hanya murid Tahun 2 hingga 5 sahaja yang mengikuti kelas KAFA walaupun terdapat murid Pra Sekolah, Tahun 1 dan Tahun 6 di sekolah berkenaan. Alasan yang diberi bagi murid Pra Sekolah dan Tahun 1 adalah kerana mereka baru menyesuaikan diri dengan alam persekolahan dan tidak mahu dibebankan dengan kelas KAFA, manakala bagi pelajar Tahun 6 pula alasannya adalah kerana pelajar tersebut akan menduduki peperiksaan penting iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Semakan Audit mendapati tiada sebarang keputusan atau persetujuan oleh pihak JAKIM mengenai perkara ini. Walaupun alasan tersebut adalah munasabah namun bagi persaingan dari segi ilmu dan sukanan pelajaran mereka adalah ketinggalan kerana ada negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang dan Kelantan melaksanakan kelas

KAFA bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Bagaimanapun pihak Audit telah dimaklumkan bahawa JAIS belum memulakan kelas KAFA bagi murid Tahun 1 hingga 6 kerana kuota kelas dan guru yang diluluskan oleh JAKIM sehingga kini hanyalah bagi menampung murid daripada Tahun 2 hingga 5 sahaja. Bagaimanapun pihak JAIS akan berusaha ke arah itu.

iv) Jadual Kelas

Pelaksanaan kelas KAFA adalah bergantung kepada jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah sama ada pada sesi persekolahan biasa ataupun pada hujung minggu dengan peruntukan masa yang telah ditetapkan oleh JAKIM iaitu 2 jam sehari dan 3 kali seminggu.

Semakan Audit terhadap jadual kelas mendapati kebanyakan sekolah satu sesi mengadakan kelas KAFA seperti yang disyaratkan iaitu 2 jam sehari dan 3 kali seminggu. Namun, bagi sekolah yang mempunyai 2 sesi persekolahan, kelas KAFA hanya diadakan pada hari Sabtu iaitu selama 6 jam. Perkara ini berlaku disebabkan ketiadaan tempat untuk mengadakan kelas KAFA, kekurangan tenaga pengajar dan kekurangan murid yang perlu menghadirkan diri untuk aktiviti/kurikulum sekolah yang lain. Semakan Audit mendapati pihak sekolah telah mematuhi arahan supaya membuat permohonan secara bertulis untuk mengadakan kelas KAFA pada hari Sabtu kepada Bahagian Pendidikan KAFA, JAIS.

Selain itu, pihak Audit juga mendapati 2 buah sekolah di Bahagian Kuching iaitu Sekolah Kebangsaan Matang dan Sekolah Kebangsaan Gita tidak menepati syarat untuk mengadakan kelas KAFA selama 6 jam seminggu. Pelaksanaan kelas KAFA hanya diadakan selama 3 jam sahaja seminggu. Ini adalah disebabkan kuota guru yang diluluskan tidak mampu menampung bilangan murid yang ramai. Seorang guru terpaksa mengajar 2 sesi kelas dalam satu hari iaitu dari pukul 7.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 10.00 pagi hingga 1.00 petang bagi kelas yang berlainan. Waktu mengajar bagi guru adalah mencukupi iaitu 6 jam seminggu tetapi bagi murid, mereka hanya belajar selama 3 jam sahaja seminggu. Perkara ini telah berlaku sejak tahun 2003 lagi.

Pada pendapat Audit, garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh JAKIM tidak dapat digunakan sepenuhnya di negeri Sarawak memandangkan beberapa faktor seperti jarak, kemudahan pengangkutan, kaum yang pelbagai dan asas pendidikan agama yang berbeza dengan negeri lain.

15.2.3 Prestasi Program

Prestasi pencapaian program diukur berdasarkan prestasi kehadiran murid dan pencapaian kurikulum melalui ujian UPKK bagi melihat sejauh mana keberkesanannya program ini. Semakan Audit mendapati:

a) Prestasi Kehadiran Murid

Satu analisis telah dibuat terhadap prestasi kehadiran murid di 5 buah sekolah yang dipilih di Bahagian Kuching dan Miri. Daripada 171 orang murid hanya 97 orang atau 56.7% sahaja yang hadir. Adalah didapati prestasi kehadiran murid bagi 5 buah sekolah tersebut adalah tidak sekata. Semakan Audit terhadap rekod kehadiran murid bagi kelas KAFA yang diadakan pada hari Sabtu dan hari persekolahan biasa menunjukkan adanya perbezaan. Bagi kelas KAFA yang diadakan pada hari persekolahan biasa kehadiran murid adalah lebih memuaskan berbanding kelas yang diadakan pada hari Sabtu. Ini adalah disebabkan hari Sabtu merupakan cuti umum dan murid lebih selesa tinggal bersama keluarga di rumah ataupun pergi bercuti.

Prestasi kehadiran pelajar di Sekolah Kebangsaan Jalan Bintang Miri pula, yang tidak sampai 12% adalah disebabkan semasa lawatan Audit, sekolah tersebut sedang mengadakan ujian bulanan persekolahan biasa. Ramai murid tidak hadir ke kelas KAFA kerana ibubapa menghendaki mereka mengulangkaji pelajaran di rumah. Selain itu, terdapat juga aduan yang diterima mengenai kehadiran guru yang tidak memuaskan. Ini menyebabkan ada ibubapa yang lebih gemar menghantar anak mereka ke kelas agama swasta atau ke kelas tuisyen sahaja. Prestasi kehadiran murid yang berbeza disebabkan faktor yang dinyatakan adalah seperti di

Jadual 19.

**Jadual 19
Jadual Kehadiran Murid KAFA Bagi Sekolah Yang Dipilih**

Bil.	Tarikh Yang Dipilih	Nama Sekolah Yang Dipilih	Hari/Waktu Kelas KAFA	Jumlah Murid	Jumlah Kehadiran Murid	Peratusan %
1.	26.02.05	Sek Keb.Gita Kuching	Sabtu/ 7.00 pagi – 1.00 tgh	29	9	31.0
2.	10.03.05	Sek.Keb.Matang Jaya Kuching	Khamis/ 2.00 ptg –5.00 ptg	43	38	88.4
3.	22.03.05	St. Marys Kuching	Selasa/ 2.00 ptg – 5.00 ptg	30	11	36.7
4.	01.03.05	Sek. Keb. Buntal Kuching	Selasa/ 2.00 ptg – 5.00 ptg	35	35	100.0
5.	09.08.05	Sek Keb. Jalan Bintang Miri	Selasa/7.00 pagi–10.00 pagi	34	4	11.8
Jumlah				171	97	

Sumber: Rekod Laporan lawatan penyelia/lawatan ke sekolah

Keadaan kelas KAFA yang menunjukkan kehadiran pelajar yang tidak memuaskan adalah seperti di **Foto 27**.

Foto 27
Kehadiran Pelajar Kelas KAFA Yang Tidak Memuaskan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 9 Ogos 2005

Lokasi : Sekolah Kebangsaan Jalan Bintang, Miri

b) Prestasi Kurikulum KAFA

UPKK diadakan pada setiap tahun untuk murid Tahun 5 bagi menguji dan mengenal pasti sejauh mana tahap pemahaman, pencapaian dan prestasi mereka. Di negeri Sarawak, UPKK dibahagikan kepada 2 jenis iaitu UPKK Contoh yang mengandungi semua subjek yang ditetapkan oleh JAKIM Pusat dan UPKK Biasa yang dirancang di peringkat negeri sahaja. Pihak Audit mendapati tidak semua sekolah di negeri Sarawak mendaftar untuk UPKK disebabkan alasan yang diberi adalah murid yang kurang mahir di samping kelas KAFA baru diperkenalkan bagi beberapa sekolah tertentu. Salah satu syarat bagi menduduki UPKK adalah murid tersebut mesti mengikuti kurikulum KAFA sekurang-kurangnya bagi tempoh 2 tahun sebelum mengambil peperiksaan.

Semakan lanjut Audit mendapati ujian UPKK tidak diwajibkan kepada semua murid Tahun 5. Mereka perlu membuat permohonan bagi menduduki peperiksaan tersebut. Hanya murid yang menunjukkan prestasi yang baik sahaja layak menduduki ujian. Ujian ini adalah bagi mengukur prestasi dan pemahaman murid mengenai pelajaran yang diterima. Ujian tersebut sepatutnya diwajibkan kepada semua murid Tahun 5. Disamping itu, ujian ini juga akan menggalakkan murid untuk belajar dengan bersungguh-sungguh bukan sekadar untuk mengisi masa lapang

sahaja. Maklumat mengenai sekolah yang mendaftar bagi UPKK di negeri Sarawak adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Sekolah Yang Mendaftar Untuk Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)

Bahagian	2003			2004			2005		
	Bilangan Sekolah	Daftar UPKK Contoh	Daftar UPKK Biasa	Bilangan Sekolah	Daftar UPKK Contoh	Daftar UPKK Biasa	Bilangan Sekolah	Daftar UPKK Contoh	Daftar UPKK Biasa
Kuching	88	5	41	91	5	43	93	5	48
Samarahan	69	6	13	69	6	13	69	7	14
Sri Aman	61	1	10	59	1	15	15	1	18
Betong	-	-	-	-	-	-	42	-	-
Sarikei	51	5	6	50	6	4	50	6	9
Mukah	-	-	-	-	-	-	27	-	-
Sibu	51	4	1	52	5	8	25	5	9
Kapit	5	-	1	5	-	-	5	-	-
Bintulu	20	1	2	20	1	2	21	1	16
Miri	55	1	10	55	1	14	55	8	3
Limbang	22	1	5	22	6	5	22	1	14
Lawas	16	1	1	16	1	9	16	1	2
Jumlah	438	25	90	439	32	113	440	35	133
Peratus %	100	5.7	20.5	100	7.3	25.7	100	7.9	30.2

Sumber: Rekod Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Analisis Audit terhadap keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA Contoh di bahagian yang dilawati iaitu Bahagian Kuching, Sarikei dan Miri mendapat prestasi bagi ketiga-tiga Bahagian tersebut secara keseluruhannya semakin menurun pada tahun 2005 berbanding tahun 2004 dan 2003. Satu kajian telah dibuat oleh pihak JAIS mengenai prestasi UPKK yang semakin merosot. Kajian mendapat punca kemerosotan pencapaian adalah disebabkan oleh soalan Ujian Penilaian yang terlalu sukar, penyampaian guru yang tidak berkesan dan penerimaan murid yang lemah. Prestasi pencapaian murid bagi Bahagian yang dilawati adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Prestasi Keputusan Ujian Pencapaian Kelas KAFA Contoh

Bil.	Bahagian	Tahun 2003			Tahun 2004			Tahun 2005		
		Bilangan Sekolah	Bilangan Calon Hadir	Peratus Lulus %	Bilangan Sekolah	Bilangan Calon Hadir	Peratus Lulus %	Bilangan Sekolah	Bilangan Calon Hadir	Peratus Lulus %
1.	Kuching	5	2,984	85.2	5	3,887	78.4	5	480	76.9
2.	Sarikei	5	1,066	73.8	6	1,532	72.8	6	219	55.0
3.	Miri	1	-	-	1	448	98.7	1	54	78.0

Sumber : Keputusan Ujian Pencapaian Kelas KAFA(UPKK)

Penilaian keputusan UPKK Contoh adalah berdasarkan jumlah calon yang hadir bagi sekolah yang mengikuti semua mata pelajaran yang disediakan oleh JAKIM pusat. Ujian

tersebut telah dijalankan secara amali dan bertulis. Ujian amali adalah bagi Tilawah Al-Quran, Hafazan, Solat dan Penghayatan Cara Hidup Islam. Manakala ujian bertulis pula adalah bagi Al-Quran dan Penghayatan, Hukum Tajwid, Ulum Syariah I, Ulum Syariah II, Jawi dan Bahasa Arab.

Semakan Audit terhadap ujian amali bagi ketiga-tiga Bahagian yang dilawati mendapat purata keputusan bagi tahun 2003 hingga 2005 bagi Hafazan adalah baik iaitu antara 75.9% hingga 88.3%. Manakala mata pelajaran amali Solat Dan Penghayatan Cara Hidup Islam pula menunjukkan prestasi yang cermerlang iaitu antara 93.9% hingga 100%. Semakan Audit terhadap keputusan UPKK contoh secara bertulis pula mendapat prestasi untuk 4 mata pelajaran iaitu Al-Quran dan Penghayatan, Ulum Syariah I, Ulum Syariah II dan Jawi bagi Bahagian Kuching telah meningkat antara 2.7% hingga 19.5%. Manakala Bahagian Sarikei meningkat antara 2.1% hingga 18.6% bagi 4 mata pelajaran iaitu Al-Quran dan Penghayatan, Ulum Syariah II, Jawi dan Bahasa Arab pada tahun 2005 berbanding tahun 2004. Prestasi Bahagian Miri pula menunjukkan belakunya penurunan antara 1.8% hingga 18.5% bagi semua mata pelajaran bertulis. Bagaimanapun prestasi masih memuaskan disebabkan sekolah yang mendaftar UPKK contoh adalah sekolah jenis agama dan sebuah sahaja yang mewakili Bahagian Miri. Keadaan tidak begitu menpengaruhi prestasi murid di Bahagian tersebut berbanding dua bahagian yang lain. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Keputusan Ujian Pencapaian Kelas KAFA Contoh Mengikut Mata pelajaran

Bil.	Matapelajaran	2003			2004			2005		
		Kuching (%)	Sarikei (%)	Miri (%)	Kuching (%)	Sarikei (%)	Miri (%)	Kuching	Sarikei	Miri
1.	Al-Quran/ Penghayatan	70.5	61.4	-	71	57.6	100	78.0	70.7	98.2
2.	Hafazan	66.9	65.9	66.9	73.1	77.2	100	96.6	84.6	98.1
3.	Amali Solat	97.3	98.5	87.3	98.2	86.4	100	94.6	96.8	100
4.	Penghayatan Cara Hidup Islam	99.1	98.4	-	99.6	97.5	100	98.4	98.6	100
5.	(Ulum I) Fiqah dan Tauhid	71.7	61.4	-	62	74.4	92.8	81.5	70.3	90.1
6.	(Ulum II) Sirah dan Akhlak	72.1	62.8	-	67	52.4	96.4	79.8	71.0	77.9
7.	Jawi	76.2	77.2	-	80.4	65.1	100	83.1	80.8	96.2
8.	Bahasa Arab	77.8	65.4	-	66.3	80.4	100	66.0	82.2	90.7

Catatan: Peratus kelulusan adalah berdasarkan jumlah calon yang hadir

Sumber : Keputusan Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)

Pihak Audit berpendapat, prestasi kehadiran murid adalah tidak memuaskan disebabkan sikap dan peranan ibu bapa serta guru. Ada ibubapa yang tidak mengambil berat mengenai prestasi kehadiran anak mereka ke kelas KAFA. Manakala prestasi kurikulum KAFA menurun disebabkan mutu soalan yang

tinggi, penyampaian guru yang tidak berkesan dan penerimaan murid yang lemah.

15.2.4 Pelaksanaan Program

a) Sukatan Kurikulum

Bagi tujuan penyeragaman KAFA di peringkat negeri, satu sukatan kurikulum telah disediakan oleh JAKIM supaya setiap murid berumur 6 hingga 12 tahun didedahkan kepada sistem pembelajaran yang sama dalam menimba ilmu pengetahuan khususnya berkaitan Agama Islam. Begitu juga masa belajar yang ditetapkan iaitu 6 jam seminggu. Semakan Audit terhadap pelaksanaan kurikulum KAFA mendapati kurikulum KAFA adalah memberi penekanan dalam bidang Al-Quran, Fardhu Ain dan Akhlak Islam yang terdiri daripada mata pelajaran seperti Al-Quran, Fiqh, Tauhid, Sirah An Nabawi, Akhlak Islam, Jawi dan Khat serta Bahasa Arab.

Semakan Audit mendapati pelaksanaan kurikulum KAFA di negeri Sarawak adalah tidak menyeluruh dan seragam. Lawatan Audit mendapati 6 daripada 10 buah sekolah yang dilawati tidak melaksanakan sepenuhnya kurikulum KAFA yang ditetapkan oleh JAKIM. Tumpuan hanya diberi kepada bacaan Al-Quran dan asas Fardhu Ain sahaja. Bagi sekolah yang berada di luar bandar, kurikulum yang diajar adalah berbeza dengan Sekolah Agama Majlis Islam Sarawak iaitu Sekolah Kebangsaan Agama Sarikei dan Sekolah Kebangsaan Agama Miri yang mengajar kesemua mata pelajaran di atas. Selain daripada sekolah Kebangsaan Agama, cuma 2 buah sekolah Kebangsaan sahaja yang mengajar kesemua mata pelajaran yang ditetapkan iaitu Sekolah Kebangsaan Orang Kaya Sergunim dan Sekolah Kebangsaan Sarikei di bahagian Sarikei. Manakala sekolah Kebangsaan lain yang dilawati seperti Sekolah Kebangsaan Pangtray di bahagian Sarikei, Sekolah Kebangsaan Kampung Luak, Sekolah Kebangsaan Riam Batu dua, Sekolah Kebangsaan Bintang di bahagian Miri dan Sekolah Kebangsaan Matang Jaya di bahagian Kuching mata pelajaran yang diajar adalah Al Quran, Fekah, Tauhid, Sirah An Nabawi dan Akhlak Islam sahaja. Mata Pelajaran Bahasa Arab tidak diajar kerana tidak ada guru yang mahir dalam mata pelajaran tersebut.

Semakan Audit juga mendapati 2 buah sekolah yang dilawati iaitu Sekolah Kebangsaan St. Alphonsus, Bahagian Sarikei dan Sekolah Kebangsaan Kuala Baram, Bahagian Miri, murid terpaksa digabungkan dalam satu kelas kerana kekurangan tempat dan guru yang mengajar. Selain itu, mata pelajaran yang diajar hanya asas Al-Quran dan Fardhu Ain sahaja. Maklumat yang diterima daripada guru yang mengajar menyatakan mereka terpaksa berbuat demikian dan juga daripada kehendak ibubapa yang mahukan anak mereka mendalami bacaan Al-

Quran dan asas Fardhu Ain. Bagi mereka mata pelajaran lain memadai diajar semasa waktu persekolahan biasa sahaja kerana selain di sekolah tiada tempat lain yang membolehkan anak mereka mendalami ilmu tersebut.

b) Bahan Rujukan KAFA

Penggunaan bahan rujukan KAFA hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada JAKIM atau JAIS. Selaras dengan penetapan tersebut, JAKIM telah menyediakan senarai bahan rujukan yang dibenarkan untuk digunakan sebagai bahan bacaan serta latihan murid.

Lawatan Audit ke 5 buah sekolah di bahagian Miri mendapati hanya sebuah sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Riam Batu 2 yang menggunakan bahan rujukan KAFA yang dibekalkan oleh JAKIM pada awal pelaksanaan KAFA dan masih disimpan oleh pihak sekolah. Manakala bagi sekolah yang lain penggunaan bahan rujukan KAFA bergantung kepada inisiatif guru KAFA. Semakan Audit mendapati pelbagai jenis bahan rujukan telah digunakan semasa sesi pembelajaran. Walaupun bahan rujukan tersebut merupakan bahan rujukan yang biasa digunakan di sekolah atau kelas agama yang lain namun bahan rujukan tersebut tidak diluluskan oleh pihak JAKIM atau JAIS. Antara bahan rujukan yang digunakan ada yang diperolehi daripada Jabatan Pelajaran, dipinjam daripada masjid atau menggunakan buku guru sendiri. Selain itu, bagi sekolah yang mempunyai guru yang kreatif, mereka telah menggunakan peralatan audio visual bagi pelajaran amali solat.

Berdasarkan jawapan yang diterima daripada pihak JAIS bahan rujukan telah dibekalkan oleh JAKIM dan pihak sekolah juga boleh menggunakan bahan rujukan yang dibekalkan oleh Jabatan Pelajaran. Namun daripada lawatan yang dijalankan oleh pihak Audit pihak sekolah menjelaskan bahan rujukan tersebut hanya diterima sekali sahaja iaitu pada awal pelaksanaan program KAFA. Pihak Audit juga difahamkan pihak JAKIM dan JAIS tidak pernah memantau penggunaan bahan rujukan tersebut di samping kurangnya peranan penyelia bahagian sebagai penghubung antara pihak JAKIM, JAIS dan sekolah.

Pada pendapat Audit, sukatan kurikulum yang diajar adalah tidak memuaskan dan bahan rujukan KAFA adalah tidak seragam dan menyeluruh.

15.2.5 Pengurusan Kewangan KAFA

Bagi tempoh tahun 2003 hingga tahun 2005, Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM15.15 juta daripada JAKIM pusat bagi membiayai program KAFA di negeri

Sarawak. Pengurusan peruntukan kewangan KAFA di negeri Sarawak diurus melalui Akaun Amanah KAFA yang diselia oleh Pengarah JAIS. Semua urusan penyelenggaraan rekod kewangan KAFA diurus oleh Unit KAFA. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan kewangan KAFA mendapat perkara seperti berikut:

a) Penubuhan Akaun Amanah KAFA

Perenggan 25.1 Garis Panduan Pelaksanaan KAFA menetapkan bahawa setiap negeri hendaklah menubuhkan satu tabung kewangan amanah yang dinamakan Tabung Amanah KAFA. Peruntukan KAFA yang diterima dan yang belum dibelanja hendaklah dibayar masuk ke dalam tabung tersebut. Semakan Audit mendapati JAIS ada menubuhkan Akaun Tabung Amanah KAFA pada 8 September 1990. Tujuan Akaun Amanah tersebut diwujudkan adalah untuk memastikan pengurusan KAFA mengikut prosedur seperti yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan. Bagaimanapun Akaun Amanah yang ditubuhkan hanyalah akaun semasa yang dibuka di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) atas nama Kelas Pengajian Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) Negeri Sarawak.

Semakan Audit seterusnya mendapati akaun ini ditubuhkan hanya mengikut apa yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Pihak JAIS juga ada meminta pandangan pihak JAKIM mengenai penubuhan Akaun Tabung Amanah tersebut dan pihak JAKIM mengesahkannya tanpa sebarang ulasan. Penubuhan akaun amanah ini sepatutnya mengikut peruntukan di bawah seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah ini hendaklah dikendalikan dan diselenggarakan oleh Akauntan Negeri Sarawak. Arahan Amanah juga perlu mendapat kelulusan daripada pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Pihak Audit juga mendapati ada Arahan Amanah yang disediakan namun tiada kelulusan dari pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

b) Agihan Peruntukan KAFA

Sumber pembiayaan KAFA adalah diperolehi daripada peruntukan kewangan yang diterima daripada JAKIM pusat, hasil pelaburan am, hasil akaun semasa di BIMB dan hasil Akaun Semasa di Bank Simpanan Nasional (BSN). JAIS telah menerima peruntukan berbentuk geran daripada JAKIM pusat yang disalurkan secara berperingkat melalui cek atau pemindahan telegraf dan dikreditkan dalam akaun semasa di BIMB. Sebahagian daripada peruntukan tersebut telah dikeluarkan dan dikreditkan dalam akaun semasa BSN bagi tujuan pembayaran elauan penyelia dan guru KAFA. Bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Julai 2005, sejumlah RM16.56 juta peruntukan telah diterima daripada JAKIM. Manakala perbelanjaan yang

terlibat bagi tempoh tersebut adalah sejumlah RM19.37 juta. Lebihan perbelanjaan sejumlah RM2.81 juta telah ditampung melalui hasil pelaburan. Butiran peruntukan, perbelanjaan dan pelaburan adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Peruntukan Dan Perbelanjaan KAFA Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Tahun	Sumber Kewangan			Peruntukan Sebenar Diterima (RM juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM juta)
		Melalui Sumber Kerajaan Pusat (JAKIM) (RM juta)	Melalui Hasil Pelaburan (RM juta)	Jumlah Keseluruhan Anggaran (RM juta)		
1.	2003	8.02	0.09	8.11	6.38	6.57
2.	2004	8.06	0.14	8.20	5.85	6.03
3.	2005	8.17	0.13	8.30	4.33	6.77
Jumlah		24.25	0.36	24.62	16.56	19.37

Sumber : Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Semakan Audit terhadap fail peruntukan mendapati cek yang diterima telah dikreditkan ke akaun semasa BIMB dalam tempoh kurang daripada 2 minggu. Buku Tunai telah diselenggara secara berasingan bagi kedua akaun tersebut untuk merekod transaksi/perbelanjaan yang dibuat oleh Bahagian Pendidikan KAFA. Semakan Audit terhadap Buku Tunai BIMB bagi bulan Januari 2003, Februari dan Disember 2004 mendapati baki peruntukan bagi bulan tersebut tidak direkod selepas setiap transaksi/perbelanjaan dibuat. Bagaimanapun, penambahan pelaburan/hasil pelaburan semasa, hasil pelaburan am dan geran diterima daripada kerajaan pusat dan Buku Tunai akaun di BSN telah direkod dan diselenggara dengan kemas kini. Penyata Penyesuaian Bank telah disedia pada setiap bulan bagi kedua akaun bank tersebut untuk merekod dan mengenal pasti perbezaan yang berlaku. Selain itu, sebagai langkah kawalan dalaman, kuasa untuk melulus baucar bayaran, mengeluar dan menandatangani pesanan perkhidmatan, pesanan pembelian tempatan dan waran penerbangan telah diturunkan secara bertulis kepada pegawai yang bertanggungjawab, mengikut bidang kuasa masing-masing.

c) Perbelanjaan Mengurus KAFA

Perbelanjaan mengurus KAFA bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Julai 2005 adalah sejumlah RM19.37 juta daripada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh 3 tahun tersebut. Ini termasuk perbelanjaan yang dibenarkan melalui hasil pelaburan seperti elauan dan pengangkutan penyelia, keperluan UPKK, elauan bagi 3 orang sukarelawan di Bahagian Akaun, aktiviti murid, buku persediaan mengajar, keperluan pejabat dan alat bantuan mengajar.

Semakan Audit terhadap perbelanjaan yang dibuat mendapat sejumlah RM17.02 juta telah dibelanjakan untuk eluan guru KAFA. Setiap tuntutan yang dibuat telah menggunakan Borang Pindaan 1/2001 yang diluluskan oleh JAKIM dan telah disahkan oleh Guru Besar atau Penolong Kanan Sekolah pada setiap penghujung bulan dan disahkan semula oleh penyelia bahagian sebelum dikemukakan ke Bahagian Pendidikan, JAIS selewatnya 10 haribulan bulan berikutnya. Walaupun pekeliling dalaman KAFA telah diedarkan ke setiap Bahagian bagi menjelaskan mengenai tarikh penghantaran borang tuntutan tetapi kelewatan masih juga berlaku disebabkan masalah penyediaan borang tuntutan di peringkat bahagian.

d) Pembelian Aset

Bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Julai 2005, Bahagian Pendidikan, JAIS mempunyai aset sejumlah RM26,976 yang terdiri daripada komputer, peralatan pejabat dan perabot. Segala perolehan aset ini adalah dibuat dengan menggunakan hasil pelaburan. Semakan Audit mendapat setiap pembelian aset tersebut telah diluluskan oleh pihak JAKIM dan ditempatkan di Bahagian Pendidikan, JAIS bagi kegunaan pegawai dan kakitangan di bahagian tersebut. **Jadual 24** menunjukkan aset yang dimiliki oleh Bahagian Pendidikan, JAIS pada 31 Julai 2005.

Jadual 24
Senarai Aset yang dibeli oleh Bahagian Pendidikan, JAIS

Bil.	Jenis Aset	Unit	Kos Aset (RM)
1.	Komputer Dan Peralatan	17	17,586
2.	Peralatan Pejabat	4	4,150
3.	Perabot Dan Kelengkapan	16	5,240
Jumlah		37	26,976

Sumber : Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Pemeriksaan Audit juga telah dibuat terhadap fail aset dan rekod berkaitan mendapat permohonan daripada penyelia bahagian untuk membeli aset tidak diluluskan oleh Bahagian Pendidikan, JAIS dengan alasan peruntukan adalah tidak mencukupi. Ini menyebabkan ada penyelia tidak mempunyai kabinet bagi menyimpan fail dan terpaksa menggunakan peralatan sendiri seperti komputer riba semasa menjalankan tugas. Semakan Audit terhadap rekod aset dan daftar aset mendapat daftar tersebut telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Pelaburan

JAIS mula membuat pelaburan bagi peruntukan yang diterima sejak aktiviti KAFA diperkenalkan lagi. Sarawak merupakan negeri pertama di Malaysia yang mengambil inisiatif ini dan telah mendapat kebenaran daripada JAKIM. JAKIM

mendapati pelaburan adalah suatu cara dan langkah yang baik bagi mengembangkan lagi dana KAFA maka ianya telah dijadikan contoh kepada negeri lain. JAIS telah melabur sebahagian daripada peruntukan yang diterima dalam Simpanan Tetap di BIMB. Sijil Pelaburan ada dikeluarkan oleh pihak BIMB bagi setiap pelaburan dan tempoh matang bagi setiap sijil adalah 3, 6 dan 9 bulan. Pelaburan akan dicairkan sebelum atau selepas tempoh matang bagi membiayai perbelanjaan semasa KAFA. Modal pelaburan dilaburkan semula sekiranya JAIS belum memerlukannya lagi. Setiap pembaharuan pelaburan akan dikeluarkan sijil yang baru. Maklumat pelaburan dan pendapatan KAFA adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Pelaburan KAFA Bagi Tahun 2003 Hingga 2004

Bil	Butir –butir	Tahun		
		2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
1.	Hasil pelaburan Am	155,293	118,483	102,283
2.	Hasil Akaun Semasa	25,557	25,762	23,388
Jumlah Pendapatan		180,850	144,245	125,671

Sumber : Rekod Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Semakan Audit mendapati;

- i) Bahagian Pendidikan, JAIS telah menyelenggara satu daftar khas bagi merekod nombor sijil pelaburan, jumlah pelaburan, tarikh mula melabur, tarikh matang, kadar keuntungan tahunan, tarikh pengeluaran, nombor sijil dan jumlah pelaburan yang dicairkan dan untung yang diterima. Selain itu rekod yang berasingan juga telah disediakan bagi merekod hasil keuntungan akaun semasa KAFA.
- ii) Kuasa untuk melulus dan menandatangani cek, Sijil Pelaburan atau Simpanan Tetap telah diberi secara bertulis oleh Pengarah JAIS. Semakan Audit mendapati peraturan tersebut telah dipatuhi dan mengikut prosedur kewangan seperti yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan KAFA seperti pengagihan peruntukan, perbelanjaan mengurus KAFA, perbelanjaan aset dan pelaburan telah dibuat dengan baik dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

15.2.6 Struktur Pengurusan

Unit KAFA terletak di bawah Bahagian Pendidikan JAIS yang bertanggungjawab mengurus pelaksanaan KAFA di negeri Sarawak. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 berjawatan tetap yang

dipertanggungjawabkan untuk memastikan aktiviti KAFA dilaksanakan mengikut perancangan.

Pemeriksaan Audit mendapati, 2 orang Penyelia Kewangan berjawatan sementara telah dilantik dan dibantu oleh 3 orang Pembantu Penyelia (sukarelawan) di Ibu Pejabat JAIS. Manakala di peringkat Bahagian, 10 orang penyelia telah dilantik iaitu 2 orang penyelia bagi Bahagian Kuching dan seorang penyelia ditugaskan menyelia bagi Bahagian Samarahan, Sarikei, Bintulu, Miri, Limbang dan juga Daerah Lawas. Manakala bagi Bahagian Sri Aman dan Betong pula cuma seorang penyelia sahaja yang dilantik. Begitu juga bagi Bahagian Mukah, Sibu dan Kapit cuma seorang penyelia sahaja yang ditugaskan menyelia bagi 3 bahagian berkenaan. Pengurusan KAFA di peringkat sekolah pula diurus oleh Jawatankuasa yang dilantik dan dipengerusikan oleh Guru Besar sekolah berkenaan.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan KAFA telah dibentuk dengan jelas dan teratur.

15.2.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA, permohonan bagi jawatan penyelia dan guru hendaklah melalui JAIS dan mesti lulus temuduga bagi penyelia manakala guru haruslah lulus ujian bertulis serta lisan. Hanya calon yang layak sahaja yang akan dipilih. Urusan dan kuasa perlantikan, kawalan tatatertib dan menamatkan perkhidmatan penyelia dan guru KAFA adalah tertakluk kepada JAIS dengan syarat bahawa tiada perlantikan dan penamatan boleh dibuat kecuali setelah mendapat kelulusan secara bertulis daripada JAKIM.

i) Penyelia KAFA

Seorang penyelia hendaklah dilantik mengikut bahagian bagi negeri Sarawak untuk memperkemaskan pengurusan KAFA di bahagian tersebut. Setiap penyelia dikehendaki menyelia antara 150 hingga 200 orang guru dan dibayar elaun. Penyelia juga dikehendaki untuk memeriksa buku kehadiran murid yang diselenggara oleh guru. Semakan Audit terhadap pelantikan penyelia KAFA mendapati perkara seperti berikut:

- Pelantikan Penyelia**

Sehingga bulan Julai 2005, dua belas penyelia telah dilantik secara kontrak iaitu 10 orang penyelia bahagian manakala 2 orang lagi penyelia dipertanggungjawabkan mengurus Hal Ehwal Kewangan KAFA. Selain itu,

seramai 3 orang Pembantu Penyelia Sambilan (sukarelawan) juga telah dilantik bagi membantu mengurus Hal Ehwal Pentadbiran KAFA. Pemeriksaan Audit mendapati ada kontrak penyelia tidak diperbaharui seperti mana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Diperhatikan ada penyelia yang telah berkhidmat selama 12 tahun tetapi kontraknya tidak pernah diperbaharui. Hanya 3 orang penyelia iaitu Penyelia Bahagian Sarikei, Bintulu dan Daerah Lawas yang dilantik pada tahun 2004 ada diperbaharui kontraknya daripada setahun ke setahun.

Salah satu syarat pelantikan penyelia adalah mesti berumur antara 21 tahun hingga 60 tahun pada tarikh lantikan pertama. Bagaimanapun tidak dijelaskan had umur maksimum. Semakan Audit mendapati ada penyelia yang disambung kontraknya sehingga berumur 70 tahun. Walaupun ada antara penyelia tersebut yang masih mampu menjalankan tugasnya dengan baik meskipun berusia lanjut namun terdapat juga penyelia yang telah uzur dan sukar untuk membuat lawatan ke sekolah kerana faktor kesihatan dan umur. Empat daripada 12 penyelia adalah berusia melebihi 65 tahun. Senarai penyelia, umur serta kelayakan adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Senarai Penyelia Dan Pembantu Penyelia KAFA

Bil.	Penyelia Bahagian	Umur (Tahun)	Tarikh Lantikan	Tarikh Tamat	Kelayakan
1.	Sri Aman	70	01.01.1994	-	Guru Besar Pencen
2.	Kuching A	69	01.01.1994	-	Guru Besar Pencen
3.	Miri	68	01.01.1994	-	Guru Besar Pencen
4.	Limbang	66	01.01.1994	-	Guru Besar Pencen
5.	Samarahan	48	01.01.1994	-	SPM
6.	**Kuching	41	01.09.1997	-	<i>Diploma In Banking</i>
7.	Sibu	44	16.07.1998	-	Guru Agama
8.	Kuching B	63	17.04.2000	-	Guru Besar Pencen
9.	Sarikei	57	16.08.2004	15.08.2005	Guru Besar Pencen
10.	Bintulu	62	02.09.2004	02.09.2005	Pegawai Penerangan Pencen
11.	Lawas	63	02.09.2004	02.09.2005	Guru Besar Pencen
12.	**Kuching	27	15.03.2004	-	SPM
13.	***Kuching	27	22.03.2004	-	SPM
14.	***Kuching	27	22.03.2004	-	SPM
15.	***Kuching	25	21.07.2003	-	<i>Diploma In Business Studies</i>

Nota:

** Penyelia Kewangan

*** Penyelia Sukarelawan

- **Tugas Penyelia**

Penyelia berperanan penting sebagai penghubung antara Unit KAFA dengan guru KAFA. Segala maklumat yang berkaitan dengan aktiviti KAFA hendaklah disampaikan kepada guru melalui lawatan ke sekolah.

Bentuk muka bumi negeri Sarawak yang luas, jarak yang jauh antara satu sekolah dengan sekolah lain dan sistem perhubungan dan pengangkutan yang tidak memuaskan telah menimbulkan kesukaran bagi penyelia untuk mengadakan lawatan yang kerap ke sekolah. Selain itu, faktor eluan perbatuan yang dihadkan sejumlah RM250 dan cuaca yang tidak mengizinkan juga menjadi sebab. Kekerapan penyelia melawat sekolah, kelas dan guru di bawah seliaannya adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Kekerapan Penyelia Menyelia Sekolah,
Kelas Dan Guru KAFA Bagi Tahun 2003, 2004 Dan 2005

Bil.	Bahagian	Kuota Kelas/Guru	Tahun 2003		Tahun 2004		Tahun 2005	
			Bil Sekolah	Bil Sekolah dilawati	Bil Sekolah	Bil Sekolah dilawati	Bil Sekolah	Bil Sekolah dilawati
1.	Kuching A	288	88	-	91	-	93	12
2.	Kuching B	236		29		50		15
3.	Samarahan	339	69	14	69	18	69	6
4.	Sri Aman/Betong	369	61	55	59	55	57	37
5.	Sarikei	250	51	-	50	15	50	19
6.	Sibu/Mukah/Kapit	134	56	27	57	15	57	10
7.	Bintulu	88	20	10	20	12	21	10
8.	Miri	175	55	41	55	43	55	32
9.	Limbang	96	22	22	22	20	22	16
10.	Lawas	84	16	16	16	16	16	16
Jumlah		2,059	438	214	439	244	440	173

Sumber: Laporan Lawatan Penyelia

Mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA seorang penyelia sepatutnya menyelia antara 150 hingga 200 orang guru. Semakan Audit terhadap rekod penyelia mendapati 5 orang penyelia iaitu penyelia di Bahagian Kuching A, Kuching B, Sri Aman, Samarahan dan Sarikei menyelia melebihi jumlah tersebut manakala penyelia di Bahagian Sri Aman/Betong menyelia pula sehingga 369 orang guru. Pihak Audit juga mendapati penyelia Bahagian Sibu terpaksa menyelia 3 bahagian iaitu Bahagian Sibu, Mukah dan Kapit. Semakan lanjut Audit mendapati kurangnya lawatan ke sekolah oleh penyelia disebabkan kekangan dari segi masalah pengangkutan, jarak, eluan yang diterima dan sebagainya. Ini telah menyebabkan maklumat mengenai aktiviti KAFA tidak

diterima sepenuhnya oleh guru KAFA. Memandangkan masalah yang timbul seperti di atas, JPKPN telah bermesyuarat pada bulan Mei tahun 2004 mengenai tambahan penyelia seramai 8 orang bagi tahun 2005. Bagaimanapun permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan daripada JAKIM.

- **Laporan Lawatan Penyelia**

Semakan Audit terhadap Laporan Lawatan Penyelia ke sekolah mendapati laporan ada disediakan oleh penyelia mengenai sekolah yang dilawati bagi memastikan perjalanan kelas KAFA telah dilaksanakan mengikut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang telah ditetapkan. Laporan ini juga digunakan sebagai bukti penyelia telah menjalankan tugasnya dan semasa membuat tuntutan perbatuan. Penyelia KAFA hendaklah melawat ke kelas KAFA dan menyediakan laporan tersebut kepada penyalaras KAFA Negeri setiap 3 bulan sekali. Bagaimanapun laporan tersebut tidak dibuat secara standard dan disediakan atas inisiatif penyelia sahaja. Semakan Audit juga mendapati laporan tersebut tidak disemak oleh Ketua Penyalaras KAFA.

ii) Guru KAFA

Semakan Audit terhadap pelantikan guru KAFA mendapati perkara seperti berikut:

- **Pelantikan Guru KAFA**

Proses pelantikan guru KAFA di seluruh negeri Sarawak adalah melalui JAIS setelah lulus ujian bertulis dan lisan yang dijalankan. Khidmat guru akan diteruskan jika prestasi guru adalah memuaskan. Guru yang terpilih akan diberi kursus dan latihan dalam jangkamasa lantikan tersebut.

Semakan Audit mendapati proses pelantikan guru KAFA di negeri Sarawak telah dibuat dengan teratur dengan mengisi Borang maklumat peribadi dan latar belakang pendidikan. Semakan lanjut Audit terhadap permohonan jawatan bagi 14 orang guru yang dipilih mendapati 7 orang daripadanya adalah mereka yang mempunyai kelulusan yang tertinggi iaitu melebihi 50% bagi ujian bertulis. Bagaimanapun terdapat seorang guru yang dipilih walaupun markahnya cuma 34.5%. Pihak Audit dimaklumkan ini adalah disebabkan beliau merupakan guru yang mengajar di sekolah tersebut bagi memudahkan pelaksanaan KAFA. Setiap guru KAFA juga diwajibkan untuk mengisi Borang Akuan Penerimaan dan Akujanji Jawatan sebagai guru KAFA dan disahkan oleh seorang saksi iaitu Guru Besar atau Pengerusi KAFA Sekolah.

- **Kategori Guru KAFA**

Kategori guru KAFA di negeri Sarawak telah dibahagikan kepada 5 kategori iaitu Guru Agama Terlatih, Guru Agama Tidak Terlatih, Guru Pendidikan, Guru Pendidikan Pencen dan Guru Agama Rakyat (Guru Kampung).

Kategori guru KAFA yang paling ramai adalah Guru Agama Rakyat iaitu seramai 1,249 orang dan diikuti oleh Guru Agama Terlatih seramai 614 orang. Lawatan Audit ke 10 buah sekolah di Bahagian Sarakei dan Miri mendapati guru agama sekolah berkenaan bertanggungjawab untuk mengajar KAFA setelah proses perlantikan diluluskan. Namun begitu, adalah didapati kelancaran perjalanan kelas KAFA sering terganggu kerana guru tersebut sibuk dengan tugas harian mereka sebagai guru sekolah dengan menghadiri kursus atau taklimat berkaitan tugas mereka sebagai guru di samping menjadi guru KAFA.

- **Kuota Guru KAFA**

Pada tahun 2003 hingga 2005 kuota bagi guru seluruh negeri Sarawak adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Kuota Guru Di Negeri Sarawak Mengikut Kategori Dan Jumlah Murid

Bil.	Bahagian	Kuota Guru	Kategori Guru					Jumlah Murid	Bil. Murid Bagi Seorang Guru
			GAT	GATT	GP	GP(P)	GAR		
1.	Kuching	524	171	17	47	7	282	17,642	34
2.	Samarahan	339	95	1	8	0	235	8,493	25
3.	Sri Aman	65	11	0	0	0	54	1,593	25
4.	Betong	304	35	3	3	3	260	6,742	22
5.	Sarakei	250	75	10	12	2	151	5,591	22
6.	Mukah	57	40	3	5	0	9	1,897	33
7.	Sibu	64	34	5	3	0	22	1,919	30
8.	Kapit	13	7	1	0	0	5	241	19
9.	Bintulu	88	31	9	22	1	25	2,455	28
10.	Miri	175	94	11	12	2	56	5,488	31
11.	Limbang	96	19	3	2	0	72	2,301	24
12.	Lawas	84	2	2	2	0	78	1,828	22
Jumlah		2,059	614	65	116	15	1,249	56,190	

Sumber: Rekod Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam

Catatan:

- GAT : Guru Agama Terlatih
 GATT : Guru Agama Tidak Terlatih
 GP : Guru Pendidikan (JPN)
 GP (P) : Guru Pendidikan Pencen
 GAR : Guru Agama Rakyat (Guru Kampung)

Semakan Audit mendapati kuota guru KAFA tersebut adalah tidak sekata antara bahagian jika dibandingkan dengan bilangan murid iaitu antara 19 hingga 34 orang murid. Semakan Audit terhadap rekod bilangan murid dan guru bagi Sekolah Kebangsaan Riam Batu Dua, Miri dan Sekolah Kebangsaan Gita dan Sekolah Kebangsaan Matang, Kuching mendapatkan kuota guru adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan pelajar. Nisbah bilangan murid dan guru bagi ketiga buah sekolah tersebut adalah 68:1, 40:1 dan 46:1. Ini menyebabkan guru dan murid tersebut tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajaran. Keadaan kelas dan murid tersebut yang padat dapat dilihat seperti **diFoto 28**.

Foto 28
Keadaan Kelas KAFA Menunjukkan Bilangan Murid Yang Padat



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 11 Ogos 2005

Lokasi : Sekolah Kebangsaan Riam Batu Dua, Miri

b) Program Kursus Dan Latihan

Program kursus dan latihan kepada penyelia dan guru KAFA adalah penting bagi menjamin kualiti kelas KAFA dan seterusnya bagi mencapai objektif pelaksanaannya. Setiap kursus dan latihan yang dijalankan diurus sepenuhnya oleh JAIS dari segi perancangan dan pelaksanaannya. Bagaimanapun permohonan untuk menjalankan kursus dan latihan ini perlu mendapat kebenaran bertulis dan peruntukan daripada JAKIM.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Julai 2005, JAIS ada membuat perancangan mengenai kursus dan latihan yang akan dilaksanakan. Selain itu, anggaran perbelanjaan mengenainya juga telah diambilkira semasa penyediaan peruntukan tahunan yang dihantar ke JAKIM bagi mendapat

peruntukan dan kelulusan. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 78 kursus dan latihan telah dilaksanakan di peringkat bahagian dan negeri dengan perbelanjaan berjumlah RM434,125. Bagaimanapun sebanyak 15 daripada 93 kursus dan latihan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pengajuran sesuatu kursus adalah bergantung kepada peruntukan kewangan yang disalurkan oleh JAKIM dan faktor masa. Maklumat mengenai kursus dan latihan yang dilaksanakan bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Kursus/Latihan Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2003, 2004 Dan 2005

Bil.	Nama Kursus	Bil. Diadakan	Tempat Diadakan
Tahun 2003			
1.	Kursus Peningkatan Guru KAFA	11	Kuching/Lawas/Limbang/Saratok/Daro/ Samarahan/ Sri Aman
2.	Kursus Pengurusan dan +Pentadbiran Penyelia JAIS, KAFA	1	Kuching
3.	Kursus Pengukuran dan Penilaian UPKK	1	Kuching
4.	Kursus Pendedahan Guru KAFA	1	Sarikei
5.	Kursus Guru KAFA	2	Miri
6.	Bengkel Guru KAFA	2	Limbang
7.	Taklimat Guru KAFA	1	Bintulu
JUMLAH KECIL		19	
Tahun 2004			
1.	Taklimat Guru KAFA	10	Kuching/Sri Aman/Sarikei/Sibu/Bintulu/Miri/ Limbang/Lawas/Asajaya/Saratok
2.	Bengkel Jawi & Al-Quran	13	Kuching/Samarahan/Sri Aman/Saratok/Bintulu/ Sarikei/Miri/Lawas
3.	Bengkel Al-Quran	5	Sadong Jaya/Pusa/Daro/Mukah/Bekenu
JUMLAH KECIL		28	
Tahun 2005			
1.	Taklimat Penyelaras KAFA	10	Kuching/Lawas/Sri Aman/Sarikei/Sibu/Bintulu/Miri/Samarahan/ Limbang/Saratok
2.	Kursus Guru KAFA	9	Lawas/Samarahan/Sri Aman/Sibu/Daro/Bintulu/Saratok/Sarikei/ Kuching
3.	Bengkel Al-Quran dan Jawi	12	Limbang/Sarikei/Sibu/Bintulu/Miri/Lawas/ Kuching/Samarahan/Betong
Jumlah Kecil		31	
Jumlah Besar		78	

Sumber: Rekod Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak

Selain itu, setiap kursus dan latihan yang hendak diadakan oleh bahagian, perlu memohon peruntukan dan kelulusan daripada Bahagian Pendidikan, JAIS terlebih dahulu. Semakan Audit terhadap 5 sampel kursus dan latihan yang dimohon pada tahun 2005 mendapat, tiga permohonan kursus dari Bahagian Bintulu, Sibu dan Limbang telah mendapat kelulusan dan peruntukan daripada Bahagian Pendidikan, JAIS manakala 2 kursus lagi tidak diluluskan disebabkan kekangan dari segi masa dan peruntukan.

Pada pendapat Audit, keperluan penyelia dan guru adalah tidak mencukupi bagi melaksanakan program KAFA. Manakala kursus dan latihan adalah kurang memuaskan kerana banyak program kursus dan latihan dirancang tetapi tidak dilaksana.

15.2.8 Kemudahan Peralatan Dan Alat Bantuan Mengajar

Jabatan Pelajaran Negeri dan JPKPK adalah bertanggungjawab bagi penyediaan bangunan dan kemudahan asas yang diperlukan bagi melaksanakan aktiviti KAFA di Sekolah Kebangsaan.

Lawatan Audit ke 5 buah sekolah di Bahagian Sarikei dan 5 buah sekolah di Bahagian Miri mendapati kebanyakan sekolah tersebut menggunakan bilik darjah manakala kerjasama Guru Besar dan JPKPK adalah amat baik dan menggalakkan. Segala kemudahan KAFA seperti alat bantuan mengajar, meja, kerusi dan sebagainya ada disediakan oleh pihak sekolah. Bagaimanapun terdapat sebuah sekolah di Bahagian Sarikei iaitu Sekolah Kebangsaan Saint Alphonsus di Daerah Julau yang tidak mempunyai kemudahan peralatan yang mencukupi seperti kerusi, meja dan bahan rujukan. Kelas KAFA juga hanya diadakan di sebuah bangunan kecil yang dibina dengan kerjasama guru dan penduduk dengan menggunakan bahan seperti kayu dan sebagainya daripada bangunan lain yang dirobohkan di sekolah tersebut. Keluasan bangunan hanyalah 268 inci X 134 inci X 98 inci. Keadaan kelas dan kemudahan peralatan yang tidak mencukupi di sekolah tersebut dapat dilihat seperti **di Foto 29** dan **di Foto 30**.

Foto 29
Bangunan KAFA Yang Sempit Dan Kurang Selesa



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 5 Mei 2005
Lokasi : Sekolah Kebangsaan Saint Alphonsus, Julau

Foto 30
Keadaan Bilik Yang Tidak Mempunyai Kemudahan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 5 Mei 2005
Lokasi : Sekolah Kebangsaan Saint Alphonsus, Julau

Sekolah yang mempunyai peralatan dan tempat belajar yang selesa dapat dilihat seperti di **Foto 31.**

Foto 31
Kelas KAFA Mempunyai Kemudahan Yang Lengkap



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 5 Mei 2005

Lokasi : Sekolah Kebangsaan (A) Majlis Islam, Sarikei

Pihak Audit berpendapat, kemudahan peralatan dan alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru KAFA dan murid tidak mencukupi kerana hanya bergantung kepada peralatan yang disediakan oleh pihak sekolah.

15.2.9 Aktiviti Sampingan

Selain memastikan kelancaran aktiviti KAFA di sekolah, JPKPK juga boleh mengadakan pelbagai aktiviti dan program lain bagi meningkatkan lagi prestasi murid. Lawatan Audit ke 10 buah sekolah di Bahagian Sarikei dan Miri mendapati ada pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan bagi murid oleh JPKPK atau penitia Agama Islam sekolah. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah Majlis Khatam Al-Quran, Kem Bestari Solat, pertandingan tulisan jawi, solat hajat, solat berjemaah, ceramah dan sebagainya. Aktiviti ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada murid. Bagaimanapun aktiviti ini hanya dianjurkan di peringkat sekolah dan tiada penyelarasan dibuat di peringkat penyelia bahagian. Keadaan murid yang mengikut aktiviti solat berjemaah dan ceramah yang diadakan adalah seperti **Foto 32**.

Foto 32
Pelajar Yang Mengikuti Solat Berjemaah Dan Ceramah



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 10 Ogos 2005

Lokasi : Sekolah Kebangsaan (A) Majlis Agama Islam, Miri

Pada Pendapat Audit, JPKPK telah berperanan dengan baik dengan mengadakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan prestasi pelajar KAFA.

Secara keseluruhannya pelaksanaan program KAFA di negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Prestasi kehadiran murid, ujian penilaian dan pengurusan kewangan KAFA adalah tidak memuaskan. Penyelia dan guru KAFA serta kemudahan peralatan mengajar adalah tidak mencukupi. Ini adalah disebabkan negeri Sarawak berbeza dengan negeri lain terutamanya dari segi jarak antara satu kawasan dengan kawasan lain, taraf pendidikan Agama Islam penduduk, latar belakang penduduk, kemudahan perhubungan dan pengangkutan serta kos perjalanan yang tinggi.

15.3 PEMANTAUAN

Garis Panduan Pelaksanaan KAFA telah menetapkan perlunya mewujudkan jawatankuasa di pelbagai peringkat bagi melancarkan lagi pelaksanaan KAFA di peringkat negeri. Setiap jawatankuasa tersebut mempunyai peranan dan tanggungjawab yang telah ditetapkan meliputi aspek pemantauan seperti berikut:

15.3.1 Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Negeri (JPKPN)

JPKPN hendaklah ditubuhkan bagi menentukan keberkesanan perjalanan KAFA di peringkat negeri. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun, iaitu pada setengah tahun pertama (awal tahun) bagi menjelaskan pelaksanaan keputusan JPKPP kepada JPKPN dan agensi lain yang terlibat dengan program KAFA. Manakala bagi setengah tahun kedua pula (sebelum bulan Ogos) adalah untuk menyedia permohonan peruntukan dan perancangan bagi tahun yang berikutnya.

JPKPN ada ditubuhkan di negeri Sarawak bagi menentukan keberkesanan perjalanan KAFA di peringkat negeri selaras dengan kehendak perenggan 6.2.1, Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Semakan Audit terhadap fail mesyuarat mendapati jawatankuasa hanya bermesyuarat sekali setahun. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati jawatankuasa ini hanya mengadakan mesyuarat iaitu pada 16 Mei 2001, 17 Mei 2004 dan mesyuarat terakhir sekali adalah pada 14 Februari 2005.

Antara perkara yang pernah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berkaitan dengan prestasi UPKK, prosedur pelantikan guru KAFA, pembentangan kertas permohonan kelas KAFA dan jawatan penyelia dan laporan kewangan. Bagaimanapun langkah untuk menangani masalah pelaksanaan KAFA di negeri Sarawak tidak dibincangkan.

Semakan Audit juga mendapati ahli JPKPN adalah mematuhi syarat seperti di dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang dipengerusikan oleh Yang Di Pertua Majlis Islam Sarawak dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, wakil daripada JAKIM Pusat, Kementerian Pelajaran, Pejabat Mufti Sarawak dan penyelia KAFA.

15.3.2 Pemantauan Di Peringkat Bahagian

Penyelia KAFA adalah bertanggungjawab sebagai pegawai penghubung antara pihak JAIS dan sekolah. Antara tugas penyelia adalah menyedia dan mengemukakan maklumat berkaitan perjalanan KAFA di bahagian tersebut kepada ibu pejabat JAIS.

Semakan Audit mendapati penyelia KAFA telah menjalankan tugas mereka dengan baik. Bagaimanapun laporan lawatan penyelia yang dikemukakan kepada ibu pejabat JAIS disediakan dengan cara yang tidak seragam.

Semakan Audit juga mendapati pemantauan pelaksanaan KAFA telah dilakukan melalui Mesyuarat Peringkat Penyelia KAFA yang telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada awal tahun 2003, 2004 dan 2005.

15.3.3 Jawatankuasa Pelaksanaan KAFA Peringkat Kelas (JPKPK)

JPKPK hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Guru Besar atau Ketua Kampung (jika pelaksanaannya bukan di sekolah). Ahlinya hendaklah terdiri daripada guru, PIBG dan AJK Kampung. Jawatankuasa ini merupakan badan bebas dan berfungsi untuk:

- a) Mengawasi perjalanan dan aktiviti KAFA di bawah seliaannya dari segi kehadiran murid, guru dan kesan daripada program ini.
- b) Berkerjasama rapat dengan penyelia bahagian dalam usaha untuk merealisasikan matlamat KAFA.
- c) Mengadakan keperluan asas bagi sesebuah kelas dan mengenal pasti calon guru sebelum sesuatu cadangan pembukaan kelas baru atau pertambahan kelas dan guru dibuat kepada JAIS.
- d) Selain daripada perkara di atas jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun mengikuti kelas KAFA, mengenal pasti dan mengawasi kegiatan guru KAFA, membantu proses pengesahan tuntutan guru dan sebagainya.

Semakan Audit ke 11 buah sekolah di bahagian Kuching, Sarikei dan Miri mendapati semua sekolah yang dilawati ada menubuhkan jawatankuasa tersebut. Namun sebahagian fungsi jawatankuasa tersebut seperti memantau prestasi dan kehadiran murid, guru dan kerjasama dengan penyelia adalah kurang berkesan. Semakan lanjut Audit mendapati ahli jawatankuasa hanyalah terdiri daripada Guru Besar sebagai pengurus, guru sekolah yang terlibat dengan KAFA dan guru KAFA yang lain sahaja. Manakala tiada langsung penglibatan daripada masyarakat setempat terutama ibu bapa pelajar.

d) Penyediaan Laporan Perjalanan Program

Semakan Audit mendapati JAIS ada menyediakan laporan tahunan berkaitan kewangan dan prestasi UPKK, kursus yang dijalankan sepanjang tahun, maklumat penyelia dan guru. Laporan tersebut telah dikemukakan kepada pihak JAKIM Pusat dan ada juga yang dibawa bersama untuk dibincang semasa JPKPP.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap aktiviti KAFA ada dilaksanakan di setiap peringkat. JPKPK ada ditubuhkan namun peranannya kurang berkesan. Terutamanya bagi memastikan keperluan kelas dan guru KAFA berbanding bilangan murid di samping memastikan kehadiran murid adalah memuaskan bagi merealisasikan matlamat KAFA. Penyelia bahagian juga masih belum memainkan peranannya sebagai penghubung antara JAIS dan sekolah dengan memuaskan berdasarkan laporan dan aduan guru KAFA mengenai maklumat dan perkembangan terkini KAFA yang tidak diterima oleh sekolah disebabkan kurangnya lawatan oleh penyelia.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Usaha JAKIM, JAIS dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Negeri bagi memastikan aktiviti KAFA dapat berjalan dengan berkesan amatlah dibanggakan. Usaha murni ini patutlah diberi pujian dan sokongan padu bagi membasmikan buta Al-Quran dan Fardhu Ain di kalangan murid beragama Islam serta meningkatkan pengetahuan mereka mengenai Agama Islam terutama bagi saudara baru. Dengan adanya program ini, diharap gejala sosial di kalangan remaja dapat dibendung dan menjadikan mereka manusia yang lebih beriman dan berilmu. Pelaksanaan KAFA di negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Pihak Audit mendapati ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan lagi prestasi pelaksanaannya. Sehubungan itu, pihak audit mengesyorkan supaya langkah seperti berikut di laksanakan:

- i) pihak JAKIM dan JAIS hendaklah membuat pindaan terhadap garis panduan yang sedia ada khusus bagi negeri Sarawak. Ini akan melibatkan elauan penyelia dan guru, tempoh waktu belajar, bilangan murid bagi pewujudan kelas, bilangan penyelia serta kuota guru supaya objektif pelaksanaan KAFA tercapai dan prestasi pelaksanaannya setanding dengan negeri lain.
- ii) usaha yang gigih daripada pihak JAIS dan JPKPK adalah perlu bagi meningkatkan prestasi murid KAFA seperti memulakan kelas KAFA di peringkat pra sekolah, bahan rujukan yang seragam perlulah dibekalkan di setiap sekolah dan memastikan kehadiran guru serta murid adalah memuaskan mengikut jadual sekolah.
- iii) JAKIM dan JAIS perlulah memastikan kontrak setiap penyelia diperbaharui pada setiap tahun dan menetapkan had umur maksimum bagi penyelia KAFA. JAKIM perlulah mengambil perhatian terhadap permohonan tambahan penyelia serta meluluskan permohonan mengikut daerah seperti negeri di Semenanjung Malaysia dan bukannya mengikut bahagian seperti yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan KAFA. Adalah penting pihak JAIS menyediakan satu Laporan Lawatan Penyelia yang standard

dan boleh digunakan oleh semua penyelia bahagian. Penyelia perlu mengadakan lawatan yang kerap ke sekolah untuk menyampaikan maklumat kepada guru KAFA demi memastikan kelancaran aktiviti KAFA di peringkat sekolah.

- iv) Elaun bagi penyelia dan guru patut dinaikkan sebagai insentif terutamanya bagi yang mengajar di kawasan pedalaman negeri Sarawak.
- v) Kuota bagi guru KAFA dan kelas hendaklah dipertingkatkan memandangkan keperluannya amat tinggi. Pihak Audit berpendapat adalah lebih baik sekiranya guru KAFA dipilih daripada mereka yang bukan daripada guru sekolah agar perjalanan kelas KAFA dapat berjalan lancar. Memadailah hanya seorang guru penyelaras dilantik bagi mengelola perjalanan kelas KAFA di sekolah tersebut.
- vi) Syarat pewujudan kelas KAFA bagi bilangan murid iaitu 25 hingga 30 orang hendaklah dikaji balik berdasarkan keadaan negeri dan asas pendidikan agama murid.
- vii) Pihak JAKIM sepatutnya memberi taklimat yang jelas kepada setiap negeri mengenai penubuhan Akaun Tabung Amanah tersebut kepada wakil JAIS supaya penubuhannya mematuhi Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Akaun amanah tersebut hendaklah diselenggara oleh Akauntan Negeri. Pihak JAIS perlu menubuhkan semula akaun tersebut seperti mana yang diperuntukkan dan menutup akaun yang sedia ada.
- viii) Pihak JAIS dan Jabatan Pelajaran perlu mengkaji sesi persekolahan supaya tiada kelas yang melibatkan hujung minggu di samping menyahut seruan kerajaan bahawa hujung minggu adalah hari bersama keluarga. Jabatan Pelajaran hendaklah memastikan peralatan sekolah dan tempat belajar adalah mencukupi serta selesa.

JABATAN PERTANIAN SARAWAK

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI

17. LATAR BELAKANG

17.1 Penanaman padi di Negeri Sarawak umumnya telah diusahakan oleh pesawah atau petani berskala kecil yang masih mengamalkan penanaman cara tradisional dengan pengeluaran hasil padi yang rendah. Pengeluaran hasil padi yang rendah ini adalah disebabkan oleh kurangnya penggunaan teknologi moden dan terkini. Ini dirumitkan lagi dengan kekurangan kemudahan prasarana seperti jalanraya, sistem pengairan dan saliran yang secara amnya masih kurang baik di sebahagian besar kawasan pedalaman di Negeri Sarawak. Objektif program pembangunan industri padi adalah untuk menggalakkan pembangunan pengeluaran padi secara komersial. Di samping itu, ia bertujuan untuk menyokong pengeluaran beras bagi memenuhi keperluan keluarga tani. Pada masa kini seluas 800,000 hektar tanah iaitu lebih kurang 6.4% daripada keseluruhan keluasan tanah negeri ini dikenal pasti sesuai untuk penanaman di bawah Program Pembangunan Industri Padi.

17.2 Setakat tahun 2004, seluas 57,000 hektar sawah padi dengan kadar pengeluaran purata 1.7 metrik tan setiap hektar dan 60,000 hektar padi bukit dengan kadar pengeluaran purata 0.7 metrik tan setiap hektar sedang diusahakan oleh seramai 80,000 petani di seluruh negeri Sarawak. Kadar pengeluaran ini adalah tidak mencukupi dan kerana itu Kerajaan Negeri terpaksa mengimport beras daripada luar negeri termasuk Semenanjung Malaysia bagi memenuhi keperluan beras domestik. Bagi menjayakan program ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM50 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Yang Ke Lapan (RMK-8) dan setakat tahun 2005 sejumlah 95% atau RM47.57 juta telah dibelanjakan bagi tujuan ini.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Industri Padi telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan pengeluaran beras yang ditetapkan.

19. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

19.1 Program Pembangunan Industri Padi yang dikelola oleh Jabatan Pertanian Sarawak (Jabatan) dipilih untuk dikaji berdasarkan kepada kepentingan program ini terhadap sosio-ekonomi dan kesejahteraan penduduk negeri Sarawak.

19.2 Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Pembangunan Industri Padi yang dilaksanakan oleh Jabatan di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei bagi tempoh RMK-8 iaitu tahun 2001 hingga 2005. Kajian ini telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak dan Pejabat Pertanian di peringkat Bahagian, Daerah dan Daerah Kecil seperti Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Bau, Lundu, Siburan, Engkilili, Pantu dan Meradong termasuk Pusat Penyelidikan Pertanian Semenggok dan Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan di Daerah yang berkenaan.

19.3 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berasaskan rekod dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan program seperti Fail Perancangan Program, Laporan Perunding, Laporan Kemajuan Projek, Fail Bajet, Buku Vot, Pelan Projek, minit mesyuarat, dokumen kontrak dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek estet mini Bundong Sian, Sungai (Sg.) Tekap dan Sg. Tulai di Daerah Meradong di Bahagian Sarikei dan Pusat Pengeluaran Benih Stumbin di Bahagian Sri Aman telah dijalankan. Temu bual dengan pegawai di peringkat Jabatan dan para petani yang terlibat bagi mendapat maklum balas tertentu juga telah diadakan. Selanjutnya temu bual melalui telefon dengan beberapa pegawai daripada Kementerian Pertanian Malaysia di Putrajaya bagi mendapat maklumat berhubung piawaian pengeluaran benih padi telah dibuat dan kemudiannya disusuli dengan penghantaran maklumat berkaitan melalui pos oleh responden.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Program pembangunan adalah bergantung kepada perancangan yang rapi dan teliti. Faktor yang perlu semasa perancangan sesuatu program adalah mengenal pasti keperluan tertentu secara keseluruhan bagi program berkaitan. Keseluruhan perancangan Program Pembangunan Industri Padi adalah seperti berikut:

20.1.1 Dasar Pertanian Negeri

Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar dan matlamat untuk meningkatkan tahap pengeluaran beras tempatan daripada 35% keperluan semasa pada tahun 2000 kepada 50% pada tahun 2005 dan 70% menjelang tahun 2010. Dengan peningkatan pengeluaran beras tempatan, negara akan dapat mengurangkan import beras. Bagi negeri Sarawak nilai import beras semasa purata setahun adalah bernilai RM90.76 juta bersamaan dengan 103,000 metrik tan seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Import Beras Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Bil.	Tahun	2001		2002		2003		2004		2005		Jumlah	
	Negeri	Tan Metrik	RM '000	Tan Metrik	RM '000	Tan Metrik	RM '000	Tan Metrik	RM '000	Tan Metrik	RM '000	Tan Metrik	RM '000
1.	China	13,349	9,994	13,064	9,442	1,563	1,420	25	98	7	24	28,008	20,978
2.	Sem. Malaysia	9,398	10,474	11,271	11,632	16,236	16,140	9,062	9,218	9,840	7,233	55,807	54,697
3.	Thailand	14,328	19,144	25,242	28,402	31,701	37,196	31,539	42,702	34,482	43,721	137,292	171,165
4.	Vietnam	38,909	28,601	33,133	27,883	24,203	20,353	59,820	50,834	55,956	56,300	262,532	183,971
5.	Negara lain	797	970	15,412	11,064	10,307	6,912	2,145	1,750	2,081	2,318	30,742	23,014
Jumlah		76,781	69,183	98,122	88,423	84,010	82,021	102,591	104,602	102,366	109,596	514,381	453,824

Sumber: Rekod Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak

Beberapa strategi telah digariskan oleh Kerajaan Negeri untuk mencapai sasarannya termasuk merancang meningkatkan jumlah kawasan baru bagi pengeluaran padi sama ada berbentuk estet atau estet mini. Selain itu, Kerajaan juga membaik pulih dan memperbaiki kawasan yang sedia ada dengan pembinaan sistem empangan, pengairan dan perparitan yang lebih sempurna. Bagi mencapai matlamat ini, Jabatan merancang pelaksanaan Program ini menerusi dua Rancangan Malaysia yang akan menjangkau selama 10 tahun bermula pada tahun 2001. Bagi tempoh 5 tahun pertama RMK-8, fokus utama Jabatan adalah penanaman padi bagi tujuan komersial. Pada masa yang sama, Jabatan akan juga memberi penekanan untuk mengiatkan usaha bagi memberi pendedahan terhadap kaedah moden penanaman padi kepada pesawah yang berada di luar bandar/pedalaman Sarawak terutamanya mereka yang masih mengamalkan kaedah penanaman secara tradisional.

20.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Jabatan menggunakan beberapa garis panduan dan peraturan bagi merancang pelaksanaan program ini seperti berikut:

a) Garis Panduan

Sebagai panduan pelaksanaan program ini, Jabatan mengguna pakai 3 jenis garis panduan iaitu Panduan Skim Mekanik Pembangunan Industri Padi, Manual Operasi Tanaman dan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang. Tatacara serta proses kerja mengikut garis panduan berkenaan adalah seperti berikut:

i) Skim Mekanik Pembangunan Industri Padi

Skim Mekanik program ini disediakan oleh Jabatan menerusi Bahagian Industri Tanaman. Ianya menghuraikan dasar dan objektif serta strategi program pembangunan industri padi yang dirancang. Ianya juga ada menyatakan mengenai keperluan untuk mengambil kira kesesuaian dan kepentingan sesuatu kawasan semasa membuat perancangan. Skim Mekanik ini ada menjelaskan secara terperinci berhubung matlamat dan strategi pembangunan program. Perkara yang dimuatkan ialah mengenai komponen program, kaedah pelaksanaan, keperluan dan implikasi kewangan serta tatacara agronomik iaitu ketetapan berhubung jenis padi yang akan ditanam, jenis baja yang akan digunakan dan tempoh masa yang sesuai untuk menuai padi yang telah masak. Tatacara perlindungan tanaman terhadap serangan penyakit hama padi dan perosak lain juga ada dimuat dan dinyatakan secara jelas. Selain itu, Skim Mekanik ini juga ada menyenaraikan cadangan kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan Padi Mini Estet bagi negeri Sarawak.

ii) Manual Operasi Tanaman

Manual ini merupakan panduan lengkap mengenai tatacara pelaksanaan aktiviti tanaman yang berkaitan termasuk fungsi, tanggungjawab dan proses serta aliran kerja yang perlu dipatuhi oleh semua Pegawai Pertanian setiap peringkat pelaksanaan di Bahagian, Daerah dan Daerah Kecil. Manual ini juga ada menyatakan mengenai Jawatankuasa berkaitan yang telah ditetapkan oleh Jabatan bagi merancang, melaksana dan memantau usaha untuk menjayakan program ini. Jawatankuasa berkaitan yang dimaksudkan adalah seperti Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Daerah, Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Bahagian, Jawatankuasa Perancangan Jabatan dan Jawatankuasa Pemandu Jabatan. Selain itu, Jabatan juga ada menempatkan Unit Pemantauan Projek di setiap Pejabat Pertanian peringkat Bahagian dan Daerah yang berfungsi untuk memantau kemajuan pelaksanaan setiap komponen projek. Di peringkat Ibu Pejabat pula, Kumpulan Kerja Teknikal dan Panel Meluluskan Projek adalah bertanggungjawab terhadap setiap

cadangan aktiviti tanaman yang dikemukakan oleh Bahagian Industri Tanaman sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Perancangan Jabatan.

Manual ini juga ada menetapkan beberapa pendekatan yang akan digunakan untuk program pengembangan tanaman seperti pendekatan latihan yang akan digunakan termasuk teknik komunikasi dan tatacara lawatan ke tapak projek. Setiap peranan yang perlu dimainkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan, Ketua Kumpulan atau Penyelia bagi setiap kumpulan projek tanaman yang berkaitan juga ada dijelaskan.

iii) Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang (SPIP)

Bagi perolehan input pertanian, Jabatan menggunakan pakai panduan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang (SPIP) yang telah disediakan pada bulan Mac 2000. Jabatan juga ada membuat pindaan pada tahun 2004 bagi penambahbaikan SPIP ini. Panduan ini merupakan satu kaedah lengkap mengenai perolehan input pertanian menerusi Pertubuhan Peladang. Ianya merangkumi tatacara dan proses kerja serta tempoh masa yang perlu diikuti semasa melaksanakan setiap perolehan input pertanian yang dipesan oleh petani di setiap Daerah. Aliran kerja bagi pembinaan prasarana projek pertanian juga ada ditunjukkan dengan jelas bagi memudahkan Pegawai Pertanian melaksanakan projek secara seragam. Setiap jenis borang berkaitan yang perlu digunakan semasa perolehan ada dimuatkan sebagai contoh.

b) Undang-undang Dan Peraturan

Jabatan menggunakan Standard Jabatan Pertanian Malaysia sebagai rujukan semasa melaksanakan aktiviti pengeluaran benih padi yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan di Semonggok. Standard ini menetapkan tentang kriteria pemilihan, piawaian benih, piawaian ladang, pembungkusan, tag dan label, pemeriksaan, persampelan dan ujian serta pematuhan terhadap spesifikasi benih. Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994 dan Peraturan-Peraturan Kalawan Padi Dan Beras (Pelesenan Pemborong Dan Peruncit) 1996 yang memperuntukkan kuasa bagi mengawal selia industri padi dan beras adalah juga terpakai bagi negeri Sarawak. Penguatkuasaan perundangan ini adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Kawalselia Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

20.1.3 Kajian Kemungkinan

Satu kajian kemungkinan telah dijalankan pada tahun 2000 oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dengan kerjasama Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk mengenal

pasti kawasan jelapang dan estet mini padi. Selanjutnya Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak melalui perunding yang dilantik juga menjalankan penyelidikan lanjut ke atas tapak estet mini padi Bundong Sian dan Sungai Tekap/Sungai Tulai. Laporan kajian kemungkinan projek mendapati kawasan tapak projek estet mini berkenaan adalah merupakan hutan paya kecuali kawasan projek estet mini di Bundong Sian yang sudah sedia kala mempunyai aktiviti pertanian. Sebahagian besar kawasan berkenaan tidak dijalankan dengan mana-mana aktiviti pertanian sejak 2 tahun sebelum kajian kemungkinan ini dijalankan. Keadaan permukaan tanah/muka bumi tapak projek estet mini secara amnya dilaporkan adalah rata iaitu di antara 1.5 hingga 2.0 meter daripada paras laut. Walaupun demikian ada juga lekukan (depressions) hingga sedalam 2.6 meter di tapak dari tanah jenis gambut. Lekukan dan juga anak sungai yang ada perlu ditimbul. Menurut kajian tersebut kawasan berkenaan mempunyai jenis tanah yang terdiri dari jenis *alluvium* iaitu daripada campuran *clay/loam* dan gambut cetek. Didapati juga seluas 70% kawasan ini adalah sesuai untuk tanaman padi dengan menggunakan pendekatan estet mini. Manakala baki kawasan ini yang dari jenis tanah gambut sedalam 50 sm hingga 250 sm kurang sesuai untuk padi. Hasil kajian ini telah dianalisa oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan oleh Jabatan untuk menentukan kesesuaian pelaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh Perunding. Selain itu, Jabatan juga menjalankan satu kajian awal mengenai cadangan pembinaan Pusat Pengeluaran Benih di Stumbin, Sri Aman pada tahun 2001.

20.1.4 Sasaran Program

Jabatan Pertanian pada RMK-8 akan memberi tumpuan kepada penanam padi berskala kecil. Sasaran tahunan bagi setiap komponen program yang akan dilaksanakan Jabatan dirancang seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Rancangan Pembangunan Industri Padi Bagi Tempoh RMK-8

Bil.	Komponen Program	Sasaran Mengikut Tahun (hektar atau bilangan)					
		2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah Besar
1.	Program Estet Mini Padi	400	400	400	400	400	2,000
2.	Program Baikpulih Prasarana	100	200	140	150	300	890
3.	Program Bantuan Baja Padi Bukit (beg)	52,000	66,000	69,200	80,000	49,300	316,500
4.	Program Pakej Teknologi Padi	800	1,100	1,300	1,625	1,025	5,850
5.	Program Benih Padi Dan Pusat Benih	1	-	-	-	-	1
6.	Program Promosi Teknologi	-	-	-	-	-	-

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak, 2005

Nota: 1 kampit bersamaan dengan 25 kilogram baja.

Bagi program promosi teknologi dan program pengeluaran benih padi, Jabatan tidak menyatakan jumlah sasaran aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan bagi setiap tahun di bawah sesuatu program. Bagaimanapun Jabatan hanya menyatakan peruntukan bagi pembiayaan Program Promosi Teknologi adalah 5% daripada peruntukan keseluruhan tahunan bagi program industri padi.

Selain itu, Jabatan akan menggalak penanaman dan mempromosikan beras berkualiti tinggi seperti beras Bario dan Biris. Jabatan juga mensasar untuk mengeluarkan sebanyak satu pertiga daripada jumlah tahunan keperluan benih padi yang diperlukan oleh petani dan pengusaha.

Bagi menjayakan rancangan ini, Jabatan menyediakan bantuan program berdasarkan kepada komponen program yang dilaksanakan. Pemberian bantuan tersebut adalah bergantung kepada kelayakan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh panduan (skim mekanik) program industri padi. Bantuan projek pembangunan estet mini dan program pembaikan infrastruktur adalah seperti penyediaan kerja prasarana dan tapak, pembinaan sistem saliran, jalan dan meratakan tanah. Bagi program lain, jenis bantuan yang diberi termasuklah khidmat nasihat, bimbingan dan penggunaan teknologi dan juga bekalan input pertanian seperti baja, racun dan peralatan ladang. Jenis bantuan berdasarkan komponen program adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Jenis Bantuan Yang Diberikan Kepada Petani

Bil.	Komponen	Amaun Bantuan (RM)	Jenis Bantuan
1.	Program Estet Mini Padi	RM20,000 satu hektar	Pembangunan prasarana berbentuk <i>design & build</i> .
2.	Program Penambahbaikan Prasarana	RM5,000 satu hektar	Pembangunan prasarana Padi
3.	Program Teknologi Paket	RM800 satu hektar	Input ladang/pertanian melalui SPIP
4.	Baja padi bukit	RM25 satu beg	Baja Ammophos melalui tender Jabatan
5.	Program Promosi Teknologi		Input ladang /pertanian melalui SPIP

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak, 2005

20.1.5 Komponen Program

Sebagai langkah ke arah mencapai objektif program terutamanya mengenai penyaluran bantuan kepada petani atau pesawah yang menyertai program supaya menjadi lebih cekap, Jabatan telah merangka beberapa program pembangunan yang disusun menjadi 6 komponen program utama iaitu Program Pembangunan Estet Mini, Program Pembaikpulihan Prasarana, Program Bantuan Baja Padi Bukit, Program Paket

Teknologi, Program Promosi Teknologi dan Program Pengeluaran Benih Padi Dan Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih di Stumbin, Sri Aman. Komponen program berkenaan adalah seperti berikut:

a) Program Pembangunan Estet Mini

Salah satu pendekatan serampang dua mata yang dirancang oleh Jabatan ialah untuk membuka kawasan baru bagi penanaman padi secara komersial. Bagi tempoh RMK-8, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sebanyak 39 kawasan dengan keluasan 7,400 hektar untuk melaksanakan program ini di seluruh negeri. Daripada jumlah tersebut sebanyak 26 kawasan dicadangkan untuk dibangunkan sepanjang tempoh RMK-8 yang akan melibatkan kawasan seluas 5,000 hektar. Manakala baki kawasan tersebut dicadang untuk dilaksanakan pada RMK-9. Pembentukan estet mini bagi penanaman padi adalah dilihat sebagai mekanisme utama yang dirancang oleh Jabatan bagi mencapai matlamat program. Kawasan yang dikenal pasti di bawah projek ini hendaklah kawasan yang mempunyai keluasan minimum seluas 100 hektar dan dimiliki oleh kumpulan petani atau pesawah berskala kecil. Kawasan yang dipilih hendaklah kawasan yang berada di luar skim Jabatan Pengairan dan Saliran. Ianya akan meliputi kawasan tanah sama ada yang berstatus Tanah Hak Adat Bumiputra atau tanah milik Kerajaan. Projek estet mini ini akan memberi tumpuan kepada usaha penanaman padi secara dua musim setahun.

b) Program Pembaikpulih Prasarana

Program ini bertujuan untuk meningkatkan hasil tuaian padi melalui kerja membaiki dan meningkatkan prasarana sistem pengairan dan saliran sawah padi yang sedia ada. Rancangan penyediaan program ini dijangka akan membantu meningkatkan kadar pengeluaran padi daripada 2 metrik tan satu hektar kepada 4 metrik tan satu hektar. Kawasan yang dipilih adalah kawasan yang digunakan untuk tanaman padi secara kekal. Ianya akan merangkumi kawasan di dalam atau luar skim Jabatan Pengairan Dan Saliran yang sedia ada. Projek di setiap satu kawasan hendaklah tidak kurang 20 hektar dan semua kumpulan/kelompok projek ini akan dijadikan sebuah projek induk dengan keluasan keseluruhan tidak kurang 200 hektar. Pendekatan mengkelompokkan projek tersebut akan memudahkan penyaluran bantuan seperti perkhidmatan pengembangan, mekanisme ladang dan pemasaran produk pertanian dibuat dengan berkesan. Setiap projek hendaklah mudah dihubungi dengan pengangkutan jalanraya atau air bagi memudahkan pergerakkan jentera pertanian ladang yang akan digunakan di kawasan kelompok berkenaan.

c) Program Bantuan Baja Padi Bukit

Program ini bertujuan untuk meningkatkan hasil padi bukit dengan menyalurkan bantuan baja kepada penduduk di luar bandar/pedalaman terutamanya kepada petani yang bergantung hidup kepada penanaman padi bukit sebagai makanan utama. Bantuan yang disalurkan di bawah program ini adalah berbentuk bekalan baja padi bukit yang bermutu supaya dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi dan menaikkan tahap sosio ekonomi mereka. Ini akan membolehkan mereka beralih dari cara penanaman padi bukit secara pindah randah kepada penanaman yang lebih sitematik dan kekal.

d) Pakej Teknologi

Program pakej teknologi adalah merupakan satu program untuk meningkatkan penggunaan teknologi moden dan terkini termasuk usaha pembangunan penyelidikan di bidang pertanian. Melalui usaha yang dijalankan dijangka produktiviti dan pendapatan di kalangan peserta akan meningkat. Bantuan ini adalah bagi menampung kos seperti kerja penyediaan tapak, pembelian benih padi, racun serangga dan rumput, baja, penyenggaraan prasarana dan mesin ladang yang berkaitan. Program ini adalah juga bertujuan untuk menggalakkan penggunaan teknologi pertanian yang terkini seperti penggunaan mesin, pengawalan pengairan yang betul, penggunaan benih padi yang boleh menghasilkan tuaian yang tinggi, penggunaan baja, racun serangga dan rumput secara betul dan tepat. Percubaan peringkat ladang terhadap hasil penyelidikan pertanian dan kaedah pertanian *in-situ* di bawah persekitaran pertanian sebenar akan juga diberi penekanan untuk memastikan keberkesanan teknologi pertanian mutakhir yang digunakan. Kawasan yang diusahakan oleh kumpulan petani hendaklah mempunyai keluasan minimum 20 hektar. Bagi program estet mini, keluasan maksimum untuk menerima bantuan di bawah program ini adalah bergantung kepada budibicara Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan peringkat Bahagian.

e) Program Pengeluaran Benih Padi dan Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi di Stumbin, Sri Aman

Keperluan benih padi setahun adalah bergantung kepada kadar penggunaan benih dengan mengambil kira kekerapan penanaman (*cropping intensity*) setahun yang diamalkan oleh petani. Keperluan tahunan benih padi di negeri Sarawak adalah sebanyak 1,550 metrik tan. Jabatan bercadang untuk mengeluar benih padi yang berkualiti sebanyak 500 metrik tan semusim iaitu satu pertiga daripada keperluan benih setahun. Bagi memastikan pengeluaran benih padi yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri padi di Sarawak, program pengeluaran benih padi dan

pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi di Stumbin, Sri Aman adalah merupakan dua projek yang bertujuan untuk mencapai matlamat di atas. Program pengeluaran benih padi adalah satu bentuk bantuan yang dikelolakan oleh Jabatan untuk membeli dan membekal benih padi daripada pembekal sama ada di dalam atau di luar negeri kepada peserta program. Jabatan akan juga membeli benih padi daripada peserta Skim Penanam Biji Benih Padi yang akan diwujudkan setelah Pusat Pengeluaran Benih Padi beroperasi. Jabatan akan membekal pelbagai jenis benih padi sama ada dari baka padi sawah ataupun padi bukit bergantung kepada permohonan daripada petani berkenaan. Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi di Stumbin, Sri Aman dirancang untuk dijalankan bagi merealisasi hasrat Jabatan untuk menjadikan Pusat berkenaan sebagai pengeluar utama benih padi dan memangkin kepada industri padi di Sarawak. Jabatan merancang lokasi Pusat tersebut dibina di Stumbin, Sri Aman kerana ianya terletak di kawasan jelapang padi bagi negeri Sarawak. Seluas 50 hektar dianggarkan oleh Jabatan untuk dijadikan sebagai kawasan Pusat tersebut. Daripada 50 hektar kawasan berkenaan, Jabatan merancang menggunakan minimum seluas 3 hektar sebagai kawasan pengeluaran biji benih, satu hektar sebagai plot terkawal, satu hektar untuk loji pemprosesan dan satu hektar sebagai kuarters kediaman kakitangan. Kawasan selebihnya akan dibangunkan kemudian. Pusat ini juga akan menempatkan bilik sejuk yang akan digunakan sebagai setor simpanan benih padi. Sebuah makmal mini, loji dan kemudahan mesin pemprosesan serta kelengkapan lain yang berkaitan akan juga disediakan di Pusat ini.

f) Program Promosi Teknologi

Program ini adalah berbentuk perkhidmatan sokongan kepada program bantuan lain yang diusahakan oleh Jabatan. Ianya membantu untuk mempercepatkan keperluan pembangunan untuk mengadaptasikan sesuatu teknologi baru dan pembangunan produk terutama bagi sektor pembangunan industri padi secara keseluruhannya. Program promosi teknologi ini akan terdiri daripada pembiayaan beberapa aktiviti pertanian seperti pembiayaan untuk mengadakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke atas penggunaan jentera pertanian, pengeluaran benih padi dan perladangan. Selain itu, pembiayaan aktiviti pembangunan sumber manusia seperti kursus, seminar dan lawatan sambil belajar juga dirancangkan. Program ini akan dimanfaatkan oleh para petani, Pertubuhan Peladang dan pihak swasta berkaitan yang terlibat pada industri ini.

20.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah yang dirangka bagi melaksanakan 6 komponen program pembangunan industri padi Jabatan adalah seperti berikut;

a) Program Pembangunan Estet Mini

Melalui program ini, Jabatan akan menyediakan prasarana dan kemudahan seperti saluran air, sistem pengairan dan jalan ladang. Selain itu, Jabatan juga akan memperkenalkan kaedah penggunaan kombinasi kawalan air yang lebih berkesan bagi tanaman, penggunaan benih padi yang bermutu dan penggunaan mekanisasi ladang seperti jentera pertanian berkaitan. Pembinaan tersebut akan dilaksanakan secara *turnkey* dengan kaedah reka dan bina oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak. Estet Mini ini apabila siap akan diurus secara pengurusan berpusat dan Jabatan akan menyerahkan pengurusan projek tersebut kepada Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak.

b) Program Pembaikpulihan Prasarana

Program ini akan menyediakan peruntukan berjumlah RM5,000 satu hektar bagi membaikpulih prasarana seperti kerja perparitan dan saliran, kerja penyediaan tapak iaitu termasuk kerja merata, menimbus dan memapatkan tanah, kerja pengurusan dan penyuburan tanah dan membina jalan masuk, jambatan, *culverts* serta kos lain yang berkaitan seperti kos penggunaan peralatan ladang. Program ini akan dilaksanakan berpandukan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang. Setelah pembinaan prasarana disiapkan, para petani akan diberi pilihan sama ada untuk mengurus sendiri ladang berkonseptan pertanian berkelompok atau melaksanakan pengurusan secara berpusat ala pengurusan estet mini. Setiap peserta projek hendaklah bersetuju membenarkan Jabatan untuk mengurus keseluruhan kerja penyediaan prasarana berkaitan. Bagi tempoh RMK-8, Jabatan akan melaksanakan sebanyak 15 program pembaikpulihan prasarana di Bahagian Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Miri dan Betong.

c) Program Bantuan Baja Padi Bukit

Jabatan akan menyalurkan bantuan baja kepada sejumlah 35,000 daripada 80,000 buah keluarga tani yang mengusahakan padi bukit. Petani atau keluarga tani padi bukit yang akan menerima bantuan hendaklah terdiri daripada mereka yang telah berdaftar dengan Jabatan. Petani berdaftar layak untuk membeli baja dengan harga subsidi RM5 bagi setiap 25 kilogram baja padi bukit. Maksimum pembelian baja

padi bukit yang dibenarkan bagi setiap keluarga tani adalah 50 kilogram baja padi bukit.

d) Pakej Teknologi

Melalui program ini, para pesawah padi berskala kecil dan kelompok petani di bawah projek estet mini akan diberi bantuan berjumlah RM800 satu hektar. Setiap individu petani kumpulan berkenaan adalah layak diberi bantuan Pakej Teknologi antara satu ke dua hektar. Bagi pengusaha estet mini, bantuan ini adalah tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Perancangan Dan Pembangunan peringkat Bahagian. Perincian kos bagi setiap bantuan tidak ditetapkan jumlahnya tetapi berdasarkan kepada keperluan semasa dan tidak melebihi RM800 setiap hektar. Setiap projek akan disediakan dengan rancangan belanjawan operasi untuk mengawal perbelanjaan projek dengan lebih berkesan. Pemberian bantuan ini adalah untuk tempoh satu tahun sahaja. Selain itu, aktiviti penyelidikan pertanian yang akan dijalankan akan merangkumi penyelidikan terhadap hasil pengeluaran ladang, pengendalian dan pemprosesan hasil ladang. Selanjutnya, Jabatan juga merancang untuk menghasilkan produk daripada sisa buangan pertanian seperti tangkai padi yang boleh dijadikan dedak dan campuran bahan untuk tanaman cendawan dan produk lain bukan makanan.

e) Program Pengeluaran Benih Padi dan Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi di Stumbin, Sri Aman

Bagi program benih padi, Jabatan akan menentukan jenis benih padi yang akan ditanam oleh petani di kawasan sawah mereka. Jabatan akan memastikan jenis benih padi yang akan dibekal kepada petani adalah berkualiti. Bagi memastikan kualiti terjamin, Jabatan akan menghantar setiap sampel benih padi yang hendak dibekalkan kepada Pusat Penyelidikan Pertanian di Semonggok yang menggunakan standad MS469:1993 (Specification For Rice (*Oryza Sativa*) Seed for Planting, First Revision) yang telah ditetapkan oleh SIRIM Berhad dan Standad Spesifikasi Pengeluaran Benih Padi (*Oryza Sativa*) oleh Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM-1/2001) sebagai panduan penentuan kualiti dan kesesuaian benih tersebut. Selain itu Jabatan juga merancang untuk mewujudkan skim penanaman biji benih padi (SPBB) setelah Pusat ini disiapkan. Peserta skim ini akan terdiri daripada petani kawasan sekitar Pusat berkenaan. Semasa RMK-8, pengeluaran benih padi berdaftar akan dijalankan di Pusat Pengeluaran Benih Padi Stumbin yang berkeluasan 50 hektar. Untuk pembiakan padi berdaftar, ianya akan dijalankan oleh pihak Pertubuhan Peladang atau petani kontrak di bawah penyeliaan Jabatan Pertanian. Anggaran kos untuk menjayakan Pusat Pengeluaran Benih Padi Stumbin

adalah berjumlah RM0.4 juta untuk pembangunan prasarana dan ladang, sejumlah RM50,000 setiap tahun untuk pengeluaran hasil ladang termasuk kos operasi. Kos operasi bagi setiap hektar ladang untuk benih padi berdaftar dianggar berjumlah RM3,000. Manakala, sejumlah RM6 juta adalah dianggarkan untuk menampung kos berkaitan untuk menubuhkan pusat pengeluaran benih berkaitan.

Pengurusan projek pembinaan Pusat Pengeluaran Biji Benih di Stumbin, Sri Aman akan dikendalikan sendiri oleh Jabatan. Selain itu Jabatan akan melantik perunding bagi cadangan reka bentuk bangunan dan kelengkapan peralatan mesin yang diperlukan. Setelah Pusat ini siap dibina, Jabatan merancang untuk menyerah pengurusan pentadbiran Pusat berkenaan kepada pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak. Jabatan akan hanya memberi bantuan teknikal mengenai pengeluaran benih padi kepada Pusat tersebut. Pembinaan Pusat ini dirancang akan bermula pada tahun 2001 dan dijangka mula beroperasi pada awal bulan Januari tahun 2004.

f) Program Promosi Teknologi

Pembiayaan aktiviti di bawah program ini adalah sejumlah 5% daripada keseluruhan peruntukan tahunan bagi Program Pembangunan Industri Padi. Semua cadangan aktiviti program yang akan dilaksanakan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat Pertanian untuk kelulusan pada setiap awal tahun. Jabatan akan menggunakan kad rekod projek untuk tujuan ini. Setiap projek/aktiviti yang dicadangkan akan diberi nombor projek dan direkod secara individu di kad rekod projek. Kertas Cadangan yang dikemukakan hendaklah mengandungi butiran seperti nama dan jawatan pencadang/pelaksana, nama projek/aktiviti, lokasi, nama penerima manfaat, skop projek, penjadualan projek dan perincian kos yang melebihi setahun.

20.1.6 Keperluan Kewangan

Jabatan menganggarkan peruntukan kewangan yang diperlukan adalah lebih kurang RM50 juta sepanjang RMK-8 untuk mencapai matlamat keseluruhan 6 komponen program pembangunan industri padi ini. Keperluan kewangan berkenaan akan dipohon daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Perincian anggaran keperluan peruntukan bagi setiap komponen program pembangunan padi adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Keperluan Kewangan Mengikut Tahun

Bil.	Komponen Program	Keperluan Kewangan Mengikut Tahun (RM juta)					
		2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah Besar
1.	Program Estet Mini	6.93	8.00	8.35	4.00	-	27.28
2.	Program Baikpulih Prasarana	-	1.00	0.70	0.75	1.50	3.95
3.	Program Bantuan Baja Padi Bukit (beg)	0.48	0.88	1.04	1.30	0.82	4.52
4.	Program Paket Teknologi Padi	1.00	1.85	1.73	2.40	1.23	8.21
5.	Program Benih Padi Dan Pusat Benih Padi	1.00	1.95	0.94	1.43	0.02	5.34
6.	Program Promosi Teknologi	-	0.25	0.24	0.22	0.17	0.88
7.	Projek sambungan RMK7	0.46	-	-	-	-	0.46
	Jumlah	9.87	13.93	13.00	10.10	3.74	50.64

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak, 2005

Sejumlah RM27.30 juta diperlukan bagi program pembangunan estet mini, sejumlah RM3.95 juta bagi program pemberian prasarana padi, program bantuan baja padi bukit adalah berjumlah RM4.52 juta, program paket teknologi padi berjumlah RM8.21 juta, program promosi teknologi berjumlah RM880,000 dan program benih padi dan pusat benih Stumbin Sri Aman adalah berjumlah RM5.34 juta. Sejumlah RM460,000 adalah peruntukan bagi projek sambungan RMK-7.

20.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Setiap tahun Jabatan merancang melatih pegawai dan kakitangan termasuk para petani melalui pelbagai program latihan dan pengembangan pertanian yang dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Pengembangan Jabatan menerusi Pusat Latihan Pertanian seluruh Sarawak iaitu di Semonggok, Sungai Paloh, Sungai Sebiew, Kabong, Temudok, Debak/Layar, Oya dan Long Lama. Antara program latihan yang dirancang dan ada perkaitan dengan penanaman padi adalah seperti '*Crop Protection Course*', '*Integrated Pest Management*', '*General Agronomic Practices Of Major Crops*', '*Mini Estate Management*'. Selain itu, Jabatan juga merancang mengadakan tunjuk ajar di ladang seperti '*on farm demonstrations plot*', dialog, seminar dan lawatan pertanian berkaitan termasuk mengadakan Hari Peladang, pameran pertanian dan seumpamanya sepanjang tempoh RMK-8. Bagaimanapun, aktiviti ini tidak hanya dikhodus kepada penanam padi tetapi juga untuk petani lain.

20.1.9 Perolehan Kerja Dan Input Pertanian

Perolehan yang akan dikendalikan oleh Jabatan terdiri daripada perolehan kerja bagi projek pembangunan berkaitan dan perolehan input pertanian seperti bekalan baja, racun serangga, peralatan dan keperluan pertanian lain. Perolehan kerja dan input pertanian adalah seperti berikut:

a) Perolehan Kerja Pertanian

Bagi tempoh RMK-8, sejumlah RM29.25 juta dianggarkan untuk perolehan kerja yang terdiri daripada RM25 juta untuk pembangunan estet padi di Bahagian Sri Aman dan Sarikei. Manakala RM4.25 juta adalah untuk program pemberkualihan prasarana padi di Bahagian Kuching, Limbang, Kapit dan Samarahan. Perolehan kerja ini akan dilaksanakan melalui rundingan terus dengan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak mengenai projek estet mini dan panggilan sebut harga dan tender bagi kerja program pemberkualih prasarana. Kerja pembangunan estet mini padi merangkumi kerja seperti perkhidmatan Perunding bagi mereka bentuk dan survei projek, kerja prasarana pengairan dan kerja kejuruteraan tanah. Manakala kerja perolehan bagi program pemberkualih prasarana padi merangkumi penyediaan parit, tali air, pintu air dan ban, pemerataan tanah dan penyediaan pengurusan projek.

b) Perolehan Input Pertanian

Perolehan input pertanian memperuntukan sejumlah RM15.82 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan terdiri daripada program bantuan baja padi bukit sejumlah RM10 juta, program pakej teknologi sejumlah RM4.35 juta dan program promosi teknologi berjumlah RM1.47 juta. Perolehan input ini akan dibuat melalui panggilan sebut harga dan tender menurut panduan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang. Bagi tempoh yang sama sejumlah 8,640 metrik tan baja padi bukit diperuntukan kepada 30,000 keluarga tani di seluruh negeri Sarawak. Agihan bantuan baja ini akan dikendalikan oleh Pejabat Pertanian di peringkat Bahagian dan petani dikehendaki mengambil sendiri bantuan tersebut. Petani hanya perlu membayar sejumlah RM5 setiap beg baja *Ammophos* berbanding RM25 yang dibayar oleh Jabatan.

20.1.10 Jadual Pelaksanaan

Kerajaan Negeri menetapkan pelaksanaan Program Pembangunan Industri Padi ini dijadualkan selama 10 tahun mulai tahun 2001 hingga 2010. Pada tempoh tersebut Jabatan menjadualkan pelaksanaan setiap komponen supaya selari dengan keperluan semasa setempat. Pelaksanaan jadual ini juga bergantung dengan pihak pelaksana seperti Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak bagi estet mini. Semasa RMK-8 Jabatan merancang untuk membangunkan kawasan seluas 2,000 hektar iaitu 400 hektar setiap tahun untuk program estet mini, seluas 3,000 hektar iaitu pecahan 600 hektar bagi setiap tahun untuk Program Pakej Teknologi. Selain itu dijangka seramai 30,000 keluarga petani akan mendapat bantuan menerusi bekalan baja *Ammophos* dengan harga subsidi yang diagihkan sebelum musim penanaman di bawah program Bantuan

Padi Bukit. Manakala untuk bantuan benih pula jumlah kuantiti dan jenis benih yang diperlukan pada setiap tahun adalah bergantung kepada permintaan dari daerah/kawasan berkenaan.

20.1.11 Kaedah Pemantauan

Jabatan menggunakan mesyuarat dan laporan bulanan pengurusan bagi memantau perkembangan setiap komponen projek. Unit Pemantauan Projek juga diwujudkan di setiap Bahagian untuk membantu memantau pelaksanaan projek berkenaan. Selain itu, melalui beberapa Jawatankuasa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di Manual Operasi Tanaman akan menjalankan tanggungjawab pemantauan setiap program yang telah dirancang. Jawatankuasa yang ditubuhkan pula akan bermesyuarat pada setiap tempoh yang ditetapkan. Selain menubuhkan jawatankuasa berkaitan, Jabatan juga telah menyediakan mekanisme penggunaan pelbagai borang tertentu dan ianya akan dimuatkan sebagai contoh di dalam garis panduan yang digunakan oleh Jabatan.

Pada pandangan Audit, perancangan pelaksanaan program pembangunan industri padi telah disediakan dengan baik dan terperinci. Setiap komponen program telah disediakan matlamat, prosedur pelaksanaan, kumpulan sasaran dan keperluan kewangan bagi melaksanakannya.

20.2 PELAKSANAAN

Bagi mencapai matlamat pengeluaran beras negeri sehingga 70% daripada keperluan domestik negeri Sarawak menjelang tahun 2010, Jabatan telah diberi tanggungjawab membangunkan industri padi dengan tumpuan kepada penanaman padi secara komersial dan meningkatkan produktiviti kawasan yang sedia ada. Kejayaan mencapai objektif program pembangunan industri padi amat bergantung kepada keberkesanannya pelaksanaan komponen program dan penglibatan serta komitmen semua pihak berkaitan untuk berusaha ke arah pencapaian objektif tersebut. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

20.2.1 Dasar Pertanian Negeri

Melalui pendekatan serampang dua mata iaitu pembukaan kawasan baru bagi penanaman padi secara komersial seperti estet mini dan peningkatan penyaluran bantuan bagi membaik pulih prasarana terutamanya di kawasan sawah padi yang sedia ada, dijangka program ini dapat dijayakan dalam jangka waktu 10 tahun. Bagi tempoh 5 tahun pertama RMK-8, fokus utama Jabatan adalah penanaman padi bagi tujuan komersial. Pada masa yang sama, usaha untuk memberi pendedahan terhadap kaedah moden penanaman padi kepada petani/pesawah yang masih mengamalkan kaedah penanaman secara tradisional akan diteruskan. Semakan Audit mendapati Jabatan ada

melaksanakan program pembangunan Industri Padi bermula pada tahun 2001. Beberapa strategi didapati telah digariskan termasuk usaha untuk meningkatkan keluasan kawasan baru bagi pengeluaran padi dan membaik pulih dan memperbaiki kawasan yang sedia ada dengan pembinaan sistem empangan, pengairan dan perparitan yang lebih sempurna.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan program pembangunan industri Padi selari dengan Dasar Kerajaan Negeri.

20.2.2 Peraturan dan Undang-undang

Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi Dan Beras (Pelesenan Pemborong Dan Peruncit) 1996 yang memperuntukkan kuasa bagi mengawal selia industri padi dan beras adalah juga terpakai bagi negeri Sarawak. Penguatkuasaan perundangan ini adalah di bawah kuasa Bahagian Kawal Selia Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Pihak Audit mendapati Jabatan tidak diberi kuasa di bawah perundangan ini dan belum ada kerjasama yang erat di antara kedua belah pihak mengenai perkara kawal selia industri padi di negeri Sarawak walaupun Bahagian Kawal Selia Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Asas Tani mempunyai pejabat di Bandaraya Kuching.

Pada pendapat Audit, kerjasama di antara Jabatan dan Kementerian Pertanian Dan Asas Tani kurang memuaskan sebagaimana kehendak Undang-undang.

20.2.3 Garis Panduan Pemilihan Peserta Dan Kawasan Projek

Skim Mekanik dan Manual Operasi Tanaman merupakan sebahagian daripada garis panduan yang diguna pakai oleh Jabatan untuk melaksana program Industri padi. Ianya menjelaskan kriteria yang ditetapkan bagi pemilihan peserta projek berkaitan dan pemilihan kawasan yang bersesuaian untuk sesuatu projek yang dijalankan. Antara lain kriteria pemilihan peserta ialah petani hendaklah mempunyai sawah padi dan sedang mengusahakan tanaman padi. Semakan Audit terhadap rekod pemilihan peserta dan kawasan projek mendapati Jabatan telah menggunakan Manual Operasi Tanaman sebagai panduan pemilihan peserta dan kawasan yang hendak dibangunkan. Selain itu bagi pemilihan kawasan projek pula, Jabatan ada menjalankan kajian kesesuaian tapak sama ada melalui Bahagian Kejuruteraan Tanah Jabatan atau Juruukur yang dilantik sebelum projek dilaksanakan di kawasan yang telah dikenal pasti oleh Jabatan.

Semakan Audit terhadap rekod pemilihan kawasan bagi projek estet mini, mendapati Jabatan ada membuat pertimbangan terhadap laporan kajian mengenai kawasan

pengeluaran padi bagi RMK-8 terhadap kesesuaian tanah di kawasan yang dicadang untuk dibangunkan. Bagaimanapun, didapati penetapan 2 kawasan baru untuk dijadikan projek estet mini telah dipinda daripada senarai asal kawasan yang dicadangkan untuk dibangunkan. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri selepas penilaian pada tahun 2002 ingin menumpu pembangunan estet mini padi di Daerah Meradong yang mana kawasan Bundong Sian telah pun dibangunkan oleh Pertubuhan Peladang sebagai estet mini contoh. Pemilihan kawasan ini dijangka akan memudahkan pengurusan secara berpusat dan perkongsian penggunaan jentera serta kelengkapan di 3 estet mini tersebut.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta dan kawasan projek ada menekankan keperluan penduduk sesuatu kawasan termasuk kesesuaian pelaksanaan projek menurut kriteria yang telah ditetapkan di samping memastikan ianya boleh memenuhi objektif pelaksanaan.

20.2.4 Perolehan Kerja Dan Input Pertanian

Jabatan telah melaksanakan perolehan kerja dan input pertanian seperti berikut:

a) Perolehan Kerja

Perolehan kerja seperti kerja penyediaan prasarana pertanian termasuk pembinaan jalan ladang, saliran perparitan dan sebagainya adalah sebahagian daripada komponen projek untuk beberapa program komponen di bawah Program Pembangunan Industri Padi. Semakan Audit terhadap rekod perolehan kerja untuk projek pembangunan Mini Estet Padi di Daerah Meradong berjumlah RM19.8 juta mendapati perolehan kerja telah dibuat melalui rundingan terus dengan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak yang kemudian menawarkan perolehan kerja berkaitan kepada anak syarikatnya Peladang Berdikari. Bagi pembinaan di bawah Program Pembaikpulih Pasarana, kerja berjumlah RM1.05 juta di Bahagian Sri Aman dan Sarikei di lakukan oleh TPK melalui sebut harga terbuka seperti yang terkandung dalam Panduan SPIP.

b) Input Pertanian

Jabatan ada membekalkan pelbagai jenis input pertanian kepada pesawah yang dipilih menyertai program yang dilaksanakan oleh Jabatan menerusi Pertubuhan Peladang Kawasan. Semakan Audit terhadap perolehan input pertanian melalui rekod pesanan dan kad peserta program termasuk bil dan inbios yang berkaitan mendapati perolehan input pertanian telah dibuat melalui Pertubuhan Peladang Kawasan dengan menggunakan kaedah perolehan Sistem Perolehan Input

Pertanian. Bagaimanapun untuk perolehan baja padi bukit ianya telah dibuat melalui tender Jabatan dan kontraktor yang dipilih adalah merupakan kontraktor yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Jabatan. Input pertanian yang dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan adalah seperti racun serangga dan rumput, baja, benih dan juga peralatan ladang untuk program Pakej Teknologi Padi bagi padi sawah. Pihak Audit mendapati input pertanian berkenaan telah dibekalkan pada masa yang ditetapkan dan sampai kepada golongan sasar. Rekod mengenai kelayakan dan jenis bantuan yang diterima oleh peserta juga ada dicatatkan di dalam kad skim yang berkenaan.

Pihak Audit berpendapat perolehan kerja dan perolehan input pertanian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan adalah teratur dan memenuhi keperluan program yang berkaitan.

20.2.5 Perjanjian Kontrak Kerja/Input Pertanian

Salinan asal perjanjian kontrak hendaklah disediakan secukupnya dengan satu salinan disimpan sama ada di Pejabat Pertanian Daerah/Bahagian atau Ibu Pejabat. Semakan Audit terhadap perolehan kerja dan input pertanian yang laksanakan di Pejabat Pertanian Bahagian Kuching, Sri Aman dan Sarikei serta di Pejabat Pertanian Daerah Meradong mendapati dokumen asal dan salinan perjanjian kontrak hanya disimpan di Pertubuhan Peladang Kawasan berkaitan. Hanya beberapa salinan kontrak tersebut sahaja yang ada disimpan di peringkat Ibu Pejabat mahupun di pejabat Bahagian. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod bagi perolehan kerja di pejabat tersebut mendapati perjanjian ada dimeterai di antara Jabatan dan pihak Kontraktor. Kontrak perjanjian yang dimeterai antara Jabatan dan pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak selaku kontraktor meliputi beberapa perkara yang disifatkan boleh melindungi kepentingan Kerajaan.

Pada masa yang sama, pihak Pertubuhan Peladang Kawasan ada menyedia dan menandatangani perjanjian kontrak dengan petani atau pesawah yang menyertai projek estet mini. Kandungan kontrak perjanjian ada menyentuh mengenai persetujuan di pihak petani selaku pemilik kepada harta tanah untuk membenarkan pihak Pertubuhan Peladang Kawasan untuk membangun dan mengusahakan harta tanah mereka di bawah projek estet mini.

Pada pendapat Audit, perjanjian kontrak antara Kerajaan dan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak telah dibuat dengan teratur dan memadai bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

20.2.6 Pelaksanaan Komponen Program

Enam komponen utama Program Pembangunan Industri Padi ialah Program Pembangunan Estet Mini, Program Baikpulih Prasarana, Program Bantuan Baja Padi Bukit, Program Pakej Teknologi, Program Promosi Teknologi dan Program Pengeluaran Benih Padi Dan Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih di Stumbin, Sri Aman. Program tersebut telah dilaksanakan seperti berikut:

a) Program Pembangunan Estet Mini

Semasa RMK-8 Jabatan telah meluluskan untuk membangun sebanyak 16 kawasan seluas 2,000 hektar untuk projek estet mini. Pembangunan projek estet mini menggunakan pendekatan membangunkan kawasan tanah secara berangkaian (cluster) yang melibatkan jumlah keluasan tanah tidak kurang 100 hektar. Pendekatan ini diperkuatkan lagi dengan kawasan yang mempunyai sumber air, pemilik tanah sanggup mengusahakan tanah secara estet mini dan mempunyai jalanraya yang baik dan dapat dihubungi. Pemeriksaan Audit terhadap fail projek mendapati sehingga akhir tahun 2005, Jabatan hanya membangun 3 daripada 16 kawasan yang telah diluluskan. Keluasan tiga kawasan berkenaan adalah 1,096 hektar iaitu hampir 50% daripada keseluruhan kawasan yang dicadang untuk dijadikan estet mini. Tiga kawasan tersebut ialah estet mini di Bundong Sian seluas 410 hektar, projek estet mini Sungai Tulai seluas 460 hektar dan projek estet mini Sungai Tekap seluas 226 hektar.


Semakan Audit juga mendapati Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM23.40 juta untuk membangunkan ketiga-tiga kawasan projek estet mini berkenaan. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 hanya projek estet mini di Bundong Sian seluas 410 hektar itu telah siap dibangunkan dan telah mula beroperasi semenjak tahun 2004. Selain itu, projek estet mini di Sungai Tulai seluas 460 hektar siap pada bulan Disember 2005. Manakala projek estet mini di Sungai Tekap seluas 226 hektar masih di peringkat perancangan dan penyediaan Laporan Kajian Teknikal.

i) Kesesuaian Lokasi

Berhubung lokasi tiga kawasan yang telah dipilih untuk projek estet mini, lawatan Audit pada bulan Julai 2005 mendapati lokasi projek estet mini di Bundong Sian adalah 4 kilometer ke utara Bandar Bintangor. Projek estet mini Sungai Tulai dan Sungai Tekap adalah terletak bersebelahan di tebing kiri dengan bersempadan Sungai Bintangor dan Sungai Darow di sebelah timurnya. Pada masa ini, bentuk perhubungan ke kawasan berkenaan hanya melalui pengangkutan air. Jalan raya yang akan menghubungi kawasan ini dengan

kawasan lain sedang dibina. Pelan lokasi bagi tiga kawasan projek estet mini adalah seperti di **Peta 1**.

Peta 1
Pelan Lokasi Projek Estet Mini Di Bundong Sian, Sg. Tulai Dan Sg. Teka



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian

ii) Pengurusan Projek Estet Mini

Adalah didapati Projek Estet Mini Bundong Sian yang telah beroperasi sejak dua tahun yang lalu telah diuruskan secara pengurusan berpusat oleh pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak. Di bawah pengurusan berpusat ini pihak pemilik tanah telah bersetuju untuk menyerahkan tanggungjawab operasi ladang mereka kepada satu badan pengurusan yang dilantik Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak untuk tempoh selama 20 tahun. Tempoh 20 tahun ini akan bermula dari tarikh siapnya keseluruhan prasarana di kawasan projek estet mini berkenaan. Selama tempoh berkenaan setiap pemilik tanah adalah terikat dengan perjanjian yang telah dimeterai dengan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak. Pemilik tanah dijangka mendapat pendapatan tetap dari sewa tanah dan hasil pengeluaran padi bagi setiap hektar tanah yang terlibat. Bagaimanapun, belum diketahui sejauhmana pemilik tanah yang terlibat mendapat keuntungan daripada usaha sama yang telah dimulakan ini. Semakan Audit mendapati seramai 453 pemilik tanah yang terdiri 129 orang dari Projek Estet Mini Bundong Sian dan seramai 224 orang daripada Projek Estet Mini Sungai Tulai telah menandatangani surat perjanjian berkenaan. Salinan surat perjanjian yang disediakan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dengan petani yang terlibat itu ada disimpan di pejabat Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan di Ibu pejabat Pertanian Sarawak.

Semakan Audit terhadap pengurusan Projek Estet Mini mendapati ke semua Projek Estet Mini telah diurus oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak melalui anak syarikatnya Peladang Berdikari. Anak syarikat ini kemudian telah melantik Opol Enterprise untuk mengurus projek estet mini bagi tempoh selama 20 tahun. Kontraktor yang dilantik tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengurus penanaman padi selama tempoh berkenaan. Selain itu, Jabatan juga didapati ada menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal padi di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Pertanian Bahagian bagi membantu menyelaras dan menyelia pelaksanaan keseluruhan projek estet mini tersebut. Adalah juga didapati Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak atau wakilnya yang bertanggungjawab terhadap aspek kerja pengairan dan saliran adalah merupakan ahli kepada Jawatankuasa tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Estet Mini secara berpusat dapat membantu untuk memberi sinergi tersendiri kepada pelaksanaan Projek Estet Mini secara keseluruhan.

iii) Kos Pembinaan Projek

Semakan Audit mendapati Jabatan telah menetapkan kos Projek Estet Mini bagi setiap hektar berjumlah RM20,000 dengan pecahan kerja utama satu hektar adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kos Kerja Utama Bagi Setiap Hektar Di Bawah Projek Estet Mini

Bil.	Pecahan Kerja Setiap Hektar	Nilai (RM)
1.	Rekabentuk Dan Survei	1,100
2.	Infrastruktur Pengairan	6,700
3.	Kerja Kejuruteraan Tanah	11,000
4.	Pejabat Tapak, Kontigensi Dll	1,200
	Jumlah	20,000

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri

Jabatan telah menggunakan asas berkenaan bagi mengira dan menyemak kos projek yang disediakan oleh pihak Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan konsultannya. Pada awal tahun 2003 Projek Estet Mini Bundong Sian seluas 410 hektar telah siap dibangunkan dengan perbelanjaan sejumlah RM7.61 juta, Projek Estet Mini Sungai Tulai dengan keluasan 460 hektar berjumlah RM9.93 juta daripada RM12.03 juta dan Projek Estet Mini Sungai Tekap seluas 226 hektar pula dijangka membelanjakan sejumlah RM6.13 juta. Adalah didapati peningkatan nilai skim bagi Projek Estet Mini Sungai Tulai dan Sungai Tekap daripada RM20,000 menjadi RM27,000 satu hektar kerana 2 projek baru itu

memerlukan tambahan jenis kerja seperti sistem parit dan *Tidal Control Gates* berbanding Projek Mini Estet Bundong Sian yang sudah ada prasarana asas di samping peningkatan kos bahan binaan.

iv) Keadaan Tapak Dan Kerja Yang Diperlukan

Semakan Audit terhadap kos kerja pada dokumen kontrak mendapati perbelanjaan penyediaan tapak dan membangunkan estet mini di kawasan berpaya ini telah melibatkan sejumlah peruntukan yang besar iaitu RM7.76 juta bagi Bundong Sian dan RM12.09 juta bagi Sungai Tekap. Ini kerana keadaan tapak yang memerlukan jenis kerja infrastruktur yang intensif dengan perbelanjaan yang besar seperti bagi kerja pembersihan kawasan, kerja meratakan tanah, pembinaan terusan dan parit serta jalanraya. Kerja pembersihan meliputi penebangan dan pembersihan hutan dan belukar serta mencabut dan membuang tungkul pokok dari aktiviti pembalakan sebelumnya. Bagi meratakan kawasan ke paras yang diperlukan kerja pemotongan dan penimbusan perlu dilakukan. Kerja penimbusan ini adalah sukar kerana kawasan tersebut dan sekelilingnya bukan kawasan berbukit untuk dijadikan *burrow pit*. Butiran kos bagi membangunkan 2 estet padi mini adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35
Jenis Dan Kos Kerja Projek Estet Mini**

Bil.	Jenis Kerja	Kos Kerja (RM)	
		PME Bundong Sian	PME Sg.Tulai
1.	Yuran Perunding dan Survei	320,000	460,000
2.	<i>Preliminaries</i>	280,000	322,000
3.	Pembersihan Kawasan Tapak	1,189,500	1,793,600
4.	Kerja merata Tanah	2,100,000	2,695,000
5.	Pembinaan Terusan dan Talair	935,000	1,487,280
6.	Pembinaan Jalan	894,525	1,458,550
7.	Pembentungan dan Lintasan Jalan	328,400	443,000
8.	<i>Water Regulating Structures/Facilities</i>	587,000	1,862,000
9.	<i>Pumping and Water Recycling Facilities</i>	780,000	900,000
10.	<i>Land Consolidation Works *</i>	350,000	672,000
Jumlah		7,764,425	12,093,430

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Nota; *(dibayar selepas 2 tahun persiapan)

v) Kemajuan Projek Estet Mini

Semakan Audit terhadap pelaksanaan program estet mini mendapati hanya 3 daripada 14 kawasan yang dikenal pasti telah dibangunkan sebagai kawasan estet mini padi Negeri Sarawak. Bagaimanapun, hanya 1 daripada 3 kawasan tersebut telah siap dan beroperasi sepenuhnya. Kawasan tersebut adalah Projek

Estet Mini Bundong Sian. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kerja pembangunan prasarana di tapak Projek Estet Mini Bundong Sian telah bermula pada penghujung tahun 2001 dan disiapkan pada bulan Mac 2003. Selain dari pembiayaan oleh Kerajaan terhadap pembangunan bentuk prasarana seperti di atas, didapati pihak pemaju iaitu Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak telah juga mendirikan kilang padi di estet mini ini bagi menampung juga keperluan ketiga-tiga Projek Estet Mini serta petani lain untuk memproseskan hasil tuaian padi mereka. Mengikut rekod, kilang padi berkenaan telah menyediakan kemudahan memproses kepada seramai 224 orang petani daripada 21 buah kampung/rumah panjang berdekatan.

Bagi Projek Estet Mini Sungai Tulai pula seramai 240 orang petani telah diambil bekerja di tapak projek ini. Kerja membangunkan tapak projek estet mini ini telah dimulakan pada penghujung tahun 2003 dan kerja infrastruktur sepatutnya disiapkan sebelum musim tengkujuh tahun 2005. Bagaimanapun, kerja ini belum disiapkan lagi dan lewat daripada jadual sebenar. Adalah diperhatikan projek estet mini Sungai Tekap pula adalah di peringkat menyediakan draf laporan akhir yang perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Jabatan. Semakan Audit mendapati kelewatan ini disebabkan Jabatan menghendaki satu kajian dan laporan yang lebih teliti semasa peringkat perancangan dan selanjutnya kerja di tapak pula dijangkakan akan mengambil masa yang lama kerana keadaan tanah dikatakan kurang sempurna. Selain itu, ada juga bantahan daripada individu tertentu terhadap pelaksanaan projek estet mini ini. Bagaimanapun, keputusan bagi membangunkan Projek Estet Mini Sungai Tulai dan Projek Estet Mini Sungai Tekap bersebelahan Estet Mini Bundong Sian dilihat dari segi ekonomi sebagai lebih menguntungkan kerana penjimatan kos guna tenaga dan jentera serta keadaan pengurusan berpusat Projek Estet Mini.

vi) Hasil Tanaman Projek Estet Mini Bundong Sian

Lawatan Audit pada akhir bulan Julai 2005 ke Projek Estet Mini Bundong Sian yang dibahagikan kepada 12 blok mendapati kurang setengah kawasan projek estet mini ini yang melibatkan beberapa kawasan seperti Blok A hingga Blok D telah ditanamkan dengan padi luar musim. Penuaan padi ini dijangka berlaku pada bulan Oktober tahun semasa. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran padi di Projek Estet Mini Bundong Sian mendapati pengeluaran padi masih rendah dengan kadar antara 3 hingga 4 tan sehektar. Ini kerana tanah yang masih lembut menyebabkan 3 blok kawasan berkenaan tidak dapat dituai sepenuhnya menggunakan mesin. Mengikut maklumat dan rekod kilang padi

berkenaan, sejumlah 600 metrik tan padi telah dituai pada musim lalu. Selain itu ada blok yang terjejas selepas penanaman percubaan padi tempatan pada musim sebelumnya dan juga serangan dari perosak tanaman seperti *stemborers*. Keadaan tanaman, kilang pemprosesan padi dan mesin tuaian padi di projek Estet Mini Bundong Sian adalah seperti **Foto 33 hingga 35**.

Foto 33
Tanaman Padi



Sumber: Foto Sumbangan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2005
Lokasi: Bundong Sian

Foto 34
Pemprosesan Padi Dalam Kilang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 21 Julai 2005
Lokasi : Kilang Padi Bundong Sian

Foto 35
Mesin Yang Digunakan Untuk Menuai Padi



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh: 21 Julai 2005

Lokasi: Perkarangan Kilang Bundong Sian

Pada pendapat Audit, program pembangunan estet mini di Bundong-Sian, Sungai Tulai dan Sungai Tekap adalah satu usaha yang baik untuk dikembangkan, walaupun pada masa ini masih ada kekurangan dari segi kemudahan asas di kawasan berkenaan dan tanah yang belum sesuai sepenuhnya untuk diusahakan.

b) Program Penambahbaikan Prasarana Padi

Jabatan telah menetapkan sebanyak 11 kawasan di Lundu, Siburan, Engkilili, Spaoh, Meradong, Kanowit, Bintulu dan Miri dengan perbelanjaan sejumlah RM21.70 juta untuk dibangunkan dibawah program penambahbaikan prasarana padi. Pelaksanaan pembangunan di Bahagian Kuching di peringkat perancangan, di Bahagian Kapit, di peringkat pembinaan manakala di Bahagian Samarahan masih belum dilaksanakan. Manakala lawatan Audit pada bulan Julai 2005 terhadap program penambahbaikan prasarana padi di Sungai Kuyat, Sarikei mendapati program ini belum dilaksanakan. Lawatan Audit ke Pejabat Pertanian Daerah Engkilili, Bahagian Sri Aman mendapati Daerah berkenaan mempunyai 3 kawasan yang telah mendapat bantuan program ini iaitu kawasan Merio seluas 65 hektar, kawasan Sayat-Soh seluas 50 hektar dan kawasan Bukong-Marup seluas 50 hektar. Bagaimanapun, program ini di kawasan Bukong-Marup masih belum dimulakan. Pihak Audit telah dimaklumkan masalah ini berlaku disebabkan Laporan Kegunaan Tanah daripada Bahagian Tanah Jabatan Pertanian di Kuching masih

belum diterima. Setakat bulan Disember 2004 sejumlah RM699,960 telah dipindahkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Engkilili di mana sejumlah RM325,000 adalah untuk Program Penambahbaikan Prasarana Padi di Merio dan RM374,960 untuk Program Penambahbaikan Prasarana Padi di Sayat-Soh.

Semakan Audit mendapati sejumlah RM18,250 daripada RM325,000 untuk Program Penambahbaikan Prasarana Padi di Merio telah digunakan untuk kerja kejuruteraan, survei dan penetapan *perimeter*. Bagaimanapun, peruntukan untuk Program Penambahbaikan Prasarana Padi di Sayat-Soh masih belum digunakan. Baki sejumlah RM681,710 masih disimpan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan berkenaan. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap Program Penambahbaikan Prasarana Padi di Daerah Engkilili bahawa Pejabat Pengairan Dan Saliran sedang menyedia dan menyiapkan dokumen tender untuk kerja pembinaan parit utama, pintu air, pembersihan dan perataan tanah, pembinaan parit dan ban. Kesemua kerja ini dibahagikan kepada 3 fasa iaitu fasa pembinaan parit utama dan pintu air, fasa pembersihan kawasan dan fasa pemerataan tanah, pembinaan parit dan ban. Bagi Program Penambahbaikan Prasarana Padi Sayat-Soh pula, kerja pembinaan adalah seperti pembinaan parit utama, ban, pembersihan dan pemerataan tanah, kawasan tадahan dan pintu air. Kesemua kerja di kedua-dua Program Penambahbaikan Prasarana Padi ini dijadualkan bermula pada bulan Julai 2005 dan siap pada bulan Jun tahun 2006.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program penambahbaikan prasarana padi tidak begitu memuaskan.

c) Program Pakej Teknologi Padi

Semakan Audit terhadap program pakej teknologi mendapati Jabatan telah membangunkan kawasan seluas 7,242 hektar dengan perbelanjaan sejumlah RM5.8 juta dalam RMK-8. Di bawah program ini Jabatan menyediakan peruntukan sejumlah RM800 satu hektar kepada petani yang memohon bantuan pakej ini. Bantuan seperti penggunaan jentera pertanian, mengadakan kawalan air yang betul dan sebagainya dibekalkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan dengan berpandukan Sistem Perolehan Input Pertanian Menerusi Pertubuhan Peladang. Semakan Audit terhadap rekod mengenai bilangan input pertanian dengan jumlah bantuan yang dibekalkan mendapati jumlah sebenar amaun bantuan diterima oleh seorang petani adalah kecil berbanding dengan jumlah RM800 satu hektar. Secara puratanya, seorang petani hanya menerima sejumlah RM161.85 daripada RM800 satu hektar. Ini adalah kerana jumlah bantuan yang diberikan berdasarkan kepada

jumlah keseluruhan keluasan tanah yang dimiliki oleh petani dan bantuan tersebut dibahagikan sama rata berdasarkan luas tanah pertanian tersebut. Adalah didapati jenis bantuan yang diberikan bukan berbentuk pakej teknologi tetapi bantuan membeli baja, racun tanaman, racun serangga, racun rumpai dan penyembur racun serta peralatan pertanian yang lain.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program penyediaan pakej teknologi pertanian ini tidak menyeluruh dan tertumpu pada pembelian peralatan dan input pertanian sahaja.

a) Program Bantuan Baja Padi Bukit

Semakan Audit terhadap program bantuan ini mendapati sejumlah RM9.57 juta telah dibelanjakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 untuk membekalkan baja padi bukit jenis *Ammophos* kepada seramai 75,000 keluarga tani padi bukit yang berdaftar di seluruh negeri. Purata peruntukan berjumlah RM2 juta telah disalurkan sebagai bantuan kepada sejumlah 35,000 keluarga tani setiap tahun. Semakan Audit mendapati seramai 35,650 keluarga tani telah mendapat bantuan di bawah program ini sepanjang tempoh tahun 2003 hingga 2005. Bagaimanapun, pada tahun 2005 jumlah keluarga tani yang menerima bantuan menurun disebabkan peruntukan bantuan tersebut telah berkurangan. Pengagihan bekalan bantuan baja telah diurus sendiri oleh Jabatan Pertanian Daerah. Sementara perolehan bekalan baja ini diuruskan melalui proses tender oleh Jabatan Pertanian Negeri. Para petani menerima bekalan baja berkenaan di pusat pengagihan yang disediakan oleh Jabatan sama ada di stor Jabatan Pertanian atau stesen Pertanian yang ditetapkan. Bantuan ini hanya diberi kepada petani yang menanam padi bukit dengan seorang petani layak menerima 50 kg iaitu 2 kampit baja pada harga subsidi RM5 satu kampit. Bantuan ini didapati telah dapat diagihkan kepada petani sebelum penanaman padi bukit setiap musim. Adalah diperhatikan rekod seperti daftar nama penerima bantuan dan rekod kewangan tentang penjualan baja ini telah diselenggara dengan kemas kini.

Semasa lawatan Audit di Bahagian Kuching, Sarikei dan Sri Aman, pihak Audit telah dimaklumkan pemberian bantuan baja padi bukit mendapati pemberian sekampit baja adalah tidak mencukupi untuk satu hektar tanah. Menurut beberapa petani bantuan tersebut hendaklah ditambah kepada 2 kampit bagi setiap hektar tanah padi bukit. Ini kerana dengan sekampit baja tidak mencukupi untuk satu hektar tanah padi bukit yang memerlukan banyak penggunaan baja tersebut bagi membantu proses pertumbuhan padi. Pihak Audit mendapati, walaupun jumlah

bantuan baja padi bukit yang disalurkan adalah terhad kepada 2 kampit (50 kg) sahaja bagi sebuah keluarga tani, namun program bantuan baja padi bukit ini telah dapat membantu petani terutamanya di kawasan pedalaman untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi bukit yang merupakan makanan utama mereka. Adalah didapati juga sebahagian besar pengeluaran padi bukit oleh keluarga tani adalah untuk keperluan sendiri dan bukan untuk dipasarkan.

Pada pendapat Audit, program bantuan baja padi bukit ini adalah satu usaha yang baik.

b) Program Promosi Teknologi

Program promosi teknologi adalah perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh Jabatan bagi menampung keperluan komponen di bawah program pembangunan industri padi yang dijalankan. Jabatan telah memperuntukan sejumlah 5% daripada peruntukan keseluruhan yang diterima bagi pelaksanaan program untuk program promosi ini. Semakan Audit terhadap perbelanjaan program ini mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 sejumlah RM1.47 juta telah diperuntukkan untuk tujuan melaksanakan program ini di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarakei, Kapit, Samarahan dan Bintulu. Sejumlah RM270,500 juga diperuntukkan untuk aktiviti penyelidikan. Bagaimanapun, Jabatan tidak melaporkan secara terperinci aktiviti yang telah dibelanjakan di bawah program ini.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti promosi teknologi ini tidak dibuat perincian perbelanjaan.

c) Program Benih Padi Dan Pusat Pengeluaran Benih Padi

Program pengeluaran benih padi dan projek pembinaan pusat pengeluaran benih padi adalah merupakan 2 program yang berasingan dan dilaksanakan seperti berikut:

i) Program Pengeluaran Benih Padi

Semakan Audit terhadap program benih padi mendapati program ini mula dilaksanakan pada awal RMK-8. Adalah didapati pembelian benih padi yang telah dilakukan oleh Jabatan adalah dengan membeli benih baka padi seperti Bario, Biris, ARC 2, MR 219 dan MR 84. Setakat Disember 2004, sejumlah RM133,292 telah dibelanjakan untuk membeli 53.94 metrik tan benih. Benih ini kemudiannya telah diagihkan ke semua stesen dan seterusnya diagihkan kepada petani yang layak. Dari segi perolehan pula, benih padi ini dipesan

berdasarkan permohonan Pejabat Pertanian Daerah yang diperolehi daripada Pertubuhan Peladang Kawasan tertentu sebagai pembekal. Bagi varieti yang diperolehi dari Bernas atau MARDI pesanan dibuat melalui Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan bagi varieti tempatan adalah daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Daro, Meradong dan Sadong Jaya. Benih padi dari baka Bario adalah keluaran Pertubuhan Peladang Kawasan Meradong, Biris oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Simunjan (Sadong Jaya), dan Wai (Rotan) oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Daro. Manakala benih padi dari baka MR84 dan MR219 adalah dari MARDI dan ARC2 dihasilkan oleh Pusat Penyelidikan Semonggok. Bekalan benih padi ini pula dihantar ke Stesen Pertanian Daerah untuk diagihkan kepada petani terlibat di semua daerah.

Semakan Audit pada bulan Julai dan Ogos 2005 terhadap rekod pengagihan bekalan benih padi tersebut di Bahagian Kuching mendapati pemilihan petani yang akan mendapat bantuan benih dilakukan melalui Ketua Unit di Daerah berkenaan. Senarai nama petani ada diserahkan kepada Ibu Pejabat untuk tujuan pertimbangan. Adalah diperhatikan proses pengagihan benih padi ini dibuat berdasarkan permintaan petani tersebut dan diagih sama rata kepada petani berkenaan. Pada tahun 2003, Bahagian Kuching telah diperuntukkan sejumlah 8.91 metrik tan benih padi pelbagai baka yang melibatkan kos sejumlah RM20,489. Peruntukan sejumlah RM5,349 juga telah disediakan untuk daerah Kucing bagi pembelian benih padi pelbagai baka seperti benih Biris, WAI, ARC 2, MR219 dan MR84. Kos pembelian benih padi daripada baka seperti di atas bagi Daerah Kecil Siburan, Daerah Lundu dan Bau adalah berjumlah RM15,140. Pada tahun 2004, Bahagian Kuching telah diperuntukkan sejumlah 8.42 metrik tan benih padi dari baka seperti Bario, Biris, ARC 2, MR219, MR84 dan WAI untuk tujuan pengagihan. Daripada perangkaan tersebut didapati ada penurunan sebanyak 0.49 metrik tan pemberian benih padi berbanding tahun 2003. Pada tahun 2004, Bahagian Sarikei telah membelanjakan sejumlah RM9,000 untuk pembelian benih padi dari baka Biris dan MR219.

Pemeriksaan Audit terhadap fail berkaitan mendapati ada maklum balas yang telah diterima oleh Jabatan daripada para petani di Daerah Sri Aman mengenai kualiti benih padi Biris yang dibekalkan kepada mereka bagi tahun 2003 kurang memuaskan. Aduan menyatakan banyak benih padi kosong (*empty seeds*) yang mungkin disebabkan pemilihan tidak melalui proses pembersihan yang baik. Benih tersebut juga lembap yang terjadi akibat proses pengeringan yang tidak

teratur mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Sebagai langkah penambahbaikan, pada Januari 2004 Jabatan telah menghantar satu manual bertajuk "*Standard Characteristics of Padi Seed and Technical Guidelines*" yang dihasilkan oleh Teo Gien Kheng, seorang veteren di bidang ini, sebagai panduan kepada semua pembekal benih padi. Pihak Audit mendapati Jabatan hanya menerima satu aduan daripada 14 rumah panjang dan kampung di Sri Aman berkenaan kualiti benih padi Biris. Pihak Jabatan telah menghantar Memorandum Rasmi beserta manual kepada Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan juga Pertubuhan Peladang Kawasan.

ii) Pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi

Jabatan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM6 juta pada tahun 2002 untuk pembinaan Pusat Pengeluaran Benih Padi di Stumbin, Sri Aman dengan keluasan 160 hektar. Semakan Audit mendapati pengambilan balik tanah bagi tapak Pusat ini telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri pada bulan Februari 2003. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati status tanah yang sedia ada mendapat bantahan daripada pihak yang berkepentingan. Pada Oktober 2002, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Kampung Stumbin Utara telah merayu supaya sebahagian daripada tanah tersebut dikecualikan daripada cadangan pembinaan Stesen tersebut. Alasan yang dikemukakan ialah pengambilan tanah ini boleh menyebabkan penduduk setempat kehilangan punca pendapatan terutamanya mereka yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman padi di kawasan ini. Bagaimanapun, proses pengambilan balik tanah bagi projek tersebut telah selesai pada bulan Februari 2004 dengan perbelanjaan pampasan berjumlah RM2.68 juta dan Jabatan telah dibenarkan untuk memulakan pembinaan Pusat tersebut. Lawatan Audit ke tapak pengeluaran benih padi di Stumbin pada bulan Julai 2005 mendapati pembangunan dan pembinaan Pusat tersebut masih belum dimulakan. Bagaimanapun, kerja survei oleh Jabatan Pengairan Sarawak telah dijalankan di tapak projek ini. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati sebahagian besar kawasan berkenaan masih diliputi belukar dan semak-samun dan yang kelihatan hanyalah tali air yang disediakan oleh pihak Jabatan Pengairan Sarawak. Lawatan Audit ke Stesen Penyelidikan Padi Stumbin pula mendapati kawasan plot percubaan tanaman padi yang dikatakan oleh Jabatan sedang giat dijalankan di kawasan berkenaan, telah ditumbuhinya lalang. Kawasan persekitaran kompleks tersebut juga tidak diselenggarakan dengan baik. Bangunan pejabat yang menempatkan kakitangan telah usang. Saliran air di parit sekitar kompleks tidak dapat mengalir dengan lancar. Ini menyebabkan kawasan

sekitar kompleks agak becak dan berbau busuk walaupun ada kawasan yang bersimen. Kawasan ini juga sering mengalami banjir kilat disebabkan oleh kedudukan tanah yang rendah dari jenis tanah mendapan sungai. Semasa lawatan dilakukan, Stesen Penyelidikan Padi Stumbin baru sahaja dilanda banjir kilat ekoran fenomena air pasang dan hujan lebat.

Pada pendapat Audit, Jabatan tidak berjaya melaksanakan projek ini mengikut jadual dan tidak mencapai matlamat untuk mewujudkan pusat penyelidikan.

20.2.7 Penanaman Padi Bario

Jabatan didapati telah memulakan usaha untuk memperkenal dan menggalakkan penanaman padi berkualiti tinggi dari jenis Bario. Beras Bario adalah antara beras wangi yang bermutu tinggi dan dikatakan setanding dengan Beras *Basmati* dari Pakistan atau *Kwao Dwak Mali* dari Thailand. Pokok padi ini boleh ditanam di kawasan rendah dan tinggi. Seluas 240 hektar tanah di kawasan tinggi seperti Bario dan Pa Langunan. Seluas 1,089 hektar dikawasan rendah seperti di Siburan, Betong, Meradong, Kanowit, daro, Kapit, Miri dan Lawas telah ditanam dengan beras wangi ini. Semakan Audit terhadap benih padi ini mendapati purata sebanyak 4,800 kilogram benih padi diberi setiap tahun. Sementara, didapati hasil pengeluaran padi adalah hanya purata 2 metrik tan satu hektar. Bagi kawasan tinggi, hasil pengeluaran adalah purata sebanyak 500 metrik tan setiap tahun. Purata sebanyak 3,000 metrik tan adalah datang dari kawasan rendah. Pemintaan terhadap Beras Bario difahamkan semakin meningkat. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mula untuk mempromosikan Beras Bario sejak pertengahan tahun 2002. Pada bulan Oktober 2002, Beras Bario telah diperkenalkan di Turin, Italy oleh *Slow Food* yang merupakan sebuah organisasi antarabangsa berpusat di Rome. Pada bulan November 2002, beras Bario telah mula diekspor ke Semenanjung Malaysia. Harga pasaran Beras Bario pada masa kini RM5.00 satu kilogram. Pihak Jabatan juga telah memulakan Program Pensijilan Benih Padi Bario bagi mengekalkan mutu beras ini dan program ini adalah di bawah pengawasan Bahagian Penyelidikan Pertanian, Semonggok. Bagaimanapun, Jabatan tidak memberi peruntukan khusus di bawah projek ini. Perolehan benih padi ini menggunakan peruntukan Program Pakej Teknologi manakala perolehan baja adalah daripada peruntukan program baja padi bukit.

Pada pendapat Audit, usaha mempromosi Beras Bario adalah usaha yang baik untuk meningkatkan produktiviti dan memperluaskan pasaran.

20.2.8 Pencapaian Program

Peruntukan sejumlah RM50 juta telah diluluskan untuk melaksanakan program industri padi ini. Pada asasnya, pencapaian program ini boleh diukur berdasarkan kepada pencapaian dan perkembangan semasa pada setiap tempoh yang telah ditetapkan. Sejumlah RM47.58 juta daripada RM50 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Pencapaian program bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 36.**

Jadual 36
Pencapaian Program Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2005

Bil.	Program	Sasaran		Pencapaian	
		Hektar (Ha)	Amaun (RM Juta)	Hektar (Ha)	Amaun (RM Juta)
1.	Estet Mini Padi	1,250	25.00	1,086	23.57
2.	Pembangunan Prasarana Padi	500	2.50	980	2.50
3.	Pakej Teknologi	6,795	5.44	7,455	5.96
4.	Bantuan Baja Padi Bukit	8,267 mt	10.00	8,267 mt	8.58
5.	Bantuan Bekalan Benih Padi	300 mt	4.61	300 mt	4.61
	Pusat Pemprosesan Padi	160	0.45	160	0.45
6.	Teknologi Promosi	Tidak dinyatakan		Tidak dinyatakan	1.90
Jumlah			48.00		47.57

Sumber : Rekod Jabatan Pertanian Sarawak

Nota : Sasaran selepas di semak semula oleh Jabatan

Semakan Audit juga mendapati setakat tahun 2005 seluas 1,086 hektar tanah telah dibangunkan di bawah program Estet Mini. Seluas 40,000 hektar tanah ditanam dengan padi sawah dan seluas 70,000 hektar ditanam dengan padi bukit. Pengeluaran beras tempatan bagi memenuhi keperluan domestik sehingga tahun 2005 adalah hanya 45%. Sasaran awal tahap pengeluaran beras tempatan bagi negeri Sarawak adalah 50% sehingga tahun 2005.

Analisis Audit terhadap perbelanjaan peruntukan mendapati Jabatan telah menggunakan hampir semua peruntukan yang diberi. Semakan Audit terhadap laporan prestasi kewangan dan fizikal projek pembangunan mendapati Jabatan telah mengagihkan semua peruntukan bagi setiap komponen program yang dirancang. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Pertubuhan Peladang Kawasan di Bahagian Sri Aman, Sarikei dan Kuching mendapati peruntukan yang telah diagihkan itu masih belum digunakan sepenuhnya. Ini adalah tidak bersamaan dengan laporan prestasi yang menunjukkan peruntukan telah diguna sepenuhnya.

Pihak Audit mendapati walaupun peruntukan bagi setiap komponen telah disalur awal kepada Pertubuhan Peladang Kawasan oleh Jabatan namun pihak Pertubuhan Peladang Kawasan masih bergantung kepada arahan daripada Jabatan bagi

melaksanakan setiap komponen berkaitan. Semakan Audit di Sri Aman, Sarikei dan Kuching mendapati peranan Pertubuhan Peladang Kawasan adalah hanya untuk membayar setiap perbelanjaan yang dicajkan kepada komponen program tersebut. Proses pembayaran perlulah dilaksanakan mengikut peraturan kewangan di mana bayaran kemajuan dibuat berdasarkan kepada peratus kemajuan projek.

Pada pendapat Audit prestasi kemajuan projek yang dilaporkan oleh Jabatan tidak menunjukkan keadaan sebenar.

20.2.9 Pengurusan Kewangan Projek

Semakan Audit terhadap perbelanjaan bagi pelaksanaan komponen program pembangunan industri padi mendapati Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM47.57 juta daripada RM50 juta atau 95%. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan projek mendapati semua peruntukan yang diluluskan telah disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan berkaitan, kecuali peruntukan untuk program baja padi bukit yang diuruskan sendiri oleh Jabatan. Adalah didapati peruntukan kewangan yang telah diluluskan masih mempunyai baki di penyata akaun projek Pertubuhan Peladang Kawasan tetapi ditunjukkan sebagai telah digunakan sepenuhnya oleh Jabatan di laporan prestasi kewangan dan fizikal Jabatan. Ini menunjukkan prestasi penggunaan peruntukan di peringkat Jabatan adalah memuaskan walaupun sebaliknya di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan. Semakan Audit selanjutnya di Ibu Pejabat Pertanian mendapati Jabatan telah mengagihkan ke semua peruntukan program berkenaan kepada Pejabat Pertanian Bahagian. Pejabat Pertanian Bahagian kemudian didapati telah menyalurkan peruntukan berkenaan kepada pejabat Pertanian Daerah untuk diagihkan pula kepada Pejabat Pertubuhan Kawasan. Di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan pula, semakan Audit mendapati baki peruntukan sejumlah RM7.28 juta belum digunakan sehingga akhir tahun 2005. Pecahan baki peruntukan mengikut komponen pelaksanaan program yang telah diterima oleh Pertubuhan Peladang Kawasan di pelbagai Bahagian dan Daerah adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Pecahan Baki Peruntukan Belum Digunakan PPK Bahagian/Daerah
Mengikut Komponen Program Bagi Tempoh 2001 Hingga Disember 2005

Bil.	Komponen Program	Tahun			
		2003 (RM juta)	2004 (RM juta)	2005 (RM juta)	Jumlah (RM juta)
1.	PME	1.32	4.52	-	5.84
2.	PIIP	0.59	0.46	-	1.05
3.	PTP	0.27	0.08	0.04	0.39
4.	Baja Padi Bukit	-	-	-	0
5.	Pengeluaran Benih Padi	-	-	-	0
6.	Promosi Teknologi	-	-	-	0
Jumlah		2.18	5.06	0.04	7.28

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Sarawak, 2005

Semakan Audit mendapati peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan adalah hanya mengurus peruntukan dan perbelanjaan yang diterimanya. Bagaimanapun, ianya tidak terlibat untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani. Namun begitu, Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak dan anak syarikatnya diakui terlibat secara langsung dengan pembangunan Padi Mini Estet.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan projek adalah kurang memuaskan.

20.2.10 Guna Tenaga Dan Latihan

Semakan Audit mendapati Jabatan hanya mempunyai 3 orang pegawai untuk mengendalikan dan melaksanakan program ini di peringkat Ibu Pejabat. Bagaimanapun, pelaksanaan program adalah juga dibantu oleh pegawai dan kakitangan di peringkat Pejabat Bahagian dan Daerah termasuk juga pegawai dan kakitangan di Pejabat Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kawasan berkenaan. Pada masa yang sama, bagi memajukan lagi industri padi di negeri Sarawak kerja penyelidikan terhadap tanaman padi termasuk memperkenalkan *hybrid* yang sesuai adalah dijalankan oleh Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Pertanian, Semonggok dan dibantu oleh pegawai yang berada di peringkat Bahagian terutama semasa mengumpul data dan memantau projek yang dikenal pasti.

Adalah diperhatikan Jabatan ada menyediakan kursus dan latihan berkaitan dengan pertanian kepada para petani termasuk pegawai dan kakitangan jabatan melalui Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Dan Pengembangan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, sebanyak 174 kursus pelbagai jenis telah dimanfaatkan oleh seramai 4,325 orang petani telah dijalankan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya 3 kursus sahaja yang berkaitan langsung dengan program pembangunan industri padi iaitu *Rice Production Course* yang dilaksanakan pada pertengahan bulan Mac 2003 di Centre for Modern Management Kuching dengan penyertaan seramai 22

orang peserta. Kursus *Seed and Rice Farm Selection* telah diadakan pada akhir bulan Jun 2004 dengan penyertaan seramai 8 orang peserta dan selanjutnya, kursus *Management of Padi Production* telah diadakan pada tahun 2005 dengan penyertaan seramai 20 orang peserta. Semakan Audit juga mendapati ada 8 jenis kursus pertanian lain yang secara tidak langsung berkaitan dengan industri padi seperti *Properties of Pesticides and their health and ‘Environmental Hazards, Crop protection, Good agricultural practices* dan sebagainya yang melibatkan penyertaan seramai 362 orang peserta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan berapa ramai daripada peserta tersebut terdiri daripada petani yang mengusahakan tanaman padi.

Pada pendapat Audit, kursus dan latihan penggunaan kaedah dan alat pertanian moden penanaman padi kurang diberi kepada petani.

20.2.11 Pemasaran Pengeluaran Padi

Pemasaran beras daripada kawasan yang sudah dikenal pasti sebagai kawasan pengeluar padi seperti Sadong Jaya di Bahagian Samarahan dan Bijat, Stumbin di Bahagian Sri Aman dijual kepada kilang padi swasta berdekatan dengan kawasan tanaman dan juga kepada pihak Beras Nasional. Beras dari kilang berkaitan telah dipasarkan mengikut jenama tertentu untuk pasaran tempatan. Semakan Audit terhadap rekod pemasaran pengeluaran hasil padi di Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Miri dan Limbang bagi padi bukit mendapati majoriti petani yang menanam padi bukit menggunakan hasil pengeluaran padi mereka untuk kegunaan sendiri dan sedikit sahaja yang dijual ke pasaran.

Pada pendapat Audit, pemasaran hasil padi bukit masih pada tahap rendah.

Secara keseluruhannya, prestasi fizikal projek tidak menunjukkan pencapaian yang baik walaupun pencapaian perbelanjaan di peringkat Jabatan menunjukkan pencapaian perbelanjaan hampir 100%.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan sesebuah projek memerlukan mekanisme yang berfungsi dengan baik dan memuaskan. Pemantauan projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

20.3.1 Unit Penanaman Padi

Semakan Audit terhadap carta organisasi Jabatan tahun 2005, program pembangunan industri padi dipertanggungjawabkan kepada Unit Penanaman Padi. Unit ini melapor terus kepada Penolong Pengarah Pertanian di Bahagian Industri Tanaman. Unit Padi

ini terdiri daripada 3 pegawai dan dibantu oleh pegawai pertanian di Pejabat Pertanian Bahagian dan Daerah. Selain itu, Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan di Bahagian dan Daerah juga membantu Unit ini mengendalikan program ini di kawasan yang terlibat. Ke semua pejabat ini melaporkan perkembangan program tersebut kepada unit ini setiap bulan. Semakan Audit terhadap pemantauan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak mendapati satu Jawatankuasa Pemantauan Projek telah ditubuhkan bagi memantau perkembangan projek tersebut. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak. Antara perkara yang disentuh adalah seperti keperluan projek dan masalah projek. Mekanisme pemantauan ialah melalui mesyuarat, laporan dari peringkat Daerah, Bahagian dan juga melalui lawatan ke tapak projek. Adalah juga diperhatikan Jabatan ada mengambil tindakan susulan berbentuk teguran lisan, surat rasmi dan laporan terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program industri padi.

20.3.2 Laporan Bulanan Dan Kemajuan Projek

Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Dan Kemajuan Projek di peringkat Bahagian dan Daerah mendapati Pejabat Pertanian Daerah ada menghantar laporan bulanan dan kemajuan projek setiap bulan kepada Ibu Pejabat. Di peringkat Ibu Pejabat laporan berkenaan telah dikumpul dan dikompilasikan oleh Bahagian Industri Tanaman. Pada masa yang sama pemantauan perbelanjaan projek oleh Jabatan adalah hanya bergantung kepada laporan prestasi kewangan dan fizikal projek yang dikemukakan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak secara berkala. Keadaan ini dilihat sebagai kurang memuaskan kerana boleh menyebabkan berlakunya keadaan kurang kawalan atau kurang belanja pada tempoh masa yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek di peringkat Ibu Pejabat adalah baik kerana setiap laporan telah disediakan dan dihantar kepada Unit Pemantauan Projek Jabatan. Bagaimanapun ianya boleh dipertingkat dan diperluaskan lagi secara lebih intensif lagi terutamanya di bidang teknikal dan berteknologi baru serta mempertingkatkan mekanisme pemantauan perbelanjaan yang dibuat oleh Pertubuhan Peladang Kawasan memandangkan Jabatan hanya dibekalkan laporan prestasi kewangan dan fizikal projek oleh Pertubuhan Peladang secara bertempoh.

21. RUMUSAN DAN SYOR

Pelaksanaan Program Pembangunan Industri Padi oleh Jabatan Pertanian Sarawak pada keseluruhannya belum menunjukkan suatu tahap pencapaian yang memuaskan walaupun Jabatan telah menyediakan satu perancangan program yang baik. Jabatan juga tidak begitu agresif untuk melaksanakan program yang telah dirancang. Pencapaian fizikal program tidak mencerminkan pencapaian dari segi perbelanjaan yang telah digunakan oleh Jabatan di mana prestasi perbelanjaan adalah 95% daripada jumlah peruntukan yang diterima semasa RMK-8. Pemantauan terhadap program, walaupun baik tetapi perlu dipertingkatkan bagi memastikan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual dan tempoh yang telah ditetapkan. Bagi memastikan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan proaktif seperti berikut:

- i) Mengambil kira dan menilai kemampuan Agensi yang akan mengurus dan melaksanakan program pembangunan padi bagi menjamin kejayaan dan pencapaian matlamat yang ditetapkan.
- ii) Menambah perjawatan atau mewujudkan jawatan baru yang lebih sesuai bagi mengendalikan urusan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program ini.
- iii) Membuat kajian yang lebih teliti sebelum melaksanakan sesuatu projek supaya mencapai matlamat program dan mengelak daripada berlakunya pembaziran wang awam.
- iv) Meningkatkan promosi Program Pembangunan Padi (Beras Bario) dengan lebih meluas dan berterusan.
- v) Melaksanakan projek yang dirancang pada tempoh yang telah ditetapkan.
- vi) Mengemaskini dan menyelenggara rekod berkaitan dengan lengkap dan kemas kini
- vii) Mengawal peruntukan kewangan yang diluluskan. Langkah kawalan dalaman hendaklah diwujudkan seperti memastikan baki peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan pada setiap penghujung tahun semasa hendaklah dikembalikan; Perbelanjaan hendaklah disempurna dan ditunjukkan dengan betul walaupun prestasi perbelanjaan di Pertubuhan Peladang Kawasan tidak memuaskan; peranan Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah diperluaskan dan bukan hanya bertindak sebagai pengurus peruntukan; baki peruntukan kewangan yang masih berada di Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah dikembalikan sewajarnya kepada Jabatan terutama tempoh RMK-8 hampir berakhir; dan sekiranya masih diperlukan, Jabatan boleh memohon peruntukan kewangan di bawah RMK-9.

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

PROGRAM PEMULIHAN LADANG RUMBIA DI BAHAGIAN MUKAH


22. LATAR BELAKANG

22.1 Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (Lembaga) telah mula merancang membangunkan ladang rumbia secara penerokaan tanah pada tahun 1986 dengan anggaran keluasan 43,378 hektar. Pada asalnya, rumbia adalah antara tanaman utama kepada pekebun kecil di Bahagian Mukah. Penanaman rumbia secara komersil yang pertama oleh Lembaga bermula pada tahun 1987 di Mukah dengan keluasan kawasan seluas 1,829 hektar. Penanaman pokok rumbia secara komersil ini merupakan yang terulung di Malaysia. Malaysia merupakan negara kedua selepas Indonesia yang mengusahakan tanaman rumbia berskala besar bagi tujuan eksport. Penanaman rumbia secara komersil ini bertujuan untuk menyokong industri perkilangan tepung sagu dengan memastikan bekalan kanji yang dihasilkan dari pokok rumbia mencukupi. Ia juga akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di samping membangunkan infrastruktur di kawasan berdekatan. Rumbia yang dianggap tanaman emas abad ke-21 di Bahagian Mukah akan dimajukan di Bahagian lain sekiranya permintaan pasaran menggalakkan. Selain itu, sagu juga merupakan penyumbang ketiga terbesar dari segi eksport pertanian negeri Sarawak selepas kelapa sawit dan lada. Pelbagai produk makanan yang dihasilkan dengan menggunakan tepung sagu antaranya ialah perisa makanan, tepung kastard, glukos, *maltodextrin* dan mihun. Ia juga tidak terhad kepada produk makanan sahaja bahkan bahan perubatan dan kosmetik. Pada tahun 2005, nilai eksport sagu Sarawak adalah berjumlah RM37 juta dan pengimpor utama adalah Semenanjung Malaysia, Jepun, Singapura, Thailand, Vietnam, China dan Amerika Syarikat. Setakat ini, ada 3 ladang rumbia yang dibangunkan di Bahagian Mukah iaitu Ladang Rumbia Mukah, Sebakong dan Dalat. Sasaran kawasan yang akan dibangunkan bagi penanaman rumbia sehingga tahun 2010 adalah seluas 50,000 hektar. Sehingga akhir tahun 2005, seluas 23,250 hektar kawasan telah ditanam dengan pokok rumbia.

22.2 Merujuk kepada Laporan Kajian Pembangunan Dan Pengurusan Ladang Rumbia Di Tanah Gambut Dalam oleh perunding, langkah pemulihan perlu diambil setelah mendapat kurang daripada 0.5% pokok rumbia membesar melebihi ukuran 1 meter bagi tempoh antara 8 hingga 10 tahun. Tumbesaran pokok rumbia adalah didapati terbantut dan anak pokok rumbia dari rumpun tersebut dijangka akan mengalami keadaan serupa. Berdasarkan prestasi pencapaian penanaman rumbia ini yang kurang memuaskan selepas tempoh 10 tahun (1989 hingga 1999) diusahakan. Lembaga telah mengambil inisiatif untuk

melaksanakan program pemulihan terhadap ladang rumbia tersebut. Cadangan pemulihan ini dibuat melalui 2 Fasa Pemulihan Rumbia iaitu Fasa I adalah bagi Ladang Rumbia Mukah I dan II yang dilaksanakan pada tahun 2001 hingga pertengahan tahun 2003. Pemulihan Fasa II melibatkan Ladang Rumbia Dalat I, II dan Sebakong pada awal tahun 2004 hingga akhir tahun 2005. Sehingga akhir tahun 2005, seluas 5,400 hektar kawasan ladang rumbia telah dipulihkan. Lokasi keseluruhan ladang rumbia milik Lembaga adalah seperti di **Peta 2**.

Peta 2
Pelan Lokasi Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah



Sumber: Nota Taklimat RMK-8 Projek Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah

23. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pemulihan Ladang Rumbia oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah di Bahagian Mukah telah diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

24. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Kajian ini dipilih berikutan daripada perbincangan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenai kegagalan Projek Penanaman Rumbia secara komersil di Bahagian Mukah dengan kos berjumlah RM9 juta. Kegagalan ini

telah mendorong Kerajaan Negeri untuk melaksanakan Program Pemulihan Ladang Rumbia. Program ini dijalankan kerana prestasi dari segi pencapaian yang kurang menggalakkan terhadap program penanaman rumbia secara komersil oleh Lembaga bagi tempoh 18 tahun lalu. Program yang dilaksanakan akan menentukan keupayaan Agensi Kerajaan Negeri untuk merealisasikan hasrat pemimpin dan memenuhi permintaan penduduk tempatan terutama di Bahagian Mukah di mana sagu merupakan makanan ruji kepada kaum Melanau. Analisis juga telah dibuat terhadap tajuk yang dipilih iaitu Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah di mana iaanya memberi impak berpotensi, risiko kepada pengurusan yang baik materialiti kewangan kepada masyarakat dan Kerajaan Negeri. Keratan akhbar juga turut dimuatkan dalam Laporan ini bagi membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri mengenai tanaman rumbia.

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Kajian telah dijalankan di Ibu Pejabat Lembaga, Pejabat Syarikat Subsidiari Lembaga (Estet) yang menjalankan pelaksanaan program dan Pejabat Syarikat Susidiari Lembaga (Syarikat) yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan tanaman rumbia. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan rekod seperti kertas cadangan, kajian kemungkinan, minit mesyuarat, dokumen kontrak, laporan kemajuan kerja, buku rancangan tahunan dan buku bajet. Lawatan Audit telah dibuat ke tapak projek di Ladang Rumbia Mukah, Sebakong dan Dalat serta temu bual dengan pegawai terlibat juga dibuat. Selain itu, borang soal selidik diberikan kepada pemilik kilang berasaskan rumbia dan penduduk tempatan di 3 kawasan ladang terbabit bagi mendapatkan maklum balas berhubung dengan pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah.

25. PENEMUAN AUDIT

25.1 PERANCANGAN

Perancangan yang baik hendaklah mengambil kira keseluruhan aspek program pemulihan merangkumi dasar Kerajaan Negeri yang ditetapkan, garis panduan yang sedia ada, kajian kemungkinan yang telah dijalankan, pembahagian komponen program yang teratur, sasaran program, kaedah pelaksanaan yang dirancang, keperluan kewangan, keperluan guna tenaga kerja dan latihan, keperluan penyelidikan dan pembangunan, keperluan peralatan dan bahan serta kaedah pemantauan yang disediakan. Perancangan yang teliti dan sempurna ini boleh membantu mempercepatkan lagi pelaksanaan program pemulihan ladang rumbia dengan lebih cekap dan berkesan.

25.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri telah menerima pakai Dasar Pertanian Negara yang bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber semula jadi yang cekap dan boleh memberangsangkan sumbangan Sektor Pertanian secara keseluruhannya kepada pembangunan ekonomi negara. Selaras dengan dasar ini, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan untuk memperkembangkan tanaman rumbia secara komersil. Kerajaan Negeri telah meletakkan rumbia sebagai komoditi khas bagi negeri Sarawak dan disenaraikan dalam Dasar Pertanian Negara.

Oleh itu, projek yang bertaraf penerokaan terhadap perladangan rumbia secara besar-besaran di tanah gambut dalam akan terus diusahakan. Projek ini dijangka akan memberi banyak peluang perniagaan, perkhidmatan dan pekerjaan dalam aktiviti perladangan kepada usahawan dan masyarakat luar bandar pesisir pantai di Bahagian Mukah. Pertambahan peluang pekerjaan dan perniagaan daripada projek ini juga dijangka boleh mengurangkan penghijrahan penduduk dari kawasan pesisir pantai ke bandar. Kerajaan Negeri turut menyalurkan hasrat pemimpin untuk memberi pulangan ekonomi jangka panjang dan boleh menyumbang kepada pengeluaran 60,000 tan metrik kanji sagu dengan anggaran nilai RM42 juta setahun. Projek ini juga dijangka boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pesat industri hiliran berdasarkan kanji sagu. Pertumbuhan pesat industri hiliran rumbia juga akan memastikan pasaran tersedia bagi pokok rumbia keluaran pekebun kecil di Bahagian Mukah.

25.1.2 Garis Panduan

Amalan pekebun kecil digunakan pada awal pelaksanaan penanaman rumbia secara komersil di tanah gambut dalam adalah seperti berikut:

- a) Menebas menggunakan parang bagi membersihkan kawasan penanaman.
- b) Anak benih daripada pokok rumbia matang akan dipindahkan ke kawasan yang telah dibersihkan.
- c) Anak benih yang dipindahkan ditanam dalam barisan dengan jarak 7 kaki antara pokok.
- d) Tapak yang sesuai untuk tanaman rumbia adalah berdekatan dengan sungai untuk memastikan bekalan air yang berterusan dan memudahkan kerja pengangkutan batang rumbia ke kilang berdekatan.
- e) Anak benih tidak memerlukan sebarang pembajaan dan pengurusan sistem air yang baik.
- f) Penyenggaraan dan penyeliaan ladang dibuat pada tahap minima.

Amalan yang diguna pakai ini tidak dibukukan. Amalan penanaman rumbia juga akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui penyelidikan oleh Lembaga dan pengkaji luar.

25.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan telah dibuat oleh Kumpulan Pengkaji Rumbia pada pertengahan tahun 1986 atas saranan Kerajaan Negeri Sarawak. Kumpulan ini terdiri daripada seorang Pegawai Survei Tanah, seorang Pegawai Agronomi Rumbia dan seorang Pegawai Agronomi Tanah Gambut daripada Jabatan Pertanian, seorang jurutera daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran dan seorang Pegawai Ekonomi daripada syarikat subsidiari Lembaga. Kajian dimulakan pada awal bulan Mei 1986 hingga akhir bulan November 1986 meliputi kawasan seluas 2,278 hektar di Bahagian Mukah. Kajian ini dijalankan untuk menentukan kesesuaian penanaman rumbia di tanah gambut dalam, mengkaji tempoh matang pokok rumbia dan mengenal pasti kaedah untuk menyelesaikan masalah perhubungan (jalan ladang) ke kawasan tanaman. Kajian ini merumuskan bahawa pokok rumbia boleh ditanam di tanah gambut dalam dengan jayanya melalui sedikit penyenggaraan. Hasil kajian tersebut mendapati penemuan rumbia adalah sesuai dan berdaya maju. Kumpulan pengkaji menyarankan supaya penanaman benih rumbia dijadualkan bermula pada tahun 1987 dan siap keseluruhannya pada tahun 1988. Kajian ini turut mengulas mengenai tempoh matang pokok rumbia iaitu antara 10 hingga 13 tahun. Kajian ini juga menyarankan supaya pembangunan kawasan ladang rumbia diperluaskan kepada 1,750 hektar setahun dan menjadikan jumlah keseluruhan kawasan seluas 16,000 hektar ditanam pada tempoh 10 tahun. Pelaksanaan projek ini dijangka akan menghasilkan sebanyak 102 batang rumbia sehektar sehingga tahun 1999 dan menjadikan jumlah keseluruhan batang rumbia yang dihasilkan adalah sebanyak 214,200 batang setahun.

25.1.4 Komponen Program

Pemulihan ladang rumbia di Bahagian Mukah akan dilaksanakan mengikut 4 komponen program seperti berikut:

a) Pembangunan Infrastruktur Ladang

Pembangunan infrastruktur ladang merangkumi pembinaan dan penyenggaraan sistem saliran, peparitan dan jalan ladang bagi keseluruhan kawasan. Program ini merupakan usaha pembaharuan yang dikenalpasti boleh menyumbang kepada penambahbaikan pertumbuhan rumbia dan kerja pengurusan ladang.

b) Penanaman Semula Rumbia

Program ini telah membuktikan kesan positif bagi penanaman kelapa sawit di tanah gambut dan kajian tanah gambut di Ladang Rumbia Mukah juga telah mengesyorkan kerja pemanjangan ini perlu untuk penambahbaikan media pertumbuhan rumbia dan keberkesanan pembajaan. Program yang dikenalpasti melalui pemulihian ini ialah pemanjangan tanah gambut sebelum usaha penanaman semula dibuat. Selain itu, penanaman semula rumbia juga memerlukan kepada pemilihan benih rumbia yang sihat. Oleh itu, penyediaan benih yang baik dan berkualiti disediakan melalui 3 kaedah iaitu benih rumbia yang disemai dalam polibeg, benih rumbia yang disemai dalam rakit dan melalui tisu pokok rumbia yang matang.

c) Penyenggaraan Ladang

Melalui pembinaan sistem saliran peparitan dan pemanjangan tanah, aktiviti pembaharuan bagi penyenggaraan ladang dijangka akan mendatangkan kesan positif terhadap pertumbuhan rumbia. Usaha pembaharuan melalui kaedah pemulihian ini termasuk pembajaan, kawalan rumpai dan pemangkasan rumpun rumbia.

d) Operasi Dan Pengurusan Ladang

Operasi dan pengurusan ladang juga merangkumi usaha penambahbaikan sistem pengawalseliaan dan pengurusan ladang terutamanya berkaitan dengan usaha pembaharuan yang akan dilaksanakan. Komponen ini menumpukan kepada 2 aspek iaitu modal dan operasi. Pembiayaan modal adalah merangkumi pembelian kenderaan, kelengkapan dan perabot, bangunan, stor dan gudang, peralatan dan mesin dan kelengkapan pejabat. Manakala operasi pula melibatkan pembiayaan gaji, elauan, perubatan, caruman KWSP, caruman PERKESO, kebajikan kakitangan, insurans, sewa, kursus dan latihan kakitangan, pengangkutan, penyenggaraan, pembaikan dan perbelanjaan pejabat. Kaedah ini akan dilaksanakan terhadap kesemua ladang rumbia di bawah penyeliaan Lembaga.

25.1.5 Sasaran Program

Bagi menentukan kejayaan pelaksanaan program, Lembaga menetapkan 2 jenis sasaran iaitu sasaran kawasan pemulihian dan sasaran program seperti berikut:

a) Sasaran Kawasan Pemulihian

Pada tahun 2003, Lembaga telah melantik perunding untuk merangka pelan tindakan yang teratur bagi pembangunan dan pengurusan ladang rumbia.

Perunding mencadangkan supaya sasaran kawasan pemulihan dijalankan mengikut tahap pertumbuhan rumbia dan dibahagikan kepada 3 kategori iaitu kawasan baik, sederhana dan tidak memuaskan.

i) Kawasan Baik

Kawasan baik adalah kawasan di mana pokok rumbia menunjukkan pertumbuhan pelepas yang banyak dan tumbesaran yang sihat. Pokok rumbia di kawasan ini ditanam di tanah gambut yang sederhana dalam. Seluas 1,870 hektar kawasan adalah di bawah kategori kawasan baik iaitu merangkumi Ladang Rumbia Mukah seluas 350 hektar, Ladang Rumbia Sebakong seluas 1,200 hektar dan Ladang Rumbia Dalat seluas 320 hektar.

ii) Kawasan Sederhana

Kawasan sederhana adalah kawasan di mana kadar kematian pokok rumbia kurang daripada 40% dengan memberi petunjuk pelepas pokok rumbia yang banyak dan tumbesaran yang sihat. Seluas 3,830 hektar kawasan adalah di bawah kategori kawasan sederhana baik iaitu merangkumi Ladang Rumbia Mukah seluas 1,050 hektar, Ladang Rumbia Sebakong seluas 800 hektar dan Ladang Rumbia Dalat seluas 1,980 hektar.

iii) Kawasan Tidak Memuaskan

Kawasan tidak memuaskan adalah kawasan di mana kadar kematian pokok rumbia melebihi 40% dan pertumbuhan yang terbantut. Seluas 11,610 hektar kawasan adalah di bawah kategori kawasan tidak memuaskan iaitu merangkumi Ladang Rumbia Mukah seluas 4,900 hektar, Ladang Rumbia Sebakong seluas 3,260 hektar dan Ladang Rumbia Dalat seluas 3,450 hektar.

b) Sasaran Komponen Program

Estet pula ada menetapkan sasaran fizikal program yang akan dicapai pada tempoh pelaksanaan RMK-8. Sasaran yang ditumpukan adalah melibatkan 4 komponen program iaitu pembangunan infrastruktur ladang, penanaman semula ladang, penyenggaraan ladang dan operasi dan pengurusan ladang untuk 3 ladang rumbia di Bahagian Mukah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Sasaran Komponen Program Ladang Rumbia
Di Bahagian Mukah Bagi Tempoh 3 Tahun

Jenis Kerja Yang Dijalankan	Kuantiti	Ladang Rumbia Mukah			Ladang Rumbia Sebakong			Ladang Rumbia Dalat		
		2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
<u>Pembangunan Infrastruktur Ladang</u>										
Pembinaan jalan	km	10	15	3.5	39	10	1	12	3.5	-
Pembinaan parit	km	37	20	10	2	27	26	4	34	13
Pembinaan <i>check-gate</i>	unit	30	290	52	17	10	90	40	50	73
Pembinaan jambatan	unit	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Pembinaan laluan mekanikal	km	-	3.4	19	-	-	84	-	450	140
Pembinaan jejantas	unit	-	32	28	-	8	74	-	80	58
Menanda sempadan	ha	-	1,270	-	-	-	-	-	3,000	-
<u>Penanaman Semula Ladang</u>										
<i>Row stacking</i>	ha	140	-	-	80	-	-	400	-	-
<i>Compaction</i>	ha	140	-	-	85	-	-	400	-	-
Pembelian benih rumbia polibeg	beg	-	21,000	80,000	71,000	24,000	-	40,000	40,000	-
Menanam benih rumbia polibeg	beg	-	21,000	80,000	71,000	24,000	-	40,000	42,000	-
Membaris	ha	-	100	800	560	-	250	400	400	973
Melubang	ha	-	-	-	710	-	-	400	-	-
Membakar	ha	-	-	-	-	-	-	400	-	-
<i>Supply planting</i>	ha	-	-	-	710	7,263	-	1,280	-	-
Pembelian benih tanpa polibeg	batang	-	-	-	-	-	25,000	95,200	37,000	97,300
Menanam benih tanpa polibeg	batang	-	-	-	-	-	25,000	95,200	37,000	97,300
<i>Clearing of planting points</i>	ha/pts	-	-	606 ha	-	24,000 pts	28,300 pts	-	-	1,800 ha
<u>Penyenggaraan Ladang</u>										
Penyenggaraan jalan	km	3	3	49	-	5	93	20	45	68
Penyenggaraan jambatan	unit	2	-	-	1	52	1	-	-	1
Penyenggaraan <i>check-gate</i>	unit	100	-	-	15	-	50	70	-	8
Penyenggaraan parit	km	-	30	26	3	1	1	30	109	47
Penyenggaraan laluan	km/ha	-	-	28 km	-	-	112 km	-	1,003 ha	75 km
Penyenggaraan sempadan	km/ha	-	-	940 km	-	-	2,655 ha	-	-	415 km
Menebas	ha	-	1,270	1,134	2,631	-	683	4,200	6,000	1,950
Merumput	ha	-	1,270	290	-	60	2,400	1,350	3,000	1,700
Meracun	ha	-	1,270	1,080	-	-	3,600	4,155	1,540	2,350
Membaja	ha	-	1,270	940	-	-	1,200	120	3,000	1,300
Mengawal serangga perosak & penyakit	ha	-	1,270	850	60	350	1,200	-	1,800	805
Mencantas	ha	-	1,160	300	-	-	1,200	-	-	1,200
Membersih	ha	-	1,270	-	757	757	-	100	-	-
Census	ha	-	1,270	100	-	-	-	-	3,000	895
<i>Trunking/Spot planting</i>	ha	-	-	500	-	-	-	150	-	-
<i>Plastic mulching</i>	ha	-	-	800	-	-	-	-	-	700
<u>Oerasi Dan Pengurusan Ladang</u>										
Modal	RM	5,000	36,000	441,320	5,000	1.95 juta	2.1 juta	10,010	1.29 juta	1.4 juta
Operasi	RM	310,600	425,350	593,500	367,200	451,670	530,030	390,710	699,360	667,700

Sumber: Rekod Program Kerja Ladang Rumbia Mukah, Sebakong dan Dalat Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Purata setahun bagi jalan yang akan dibina adalah sepanjang 31 kilometer, parit sepanjang 58 kilometer, *check-gate* sebanyak 267 unit dan jejantas sebanyak 93 set. Selain itu, Lembaga juga mensasarkan penggunaan tanah gambut dalam secara optima melalui penanaman semula yang boleh menyumbang kepada 60,000 tan metrik kanji sagu setahun. Manakala purata penyenggaraan ladang dan parit, masing-masing akan dijalankan sepanjang 91 kilometer dan 50 kilometer setahun.

25.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Program ini dilaksanakan mengikut aktiviti pemulihan yang dijalankan oleh kontraktor, tenaga kerja asing, tenaga kerja tempatan dan Estet.

a) Kontraktor

Kontrak kerja adalah dipelawa daripada kontraktor tempatan atau luar dan dibuat melalui arahan kerja, sebut harga dan tender. Kerja yang dilaksanakan melalui kontrak kerja adalah terdiri daripada pembinaan kediaman pekerja, stor dan kantin, pembekalan baja, racun dan benih rumbia, penyenggaraan parit ladang, pembinaan jalan, laluan mekanikal, *check gate* dan penyenggaraan parit dan parit perimeter di jalan utama. Penyediaan ladang dan pembangunan infrastruktur juga dilaksanakan oleh kontraktor. Manakala kerja penyenggaraan ladang bagi kerja merumput, menebas, membaja, menanam, *infilling* dan meracun adalah untuk kawasan yang melebihi 15 hektar. Kontraktor tersebut perlu menyenggara ladang bagi tempoh 2 tahun sebelum diserah balik kepada Lembaga.

b) Tenaga Kerja Asing

Tenaga kerja asing turut diambil bagi membantu kerja penyenggaraan kawasan ladang seperti kerja menanam benih rumbia, merumput, menebas, meracun dan menuai.

c) Tenaga Kerja Tempatan

Manakala kerja membaja akan dijalankan oleh tenaga kerja tempatan bergaji hari.

d) Estet

Kerja pengurusan dan penyeliaan ladang rumbia pula akan dijalankan oleh Estet.

Kontrak kerja dibuat melalui sebut harga dan tender. Sebut harga terbahagi kepada dua iaitu perolehan berjumlah RM1,000 hingga RM50,000 dipelawa di kalangan 3 penyebutharga, manakala perolehan melebihi RM50,000 hingga RM150,000 akan dipelawa di kalangan 5 penyebutharga. Semua sebut harga akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang terdiri daripada Pengurus Ladang dan Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran Estet sebelum dikemukakan kepada Pengurus Besar Estet untuk kelulusan. Tender terbuka pula adalah bagi kontrak kerja yang melebihi RM150,000. Kerja yang dilaksanakan melalui sebut harga adalah terdiri daripada pembinaan parit ladang, stor baja, pembinaan laluan mekanikal dan penyenggaraan parit di jalan utama. Manakala kerja penyenggaraan ladang meliputi kerja merumput, menebas, membaja, menanam, *infilling* dan meracun adalah untuk kawasan seluas 15 hingga 40 hektar. Semua urusan tender melebihi RM150,000 hingga RM500,000 akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Tender yang terdiri daripada Pengurus Besar Estet, Pengurus Ladang dan Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran Estet sebelum dikemukakan kepada Pengarah Urusan. Manakala Tender

yang melebihi RM500,000 akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Pengurus Bahagian Perniagaan Agro, Pengurus Bahagian Kewangan Lembaga dan Pengurus Besar Estet sebelum dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Kerja yang dilaksanakan melalui tender pula adalah terdiri daripada pembekalan baja, racun, benih rumbia, kediaman pekerja, menyediakan parit perimeter dan kerja menebas seluruh kawasan bagi kawasan melebihi 40 hektar.

25.1.7 Keperluan Kewangan

Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah dijangka akan menjalani tempoh pembangunan selama 15 tahun bagi mencapai tahap rumbia matang untuk dituai. Keseluruhan anggaran bagi pembangunan tersebut bermula daripada RMK-8 sehingga RMK-10 adalah berjumlah RM109.35 juta yang melibatkan agihan sejumlah RM12.72 juta bagi pembangunan infrastruktur ladang, sejumlah RM10.84 juta bagi penanaman semula rumbia, sejumlah RM79.89 juta bagi penyenggaraan ladang dan sejumlah RM5.90 juta bagi operasi dan pengurusan ladang. Lembaga menganggarkan jumlah keseluruhan kos program bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah RM17.19 juta iaitu dengan agihan sejumlah RM1.77 juta bagi pembangunan infrastruktur ladang, sejumlah RM5.93 juta bagi penanaman semula rumbia, sejumlah RM8.51 juta bagi penyenggaraan ladang dan sejumlah RM980,000 bagi operasi dan pengurusan ladang. Sumber kewangan akan diperolehi sama ada melalui geran atau pinjaman daripada Kerajaan Negeri. Anggaran kos untuk melaksanakan setiap jenis komponen pemulihan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 pula adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Anggaran Kos Program Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Komponen Program Pemulihan	Keseluruhan Anggaran RMK8-RMK10 (RM juta)	Tahun			Jumlah (RM juta)
			2003 (RM juta)	2004 (RM juta)	2005 (RM juta)	
1.	Pembangunan Infrastruktur Ladang	12.72	0.56	0.59	0.62	1.77
2.	Penanaman Semula Rumbia	10.84	1.90	1.98	2.05	5.93
3.	Penyenggaraan Ladang	79.89	1.99	2.80	3.72	8.51
4.	Operasi Dan Pengurusan Ladang	5.90	0.33	0.32	0.33	0.98
Jumlah		109.35	4.78	5.69	6.72	17.19

Sumber: Ringkasan Program Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Di Bawah RMK-8

25.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Pengurusan

Struktur pengurusan bagi melaksanakan program ini adalah dibahagikan kepada 2 iaitu pengurusan oleh Lembaga dan pengurusan oleh syarikat subsidiari (Estet). Lembaga merupakan perancang, pengurus dana dan penyelia terhadap

keseluruhan program. Manakala Estet adalah pelaksana kepada setiap komponen program yang dirancang.

i) Struktur Pengurusan Lembaga

Lembaga diketuai oleh seorang Pengurus Besar Gred VU6 dan dibantu oleh 65 orang kakitangan. Mereka bertanggungjawab untuk menentukan segala aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar, cekap dan teratur. Bagi mencapai tujuan ini, struktur organisasi Lembaga dibahagikan kepada 6 Bahagian yang terdiri daripada Bahagian Kewangan, Pentadbiran, Undang-undang, Hartanah, Perancangan Bandar dan Perniagaan Agro. Bahagian yang bertanggungjawab secara langsung kepada Program Pemulihan Ladang Rumbia adalah Bahagian Perniagaan Agro yang terdiri daripada 3 Wilayah iaitu Wilayah Selatan, Tengah dan Utara. Manakala Wilayah Tengah pula diberi tanggungjawab secara khusus untuk mengurus dan memantau perkembangan projek ini. Pengurusan Wilayah Tengah diketuai oleh seorang Pegawai Agronomi Gred G41 dan dibantu oleh 15 pegawai pelbagai jawatan. Wilayah Tengah bertanggungjawab untuk menjalankan kerja pemantauan, penyediaan bahan input pertanian, peruntukan kewangan dan keperluan kakitangan serta menyediakan Rancangan Kerja Tahunan kepada Estet.

ii) Struktur Pengurusan Estet

Pelaksanaan terhadap projek yang dirancang oleh Lembaga adalah di bawah tanggungjawab Estet. Pengurusan Estet diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 32 orang kakitangan. Struktur organisasi Estet dibahagikan kepada 3 Bahagian yang terdiri daripada Bahagian Kewangan, Pentadbiran Dan Sumber Manusia, Bahagian Perladangan dan Bahagian Sokongan Teknikal. Bahagian Perladangan merupakan nadi penggerak bagi program ini. Bahagian Perladangan adalah bertanggungjawab bagi memastikan setiap aktiviti ladang dilaksanakan mengikut Rancangan Kerja Tahunan. Bahagian ini pula dibahagikan kepada 3 ladang iaitu Ladang Rumbia Mukah, Ladang Rumbia Sebakong dan Ladang Rumbia Dalat masing-masing diketuai oleh seorang Pengurus Ladang, dua Penolong Pengurus Ladang, dua Penyelia Ladang, tujuh Pembantu Ladang dan seorang Pembantu Pengurusan.

iii) Keperluan Guna Tenaga

Pengambilan tenaga kerja hendaklah dirancang dengan cekap dan teratur bagi memastikan pelaksanaan program berjaya. Lembaga tidak menetapkan keperluan guna tenaga kerja sebaliknya berdasarkan Manual Penanaman oleh

perunding. Berikut adalah asas bagi penyediaan pasukan pengurusan ladang mengikut bilangan dan kategori yang diperlukan:

- Pengurus Ladang - seorang bagi 5,000 hektar
- Penolong Pengurus Ladang - seorang bagi 2,500 hektar
- Penyelia Ladang - seorang bagi 1,000 hektar
- Pembantu Ladang - seorang bagi 500 hektar

Manual tersebut juga mencadangkan supaya setiap ladang rumbia mempunyai seorang Pengurus Ladang sepenuh masa dan 20 kakitangan teknikal dan pentadbiran. Manakala 10 tenaga kerja ladang sepenuh masa diambil bagi setiap ladang rumbia. Kakitangan ladang dan tenaga kerja ladang hendaklah menetap di ladang berkenaan dan kemudahan kediaman perlu disediakan. Anggaran keperluan kakitangan dan tenaga kerja ladang bagi 3 ladang rumbia mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Keperluan Kakitangan Dan Tenaga Kerja Bagi Setiap Ladang Rumbia

Bil.	Jawatan	Ringkasan Jawatan Mengikut Tahun		
		2003	2004	2005
1.	Pengurus Ladang	3	3	3
2.	Penolong Pengurus Ladang	3	3	3
3.	Penyelia Ladang	3	3	6
4.	Pembantu Ladang	6	6	12
5.	Pembantu Pengurusan	3	3	9
6.	Tenaga Kerja Ladang	15	15	30
Jumlah		33	33	63

Sumber: Manual Penanaman Bagi Kajian Pembangunan Dan Pengurusan Ladang Rumbia Di Tanah Gambut Dalam, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Adalah dianggarkan juga kerja asas ladang kebanyakannya dijalankan oleh kontraktor. Lembaga menganggarkan 10 tenaga kerja ladang bagi 200 hektar kawasan. Manakala pengurusan ladang rumbia di Bahagian Mukah secara keseluruhan akan dijalankan oleh Estet yang terdiri daripada seorang Pengurus Besar, seorang Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran, dua Eksekutif Kewangan, seorang Pembantu Teknikal, empat Pembantu Pengurusan dan seorang Pemandu.

b) Keperluan Latihan

Latihan adalah perlu bagi mengetahui kaedah sebenar pelaksanaan setiap komponen program ladang. Latihan diperlukan bagi tenaga kerja ladang untuk menjalankan pemeriksaan di setiap ladang rumbia dan akan melaporkan kepada pihak pengurusan. Selain itu, penggunaan peralatan dan mesin yang betul, penggunaan baja dan racun yang sesuai dan kaedah membaja, meracun, merumput, memindahkan anak benih dan lain-lain kerja ladang perlu didedahkan

kepada Penyelia Ladang, Pembantu Ladang dan tenaga kerja ladang supaya program pemulihan boleh dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

25.1.9 Keperluan Penyelidikan Dan Pembangunan

Memandangkan rumbia merupakan komoditi baru Kerajaan Negeri dan diusahakan secara komersil bertaraf penerokaan, maka penyelidikan secara berterusan dari semasa ke semasa hendaklah dijalankan. Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan Lembaga untuk menubuhkan syarikat subsidiarinya (Syarikat) pada tahun 1993 bagi menjalankan penyelidikan asas terhadap industri rumbia di Sarawak. Syarikat ini bertanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan tanah gambut dalam di Bahagian Mukah bagi penanaman pokok rumbia dan menjalankan penyelidikan terhadap benih rumbia. Selain Syarikat, Jabatan/Agenesi Kerajaan lain juga turut menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan tanaman untuk meningkatkan program pemulihan termasuklah Jabatan Pertanian, MARDI, Universiti Malaysia Sarawak dan penyelidik bebas dari luar negara. Pelbagai jenis penyelidikan dijalankan meliputi penanaman rumbia oleh pekebun kecil dan semua penyelidikan tersebut dikumpul dan dianalisis seperti berikut:

- i) kajian terhadap perbandingan asas agronomi untuk mengenal pasti amalan penanaman dan penyenggaraan terbaik;
- ii) menyediakan plot tanaman percubaan rumbia antara 6 hingga 20 hektar kawasan;
- iii) menguji aplikasi sampel baja dengan plot sukatan air; dan
- iv) menyediakan tapak semaiian rumbia untuk menempatkan benih dalam polibeg daripada pembekal bagi memastikan benih rumbia sihat sebelum ditanam ke ladang. Tapak semaiian boleh dijadikan tapak sementara bagi benih dalam polibeg sekiranya program penanaman benih ke ladang tidak dapat dijalankan.

25.1.10 Keperluan Peralatan Dan Bahan

Peralatan dan bahan merupakan mekanisme penting bagi pertumbuhan pokok rumbia. Lembaga ada menyediakan peralatan dan bahan mengikut keluasan ladang rumbia seperti berikut:

a) Peralatan Dan Mesin

Bagi menguruskan penjagaan pokok rumbia dan penyenggaraan infrastruktur ladang, Lembaga memerlukan peralatan dan mesin mengikut keluasan kawasan dan tempoh penggunaan seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41

Jenis Peralatan Dan Mesin Mengikut Keluasan Kawasan Dan Tempoh Penggunaan

Bil.	Jenis Peralatan Dan Mesin	Bilangan (Unit)	Keluasan (Hektar)	Tempoh Penggunaan (Tahun)
1.	Parang/Sabit	12	200	1
2.	Mesin rumput	1	200	5
3.	Gergaji	1	2000	5
4.	Penyembur racun	1	200	5
5.	Traktor mini	1	1000	10
6.	Pikap	2	Setiap ladang	7
7.	Motosikal	3	1000	5
8.	<i>Back-Hoe Loader</i>	1	Setiap ladang	10
9.	Pam Air	2	Setiap ladang	5
10.	Penjana kuasa	2	Setiap ladang	10
11.	Kolam tадahan air	1	Setiap ladang	10

Sumber: *Manual Penanaman Bagi Kajian Pembangunan Dan Pengurusan Ladang Rumbia Di Tanah Gambut Dalam, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah*

Setiap ladang memerlukan pikap, *back-hoe loader*, pam air, penjana kuasa dan kolam tадahan air untuk memastikan aktiviti ladang berjalan dengan lancar dan teratur serta mengurus kerja ladang. Manakala traktor mini dan motosikal akan digunakan oleh Penyelia Ladang dan Pembantu Ladang bagi menjalankan kerja penyeliaan dan pemantauan. Manakala parang/sabit, mesin rumput, gergaji dan penyembur racun pula akan digunakan oleh tenaga kerja ladang.

b) Baja Dan Racun

Pertumbuhan rumbia di ladang yang dipilih untuk dipulihkan perlu dijaga dengan merumput dan membaja mengikut keperluan. Merumput perlu dijalankan sebanyak 3 hingga 4 kali setahun mengikut kawasan yang mempunyai anggaran 80 pokok bagi 1 hektar. Merumput di kawasan yang mempunyai pokok rumbia yang kurang daripada anggaran 80 pokok bagi 1 hektar perlu dibuat mengikut fasa pemulihan yang ditetapkan. Merumput akan dijalankan secara manual, mekanikal atau dengan menggunakan racun. Merumput dengan menggunakan racun akan dikurangkan memandangkan kos yang tinggi dan juga mengganggu pertumbuhan pokok rumbia. Selepas proses merumput, pembajaan perlulah dibuat untuk membantu tumbesaran pokok. Pembajaan perlu dijalankan mengikut perancangan yang disyorkan dalam Manual Penanaman seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Kadar Pembajaan Mengikut Peringkat Usia Pokok Rumbia Di Tanah Gambut Dalam

Usia Pokok (tahun)	Jenis Baja						
	Dolomite	Urea	Rock Phosphate	Muriate of Potash	Copper Sulphate	Zinc Sulphate	Borate
1	300g	50g	50g	50g	50g	50g	20g
2	500g	150g	50g	50g	50g	50g	20g
3	2000g	400g	200g	200g	50g	50g	20g
4	3000g	600g	400g	400g	50g	50g	20g
5	4000g	800g	400g	400g	50g	50g	20g
6	4500g	1000g	600g	900g	50g	50g	20g
7	4500g	1000g	600g	1100g	50g	50g	20g
8	5000g	1100g	800g	1300g	50g	50g	20g
9	5000g	1400g	900g	1800g	50g	50g	20g
10 ke atas	3500g	1300g	1000g	2100g	50g	50g	20g

Sumber: Manual Penanaman Bagi Kajian Pembangunan Dan Pengurusan Ladang Rumbia Di Tanah Gambut Dalam, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Baja yang sudah dicampur mengikut sukatan yang ditetapkan akan dimasukkan ke dalam 4 lubang yang disediakan di sekeliling anak pokok rumbia dengan anggaran jarak 10 cm dan sedalam 15 cm hingga 20 cm dan ditutup dengan plastik.

25.1.11 Kaedah Pemantauan

Perkembangan keseluruhan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Perniagaan Agro. Unit Pemantauan Projek pula turut membuat pemantauan bagi setiap projek yang dilaksanakan oleh Lembaga. Manakala di peringkat ladang, Pengurus Besar Estet akan memantau kemajuan kerja ladang dengan mendapatkan Laporan Bulanan Kemajuan Ladang daripada Pengurus Ladang. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Ladang turut ditubuhkan bagi membantu menjalankan kerja pemantauan.

a) Bahagian Perniagaan Agro

Bahagian Perniagaan Agro terdiri daripada 3 Wilayah iaitu Wilayah Selatan, Tengah dan Utara. Wilayah Tengah adalah bertanggungjawab secara khusus untuk mengurus dan memantau perkembangan program ini. Pengurusan Wilayah Tengah diketuai oleh seorang Pegawai Agronomi Gred G41, empat Penolong Pegawai Agronomi Gred 27, enam Pembantu Agronomi Gred 17, tiga Pembantu Tadbir Gred N17 dan seorang Pembantu Tadbir Gred N11. Bahagian ini menjalankan pemantauan melalui lawatan setiap bulan ke ladang rumbia dan mengadakan mesyuarat serta perbincangan bersama Pengurus Besar Estet dan pegawai yang terlibat. Hasil lawatan tersebut akan dilaporkan secara bulanan kepada Pengurus Besar Lembaga untuk keputusan dan tindakan lanjut.

b) Unit Pemantauan Projek

Unit Pemantauan Projek mempunyai 3 pegawai terdiri daripada seorang Juruaudit Dalaman Gred W41, seorang Akauntan Gred W41 dan seorang Pegawai Ekonomi Gred E41. Unit ini bertanggungjawab terhadap pemantauan bagi keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh Lembaga termasuk Program Pemulihan Ladang Rumbia, Projek Ladang Kelapa Sawit dan Projek Hartanah.

c) Jawatankuasa Pengurusan Ladang

Jawatankuasa Pengurusan Ladang ditubuhkan pada awal tahun 2005. Estet ada menubuhkan Jawatankuasa yang sama dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan di peringkat Estet. Bagaimanapun, keputusan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Ladang adalah disebabkan keperluan untuk membincangkan masalah berbangkit yang dihadapi oleh Estet dan perlu ditangani bersama oleh Lembaga dan Syarikat. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Pengurus Besar Estet sebagai Pengerusi dan dibantu oleh seorang Pegawai Agronomi Gred G41 dari Lembaga, seorang Pegawai Penyelidik dari Syarikat, tiga Pengurus Ladang dan Pengurus Bahagian Kewangan, Pentadbiran Dan Sumber Manusia Estet. Objektif penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk membincangkan berkenaan prestasi fizikal dan kewangan program, masalah penanaman, keadaan ladang, keperluan kewangan dan perkara lain yang berbangkit. Fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i) melantik kakitangan Estet bagi pengurusan operasi harian;
- ii) membuat syor kepada Lembaga Pengarah mengenai cadangan kontrak, perbelanjaan dan perkara lain yang melibatkan kewangan dan am;
- iii) mengkaji semua pinjaman, hutang dan kemudahan perbankkan dan membuat syor berkenaan perkara tersebut kepada Lembaga Pengarah;
- iv) mengkaji bajet dan perbelanjaan tahunan Estet yang perlu disediakan pada awal tahun kewangan dan memantau serta membuat perbandingan terhadap prestasi kewangan berdasarkan kepada bajet dan perbelanjaan seterusnya membuat syor kepada Lembaga Pengarah;
- v) memastikan semua perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini disimpan secara sulit oleh ahli Jawatankuasa dan pegawai yang turut hadir semasa mesyuarat dijalankan; dan
- vi) mengemukakan laporan mengenai perkara di atas setiap 3 bulan dan hadir (sekiranya perlu) ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mengulas setiap pertanyaan oleh Ahli Lembaga Pengarah.

Pada pandangan Audit, Lembaga telah menyediakan perancangan yang mencukupi bagi melaksanakan tindakan pemulihan terhadap ladang rumbia di Bahagian Mukah.

25.2 PELAKSANAAN

Bagi menentukan kejayaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah, Lembaga hendaklah mengambil kira setiap garis panduan yang telah dikeluarkan bagi tujuan pembangunan dan pengurusan ladang rumbia dan mengambil tindakan terhadap syor perunding. Lembaga juga hendaklah menetapkan kawasan yang bakal dipulih dan melaksanakan setiap komponen program secara berterusan dan teratur. Selain itu, kemajuan kerja, prestasi kewangan, kecekapan guna tenaga dan kemantapan latihan turut menyumbang kepada pencapaian objektif program. Program ini juga sememangnya banyak bergantung kepada keberkesanan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan.

25.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Semakan Audit mendapati projek yang dilaksanakan adalah mengambil kira pendekatan dan dasar Kerajaan Negeri untuk memperkembang tanaman rumbia secara komersil. Projek yang bertaraf penerokaan terhadap perladangan rumbia secara besar-besaran di tanah gambut dalam telah direalisasikan dengan membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Melalui Program Permuliahan Ladang Rumbia, projek penanaman rumbia secara besar-besaran dapat diteruskan. Kerajaan Negeri juga telah menyampaikan hasrat rakyat berkenaan pertumbuhan pesat industri hiliran rumbia dan memastikan pesanan tersedia untuk keluaran produk sagu. Selain itu, matlamat Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan usahawan tempatan telah berjaya digembleng menerusi tawaran kerja seperti membina kediaman perkerja ladang, pembekal benih rumbia dan menjalankan kerja ladang.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah melaksanakan program pemulihan ladang rumbia di Bahagian Mukah berdasarkan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

25.2.2 Garis Panduan

Semakan Audit mendapati Lembaga belum menerbitkan garis panduan khusus untuk penanaman dan pemulihan pokok rumbia. Sebaliknya garis panduan yang ada dan diguna pakai adalah daripada Syarikat, Perunding dan Estet. Ini adalah disebabkan penanaman rumbia secara besar-besaran merupakan projek perintis. Pada tahun 2004, Syarikat telah mengeluarkan satu panduan yang dikenali sebagai Teknik Pengambilan, Pengendalian Dan Penanaman Sulur Pokok Sagu. Panduan ini

diterbitkan dengan mengambil kira kajian yang telah dibuat oleh Lembaga dan pihak luar. Kajian yang telah dijalankan ialah Penyelidikan Rumbia pada tahun 1998 oleh Fakulti Aplikasi Bio Dan Sistem Kejuruteraan, Universiti Tokyo dan Kajian Penanaman Rumbia Di Tanah Gambut Dalam Bagi Ladang Rumbia Mukah Dan Dalat pada tahun 1999 oleh Lulie Melling, Cawangan Tanah, Jabatan Pertanian Sarawak.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada awal tahun 2005, Perunding telah menerbitkan garis panduan khusus hasil daripada kajian yang dijalankan terhadap pembangunan dan pengurusan ladang rumbia di tanah gambut dalam yang dikenali sebagai Manual Penanaman. Manual Penanaman ini memberi panduan berkenaan aktiviti pra pembangunan ladang, peringkat awal pelaksanaan projek, bahan input pertanian dan kaedah penanaman, penyediaan tapak dan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan peralatan ladang, penyenggaraan ladang dan amalan agronomi, kawalan penyakit dan serangga perosak, penuaian dan pengangkutan batang rumbia dan pemantauan serta penilaian.

Manakala pada akhir tahun 2005, Estet pula telah mengeluarkan Manual Pengurusan. Manual ini lebih menjurus kepada aktiviti harian ladang yang diguna pakai oleh Pengurus Ladang dan Penyelia Ladang. Kandungan manual ini dibahagikan kepada 3 Bahagian iaitu pembangunan ladang, pembinaan infrastruktur dan penyenggaraan infrastruktur. Pembangunan ladang menyentuh berkenaan membersih seluruh kawasan secara mekanikal, penanaman, *row clearing mechanical, lining, procurement of polybag suckers and rooted suckers, planting of polybag suckers and rooted suckers, supplying planting suckers, plastic mulching, row and circle spraying, pruning, inter-row selective weeding, manuring, census, pest and diseases* dan menuai. Manakala pembinaan infrastruktur pula menyentuh mengenai pembinaan jalan, parit perimeter, parit ladang dan laluan, *check-gate*, laluan mekanikal dan jejantas. Penyenggaraan infrastruktur pula melibatkan penyenggaraan jalan, parit tepi jalan dan memasang *culvert*.

Hasil temu bual Audit dengan Pengurus Besar, Pengurus Ladang dan Penyelia Ladang mengenai manual dan panduan yang sedia ada mendapati mereka hanya mengambil kira panduan yang dikeluarkan oleh Estet. Buku Panduan yang dikeluarkan oleh Syarikat pula hanya dilaksanakan oleh kontraktor yang menyediakan tapak semaihan dan plot tanaman rumbia di bawah pengurusan Syarikat. Manakala Manual Penanaman yang dikeluarkan oleh perunding pula tidak digunakan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program tidak memuaskan kerana Manual Penanaman yang lengkap belum dikeluarkan sebagai garis panduan utama untuk

melaksanakan program ini. Bagaimanapun, usaha untuk menyediakan garis panduan yang lengkap ada dijalankan.

25.2.3 Kajian Semula

Pada akhir tahun 2003, Lembaga telah melantik perunding swasta untuk membuat kajian semula terhadap pembangunan dan pengurusan ladang rumbia di tanah gambut dalam. Kajian ini telah menelan belanja sejumlah RM1.17 juta dan telah dilaksanakan bagi tempoh 6 bulan. Kajian ini melibatkan kawasan seluas 20 hektar di Bahagian Mukah. Pembangunan ladang rumbia di Bahagian Mukah telah dibuat berdasarkan andaian asas yang dikemukakan dalam kajian kemungkinan pada tahun 1997. Semakan Audit mendapati kerja survei tidak dijalankan terhadap pembangunan ladang rumbia di Bahagian Mukah. Berdasarkan pencapaian semasa ladang rumbia yang tidak memuaskan, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan supaya keperluan terhadap rekabentuk pembangunan ladang rumbia yang lebih terancang perlu disediakan. Hasil kajian adalah seperti berikut :

- a)** Pelan Pembangunan Ladang hendaklah dilaksanakan secara komprehensif meliputi sistem pengurusan, pengairan, penyediaan tapak, garis panduan penanaman, penyediaan tapak semaihan, sistem penyenggaraan dan pemantauan serta infrastruktur asas dan infrastruktur alternatif bagi tujuan penuaian.
- b)** Strategi pembangunan ladang rumbia hendaklah menyeluruh dengan mengambil kira jadual pembangunan yang lengkap dan keperluan guna tenaga.
- c)** Kos keseluruhan dan terperinci mengenai pembangunan ladang rumbia dan anggaran pengeluaran serta hasil hendaklah disediakan.
- d)** Sistem pengurusan ladang secara keseluruhan dan terperinci hendaklah mengambil kira:
 - i)** Pemantauan terhadap pengurusan pengairan.
 - ii)** Pemantauan terhadap tanah gambut yang terbenam.
 - iii)** Pemantauan dan penilaian terhadap tumbesaran pokok.
- e)** Amalan agronomi terhadap pokok rumbia perlu mengambil kira program pembajaan yang lengkap dan profil pengeluaran pelepas.
- f)** Keperluan lengkap peralatan ladang, mesin dan kenderaan hendaklah disediakan.
- g)** Keperluan lengkap bangunan, kediaman kakitangan dan tenaga kerja ladang termasuk kemudahan lain hendaklah disediakan.

Semakan Audit mendapati hasil kajian semula tersebut, sebanyak 3 laporan telah dikeluarkan iaitu Laporan Utama, Manual Penanaman dan Maklumat Teknikal. Adalah didapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Lembaga belum melaksanakan

cadangan dan mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan memandangkan laporan tersebut hanya diterbitkan pada awal tahun 2005. Bagaimanapun, perunding telah mengenal pasti kawasan yang baik, sederhana dan tidak memuaskan untuk diberi pertimbangan bagi program pemulihan. Hasil kajian ini juga menyarankan pokok rumbia sesuai ditanam pada keadaan tanah yang mempunyai PH yang rendah dan tinggi dengan Al, Fe dan Mn termasuk *heavy impervious clays*. Jenis tanah yang sesuai adalah Bijat Series. Suhu yang diperlukan pula adalah antara 25°C hingga 30°C. Purata taburan hujan adalah antara 2000mm hingga 4000mm. Melalui analisis kewangan oleh perunding pula menjelaskan bahawa daripada 3 pendekatan pemulihan iaitu pemulihan kecil, besar dan penanaman semula, Lembaga dijangka akan mendapat keuntungan daripada pengeluaran pokok rumbia dalam tempoh antara 10 hingga 18 tahun. Kajian semula yang dijalankan telah banyak membantu Lembaga mengenal pasti kelemahan bagi pembangunan ladang rumbia secara keseluruhannya.

Pada pendapat Audit, kajian semula yang dijalankan adalah menyeluruh dan laporan yang dikeluarkan lengkap dan berinformasi.

25.2.4 Pemilihan Kawasan

Kawasan yang dipilih untuk dipulihkan adalah berdasarkan pencapaian semasa tumbesaran pokok rumbia yang boleh dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu kawasan baik, sederhana dan tidak memuaskan. Kawasan yang dipilih bagi tujuan pemulihan mengikut 3 kategori kawasan adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Pencapaian Tumbesaran Pokok Rumbia
Mengikut 3 Kategori Kawasan Yang Ditanam

Bil.	Ladang Rumbia	Kategori Kawasan			Jumlah Kawasan Ditanam (Hektar)
		Baik (Hektar)	Sederhana (Hektar)	Tidak Memuaskan (Hektar)	
1.	Mukah	350	1,050	4,900	6,300
2.	Sebakong	1,200	800	3,260	5,260
3.	Dalat	320	1,980	3,450	5,750
Jumlah		1,870	3,830	11,610	17,310
Peratus (%)		11	22	67	100

Sumber: Kertas Lembaga Mengenai Ulangkaji RMK-8 Dan Penyediaan RMK-9

Analisis Audit terhadap pencapaian tumbesaran pokok rumbia menunjukkan hanya 11% kawasan sahaja yang telah mencapai tahap tumbesaran yang memuaskan. Manakala 22% kawasan telah menunjukkan pencapaian sederhana dengan kadar kematian pokok rumbia kurang daripada 40% dan sebahagian besar kawasan iaitu 67% menunjukkan tumbesaran terbantut dan kadar kematian pokok rumbia yang tinggi melebih 40%.

Kedua-dua kawasan ini memerlukan pemulihan yang serius. Tumbesaran terbantut di sebahagian besar ladang rumbia adalah disebabkan:

- i) kawasan yang ditanam telah mengalami banjir bagi tempoh 2 hingga 3 bulan semasa musim hujan antara bulan November hingga bulan Januari tahun berikutnya setiap tahun;
- ii) parit perimeter dan saluran keluar untuk air hujan yang berlebihan semasa musim tengkujuh tidak dibina;
- iii) *check-gate* bertujuan untuk memastikan paras air mengikut keperluan pokok rumbia bagi membangunkan kawasan tanah gambut dalam tidak dibina dan menyebabkan kawasan yang ditanam kontang bagi tempoh 4 hingga 5 bulan;
- iv) tenaga kerja ladang tidak dilatih untuk mengurus ladang dan tiada penyeliaan kerja dijalankan; dan
- v) amalan agronomi tidak teratur dan penyenggaraan ladang yang tidak praktikal untuk dijadikan panduan kepada pelaksanaan penanaman pokok rumbia secara besar-besaran.

Berdasarkan sebab di atas, Lembaga telah memberi tumpuan kepada 3 kategori kawasan tersebut. Hasilnya, Pelan Tindakan Pemulihan dilaksanakan di Ladang Rumbia Dalat I dengan keluasan kawasan 450 hektar sebagai percubaan. Keputusan kerja pemulihan di Ladang Rumbia Dalat I telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan seperti berikut:

- i) kadar kematian pokok rumbia berkurangan kepada 2% berbanding sebelumnya iaitu antara 40% hingga 60%; dan
- ii) melalui kaedah pembajaan, pokok rumbia tumbuh dan membesar pada kadar 2 hingga 3 pelepas sebulan berbanding dengan tanpa pembajaan iaitu satu pelepas sebulan.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah berjaya mengenalpasti kawasan yang perlu dipulihkan dengan membahagikan kepada 3 jenis kawasan iaitu baik, sederhana dan tidak memuaskan. Lembaga juga telah mengenalpasti jenis pemulihan yang perlu dilaksanakan mengikut kategori kawasan.

25.2.5 Pelaksanaan Komponen Program

Bagi memastikan Program Kerja mencapai objektifnya, aktiviti pemulihan ladang hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Kerja yang dilaksanakan meliputi pembangunan infrastruktur ladang, penanaman semula ladang,

penyenggaraan ladang dan operasi dan pengurusan ladang untuk ketiga-tiga ladang rumbia di Bahagian Mukah seperti yang dirancangkan.

a) Pembangunan Infrastruktur Ladang

Pembangunan infrastruktur ladang adalah melibatkan kerja pembinaan jalan, parit, *check-gate*, jambatan, laluan mekanikal, jejantas dan menanda sempadan. Semakan Audit mendapati hampir keseluruhan kerja tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang dibuat. Ini adalah disebabkan Lembaga kekurangan tenaga kerja untuk melaksana, menyelia dan memantau semua kerja yang sedang dijalankan. Oleh itu, pelaksanaan kerja tidak dibuat seperti yang dirancangkan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, Lembaga hanya membina jalan sepanjang 50 kilometer atau 53% daripada 94 kilometer, membina parit sepanjang 83 kilometer atau 48% daripada 173 kilometer dan menyediakan sebanyak 150 unit jejantas atau 53% daripada 280 unit yang dirancang. Lawatan Audit ke Ladang Rumbia Sebakong pada pertengahan bulan Mac 2006 mendapati pembinaan jalan sepanjang 1 kilometer yang dirancang pada bulan November 2005 belum siap sepenuhnya sehingga pertengahan bulan Mac 2006 seperti di **Foto 36**.

Foto 36
Jalan Yang Masih Dalam Pembinaan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22 Mac 2006
Lokasi : Fasa 98, Blok 4 & 5, Ladang Rumbia Sebakong

Semakan Audit mendapati Syarikat Bunga Raya Enterprise tidak mempunyai mesin yang mencukupi untuk menyiapkan jalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga telah melanjutkan tempoh penyiapan jalan ini sehingga awal bulan April 2006. Di samping itu, lawatan

Audit ke ladang rumbia Mukah II pula mendapati parit ladang sepanjang 5 kilometer yang dirancang pada tahun 2005 untuk dibina tidak dilaksanakan sepenuhnya. Lembaga hanya berjaya menyiapkan parit ladang sepanjang 2.6 kilometer pada tahun 2005. Manakala sepanjang 2.4 kilometer tidak dilaksanakan disebabkan keperluan untuk membina parit ladang di kawasan terbabit tidak terlalu mendesak. Keadaan kawasan yang belum disiapkan dengan parit ladang adalah seperti di **Foto 37**.

Foto 37
Parit Ladang Tidak Dibina Seperti Yang Dirancang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 23 Mac 2006

Lokasi : Fasa 2, Blok E2/E4, Ladang Rumbia Mukah II

Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga telah berjaya menyiapkan sepanjang 503 kilometer laluan mekanikal atau 72% daripada 696 kilometer, membina sebanyak 640 unit *check-gate* atau 98% daripada 652 unit dan menyediakan kesemua jambatan yang dirancang. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak mempunyai masalah dari segi peruntukan kewangan kerana sehingga akhir bulan Disember 2005, Lembaga hanya membelanjakan sejumlah RM3.7 juta atau 44% daripada peruntukan yang diluluskan. Pembangunan infrastruktur ladang yang telah disiapkan adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Pembangunan Infrastruktur Ladang Di 3 Ladang Rumbia
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Jenis Kerja Yang Dijalankan	Ladang Rumbia Mukah			Ladang Rumbia Sebakong			Ladang Rumbia Dalat		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Pembinaan Jalan (km)	6.5	1	2.76	24	3.3	-	12	-	-
Pembinaan Parit (km)	33.7	1.63	7.6	2	2.4	16.36	5.6	3.7	10.30
Pembinaan check- gate (unit)	74	126	56	30	159	36	-	120	93
Pembinaan Jambatan (unit)	-	-	-	1	-	-	-	1	-
Pembinaan Laluan Mekanikal (km)	-	27.25	26	-	61.9	54.11	-	68.2	265.67
Pembinaan Jejantas (unit)	-	5	27	-	12	52	-	17	37
Menanda Sempadan (ha)	-	-	-	-	650	-	-	600	-

Sumber: Laporan Pelaksanaan Sebenar Kerja Tahunan bagi 3 Ladang Rumbia

Pemeriksaan Audit mendapati pembinaan lebih banyak laluan mekanikal memudahkan pengangkutan baja dan racun serta peralatan ke kawasan ladang. Selain itu, laluan ini juga memudahkan penggunaan traktor dan *back-hoe loader* bagi tujuan pembersihan kawasan ladang dan pemandatan tapak penanaman benih rumbia. Perbandingan kawasan yang telah disiapkan dengan laluan mekanikal dengan kawasan yang belum dibina laluan tersebut adalah seperti di **Foto 38** dan **Foto 39**.

Foto 38
Laluan Mekanikal Belum Dibina



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 28 Jun 2005
 Lokasi : Ladang Rumbia Mukah

Foto 39
Laluan Mekanikal Yang Telah Dibina



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 28 Jun 2005
 Lokasi : Ladang Rumbia Dalat

a) Penanaman Semula

Aktiviti utama yang terlibat dalam komponen penanaman semula adalah penanaman benih rumbia dalam polibeg dan tanpa polibeg. Sebelum proses penanaman dijalankan, aktiviti seperti *row stacking*, *compaction* dan *clearing of planting points* hendaklah dilaksanakan. Penanaman semula dibuat kerana mengambil kira kadar kematian pokok rumbia yang tinggi bagi tempoh 10 tahun lalu.

Lawatan Audit pada pertengahan bulan Mac 2006 mendapati penanaman semula di Ladang Rumbia Mukah II bagi kawasan seluas 800 hektar yang dirancang tidak dilaksana sepenuhnya. Sehingga bulan Februari 2006 kawasan yang telah ditanam semula adalah seluas 686 hektar. Kawasan yang belum ditanam seperti yang dirancang adalah seperti di **Foto 40**. Kawasan berkenaan belum ditanam kerana bentuk muka bumi rendah dan mudah dinaiki air.

Foto 40
Penanaman Semula Belum Dilaksana Seperti Yang Dirancang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 23 Mac 2006

Lokasi : Fasa 2, Blok D2, Ladang Rumbia Mukah II

Taburan pokok rumbia yang hidup pula tidak sekata dan menyukarkan pihak Estet untuk menjalankan aktiviti penjagaan dan kawalan. Langkah pertama yang diambil oleh Lembaga bagi menanam semula kawasan yang dikenal pasti baik dan memuaskan ialah dengan menyediakan tapak semaian. Sebanyak 3 tapak semaian telah disediakan iaitu di kawasan Ladang Rumbia Mukah, Sebakong dan Dalat. Tapak semaian yang disediakan adalah bagi menempatkan benih rumbia yang diperolehi daripada pekebun tempatan sebelum ditanam ke ladang. Benih rumbia juga diperolehi daripada pembekal di sekitar Bahagian Sibu dan Sarikei. Benih rumbia akan dijaga untuk tempoh 3 bulan di tapak semaian sama ada melalui kaedah rakit atau polibeg. Benih rumbia akan dipindahkan ke ladang apabila menunjukkan pertumbuhan 2 hingga 3 pelepas dan 1 spear.

Sehingga akhir bulan Disember 2005, Syarikat telah membekal sebanyak 55,025 benih rumbia dan telah ditanam di kawasan seluas 170 hektar di Ladang Rumbia Mukah dan seluas 380 hektar di Ladang Rumbia Dalat. Bagaimanapun, adalah didapati bekalan tersebut masih lagi berkurangan sebanyak 220,975 benih rumbia atau 80% berbanding permintaan bekalan ladang sebanyak 276,000 benih rumbia. Ini adalah disebabkan bilangan benih rumbia polibeg tidak boleh menampung keperluan ladang yang telah disenggarakan dan sedia untuk ditanam. Selain itu, tumbesaran benih rumbia polibeg mengambil masa antara 5 hingga 6 bulan sebelum dipindah ke ladang. Sehubungan itu, Lembaga telah menggunakan 95% benih rumbia tanpa polibeg untuk tanaman baru manakala 5% benih rumbia polibeg untuk tanaman semula. Benih rumbia tanpa polibeg pula mengambil masa 2 hingga 3 bulan untuk diperolehi dan sedia untuk ditanam. Di samping itu, Syarikat masih lagi dalam proses penyelidikan ke atas bahan input pertanian (benih rumbia) dan telah mengeluarkan sebanyak 20,208 plot benih rumbia (plantlets) untuk ditanam di kawasan penyelidikan yang telah diperuntukan oleh Lembaga iaitu di Ladang Rumbia Dalat. Pelaksanaan bagi penanaman semula ladang adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Penanaman Semula Ladang Di 3 Ladang Rumbia
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Jenis Kerja Yang Dijalankan	Ladang Rumbia Mukah			Ladang Rumbia Sebakong			Ladang Rumbia Dalat		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Row Stacking	-	-	-	155 ha	-	-	400 ha	-	-
Compaction	-	-	-	160 ha	-	-	400 ha	-	-
Clearing of Planting Points	-	-	850 ha	-	7,630 points	318.50 ha	-	-	1,915.86 ha
Pembelian Benih Rumbia Polibeg	13,809 beg	3,233 beg	-	-	-	-	-	37,983 beg	-
Menanam Benih Polibeg	13,809 beg	3,233 beg	-	-	-	-	-	38,234 beg	-
Membaris	-	3,333 pts	850 ha	509 ha	300 ha	250 ha	180 ha	300 ha	689.12 ha
Pembelian Benih Tanpa Polibeg	-	-	420 ha	280pts	5,296 pts	203.4 ha	520 ha	-	563.88 ha
Menanam Benih Tanpa Polibeg	-	-	415 ha	280 pts	5,663 pts	203.4 ha	222 ha	-	539.92 ha
Plastic Mulching	-	819 pts	132 ha	-	1,800 pts	87.60 ha	-	16,985 pts	184.82 ha
Supply Planting	-	-	-	150 pts	-	-	690 ha	-	-
Supply of Suckers	-	-	-	5,860 pts	-	-	-	-	-

Sumber: Laporan Pelaksanaan Sebenar Kerja Tahunan bagi 3 Ladang Rumbia

Lawatan Audit ke plot tanaman rumbia yang telah diusahakan oleh Syarikat di Ladang Rumbia Dalat mendapati benih rumbia membesar dengan subur dan menggalakkan berbanding dengan benih rumbia yang diusahakan oleh Estet seperti di **Foto 41** dan **42**. Selain itu, lawatan susulan Audit ke tapak semaihan di Ladang Rumbia Dalat pada bulan Mac 2006 pula mendapati benih rumbia yang disemai dalam rakit masih belum dipindahkan ke ladang sejak bulan Mei 2005 walaupun telah membesar dan mengeluarkan banyak pelepas. Keadaan di atas boleh dilihat seperti di **Foto 43** dan **44**.

Foto 41
**Plot Tanaman Yang Telah Diusahakan
Oleh Syarikat Di Ladang Rumbia Dalat**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara,
Cawangan Sarawak
Tarikh : 28 Jun 2005
Lokasi : Ladang Rumbia Dalat

Foto 42
**Pokok Rumbia Yang Telah Ditanam
Oleh Estet Di Ladang Rumbia Dalat**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara,
Cawangan Sarawak
Tarikh : 28 Jun 2005
Lokasi : Ladang Rumbia Dalat

Foto 43
Benih Rumbia Yang Disemai Di Atas Rakit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan
Sarawak
Tarikh : 28 Jun 2005
Lokasi : Ladang Rumbia Dalat

Foto 44
**Benih Rumbia Over Grown Yang Masih Belum
Dipindah Ke Ladang**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan
Sarawak
Tarikh : 21 Mac 2006
Lokasi : Ladang Rumbia Dalat

a) Penyenggaraan Ladang

Aktiviti utama yang terlibat dalam penyenggaraan ladang pula adalah seperti penyenggaraan jalan, parit, *check-gate*, jambatan di samping kerja menebas, merumput, meracun, membaja dan mencantas. Semakan Audit terhadap aktiviti utama ini mendapatkan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Lembaga hanya

menyenggara sebanyak 1 unit jambatan atau 2% daripada 57 unit dan 125 unit *check-gate* atau 50% daripada 251 unit yang dirancangkan. Selain itu, Lembaga juga hanya menyempurnakan kerja merumput bagi kawasan seluas 3,637 hektar atau 36% daripada seluas 10,070 hektar, meracun bagi kawasan seluas 5,228 hektar atau 37% daripada seluas 13,995 hektar dan membaja bagi kawasan seluas 2,414 hektar atau 31% daripada seluas 7,830 hektar keluasan yang dirancang. Bagaimanapun, Lembaga telah berjaya menyenggara jalan sepanjang 301 kilometer iaitu melebihi 15 kilometer daripada 286 kilometer, menyenggara parit sepanjang 232 kilometer atau 94% daripada 247 kilometer dan menyenggara laluan sepanjang 158 kilometer atau 73% daripada 215 kilometer yang dirancang. Selain itu, Lembaga juga telah berjaya menyempurnakan kerja menebas bagi kawasan seluas 12,345 hektar atau 69% daripada seluas 17,868 hektar kawasan yang dirancang. Pemeriksaan Audit mendapati kerja penyenggaraan ladang tidak dilaksanakan sepenuhnya disebabkan Estet menghadapi kekurangan tenaga kerja ladang. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga tidak mempunyai masalah dari segi peruntukan kewangan. Sehingga akhir bulan Disember 2005, Lembaga hanya membelanjakan sejumlah RM2.7 juta atau 44% daripada sejumlah RM6.14 juta peruntukan yang diluluskan. Kerja penyenggaraan ladang yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Penyenggaraan Ladang Rumbia
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Jenis Kerja Yang Dijalankan	Ladang Rumbia Mukah			Ladang Rumbia Sebakong			Ladang Rumbia Dalat		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Penyenggaraan Jalan (km)	3	22	37	-	51	30	19	39.4	99.6
Penyenggaraan Jambatan (unit)	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Penyenggaraan <i>check-gate</i> (unit)	3	-	25	25	-	50	-	-	22
Penyenggaraan Parit (km)	-	49.71	5	3	55.5	1.4	47	51.4	19
Penyenggaraan Laluan (km)	-	-	11	-	-	49	-	-	97.50
Menebas (ha)	1,602	447	1,152	1,871	841.10	483	3,086	1,156	1,706.5
Merumput (ha)	-	-	469	-	191	943	775	-	1,258.89
Meracun (ha)	-	137	403	-	554	1,846	-	523.4	1,764.3
Membaja (ha)	-	37	432	-	257.3	702	-	300	685.5
Mengawal Serangga Perosak/Penyakit (ha)	-	172	266	12.5	230	298	120	130.5	386.90
Mencantas (ha)	140	54	276	-	743.1	1200	-	882	1,835.09
<i>Spot Planting</i> (ha)	-	-	-	486	-	-	300	-	-
Membersih (ha)	-	-	-	757	-	-	100	-	-
Census (ha)	-	42	275	-	-	-	-	-	336
Menuai (ha)	-	-	-	-	-	-	-	116	-

Sumber: Laporan Pelaksanaan Sebenar Kerja Tahunan Bagi 3 Ladang Rumbia

Pada tahun 2005, Lembaga telah merancang untuk melaksana aktiviti penyenggaraan seperti meracun di kawasan seluas 280 hektar, merumput di kawasan seluas 140 hektar dan membaja di kawasan seluas 140 hektar di Ladang

Rumbia Mukah I. Bagaimanapun, lawatan Audit ke kawasan berkenaan mendapati Lembaga langsung tidak melaksanakan kerja penyenggaraan tersebut disebabkan tanah di kawasan ini terlalu gambut, lembab dan soggy yang menyukarkan kerja penyenggaraan dibuat. Oleh itu, Lembaga telah mengambil keputusan penyenggaraan ladang akan ditumpukan di Kawasan Ladang Rumbia Mukah II. Kawasan yang tidak diselenggarakan adalah seperti di **Foto 45**.

Foto 45
Kawasan Yang Tidak Disenggarakan Dipenuhi Semak Samun



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 22 Mac 2006

Lokasi : Ladang Rumbia Mukah I

b) Operasi Dan Pengurusan Ladang

Operasi dan pengurusan ladang melibatkan pemulihan terhadap keperluan modal dan operasi yang dirancang. Perbelanjaan modal adalah melibatkan pembiayaan bagi pembelian kenderaan, kelengkapan dan perabot, bangunan, stor dan gudang, peralatan dan mesin dan kelengkapan pejabat. Manakala perbelanjaan operasi pula melibatkan pembiayaan gaji, elaun, perubatan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial, kebajikan kakitangan, insurans, sewa, kursus dan latihan kakitangan, pengangkutan, penyenggaraan, pembaikan dan perbelanjaan pejabat. Sehingga akhir tahun 2005, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM4.65 juta daripada sejumlah RM7.26 juta peruntukan yang dirancang bagi tujuan modal. Manakala sejumlah RM4.33 juta pula telah dibelanjakan daripada sejumlah RM4.44 juta peruntukan yang dirancang bagi tujuan operasi. Perbelanjaan yang telah dibuat adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Operasi Dan Pengurusan Ladang Rumbia
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Jenis Kerja Yang Dijalankan	Ladang Rumbia Mukah (RM juta)			Ladang Rumbia Sebakong (RM juta)			Ladang Rumbia Dalat (RM juta)		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005	2003	2004	2005
Modal	0.02	0.26	0.35	0	0.84	1.55	0	0.32	1.31
Operasi	0.29	0.33	0.50	0.28	0.37	0.57	0.76	0.46	0.77

Sumber: Laporan Pelaksanaan Sebenar Kerja Tahunan bagi 3 Ladang Rumbia

Lawatan Audit mendapati Lembaga telah membina rumah kediaman kakitangan di Ladang Rumbia Dalat dan Mukah, menyediakan pejabat pengurusan ladang termasuk stor di Ladang Rumbia Dalat dan Mukah dan memperolehi kenderaan bagi tujuan pelaksanaan program. Selain itu, Lembaga juga telah menambah bilangan kakitangan ladang dan mengambil 87 tenaga kerja asing.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan komponen program tidak memuaskan kerana Lembaga belum mengambil tindakan terhadap kekurangan tenaga kerja ladang dan bekalan benih rumbia. Kesannya aktiviti pemulihan yang telah dirancang tidak dilaksanakan dengan cekap.

25.2.3 Kemajuan Kerja

Lembaga bertanggungjawab untuk memastikan sistem perolehan, pengurusan kontrak dan pelaksanaan kerja bagi penyenggaraan ladang dan pembangunan infrastruktur dilaksanakan seperti yang dirancang.

a) Perolehan Kerja

Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM8.54 juta bagi kerja penyenggaraan ladang dan pembangunan infrastruktur bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Berikut adalah jumlah sebenar perbelanjaan yang dimaksudkan mengikut ladang seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Perbelanjaan Sebenar Bagi Penyenggaraan Ladang
Dan Pembangunan Infrastruktur Ladang Mengikut Tahun

Kawasan Ladang	Tahun		
	2003 (RM juta)	2004 (RM juta)	2005 (RM juta)
Mukah	0.83	0.43	0.96
Sebakong	1.60	0.86	1.32
Dalat	1.11	0.95	2.28
Jumlah	3.54	2.24	4.56

Sumber: Laporan Perbelanjaan Estet Bagi Tahun 2003, 2004 Dan 2005.

Kerja penyenggaraan ladang seperti menebas, merumput, membaja dan memangkas dibuat menggunakan pesanan kerja. Sebanyak 500 pesanan kerja telah dikeluarkan berjumlah RM2.69 juta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Semakan Audit terhadap 26 sampel pesanan kerja mendapati pesanan kerja yang dikeluarkan telah dilulus oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan fizikal juga telah dijalankan terhadap pesanan kerja berkenaan dan memdapat kerja telah dilaksanakan seperti yang dirancang. Sehingga akhir tahun 2005, sebanyak 27 sebut harga bagi perolehan berjumlah antara RM1,000 hingga RM50,000 telah dikeluarkan dan sebanyak 2 sebut harga bagi perolehan berjumlah antara RM50,000 hingga RM150,000 telah dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 3 sampel sebut harga mendapati proses sebut harga telah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Manakala sebanyak 6 tender pula telah dikeluarkan berjumlah RM2.03 juta. Semakan Audit ke atas 2 tender berjumlah RM1.01 juta mendapati proses tender telah dibuat mengikut prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Di samping itu, tender tersebut juga telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kemajuan kerja adalah dinilai mengikut fungsi dan tanggungjawab setiap peringkat pengurusan projek iaitu Bahagian Perniagaan Agro, pengurusan ladang dan tenaga kerja ladang.

b) Pengurusan Kontrak

Sehingga akhir bulan Disember 2005, Lembaga melalui anak syarikatnya telah memeterai 2 perjanjian kontrak dengan 2 kontraktor tempatan untuk membina 2 blok kediaman pekerja ladang dengan 6 bilik setiap satu, sebuah kantin pekerja, kerja menambak pasir dan kerja penyenggaraan ladang di Ladang Rumbia Sebakong dan Dalat berjumlah RM1 juta. Merujuk kepada syarat perjanjian dalam klaus 30 (a) dan (c), jika kontraktor gagal menyiapkan kerja tanpa sebab, tidak mematuhi notis atau amaran bertulis serta gagal melaksanakan projek seperti dalam perjanjian, maka sebarang tuntutan oleh kontraktor tidak akan dibayar. Lembaga juga berhak melantik kontraktor lain untuk meneruskan kerja penyiapan projek tersebut. Semakan Audit mendapati satu daripada Syarikat Faiz Enterprise tidak menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak Lembaga juga telah mengeluarkan 2 surat amaran serta salinan kepada Ketua Penolong Pengarah, Unit Perkhidmatan Kontraktor Negeri dan akan mengenakan denda ganti rugi dengan kadar RM2,500 seminggu ke atas syarikat terbabit mulai pertengahan bulan November 2004 sehingga projek siap. Semakan Audit seterusnya mendapati bayaran denda ganti rugi masih belum dibayar dan kontraktor terbabit masih belum menuntut bayaran akhir. Lembaga telah memutuskan untuk mengadakan

mesyuarat tapak dengan Syarikat Faiz Enterprise berkenaan perkara tersebut. Jumlah yang perlu dibayar oleh Syarikat Faiz Enterprise sehingga akhir bulan Disember 2005 adalah berjumlah RM150,000.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak tidak memuaskan kerana Lembaga kurang tegas dalam pemilihan kontraktor dan kerja yang dirancang tidak dapat dilaksanakan bagi tempoh yang ditetapkan.

c) Pelaksanaan Kerja

Bagi menentukan kejayaan program ini, pelaksanaan kerja adalah dibuat di 3 peringkat iaitu Bahagian Perniagaan Agro, pengurusan ladang dan tenaga kerja ladang.

i) Bahagian Perniagaan Agro

Semakan Audit mendapati Bahagian ini tidak menyediakan Rancangan Kerja Tahunan Estet, Jadual Lawatan Kerja dan Senarai Semak bagi kerja penyeliaan dan pemantauan Program Pemulihan Ladang Rumbia. Penyeliaan oleh pegawai di Bahagian ini ada dibuat setiap bulan ke ladang rumbia. Perbincangan bersama pengurusan ladang juga dibuat semasa lawatan ke Estet. Setiap kali lawatan tapak selesai dijalankan, Laporan Penilaian Dan Pemantauan Projek Ladang Rumbia akan dikemukakan kepada Pengurus Besar Lembaga. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Laporan tersebut tidak dibuat bagi setiap lawatan yang telah dijalankan sebelum ini. Laporan Penilaian Dan Pemantauan Projek Ladang Rumbia yang pertama hanya disediakan bagi bulan Mei 2005. Laporan yang disediakan adalah menyentuh mengenai kemajuan fizikal dan kewangan yang dicapai bagi semua ladang rumbia yang diurus oleh Lembaga. Hasil lawatan ke tapak juga turut dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ladang. Bagaimanapun, kelemahan pengurusan ladang, kelewatan pelaksanaan program pemulihan dan tindakan yang perlu diambil oleh Estet tidak dilaporkan kepada pihak pengurusan Lembaga.

ii) Pengurusan Ladang

Pelaksanaan kerja yang lancar dan teratur boleh diwujudkan sekiranya program kerja tahunan yang disediakan dilaksana sepenuhnya. Semakan Audit mendapati walaupun Lembaga tidak menyediakan Rancangan Kerja Tahunan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 di peringkat pengurusan ladangnya, kerja yang dipertanggungjawab telah dilaksanakan dengan baik mengikut program kerja Estet. Adalah didapati pihak pengurusan ladang ada menyediakan Laporan

Bulanan Kemajuan Kerja Ladang. Laporan ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga. Di samping itu, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan ladang juga ada disimpan dengan teratur. Semakan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh setiap ladang telah dilaporkan dalam Laporan Kemajuan Kerja Ladang Harian untuk tindakan pengurusan ladang seterusnya. Laporan ini mengandungi kemajuan kerja fizikal yang dicapai manakala pengurusan ladang ada membuat semakan terhadap kemajuan fizikal tersebut kepada perbelanjaan yang telah dibuat.

ii) Tenaga Kerja Ladang

Semakan Audit mendapati setiap ladang mempunyai Penyelia Ladang untuk menyelia kawasan tersebut. Penyelia Ladang ada menyediakan Laporan Kemajuan Kerja Ladang Harian dengan kemas kini. Laporan ini telah disemak oleh Pengurus Ladang. Berdasarkan Laporan ini, Pengurus Ladang telah menyediakan Laporan Bulanan Kemajuan Ladang dan disemak oleh Pengurus Besar Estet sebelum dikemukakan kepada Bahagian Perniagaan Agro. Di samping itu, kerja ladang yang telah dilaksanakan adalah berdasarkan kepada program kerja yang telah disediakan oleh pihak pengurusan ladang mengikut jenis kerja tertentu seperti meracun, merumput, membaja, *infilling* dan sebagainya. Pemerhatian Audit mendapati tenaga kerja ladang yang disediakan tidak mencukupi untuk melaksanakan kerja penyenggaraan ladang seperti meracun, merumput, membaja dan menebas yang perlu dijalankan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Tenaga kerja ladang yang sedia ada ialah 97 pekerja am bergaji harian dan 87 tenaga pekerja asing sedangkan norma kerja bagi 200 hektar kawasan adalah 10 orang. Oleh itu, berlakunya kawasan yang tidak disenggarakan dan terbiar.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja oleh Bahagian Perniagaan Agro dan tenaga kerja ladang tidak memuaskan kerana Laporan Penilaian Dan Pemantauan Projek Ladang Rumbia tidak disediakan setiap kali lawatan dijalankan bagi memaklumkan kemajuan kerja, pemerhatian pegawai pemeriksa dan tindakan yang perlu diambil. Selain itu, Jadual Lawatan Kerja dan Senarai Semak semasa pemeriksaan dijalankan belum diwujudkan.

25.2.4 Pencapaian Program

Pencapaian program boleh diukur dari aspek fizikal dan sosioekonomi. Aspek fizikal merangkumi keluasan kawasan dan pembangunan infrastruktur yang telah diusahakan. Manakala aspek sosio ekonomi pula merangkumi peluang pekerjaan dan pendapatan

yang telah dinikmati oleh penduduk setempat. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Kerja dan lawatan ke ladang rumbia mendapati pencapaian projek dari aspek fizikal adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Pencapaian Fizikal Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Ladang Rumbia	Keluasan Ladang (hektar)	Jenis Kerja	Pencapaian (%)
1.	Dalat I	1,600	Penyenggaraan Ladang	79
			Pembangunan Infrastruktur Ladang	96
			Penyenggaraan Infrastruktur	128
2.	Dalat II	1,200	Penyenggaraan Ladang	81
			Pembangunan Infrastruktur Ladang	765
			Penyenggaraan Infrastruktur	142
3.	Mukah I	2,950	Tiada	0
			Pembangunan Infrastruktur Ladang	7
			Penyenggaraan Infrastruktur	2
4.	Mukah II	4,500	Penyenggaraan Ladang	93
			Pembangunan Infrastruktur Ladang	162
			Penyenggaraan Infrastruktur	27
5.	Sebakong	5,260	Penyenggaraan Ladang	96
			Penyenggaraan Infrastruktur	46

Sumber: Laporan Kemajuan Kerja, Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Semakan Audit mendapati pembangunan infrastruktur ladang di Ladang Rumbia Mukah II, Dalat I dan Dalat II menunjukkan pencapaian melebih 90% sehingga akhir tahun 2005. Bagaimanapun, pembangunan infrastruktur ladang di Ladang Rumbia Mukah I hanya siap dilaksanakan pada tahap 7%. Manakala penyenggaraan ladang di semua ladang masih giat dijalankan dengan pencapaian melebihi 70%. Penyenggaraan infrastruktur pula banyak ditumpu di Ladang Rumbia Dalat I dan II dengan pencapaian melebihi 100%. Penyenggaraan infrastruktur di Ladang Rumbia Mukah dan Sebakong menunjukkan pencapaian kurang daripada 50%. Sehingga akhir bulan Disember 2005, kerja pembangunan dan penyenggaraan belum dilaksanakan di Ladang Rumbia Dalat II bagi kawasan seluas 2,950 hektar. Program Pemulihan Kecil telah dilaksanakan pada akhir tahun 2005. Manakala Program Pemulihan Besar akan dijalankan di bawah RMK-9.

Sebanyak 25 borang soal selidik untuk menilai Pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah telah diedar bagi mendapat maklum balas mengenai tahap pencapaian sosio ekonomi. Borang tersebut telah dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara kepada 1 pemilik kilang dan 24 penduduk tempatan. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada borang soal selidik mendapati 88% responden mengetahui mengenai pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah berbanding 12% responden tidak tahu. Kesemua responden bersetuju dengan pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah.

Di samping itu, sebanyak 84% responden telah memperolehi faedah daripada pelaksanaan projek ini dari aspek peluang pekerjaan, peluang menjadi kontraktor dan pembekal serta menikmati kemudahan infrastruktur asas yang disediakan. Selain itu, sebanyak 84% responden menyatakan bahawa Lembaga kerap kali membuat lawatan ke tapak projek untuk berbincang dan memberitahu kemajuan projek yang sedang dijalankan.

Kesemua responden berpuas hati terhadap pengurusan Program Pemulihan Ladang Rumbia telah meningkatkan taraf sosio ekonomi keluarga. Cadangan untuk meningkatkan lagi pemantauan terhadap kerja yang dikontrakkan, penyenggaraan ladang, pembinaan stor, jalan raya, bekalan kemudahan air dan elektrik, pekerja dan peralatan ladang dan menaikkan harga batang rumbia hendaklah dibuat.

Selain itu, pendapat daripada pemimpin berkenaan Program Pemulihan Ladang Rumbia juga menunjukkan keperihatinan mereka terhadap produk baru Negeri Sarawak. Berikut adalah 2 keratan akhbar yang dimaksudkan.

25.2.5 Prestasi Kewangan

a) Peruntukan Kewangan Yang Diluluskan

Peruntukan kewangan yang telah diluluskan di bawah RMK-8 bagi Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah adalah sejumlah RM63.24 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Peruntukan kewangan diterima dalam bentuk geran dan pinjaman daripada Kerajaan Negeri. Daripada sejumlah RM63.24 juta peruntukan yang diluluskan, sejumlah RM19.60 juta atau 31% adalah diterima dalam bentuk geran untuk Ladang Rumbia Mukah. Manakala sejumlah RM43.64 juta diterima sebagai pinjaman Kerajaan Negeri di mana sejumlah RM14.98 juta untuk Ladang Rumbia Sebakong, sejumlah RM4.56 juta untuk Ladang Rumbia Dalat I dan sejumlah RM24.10 juta untuk Ladang Rumbia Dalat II.

b) Peruntukan Kewangan Diterima Dan Dibelanja

Peruntukan kewangan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 yang diluluskan adalah berjumlah RM40.29 juta. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005, Lembaga telah menerima peruntukan kewangan sejumlah RM25.43 juta atau 63% daripada peruntukan yang diluluskan kerana program tersebut masih belum siap dilaksanakan sepenuhnya dan peruntukan kewangan hanya dikeluarkan berdasarkan status kemajuan fizikal projek tersebut. Sehingga akhir tahun 2005, Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM23.92 juta atau 94% untuk pembangunan infrastruktur ladang, penanaman semula, penyenggaraan serta operasi ladang bagi Ladang Rumbia Mukah, Sebakong dan Dalat. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Peruntukan Kewangan Diluluskan, Diterima Dan Dibelanja
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Ladang Rumbia	Peruntukan Diluluskan (RM juta)	Peruntukan Diterima (RM juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM juta)	Peratus (%)
2003	Mukah	3.26	1.74	2.13	122
	Sebakong	4.89	4.70	3.48	74
	Dalat I	0.74	0.74	0.67	91
	Dalat II	5.72	2.02	2.06	102
	Jumlah Kecil	14.61	9.20	8.34	91
2004	Mukah	4.42	1.78	1.05	59
	Sebakong	2.94	2.42	2.45	101
	Dalat I	1.40	1.09	1.30	119
	Dalat II	6.30	2.24	0.87	39
	Jumlah Kecil	15.06	7.53	5.70	76
2005	Mukah	2.42	2.24	1.89	84
	Sebakong	4.23	2.50	3.49	140
	Dalat I	1.57	1.56	2.22	142
	Dalat II	2.40	2.40	2.28	95
	Jumlah Kecil	10.62	8.70	9.88	114
Jumlah Besar		40.29	25.43	23.92	94

Sumber: Laporan Kewangan Tahun 2003, 2004 Dan 2005,
Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang dibuat oleh Ladang Rumbia Sebakong dan Ladang Rumbia Dalat I melebihi daripada peruntukan yang diterima. Ladang Rumbia Sebakong telah membelanjakan sejumlah RM30,000 atau 1% dan sejumlah RM90,000 atau 40% melebihi peruntukan diterima bagi tempoh tahun 2004 dan 2005.

Manakala Ladang Rumbia Dalat I telah membelanjakan sejumlah RM210,000 atau 19% dan sejumlah RM660,000 atau 42% melebihi peruntukan diterima bagi tahun 2004 dan 2005. Pada keseluruhannya, perbelanjaan yang dibuat bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 tidak melebihi daripada peruntukan yang telah diluluskan.

c) Peruntukan Kewangan Disalurkan Kepada Estet

Peruntukan yang diterima oleh Lembaga daripada geran Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM128.31 juta untuk pemulihan dan pembangunan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut, sejumlah RM126.06 juta telah disalurkan kepada Estet bagi melaksanakan program pemulihan dan pembangunan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah. Manakala baki sejumlah RM2.25 juta masih disimpan oleh Lembaga kerana Estet belum mengemukakan sebarang tuntutan bayaran berdasarkan kemajuan fizikal yang dilaporkan.

d) Peruntukan Tambahan

Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga ada memohon peruntukan tambahan sejumlah RM650,000 bagi Ladang Rumbia Dalat I. Peruntukan tambahan ini melibatkan sejumlah RM2.22 juta bagi Ladang Rumbia Dalat I. Semakan Audit mendapati peruntukan tambahan dibuat kerana Estet telah melaksanakan kerja pemulihan tidak mengikut perancangan kerja yang telah ditetapkan. Oleh itu, pelaksanaan terhadap kerja pemulihan yang tidak dirancang ini menyebabkan kos perbelanjaan bertambah sejumlah RM650,000. Pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan Lembaga untuk membuat pindahan peruntukan dana sejumlah RM650,000 daripada Ladang Rumbia Dalat II bagi membiayai sebahagian kos operasi dan penyenggaraan Ladang Rumbia Dalat I.

Pada pendapat Audit, Lembaga tidak mengawal pelaksanaan terhadap aktiviti yang dijalankan dan telah mengakibatkan berlakunya kos tambahan perbelanjaan. Lembaga juga kurang memberi perhatian kepada aktiviti yang dirancangkan.

25.2.6 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Perjawatan

Lembaga tidak menetapkan keperluan tenaga kerja sebaliknya mengguna pakai Manual Penanaman bagi tujuan anggaran keperluan tersebut. Bahagian Perniagaan Agro pula sepatutnya bertanggungjawab bagi merancang bilangan kakitangan yang diperlukan berdasarkan kepada Rancangan Kerja Tahunan yang disediakan. Semakan Audit mendapati Estet ada memohon sebanyak 42 jawatan di Bahagian Perladangan yang terdiri daripada 3 Pengurus Ladang, enam Penolong Pengurus Ladang, enam Penyelia Ladang, sebanyak 21 Pembantu Ladang dan 6 Kerani Ladang. Sebanyak 32 jawatan atau 52% daripada jumlah jawatan yang dipohon telah diisi. Adalah didapati sebanyak 16 jawatan masih kosong dan kritikal di mana 8 jawatan Pembantu Ladang, empat jawatan Penyelia Ladang dan 4 jawatan Penolong Pengurus Ladang perlu diisi dengan segera. Jumlah keseluruhan tenaga kerja ladang yang diperlukan adalah seramai 900 orang.

Analisis Audit terhadap keperluan guna tenaga kerja bagi melaksanakan seluas 18,088 hektar ladang rumbia di Bahagian Mukah mendapati Lembaga hanya memperuntukkan seramai 20 orang pekerja atau 33% daripada keperluan sebenar pengurusan ladang. Butiran lengkap keperluan sebenar pengurusan ladang mengikut keluasan kawasan adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Keperluan Sebenar Pengurusan Ladang Mengikut Keluasan Kawasan

Bil.	Ladang	Keluasan Kawasan (Hektar)	Jenis Jawatan	Bilangan Diperlukan	Bilangan Dilulus	Bilangan Diisi	Bilangan Kosong
1.	Mukah	6,300	Pengurus Ladang	1	1	1	0
			Pen. Pengurus Ladang	2	2	1	1
			Penyelia Ladang	6	2	0	2
			Pembantu Ladang	13	7	4	3
2.	Sebakong	5,260	Pengurus Ladang	1	1	1	0
			Pen. Pengurus Ladang	2	2	0	2
			Penyelia Ladang	5	2	1	1
			Pembantu Ladang	10	7	4	3
3.	Dalat	6,528	Pengurus Ladang	1	1	1	0
			Pen. Pengurus Ladang	2	2	1	1
			Penyelia Ladang	6	2	1	1
			Pembantu Ladang	12	7	5	2
			Jumlah	61	36	20	16

Sumber: Laporan Perjawatan Oleh Estet Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Lembaga menganggarkan 10 orang tenaga kerja ladang bagi setiap 200 hektar kawasan. Oleh yang demikian, bagi Ladang Rumbia Dalat seluas 6,528 hektar memerlukan seramai 330 orang tenaga kerja ladang. Ladang Rumbia Sebakong seluas 5,260 hektar memerlukan 260 orang tenaga kerja ladang manakala Ladang Rumbia Mukah seluas 6,300 hektar pula memerlukan 310 orang tenaga kerja ladang. Memandangkan tenaga kerja ladang merupakan nadi utama bagi

melaksanakan pembangunan ladang rumbia tidak mencukupi maka 97 orang pekerja am bergaji harian telah diambil bagi tujuan mengurus kerja ladang. Bagaimanapun, jumlah tenaga kerja ini masih tidak mencukupi untuk menampung kerja ladang rumbia seluas 18,088 hektar. Bagi menangani masalah tersebut, Lembaga juga telah mengambil 87 orang tenaga kerja asing bagi menjalankan kerja ladang.

b) Latihan

Lembaga memberi penekanan terhadap kursus dan latihan kepada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional bertujuan untuk melatih dan melengkapkan Pengurus Ladang yang bertanggungjawab terhadap pengurusan ladang secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Kursus dan latihan yang diberi ialah *Performance Measurement For Government Bodies And Statutory Conference*, Kursus Pengurusan Perladangan (Pembangunan Berkesinambungan), Kursus Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *Workshop On The Introduction And Practical Application Of A Fire Danger Rating System In Sarawak* dan *Problem Solving And Decision Making Workshop*. Semakan Audit mendapati hanya Kursus Pengurusan Perladangan sahaja yang melibatkan Pengurus Ladang secara langsung. Manakala kursus lain adalah lebih kepada perkara umum. Manakala kursus dan latihan kepada Kumpulan Sokongan termasuk kakitangan ladang adalah lebih berbentuk kursus dalaman dan latihan sambil belajar. Kursus dan latihan ini dianjurkan oleh syarikat subsidiari. Kursus dan latihan yang telah dijalankan ialah kursus mengenai Aspek Teknikal Bagi Menyelenggara Benih Rumbia dan Teknik Penanaman yang dijalankan pada pertengahan bulan Mei 2005. Selain itu, pihak pembekal juga ada mengadakan tunjuk ajar dan taklimat mengenai teknik penanaman dan aplikasinya iaitu Kawalan Baja dan Kawalan Serangga yang telah dijalankan pada awal bulan Oktober 2003. Bagaimanapun, latihan intensif tidak disediakan kerana Lembaga belum mempunyai sumber khusus untuk mengendalikan kursus dan latihan. Selain itu, Lembaga masih mengenalpasti perubahan terhadap spesifikasi kerja mengikut keperluan rumbia. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga tidak menyediakan Rancangan Kursus Dan Latihan Tahunan. Oleh kerana Rancangan Kursus Dan Latihan Tahunan tidak disediakan, maka penilaian semula tidak dapat dijalankan ke atas keberkesanannya.

Pihak Audit berpendapat, Lembaga belum mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber tenaga kerja. Di samping itu, kursus dan latihan yang secukupnya belum dijalankan bagi memantapkan lagi kemahiran tenaga

kerja ladang sekaligus memastikan setiap kerja dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

25.2.7 Penyelidikan Dan Pembangunan

Pada mulanya, Lembaga mempunyai sebuah unit yang berfungsi bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap getah, kelapa sawit dan koko. Oleh kerana polisi Kerajaan Negeri untuk menjadikan tanaman rumbia sebagai salah satu komoditi utama Sarawak maka Lembaga telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Syarikat untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan terhadap rumbia.

Visi Syarikat adalah untuk menjadi pemimpin kepada teknologi pengeluaran rumbia. Manakala misi Syarikat pula adalah untuk membangunkan industri rumbia secara menyeluruh pada tahun 2010. Fokus utama penyelidikan ialah mempelbagaikan bahan input pertanian, penyelidikan tanah gambut dan teknik pengurusan bagi mempeluas lagi tanaman rumbia sebagai produk komersil, amalan agronomi dan kultur, menangani penuaian matang dan penyelidikan terhadap produk rumbia. Melihat kepada visi, misi dan tumpuan utama Syarikat, pelbagai program penyelidikan dan pembangunan telah dijalankan seperti berikut:

- i) Meningkatkan tanaman dengan kaedah pemilihan dan percambahan benih rumbia.
- ii) Meningkatkan tanaman dengan mempelbagaikan kaedah percambahan benih rumbia.
- iii) Penyelidikan terhadap tanah, air dan agronomi.
- iv) Penilaian ke atas kawalan serangga dan penyakit.
- v) Mekanisme ladang dan menangani penuaian matang.
- vi) Meningkatkan mutu makanan tradisional.
- vii) Pembangunan produk makanan baru.
- viii) Pembangunan produk industri.

Adalah didapati Lembaga begitu serius untuk mengetengahkan rumbia sebagai komoditi ketiga. Melalui pelbagai program penyelidikan dan pembangunan ini, Program Pemulihan Ladang Rumbia dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagaimanapun, pemulihan ladang rumbia memerlukan tindakan segera terutama untuk mengenalpasti kaedah pengurusan ladang yang betul dan cekap, penggunaan baja yang sesuai dan mekanisme ladang yang boleh membantu mempercepat program pemulihan ini. Adalah didapati penyelidikan yang dijalankan mengambil masa antara 2 hingga 3 tahun untuk mengenalpasti hasilnya. Begitu juga dengan penggunaan tisu kultur dan benih rumbia dalam polibeg yang mengambil masa antara 8 hingga 10 tahun untuk memastikan

kejayaannya. Sehingga akhir tahun 2005, Syarikat masih dalam proses penyelidikan terhadap kaedah penanaman rumbia yang berkesan.

Semakan Audit mendapati, penyelidikan mengenai perkembangan pokok rumbia hanya akan dilaksanakan di bawah RMK-9. Penyelidikan ini melibatkan kajian pengambilan nutrien, keperluan kelembapan, perubahan fizikal dan kimia dalam tanah gambut, bahan, struktur dan rekabentuk sistem pengairan, amalan tapak semaian, pembajaan (kadar, kekerapan, bentuk, cara), kepadatan dan rekabentuk tanaman, kesan cantasan dan pembuangan sulur, kajian kawalan rumpai, pemilihan mesin pengendalian input, pengenalpastian peralatan dan alat bantuan dan pembangunan sistem mekanisasi ladang.

Pada pendapat Audit, penyelidikan dan pembangunan pokok rumbia belum dijalankan dengan berkesan terutama terhadap asas penyediaan ladang sehingga kepada penanaman benih rumbia secara menyeluruh.

25.2.8 Perolehan Peralatan Dan Bahan

a) Peralatan Dan Mesin

Penyediaan dan pembangunan infrastruktur ladang dirancang sepenuhnya oleh Lembaga. Manakala kerja penyenggaraan ladang pula dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Lembaga. Bagi menguruskan penjagaan pokok rumbia dan penyenggaraan infrastruktur yang sedia ada, Lembaga telah memperolehi peralatan dan mesin mengikut keperluan. Perolehan yang dibuat adalah berdasarkan syor oleh perunding merangkumi peralatan ladang, kenderaan dan mesin. Peralatan ladang adalah terdiri daripada parang, sabit dan cambuk. Manakala kenderaan pula terdiri daripada traktor mini, pikap, motosikal dan *back-hoe loader*. Mesin pula adalah terdiri daripada mesin rumput, penyembur racun, pam air dan penjana kuasa. Perolehan peralatan dan mesin diurus mengikut prosedur dan panduan yang telah ditetapkan meliputi pengurusan stor, kelulusan tender dan sebut harga dan jumlah perolehan, kaedah, pertimbangan dan kuasa untuk melulus pembayaran. Sehingga akhir tahun 2005, perolehan peralatan dan mesin adalah seperti di **Jadual 52.**

Jadual 52
Perolehan Peralatan Dan Mesin Bagi
Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Ladang Rumbia	Jenis Perolehan	Jumlah (RM)
1.	Mukah I	Peralatan Ladang Kenderaan Mesin	10,073 151,080 25,220
2.	Mukah II	Peralatan Ladang Kenderaan	4,530 7,000
3.	Dalat I	Peralatan Ladang Kenderaan Mesin	10,272 139,700 10,800
4.	Dalat II	Peralatan Ladang Kenderaan Mesin	2,628 24,184 61,590
5.	Sebakong	Peralatan Ladang Kenderaan Mesin	11,442 125,700 11,800
Jumlah			534,409

*Sumber: Laporan Perolehan Peralatan Dan Mesin Estet Bagi
Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005.*

b) Baja Dan Racun

Perolehan baja dan racun diurus mengikut prosedur dan panduan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati bekalan baja dan racun diperolehi daripada pembekal di Bahagian Sibu, Bintulu dan Miri. Temu bual Audit mendapati pembekal tidak menghadapi masalah untuk menghantar bekalan yang diperlukan di mana tempoh diambil adalah satu minggu. Sehingga akhir tahun 2005, perolehan baja adalah berjumlah RM434,851, manakala perolehan racun berjumlah RM82,964.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah melaksanakan pembelian mesin, baja dan racun mengikut syor perunding dan perolehan juga telah dibuat mengikut prosedur dan panduan yang ditetapkan.

a) Penyimpanan Peralatan Dan Bahan

Lawatan Audit ke Ladang Rumbia Dalat pada akhir bulan Jun 2005 mendapati peralatan dan mesin telah disimpan dalam stor sementara yang berkunci memandangkan stor kekal belum disiapkan di mana kerja pembinaan infrastruktur asas dan stor masih dalam proses pembinaan. Lawatan Audit ke Ladang Rumbia Mukah II pada masa yang sama pula mendapati peralatan dan mesin disimpan dalam stor yang berkunci bersama dengan stok baja dan racun seperti di **Foto 46**. Manakala lawatan Audit ke Ladang Rumbia Sebakong juga mendapati peralatan dan mesin disimpan dalam stor sementara yang tidak berkunci tetapi ada seorang Pegawai Pengawal ditugaskan untuk menjaga keselamatan stor.

Foto 46
Peralatan Dan Mesin Yang Disimpan Bersama
Stok Baja Dan Racun Di Ladang Rumbia Mukah




Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh: 28 Jun 2005

Lokasi: Stor Sementara Di Ladang Rumbia Mukah

Semakan Audit mendapati penyimpanan peralatan dan mesin bersama stok baja dan racun tidak mengikut prosedur dan panduan pengurusan stor yang dikeluarkan oleh Estet. Penyimpanan peralatan dan bahan tidak dibuat mengikut kategori barang seperti peralatan berat, bahan beracun dan mudah terbakar serta barang berharga. Prosedur dan panduan hendaklah dipatuhi untuk menjaga keselamatan pekerja dan mengelak berlakunya kebakaran atau kecurian. Selain itu, keadaan stor yang terdedah seperti di **Foto 47** boleh menjelaskan kualiti baja yang akan digunakan untuk benih rumbia.

Foto 47
Stok Baja Dan Racun Di Stor Sementara Ladang Rumbia Sebakong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 28 Jun 2005

Lokasi : Stor Sementara Di Ladang Rumbia Sebakong

Adalah didapati bagi menyelesaikan masalah penyimpanan peralatan dan bahan yang tidak mengikut prosedur dan pengurusan stor yang dikeluarkan, Estet telah memperolehi stor berbentuk kabin terpakai pada akhir tahun 2005 seperti di **Foto 48** dan **Foto 49**.

Foto 48
**Stor Berbentuk Kabin Bagi
Menyimpan Peralatan Dan Racun (cecair)**



Foto 49
**Stor Berbentuk Kabin Bagi
Menyimpan Baja Dan Racun (pepejal)**



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 21 Mac 2006

Lokasi : Stor Berbentuk Kabin Di Ladang Rumbia Dalat

Selain itu, stor kekal bagi Ladang Rumbia Dalat dan Sebakong dijangka siap pada suku pertama tahun 2006.

Pemeriksaan Audit mendapati kaedah penyimpanan dan pengeluaran stok Lembaga adalah berasaskan kepada kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu. Penyimpanan stok adalah dikawal dengan menggunakan kad lejar yang menunjukkan maklumat mengenai jumlah stok diterima, tarikh terima, jumlah dikeluarkan, tarikh keluar, baki stok dan pengesahan oleh pegawai stor. Kad lejar disediakan bagi tujuan memantau kekerapan penggunaan bahan dan bilangan stok yang diperlukan. Selain itu, pengawalan stok diselenggarakan bagi mengenalpasti tahap minima serta paras tempahan semula stok. Sehubungan itu, pengeluaran stok dibuat dengan menggunakan borang Baucar Pengeluaran Stor yang mana diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Semakan Audit mendapati purata penggunaan baja untuk pokok rumbia yang ditanam bagi tempoh 1 hingga 5 tahun adalah 116 kilogram bagi satu hektar ladang manakala untuk pokok rumbia yang ditanam bagi tempoh 6 hingga 10 tahun adalah 944 kilogram bagi satu hektar ladang. Selain itu, purata penggunaan racun untuk meracun secara barisan adalah 1.2 liter bagi setiap 1 kilometer. Adalah didapati penggunaan baja dan racun adalah mencukupi seperti disyorkan untuk penanaman rumbia di tanah gambut dalam.

Pada pendapat Audit, penyimpanan peralatan dan bahan diurus dengan memuaskan. Lembaga telah mengambil inisiatif dengan menempatkan peralatan dan bahan ke dalam stor sementara berbentuk kabin.

b) Ujian Kualiti Bahan

Bagi membantu tumbesaran pokok rumbia di ladang, kaedah membaja dan merumput dengan bahan yang bersesuaian adalah sangat penting. Jenis baja dan racun yang digunakan adalah seperti di **Jadual 53**.

Jadual 53
Perolehan Baja Dan Racun Bagi Tempoh
Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Jenis Bahan	Jumlah	
		Unit(kg/liter)	Amaun (RM)
1.	Baja	Multicote	15,150 kg 92,414
		Resin Coated Compound	3,750 kg 18,300
		NPK	67,550 kg 71,956
		GML Dolomite	183,100 kg 51,268
		Urea	55,027 kg 60,529
		Rock Phosphate	36,125 kg 13,829
		Zncobor	8,699 kg 31,658
		Borate	1,950 kg 3,101
		Muriate Of Potash	60,000 kg 58,800
		Meister	5,800 kg 11,834
		Limestone Powder	36,000 kg 6,929
		Chaled Zincopper	3,175 kg 14,235
	Jumlah		476,326 kg 434,851
2.	Racun	Etec Chlorpyrifos	6 liter 144
		Catch	20 liter 1,120
		Bodyguard Chlorpyrifos	40 liter 900
		Regent	80 liter 1,588
		Agree 50 WP	24 kg 2,784
		Paraquat	6,651 liter 58,197
		Glyphosate	611 liter 5,163
		Garlon	32 liter 1,480
		Basta	60 liter 1,650
		Rogor	18 liter 288
		Agritox	0.03 kg 760
		Furadan	275 kg 1,375
		Fendona	6 liter 336
		Fipronil	10 liter 580
		Glifosinate	240 liter 6,600
	Jumlah		7,774 liter/299 kg 82,964

Sumber: Rekod Stok Baja Dan Racun Ladang Rumbia Bahagian Mukah

Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM434,851 untuk membeli 476,326 kilogram baja bagi tempoh tahun 2003 hingga akhir bulan Disember 2005. Manakala sejumlah RM82,964 pula dibelanjakan untuk membeli 7,774 liter dan 299 kilogram racun bagi tempoh yang sama. Pemilihan baja dan racun yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian secara umum oleh Lembaga. Bagi menentukan kualiti baja dan racun yang baik dan sesuai digunakan, ujian terhadap kedua bahan tersebut hendaklah dijalankan terlebih dahulu. Tindakan ini hendaklah diambil bagi memastikan bahan yang diguna boleh menyokong tumbesaran benih rumbia. Semakan Audit mendapati ujian kualiti tidak dijalankan terlebih dahulu untuk menentukan jenis baja dan racun yang paling sesuai digunakan. Bagaimanapun, pada akhir tahun 2005 iaitu selepas mendapati keperluan baja dan racun bagi setiap ladang rumbia bertambah, Estet telah mempelawa perolehan baja dan racun secara tender. Sebelum tender ditawarkan, sampel baja dan racun yang akan dibekalkan dihantar ke Pusat Penyelidiakan

Pertanian untuk ujian kualiti di mana hasil ujian akan dikeluarkan dalam tempoh sebulan. Sehubungan itu, Syarikat juga sedang menjalankan penyelidikan terhadap jenis baja dan racun yang paling sesuai untuk digunakan di Ladang Rumbia di Bahagian Mukah. Bagaimanapun, Syarikat masih belum mengeluarkan sebarang syar berkenaan jenis baja dan racun yang sesuai untuk digunakan.

Pada pendapat Audit, ujian kualiti baja dan racun telah dijalankan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk menggunakanya di ladang rumbia.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia tidak memuaskan kerana tidak dilaksanakan dengan teratur dan cekap. Lembaga juga tidak memberi fokus kepada penggunaan Garis Panduan dan pelaksanaan terhadap komponen program terutama pembangunan infrastruktur ladang dan penyenggaraan ladang. Selain itu, Lembaga kurang memberi perhatian terhadap guna tenaga dan latihan serta penyelidikan dan pembangunan atas pokok rumbia secara menyeluruh.

25.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang rapi dan berkesan akan membantu kejayaan pelaksanaan program. Pemantauan program secara keseluruhannya dijalankan oleh Bahagian Perniagaan Agro, Unit Pemantauan Projek, Estet dan Jawatankuasa Pengurusan Ladang. Manakala mekanisme pemantauan yang digunakan ialah lawatan ke tapak projek, mesyuarat dan laporan kemajuan projek.

25.3.1 Peringkat Pemantauan

Pemantauan keseluruhan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah adalah menjadi tanggungjawab kepada Bahagian Perniagaan Agro dan Unit Pemantauan Projek di peringkat Lembaga. Manakala di peringkat ladang, Pengurus Besar Estet akan memantau kemajuan kerja ladang dengan mendapatkan Laporan Bulanan Kemajuan Ladang daripada setiap Pengurus Ladang. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Ladang turut ditubuhkan bagi membantu menjalankan kerja pemantauan.

a) Bahagian Perniagaan Agro

Semakan Audit mendapati Bahagian ini ada menjalankan lawatan setiap bulan ke ladang rumbia. Bagaimanapun, Laporan Kemajuan Projek hanya disediakan bermula pada bulan Mei 2005. Sebelum ini, tidak ada laporan disediakan untuk memantau kemajuan projek dari segi fizikal dan kewangan.

b) Unit Pemantauan Projek

Unit ini baru ditubuhkan pada awal tahun 2005. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2005, Unit ini belum menjalankan pemantauan terhadap Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah. Unit ini juga belum menyediakan rancangan lawatan terhadap program ini.

c) Estet

Pengurus Besar Estet memantau setiap perkembangan program melalui Laporan Bulanan Kemajuan Kerja Ladang daripada Pengurus Ladang. Kemudian, satu laporan bulanan iaitu Laporan Bulanan Kemajuan Kerja akan disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Perniagaan Agro bagi memberi maklum balas terhadap kerja yang dilaksanakan dan prestasi kewangan. Semakan Audit mendapati Estet telah menunjukkan usaha bersungguh-sungguh untuk memastikan setiap kerja yang dirancang telah dilaksanakan oleh setiap Pengurus Ladang.

d) Jawatankuasa Pengurusan Ladang

Jawatankuasa Pengurusan Ladang juga baru ditubuhkan pada awal tahun 2005. Semakan Audit mendapati sehingga akhir bulan Disember 2005, Jawatankuasa ini telah mengadakan 3 kali mesyuarat. Mesyuarat tersebut membincangkan mengenai terma dan rujukan berkenaan Jawatankuasa ini, keperluan terhadap kemajuan fizikal dan kewangan projek, bajet 2005, pembayaran pesanan kerja, kemajuan kerja bulanan setiap ladang rumbia, latihan kemahiran kepada tenaga kerja ladang, pembinaan kuarters pekerja, pemilihan ke atas *Key Performance Indicator*, penanaman benih rumbia yang lewat, laporan berkenaan kerja membaja dan jenis baja, format laporan kemajuan dan penubuhan Jawatankuasa. Pemeriksaan Audit mendapati penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Ladang ini masih belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa ini hanya terhad kepada ahlinya sahaja memandangkan Jawatankuasa bergerak secara *adhoc* dan perkara yang dibincangkan tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah tidak memuaskan kerana Lembaga belum dapat melaksanakan sepenuhnya kaedah pemantauan memandangkan pihak yang bertanggungjawab untuk kerja pemantauan baru ditubuhkan. Bahagian Peniagaan Agro yang telah lama diwujudkan pula kurang aktif dan agresif menjalankan

kerja pemantauan. Ini adalah kerana penanaman pokok rumbia secara komersil oleh Lembaga telah dilaksanakan bagi tempoh 10 tahun yang lepas.

25.3.2 Mekanisme Pemantauan

Pemantauan program dijalankan melalui lawatan ke ladang rumbia, mesyuarat oleh Jawatankuasa dan laporan yang disediakan.

a) Lawatan Ke Tapak Projek

Bahagian Perniagaan Agro ada menjalankan pemantauan melalui lawatan yang dibuat setiap bulan ke ladang rumbia. Bagaimanapun, Jadual Lawatan Kerja ke ladang rumbia tidak disediakan. Bahagian ini hanya menerima arahan untuk membuat lawatan kerja ke ladang rumbia pada setiap bulan mengikut masa yang difikirkan perlu oleh pegawai. Semakan Audit melalui waran udara yang dikeluarkan mendapati sepanjang tahun 2003 hingga akhir bulan Disember 2005, Bahagian ini telah membuat 36 lawatan ke ladang rumbia. Lawatan yang dibuat melibatkan kesemua ladang rumbia di Bahagian Mukah. Selain itu, lawatan juga ada dibuat oleh Pengurus Besar Lembaga termasuk pegawai daripada Syarikat. Temu bual Audit bersama pegawai yang terlibat mendapati senarai semak tidak disediakan semasa lawatan dijalankan. Pegawai hanya perlu memastikan kemajuan kerja fizikal adalah bersamaan dengan peruntukan yang telah diberikan melalui Laporan Bulanan Kemajuan Kerja yang dikemukakan oleh Estet. Perancangan yang teratur tidak dibuat sebelum lawatan kerja dijalankan seperti menyediakan Jadual Lawatan Kerja, Rancangan Kerja Tahunan, Senarai Semak Lawatan dan Laporan Bulanan Kemajuan Kerja.

b) Mesyuarat Lembaga/Jawatankuasa

Sepanjang tempoh tahun 2003 hingga akhir bulan Disember 2005, Lembaga Pengarah telah mengadakan 5 kali mesyuarat. Mesyuarat yang diadakan turut menyentuh mengenai Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah. Mesyuarat juga telah membuat keputusan mengenai bajet projek, pengambilan kakitangan ladang, penjualan *rail bar* yang tidak ekonomik untuk digunakan di ladang, pembelian mekanisme ladang, pelantikan perunding terhadap kaedah penanaman rumbia di tanah gambut dalam dan kemajuan kerja. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ladang juga membincangkan perkara berkaitan kemajuan kerja ladang. Bagaimanapun, perkara yang dibincangkan tersebut tidak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah memandangkan penubuhan Jawatankuasa ini belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan hanya bergerak secara *adhoc*.

c) Laporan Kemajuan Projek

Semakan Audit mendapati laporan yang telah dihasilkan oleh Bahagian Perniagaan Agro di peringkat Lembaga hanya disediakan bermula pada bulan Mei 2005 iaitu Laporan Kemajuan Fizikal Dan Kewangan Projek. Laporan yang disediakan telah menunjukkan keseluruhan kemajuan yang dicapai pada setiap bulan bermula pada bulan Mei 2005. Bagaimanapun, laporan yang disediakan tidak lengkap di mana penemuan yang diperhatikan tidak dinyatakan termasuklah masalah yang dihadapi di peringkat pengurusan ladang. Laporan ini juga tidak menyatakan cadangan terhadap penemuan atau pemerhatian yang telah dijalankan. Laporan di peringkat Lembaga ini telah disemak oleh Pengurus Besar Lembaga. Manakala di peringkat Estet, Pengurus Ladang akan mengemukakan Laporan Bulanan Kemajuan Kerja Ladang setiap bulan kepada Pengurus Besar Estet. Laporan tersebut akan dikumpul dan dikemukakan kepada Bahagian Perniagaan Agro di peringkat Lembaga. Adalah didapati Laporan Kemajuan Kerja kepada Lembaga Pengarah pula hanya disediakan bermula pada bulan Mei 2005. Kemajuan kerja sebelum ini hanya direkodkan oleh setiap Penyelia Ladang dalam diari masing-masing.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan mekanisme pemantauan yang diwujudkan di peringkat Lembaga kurang memuaskan kerana pengurusan Lembaga kurang tegas terhadap keberkesanan mekanisme pemantauan tersebut. Laporan yang disediakan kurang lengkap dan kurang jelas dan tidak menunjukkan kemajuan sebenar program termasuk pemerhatian, masalah dan cadangan yang diperlukan. Tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan juga tidak diambil perhatian.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemantauan di peringkat Lembaga tidak memuaskan kerana tidak dijalankan dengan teratur dan cekap. Manakala agen pemantauan dan mekanisme pemantauan yang diwujudkan tidak berupaya menyokong pelaksanaan Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah secara keseluruhannya.

26. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Program Pemulihan Ladang Rumbia di Bahagian Mukah masih di peringkat pelaksanaan. Oleh itu, tindakan pro aktif di peringkat awal hendaklah diambil bagi menentukan kejayaan dan memastikan sasaran projek tercapai. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar dan berjaya, adalah disyorkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan pertimbangan oleh Lembaga seperti berikut:

- i) Memastikan program kerja yang dirancang telah dilaksanakan;
- ii) Memastikan pelaksanaan terhadap aktiviti yang dijalankan dikawal dengan rapi untuk mengelakkan berlakunya pertambahan kos;
- iii) Meningkatkan pemantauan terhadap kemajuan kerja ladang;
- iv) Memastikan tenaga kerja ladang, bahan input pertanian, mekanisme ladang mencukupi dan sistem pengurusan ladang dibangunkan segera ;
- v) Penyelidikan dan Pembangunan berterusan dan tumpuan utama hendaklah diberi kepada masalah asas pokok rumbia dibuat sebelum penanaman semula rumbia dijalankan;
- vi) Mengambil kira keselamatan pekerja dan keadaan stor yang sesuai untuk menyimpan stok baja dan racun serta peralatan dan mesin;
- vii) Lembaga perlu memberi fokus kepada penyediaan dan penggunaan Garis Panduan Pelaksanaan Program yang lengkap dan pelaksanaan terhadap komponen program terutama pembangunan infrastruktur ladang dan penyenggaraan ladang;
- viii) Memberi perhatian terhadap guna tenaga dan latihan serta penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan impian Kerajaan Negeri boleh direalisasikan;
- ix) Tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan perlu diambil perhatian;
- x) Lembaga perlu mengkaji semula keberkesanan peringkat pemantauan yang telah ditubuhkan dan mekanisme yang telah diwujudkan;
- xi) Pemulihan pokok rumbia dan infrastruktur hendaklah dibuat terutama bagi menggantikan pokok rumbia yang mati iaitu antara 40% hingga 60%;
- xii) Lembaga hendaklah merancang untuk menubuhkan kilang pemprosesan bagi bahan mentah yang sedia ada; dan
- xiii) Strategi pemasaran bagi pengeluaran produk rumbia hendaklah dirangka dan disediakan.

LEMBAGA AIR KUCHING

KAJIAN TERHADAP PENGURUSAN LOJI RAWATAN AIR


27. LATAR BELAKANG

27.1 Pengurusan Loji Rawatan Air dikendalikan oleh Lembaga Air Kuching (Lembaga) sejak penubuhan Lembaga pada bulan Januari 1959, melalui Perintah Lembaga Air Kuching 1959. Lembaga bertanggungjawab mentadbir, mengurus dan menyelia semua kerja air serta membangun dan menyenggara kemudahan untuk membekal air dirawat yang mencukupi kepada pengguna dikawasannya. Pengurusan loji rawatan air merupakan aktiviti utama Lembaga dalam proses bekalan air. Pengurusan melibatkan 3 peringkat penting iaitu pengambilan air mentah dari sungai melalui *intake*, proses rawatan di loji dan penstoran air dirawat di tangki air bersih dan kolam air (*reservoir*) sebelum diagihkan kepada pengguna. Pada tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM45.69 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan loji rawatan air.

27.2 Sehingga tahun 2005, Lembaga mempunyai 4 loji rawatan iaitu 3 loji di Batu Kitang dan sebuah loji di Matang dengan keupayaan keseluruhan pengeluaran sebanyak 380 juta liter sehari untuk dibekalkan kepada seramai 115,023 pengguna. Pengguna Lembaga terdiri daripada pengguna domestik seramai 99,358, komersial 13,372, komersial-domestik 2,123, *stand pipe* 158 dan kilang memproses minuman air 12 sambungan. Daripada jumlah pengeluaran air tersebut sebanyak 95% dikeluarkan oleh loji di Batu Kitang manakala baki sebanyak 5% dikeluarkan oleh Loji Matang. Bagi memenuhi permintaan air dirawat sehingga tahun 2010, kerja tanah untuk pembinaan sebuah loji rawatan air baru dengan keupayaan pengeluaran air sebanyak 100 juta liter sehari dimulakan pada tahun 1997. Bagaimanapun kedudukan kewangan Lembaga yang terhad menyebabkan pembinaan ditangguhkan sehingga RMK-8. Pembinaan sebenar telah dimulakan pada akhir tahun 2002 dan dijangka siap pada akhir tahun 2005. Pada tahun 2005, jumlah purata pengeluaran air harian Lembaga adalah 316.27 juta liter berbanding jumlah purata penggunaan harian (*gross consumption*) sebanyak 316.30 juta liter.

27.3 Sempadan kawasan bekalan air Lembaga serta lokasi 4 loji rawatan air adalah seperti di **Peta 3**.

Peta 3
Sempadan Kawasan Lembaga Air Kuching



Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

28. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan loji rawatan air dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai Standard Kualiti Air Minuman Kebangsaan (*The National Standard For Drinking Water Quality*) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization*).

29. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara menjalankan kajian ini kerana pengurusan loji rawatan air merupakan aktiviti utama Lembaga serta melibatkan kepentingan awam yang tinggi. Pengauditan dijalankan di Loji Rawatan Air Batu Kitang, Loji Rawatan Air Matang dan Pejabat Lembaga Air Kuching di Batu Lintang. Tumpuan adalah diberi kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan loji rawatan air di Batu Kitang bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Pengauditan dijalankan meliputi pemeriksaan terhadap minit mesyuarat, rekod, dokumen kontrak dan fail berkaitan pengurusan loji rawatan air. Borang soal selidik diedarkan kepada Pihak Berkuasa Bekalan Air di kawasan lain bagi mendapatkan maklum balas dan penanda aras mengenai pengurusan loji. Semakan juga dibuat terhadap laporan ujian makmal loji Lembaga sendiri dan juga Jabatan Kimia. Selain itu, lawatan fizikal ke tapak loji dan temu bual serta perbincangan dengan pegawai berkenaan juga dilakukan.

30. PENEMUAN AUDIT

30.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur penting bagi memastikan pengurusan loji rawatan air dilaksanakan dengan lancar dan tersusun. Aspek perancangan yang diteliti adalah seperti berikut:

30.1.1 Dasar Lembaga

Dasar Lembaga adalah untuk memberi kemudahan perkhidmatan bekalan air dirawat yang mencukupi, mencapai tahap yang ditetapkan dan selamat untuk diminum. Untuk mencapai objektif dasar tersebut, Lembaga mempunyai visi untuk menjadi sebuah Agensi Bekalan Air yang dinamik dan berdedikasi yang berdasarkan pada budaya cemerlang dan berprestasi tinggi.

30.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

- a) Lembaga ditubuhkan mengikut Perintah Lembaga Air Kuching 1959 yang diperuntukkan di bawah Seksyen 19 Ordinan Bekalan Air 1959. Pada tahun 1994, Ordinan Bekalan Air 1959 dimansuhkan dan digantikan dengan Ordinan Air 1994. Dengan itu satu Perintah baru iaitu Perintah Lembaga Air Kuching 2001 telah dikeluarkan bagi menggantikan Perintah Lembaga Air 1959. Selaras dengan Seksyen 18(3) – (4) Ordinan Air 1994, fungsi Lembaga sebagai Pihak Berkuasa Bekalan Air adalah seperti berikut:

- i) "Sesuatu pihak berkuasa bekalan air hendaklah mempunyai penjagaan, pengurusan dan pentadbiran ke atas kerja-kerja air dan air di dalamnya dan pengurusan pembekalan dan pengagihan air itu di dalam kawasan bekalannya, tertakluk, bagaimanapun, kepada kawalan dan pengawasan menyeluruh Pihak Berkuasa Air Negeri."
 - ii) "Adalah menjadi kewajipan sesuatu pihak berkuasa bekalan air, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, untuk membekalkan air kepada pengguna-pengguna di dalam had kawasan bekalannya."
- b) Bagi menguruskan bekalan air, Lembaga juga perlu mematuhi Peraturan Bekalan Air 1995 yang diperuntukkan di bawah Seksyen 51 Ordinan Air 1994. Antara lain, Peraturan tersebut memperuntukkan keperluan aspek teknikal seperti pemasangan peralatan air (*water fittings*), rangkaian sistem paip pengedaran (*layout of pipeworks*), paip dan injap (*taps and valves*), meter dan tangki simpanan air (*storage cisterns*), pemohonan lesen untuk mengeluarkan air mentah dari sungai, penetapan kadar dan caj bekalan air kepada pengguna domestik dan industri. Perkara seperti berikut adalah ditetapkan untuk pengurusan loji rawatan:
- i) bahan kimia untuk rawatan air hendaklah mematuhi standad yang ditetapkan;
 - ii) pemasangan dan jenis paip yang digunakan hendaklah mematuhi spesifikasi Pihak Berkuasa Bekalan Air;
 - iii) tangki untuk simpanan air hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan; dan
 - iv) sistem kumbahan hendaklah mengikuti standard yang ditetapkan.

30.1.3 Garis Panduan

Lembaga telah menyediakan prosedur kualiti bagi pengurusan loji rawatan air. Prosedur kualiti tersebut merangkumi kerja pengeluaran air dirawat, pengagihan air dirawat, khidmat pelanggan dan kutipan hasil air. Pengurusan loji rawatan air adalah di bawah skop pengeluaran air dirawat yang meliputi elemen kerja seperti kawalan mutu air, penyenggaraan secara mekanikal dan elektrikal terhadap peralatan loji dan operasi harian keseluruhan loji. Elemen Kawalan Mutu Air merangkumi proses seperti pemantauan terhadap kualiti air, pemeriksaan terhadap spesifikasi bahan kimia, prosedur rawatan air, kawalan terhadap peralatan pemeriksaan (*test equipment*). Elemen Mekanikal Dan Elektrikal menetapkan proses kerja bagi penyenggaraan rutin dan pemberian peralatan mekanikal dan elektronik. Manakala elemen Operasi Loji menetapkan arahan kerja seperti operasi pam air mentah, pam air dirawat,

penyenggaraan penjana kuasa tunggu sedia, pembersihan tangki pemendapan dan operasi *sludge removal travelling bridge*. Pada tahun 2000, Lembaga diiktiraf dengan pensijilan MS ISO 9002:1994 dalam skop Pengeluaran, Pengagihan, Khidmat Pelanggan dan Kutipan Hasil Air. Sistem kualiti tersebut dinaiktaraf menjadi ISO 9001:2000 pada tahun 2003.

30.1.4 Kajian Kemungkinan

Kebolehharapan bekalan sumber air mentah adalah penting dalam rancangan jangka panjang Lembaga. Bagi tujuan tersebut, kajian kemungkinan telah dijalankan oleh sebuah syarikat perunding yang dilantik oleh Lembaga dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Hasil kajian kemungkinan tersebut mendapati sumber air mentah boleh diperolehi dari sungai seperti Batang Ai, Batang Sadong, Batang Samaraham, Batang Kayan dan Sungai Rayu tetapi tidak mencukupi untuk bekalan air mentah sehingga tahun 2020. Kajian lanjutan yang dijalankan oleh sebuah syarikat perunding pada tahun 2002 mendapati dengan pembinaan sebuah tebatan/ban merentangi Sungai Sarawak Kiri selepas *intake* akan dapat membekalkan sumber air mentah sehingga tahun 2010. Manakala dengan pembinaan Empangan Bengoh di bahagian hulu Sungai Sarawak akan dapat menampung bekalan air mentah sehingga tahun 2030. Kajian kemungkinan yang telah dijalankan oleh Lembaga adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Kajian Kemungkinan Yang Dijalankan Oleh Lembaga

Tahun	Nama Kajian	Tujuan
1983	<i>Kuching Water Supply Master Plan.</i>	Menyediakan rancangan bagi pembangunan kemudahan bekalan air di Kuching sehingga tahun 2010.
1996	<i>Feasibility Study For A Multi-Purpose Dam On Sungai Sarawak Kiri.</i>	Menentukan kemungkinan dari segi teknikal dan kewangan bagi membina empangan di bahagian atas kawasan tадahan Sungai Sarawak Kiri.
1996	<i>Study Of New Water Sources For Kuching City And Surrounding Areas Up To Year 2020.</i>	Antaranya ialah untuk: <ul style="list-style-type: none"> i. menilai opsyen bagi sumber air di masa hadapan; ii. menilai kemungkinan mendapatkan sumber air dari Empangan Hidroelektrik Batang Ai; iii. menilai kesan rancangan pembinaan Empangan Bengoh dan Baraj Pending; dan iv. menentukan kemungkinan pembekalan air ke badan lain seperti Sri Aman, Serian dan lain-lain di sepanjang laluan paip dari Batang Ai ke Kuching.
1997	<i>Kuching Water Supply Master Plan Study (1995 – 2020)</i>	Merupakan kesinambungan daripada Kuching Water Supply Master Plan (1983). Sebagai asas untuk membuat anggaran keperluan air di masa hadapan sehingga tahun 2020.
2001	<i>Study On The Safe Yield Of Kuching Water Board's Raw Water Source At Batu Kitang.</i>	Untuk menentukan simpanan (safe yield) air mentah di Batu Kitang adalah mencukupi untuk pengguna di kawasan Kuching.
2002	<i>Updating Of The Kuching Master Plan Study (1995 – 2020) For The Northern Sector Of The Kuching Water Supply System</i>	Untuk menilai semula anggaran bekalan air di masa hadapan disebabkan mengambil kira pembangunan yang akan dibuat di bahagian utara Bandaraya Kuching bagi projek Bandar Baru Semariang dan Pusat Pentadbiran Persekutuan. Pembangunan di kedua kawasan tersebut akan meningkatkan jumlah penduduk yang seterusnya meningkatkan permintaan air.

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

30.1.5 Sasaran Pengeluaran Dan Kualiti Air

Lembaga menetapkan sasaran pengeluaran dan kualiti air yang akan dibekalkan kepada pengguna seperti berikut:

a) Pengeluaran Air

Sasaran yang ditetapkan adalah selaras dengan fungsi utama Lembaga iaitu untuk memastikan pengeluaran air dirawat yang mencukupi dan mencapai standad yang ditetapkan untuk dibekalkan kepada pengguna dalam had kawasan bekalannya. Lembaga menetapkan bahawa jumlah pengeluaran air harian tidak melebihi 5% daripada jumlah penggunaan harian di dalam had kawasan bekalan airnya.

Berdasarkan trend penggunaan air sejak 15 tahun yang lepas, permintaan air telah meningkat antara 1.3% hingga 12.5% setahun menjadi purata 316.27 juta liter sehari pada tahun 2005. Memandangkan keupayaan pengeluaran 4 loji yang sedia ada hanya pada 380 juta liter sehari, Lembaga telah merancang supaya loji baru direka dan dibina di Batu Kitang dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 100 juta liter sehari. Pembinaan loji tersebut telah bermula pada akhir tahun 2002 dan dijangka akan beroperasi pada akhir tahun 2005. Dengan pembinaan loji tersebut Lembaga dapat mengeluarkan air dirawat sebanyak 480 juta liter sehari untuk menampung permintaan pengguna sehingga tahun 2010.

b) Kualiti Air

Satu program yang dikenali sebagai Kawalan Mutu Air Minuman telah dirangka oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Tujuan program ini adalah untuk mengawal mutu air minuman yang dibekalkan adalah selamat dan mematuhi piawaian air kebangsaan. Selain itu, program tersebut juga mengesan kemungkinan berlakunya penyakit berpunca dari bawaan air. Agensi lain yang terlibat dalam program ini ialah Jabatan Kimia yang akan menjalankan kajian kandungan kimia dan bakteria dalam kandungan air yang diproses dan Jabatan Alam Sekitar yang berfungsi untuk memberi perlindungan kepada kawasan tadahan air. Di bawah program ini makmal Lembaga dan Jabatan Kimia akan menjalankan kajian kandungan kimia dan kajian kandungan bakteria dengan pengambilan sampel air dari lokasi tertentu. Manakala Jabatan Kimia akan mengemukakan keputusan ujian tersebut kepada Lembaga untuk diambil tindakan sewajarnya sekiranya air yang diuji mengandungi bahan kimia atau bakteria yang boleh menjelaskan keselamatan dan mutu air.

30.1.6 Komponen Pengurusan

Komponen pengurusan merangkumi pengambilan air mentah dari sungai, proses rawatan air di loji dan penyimpanan air dirawat di tangki air bersih sebelum diagihkan kepada pengguna.

a) Pengambilan Air Mentah

Lembaga mendapatkan air mentah dari Sungai Sarawak Kiri sebelum diproses di Loji Rawatan Air Batu Kitang. Bagi tujuan tersebut, 3 *intake* dibina berhampiran Loji Rawatan Air Batu Kitang dengan keupayaan seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Keupayaan Intake

Intake	Keupayaan (Jlh)
Intake I	29
Intake II	110
Intake III	304
Jumlah	443

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Nota : Jlh – Juta liter sehari

Lembaga tidak menggunakan *intake* bagi Loji Rawatan Air Matang kerana air mentah diperolehi secara langsung dari puncak Bukit Matang, Sungai Cina dan tangki besar (basin) penyimpanan air mentah yang terletak di Sungai Sebubut. Air mentah tersebut disalurkan ke loji secara graviti.

b) Proses Rawatan

Proses rawatan dilaksanakan di loji di mana air mentah akan melalui proses seperti *coagulation*, *flocculation*, *sedimentation* dan *filtration* sebelum diagihkan kepada pengguna. Untuk tujuan ini, Lembaga akan membina serta menaiktaraf 4 loji rawatan air menjadi berkeupayaan air dirawat sebanyak 380 juta liter sehari pada tahun 2005 seperti di **Jadual 56**.

Jadual 56
Keupayaan Loji Rawatan Air Pada Tahun 2005

Loji	Keupayaan	
	Sebelum Naiktaraf (Jlh)	Selepas Naiktaraf (Jlh)
Loji I Modul 1 Batu Kitang	13.6	50
Loji I Modul 2 Batu Kitang	9	18
Loji II Modul 3 Batu Kitang	27	27
Loji II Modul 4 Batu Kitang	69	69
Loji III Modul 5 Batu Kitang	100	100
Loji III Modul 6 Batu Kitang	100	100
Loji Matang	9	16
Jumlah	327.6	380

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Nota : Jlh - Juta liter sehari

c) Penyimpanan Air Dirawat

i) Tangki Air Bersih

Air dirawat dipam dari loji rawatan ke tangki air bersih untuk proses pembasmian kuman serta mengimbangkan pH air dirawat sebelum disalurkan ke kolam air dan pengguna. Lembaga menyediakan 7 tangki air bersih yang terletak berhampiran loji rawatan di Batu Kitang dengan keupayaan penyimpanan sebanyak 49.36 juta liter. Manakala Loji Matang tidak dilengkапkan dengan tangki air bersih kerana air disalurkan terus kepada pengguna. Keupayaan tangki air bersih adalah seperti di **Jadual 57**.

Jadual 57
Keupayaan Tangki Air Bersih Lembaga

Bil.	Lokasi	Keupayaan
1.	Tangki Air Bersih 1 Loji I Batu Kitang	1 JI
2.	Tangki Air Bersih 2 Loji I Batu Kitang	1.49 JI
3.	Tangki Air Bersih 3 Loji I Batu Kitang	3.87 JI
4.	Tangki Air Bersih 1 Loji II Batu Kitang	4 JI
5.	Tangki Air Bersih 2 Loji II Batu Kitang	4 JI
6.	Tangki Air Bersih 1 Loji III Batu Kitang	17.5 JI
7.	Tangki Air Bersih 2 Loji III Batu Kitang	17.5 JI
Jumlah		49.36 JI

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

Nota : JI – Juta liter

ii) Kolam Air (Reservoir)

Lembaga juga menyediakan 11 buah kolam air dan 3 buah *elevated tank* yang terletak di beberapa kawasan sekitar Bandaraya Kuching dan Kota Samarahan untuk simpanan air dirawat. Tujuan air dirawat disalurkan melalui kolam air adalah untuk menambahkan tekanan air yang akan dibekalkan dan sebagai tangki imbang air dirawat yang akan disalurkan kepada pengguna. Kedudukan serta keupayaan kolam air adalah seperti di **Jadual 58**.

Jadual 58
Kedudukan dan Keupayaan Kolam Air Lembaga

Bil.	Butiran Kolam Air	Keupayaan (Juta Liter)
1.	Kolam Air Datu Muda No. 1	18
2.	Kolam Air Datu Muda No. 2	18
3.	Kolam Air Pending	14
4.	Kolam Air Bukit Siol No. 1	18
5.	Kolam Air Bukit Siol No. 2	18
6	Kolam Air Bukit Andau	18
7.	Kolam Air Matang No. 1	7
8.	Kolam Air Matang No. 2	9
9.	Kolam Air Batu 7 ½	9
10.	Kolam Air Batu 9 ¾	18
11.	Kolam Air RC. Muara Tuang	9
12.	Kpg. Beliung (Elevated Tank)	0.38
13.	Telaga Air (Elevated Tank)	0.30
14.	Sama Jaya (Elevated Tank)	4.54
Jumlah		161.22

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

30.1.7 Kaedah Pelaksanaan Aktiviti

Aktiviti pengurusan loji rawatan air utama seperti pemeriksaan kualiti air mentah dan dirawat, penyenggaraan mekanikal dan elektrikal terhadap kemudahan dan peralatan serta operasi harian loji akan dilaksanakan oleh kakitangan Lembaga. Kerja mengisi dan mencampurkan bahan kimia bagi proses rawatan air serta kerja pembersihan tangki larutan bahan kimia, pengangkutan, penyusunan dan pembersihan stor bahan kimia akan diserahkan kepada kontraktor untuk dilaksanakan. Pelantikan kontraktor akan dibuat secara panggilan sebut harga/tender.

30.1.8 Keperluan Kewangan

Bagi mengurus loji rawatan air untuk tempoh 2003 hingga 2005 Lembaga memerlukan peruntukan sejumlah RM53.43 juta. Lembaga tidak mempunyai bajet untuk peralatan dan mesin. Peralatan dan mesin tersebut mempunyai jangka hayat yang panjang. Peralatan dan mesin yang telah rosak atau tidak ekonomikal untuk diperbaiki akan diganti secara pembelian *adhoc* sahaja. Manakala bajet sejumlah RM14.16 juta dibuat bagi perolehan bahan kimia bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Perbelanjaan pengurusan loji rawatan air dibuat menggunakan rezab terkumpul Lembaga kerana tiada geran operasi diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Kedudukan peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Kedudukan Peruntukan Pengurusan Loji Rawatan Air

Perkara	Anggaran		
	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
Gaji, Upah Dan Elaun	2,921,100	2,823,400	2,556,300
Bahan Kimia	5,006,300	5,078,700	4,078,900
Bekalan Letrik	6,740,300	7,108,000	6,676,400
Bahan Api	36,000	81,000	84,500
Kos Perjalanan	9,000	11,000	10,000
Penyenggaraan Dan Pembaikan	1,692,400	1,806,700	1,845,200
Perbelanjaan Pejabat	48,000	47,000	46,000
Tuntutan Hitungan Batu	35,500	27,000	20,300
Pembelian Runcit	33,000	25,500	24,000
Kerja Kontrak	387,000	368,000	389,000
Royalti Air Mentah	1,103,700	1,157,400	1,156,600
Jumlah	18,012,300	18,533,700	16,887,200

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching


30.1.9 Keperluan Guna Tenaga Manusia Dan Latihan

Keperluan guna tenaga perlu dirancang dari semasa ke semasa dan ditentukan sama ada mencukupi untuk melaksanakan aktiviti Lembaga dengan teratur.

a) Struktur Organisasi

Pengurusan Lembaga Air Kuching diketuai oleh seorang Pengurus Besar Gred J54 dan dibantu oleh 551 kakitangan. Pengurusan harian Lembaga dibahagikan kepada 5 bahagian yang diketuai oleh ketua bahagian masing-masing. Bahagian tersebut adalah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kewangan, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal dan Kawalan Mutu Air, Bahagian Kawalan Kebocoran, Penyiasatan, Rekabentuk dan Pembangunan dan Bahagian Pengauditan Dalam. Bahagian yang terlibat secara langsung dengan pengurusan loji rawatan air adalah Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal dan Kawalan Mutu Air. Perjawatan tahun 1993 digunakan bagi melaksanakan pengurusan loji oleh Bahagian Perancangan, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal dan Kawalan Mutu Air yang diketuai oleh Timbalan Pengurus Besar Gred J48. Bahagian ini dibahagikan kepada 3 seksyen utama iaitu Seksyen Pentadbiran, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Seksyen Kawalan Mutu Air dan Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal. Kedudukan dan struktur Bahagian yang mengendalikan pengurusan loji rawatan air adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Kedudukan Dan Struktur Bahagian Yang Mengendalikan Pengurusan Loji Rawatan Air



Sumber : Fail Lembaga Air Kuching

Nota : - Bahagian yang mengendalikan pengurusan loji

b) Latihan

Bagi menjamin perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti, Lembaga menitikberatkan aspek latihan kakitangannya. Oleh itu, latihan yang berterusan diberi melalui latihan dalam dan luaran untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dengan pengurusan loji.

30.1.10 Penyenggaraan Loji Rawatan Air

Kerja penyenggaraan loji rawatan air di bawah tanggungjawab Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal. Kerja tersebut terbahagi kepada penyenggaraan rutin (*preventive*) dan penyenggaraan pembaikan (*corrective*) seperti ditetapkan dalam Dokumen Kualiti ISO 9001:2000.

a) Penyenggaraan Mesin Dan Peralatan

Unit Mekanikal di Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal akan melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap mesin dan peralatan di loji. Kerja penyenggaraan mesin dan peralatan akan melibatkan tindakan seperti menukar minyak pelincir motor, pembersihan mesin dan pemeriksaan terhadap pam seperti *submersible pump*, *centrifugal pump*, *alum metering pump*, *lime metering pump*, *polymer*, *water sampling pump* dan *back wash pump* untuk memastikan peralatan sentiasa berkeadaan baik dan berfungsi. Tindakan pembaikan akan dibuat sekiranya berlaku kerosakan. Kekerapan pemeriksaan peralatan dan mesin utama adalah seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Penyenggaraan Bahagian Mekanikal

Peralatan/Mesin	Kekerapan Pemeriksaan Tahunan (Kali)
<i>Metering Pump (Alum/Lime/Polymer)</i>	2-3
<i>Dilution Tank (Alum/Lime/Polymer)</i>	3
<i>Chlorinator</i>	3
<i>Ammoniator</i>	3
<i>Air Blower</i>	3
<i>Desludging Pump (Sedimentation Tank)</i>	3
<i>Mixers</i>	3
<i>Submersible Pump</i>	3
<i>Treated Water Pump</i>	2

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Unit Elektrikal pula bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyenggaraan elektrik seperti papan suis (*switchboard*) dan penjana kuasa tunggu sedia (*standby generator set*). Penyenggaraan papan suis dirancang dilakukan sebanyak 12 kali setahun secara berjadual bagi memastikan fius papan suis dalam keadaan baik dan berfungsi sekiranya terputus bekalan elektrik. Penyenggaraan penjana kuasa elektrik akan dibuat secara kaedah *loading* dan kaedah *free running*. Kaedah *loading* akan dibuat dengan menggunakan elektrik selama 1.5 jam dari penjana kuasa tunggu sedia tersebut untuk operasi loji manakala penyenggaraan *free running* hanya melibatkan menghidupkan penjana kuasa tunggu sedia selama 10 minit untuk memastikan keadaan berfungsi. Lembaga menetapkan jadual bagi pemeriksaan *loading* dan *free running* sebanyak 12 kali setahun. Selain itu, Lembaga juga menyediakan jadual penyenggaraan elektrik tahunan seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Jadual Penyenggaraan Elektrik Tahunan

Lokasi	Peralatan/Mesin	Kekerapan Pemeriksaan Setahun (Kali)
Loji I Batu Kitang	<i>Treated Water Pump House</i>	12
	<i>Chemical House</i>	6
	<i>Filter Gallery</i>	4
	<i>Generator House I</i>	6
	<i>Intake I</i>	6
Loji II Batu Kitang	<i>Treated Water Pump House</i>	12
	<i>Wash Water Room</i>	6
	<i>Filter Gallery</i>	3
	<i>Chemical House</i>	6
	<i>Generator House II</i>	6
	<i>Generator House III</i>	6
	<i>Intake II</i>	6
Loji III Batu Kitang	<i>Treated Water Pump House/Gen. IV</i>	12
	<i>North Chemical House</i>	6
	<i>South Chemical House</i>	6
	<i>Filter Gallery</i>	6
	<i>Intake III/ Gen. V</i>	6
	<i>Booster Pump House</i>	6

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

b) Penyenggaraan Tangki Pemendapan

Kerja-kerja penyenggaraan tangki pemendapan adalah menjadi tanggungjawab Unit Pengendalian Loji. Tanggungjawab Unit tersebut adalah untuk memastikan tangki pemendapan dibersihkan mengikut jadual yang ditetapkan dan apabila terdapat tahap sukatan pemendapan berada pada paras yang tinggi. Lembaga merancang membersihkan Loji I dan Loji II di Batu Kitang sebanyak 4 kali setahun manakala Loji III di Batu Kitang akan dibersihkan sebanyak 3 kali setahun. Pembersihan akan dijalankan sebanyak 2 kali setahun di Loji Matang kerana lumpur berkurangan disebabkan sumber air mentah dari bukit lebih bersih berbanding sumber air mentah dari sungai. Bagaimanapun, pembersihan juga dijalankan sekiranya terdapat tahap pemendapan pada paras yang tinggi.

30.1.11 Pelan Kecemasan

Rancangan kontinjenzi adalah penting untuk membolehkan sesebuah organisasi bergerak balas dengan berkesan terhadap sebarang keadaan kecemasan. Lembaga merancang akan bertindak seperti yang diperuntukkan oleh Pelan Kecemasan Untuk Menghadapi Kemarau dan Pelan Kecemasan Untuk Kejadian Krisis sekiranya berlaku kecemasan tertentu.

30.1.12 Kaedah Pemantauan

Kaedah pemantauan yang dirancang oleh Lembaga untuk memantau pengurusan loji rawatan air adalah secara bermesyuarat dan laporan berkala, penyeliaan pengurusan dan kajian pengguna. Aduan dari orang ramai juga merupakan mekanisme pemantauan Lembaga untuk menentukan keberkesanan pengurusan loji. Bagi tujuan tersebut, Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Aduan Dan Perkhidmatan Pelanggan dan Jawatankuasa Taskforce.

Pada pandangan Audit, perancangan keseluruhan Lembaga terhadap keberkesanan pengurusan loji rawatan air telah dibuat dengan baik dan teratur dan boleh membantu Lembaga mencapai objektifnya.

30.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan kerja hendaklah dibuat dengan cekap sebagaimana dirancang untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Di peringkat pelaksanaan pengurusan loji rawatan air, semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

30.2.1 Dasar Lembaga

Dasar Lembaga yang telah ditetapkan adalah untuk memberi kemudahan perkhidmatan bekalan air bersih kepada pengguna di kawasan Kuching. Semakan Audit mendapati pelaksanaan pengurusan loji rawatan air adalah selari dengan dasar yang digariskan.

Pada pendapat Audit, Lembaga telah mematuhi dasar yang telah ditetapkan.

30.2.2 Pelaksanaan Undang-undang Dan Peraturan

Bagi pelaksanaan pengurusan loji rawatan air, pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan adalah diperlukan untuk menjamin kelincinan operasinya. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga mematuhi undang-undang seperti Ordinan Air 1994 dan peraturan yang berkuatkuasa seperti Peraturan Bekalan Air 1995 dan dokumen kualiti ISO 9001:2000. Selain daripada mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut, Lembaga juga mematuhi Arahan Perbendaharaan serta arahan dan pekililing yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Pihak Audit berpendapat pengurusan loji rawatan air yang dilaksanakan oleh Lembaga adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

30.2.3 Pelaksanaan Komponen Pengurusan Loji Rawatan Air

a) Pengambilan Air Mentah

Pengurusan loji rawatan air dimulakan dengan pengambilan air mentah. Untuk tujuan tersebut, Lembaga telah mereka dan membina 3 *intake* dengan keupayaan keseluruhan sebanyak 443 juta liter sehari untuk menyedut air mentah dari Sungai Sarawak Kiri. Semakan Audit mendapati *Intake I* menyedut air mentah untuk Loji I, *Intake II* untuk Loji II dan *Intake III* untuk Loji III. Adalah didapati *Intake I* telah dinaiktaraf daripada keupayaan sebanyak 29 juta liter sehari menjadi 68 juta liter sehari. Kedudukan keupayaan pengambilan air mentah di *intake* berbanding keupayaan pengeluaran air dirawat di loji tersebut adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Keupayaan Intake Lembaga

Bil.	<i>Intake</i>	Keupayaan <i>Intake</i> (Jlh)		Keupayaan Loji (Jlh)	Perbezaan (Jlh)
		Direka	Naiktaraf		
1.	<i>Intake I</i>	29	68	68	-
2.	<i>Intake II</i>	110	110*	96	14
3.	<i>Intake III</i>	304	304*	200	104
	Jumlah	443	482	364	118

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

Nota: Jlh – Juta liter Sehari

* - Tidak dinaiktaraf


Analisis Audit mendapati keupayaan keseluruhan *Intake* melebihi keupayaan keseluruhan Loji di Batu Kitang sebanyak 118 juta liter sehari. Keadaan ini boleh menyebabkan pengambilan air mentah terpaksa dikurangkan. Dengan itu, objektif menaiktaraf keupayaan *Intake I* tidak dapat dioptimumkan pada masa kini. Pihak Audit mendapati kerja menaiktaraf adalah berterusan dan berpandukan kepada keperluan dan permintaan pengguna.

Pada pendapat Audit pengambilan air mentah adalah mencukupi untuk sasaran pengeluaran air dirawat.

b) Proses Rawatan Air

Proses rawatan air merupakan elemen penting bagi memastikan pengurusan loji dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan. Adalah didapati Lembaga ada menyediakan dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 bagi melaksanakan proses rawatan seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Proses Rawatan Air



Sumber : Fail Lembaga Air Kuching

Semakan Audit mendapati Lembaga mematuhi proses rawatan air seperti ditetapkan di dalam dokumen ISO. Semakan Audit selanjutnya mendapati skop dokumen kualiti bagi pengurusan loji hanya menyatakan proses kualiti untuk Loji Batu Kitang dan tidak meliputi Loji Matang. Walaupun begitu, semakan terhadap proses rawatan air mendapati kerja harian di Loji Matang menerima pakai panduan tersebut di mana relevan.

Pihak Audit berpendapat proses rawatan air di Loji Batu Kitang pada keseluruhannya telah dilaksanakan dengan memuaskan kerana telah mengikut peraturan dan dokumen kualiti ISO yang ditetapkan. Bagaimanapun, Lembaga boleh melengkapkan prosedur kualiti rawatan airnya dengan meluaskan skopnya termasuk Loji Matang.

c) **Ujian Makmal**

Seksyen Kawalan Mutu Air adalah bertanggungjawab terhadap kawalan mutu air. Seksyen ini menjalankan ujian kimia dan ujian bakteria terhadap air mentah dan air dirawat supaya mematuhi Standad Kualiti Air Minuman Kebangsaan. Lembaga menggunakan Program Kawalan Mutu Air Minuman Kebangsaan untuk mengawal dan memantau mutu air minuman yang dibekalkan kepada pengguna. Semakan Audit mendapati program tersebut digabungkan dengan program penyeliaan Lembaga menjadi Program Kawalan Mutu Air Lembaga. Tindakan tersebut adalah selaras dengan hasrat Lembaga untuk memastikan bahawa sampel yang diuji adalah seimbang dengan keluasan had kawasan bekalan air Lembaga. Oleh itu, selain daripada membuat ujian pada parameter dan lokasi yang ditetapkan oleh program kebangsaan, Lembaga telah membuat pemeriksaan terhadap sampel tambahan tertentu yang ditetapkan oleh Lembaga sendiri. Pada tahun 2005, Lembaga telah menjalankan ujian kandungan kimia terhadap 17,846 sampel dan ujian kandungan bakteria terhadap 4,973 sampel yang diambil dari lokasi tertentu. Manakala Program Kawalan Mutu Air Minuman menetapkan sebanyak 21,872 sampel hendaklah diuji kandungan kimia dan sebanyak 5,833 sampel hendaklah diuji kandungan bakterianya. Kedudukan sampel yang diuji oleh Lembaga dan Jabatan Kimia adalah seperti di **Jadual 63**.

Jadual 63
Bilangan Sampel Air Yang Diuji Oleh Makmal Lembaga
Dan Jabatan Kimia Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Parameter	Makmal Kawalan Mutu Air Lembaga (Bilangan Sampel)			Jabatan Kimia (Bilangan Sampel)		
	2003	2004	2005	2003	2004	2005
<i>Physico-chemical Examination</i>						
Intakes & Sources	805	781	965	32	34	46
Water Treatment Processes	12,910	12,454	12,440	-	-	-
Treatment Plant P.M.	1,602	1,623	1,543	64	71	72
Reservoirs & S. Tanks	797	507	773	65	43	68
Distribution System	1,594	1,603	1,704	136	155	160
Special Sample (Sg. Sarawak)	449	378	421	164	99	137
Jumlah	18,157	17,346	17,846	461	402	483
<i>Bacteriological Examination</i>						
Intakes & Sources	803	782	961	139	137	197
Treatment Plant P.M.	1,594	1,549	1,538	486	279	311
Reservoirs & S. Tanks	797	507	774	280	170	274
Distribution System	1,592	1,601	1,700	483	470	520
Special Sample (Sg. Sarawak)	-	-	-	149	99	137
Jumlah	4,786	4,439	4,973	1,537	1,155	1,439

Sumber: Laporan Tahunan Seksyen Kawalan Mutu Air

i) Ujian Kandungan Kimia

Ujian kandungan kimia dibuat untuk memastikan bahan kimia yang terdapat dalam air tidak melebihi kadar yang diluluskan. Bahan kimia dimaksudkan adalah seperti klorin, florida, nitrat, mangan dan aluminium. Ujian kandungan kimia dilaksanakan terhadap sampel air mentah diambil dari sungai sebanyak 2 hingga 3 kali seminggu manakala ujian dilakukan sekali setiap hari terhadap sampel air mentah dari *intake*, sampel air bertapis selepas proses penapisan dan sampel air dirawat dari tangki bersih. Jumlah sampel dan lokasi sampel diuji berdasarkan Program Kawalan Mutu Air Lembaga. Semakan terhadap sampel laporan pemeriksaan air dirawat dari tangki air bersih Loji II Modul 4 dan Loji III Modul 5 di Batu Kitang bagi 6 bulan mendapat ujian telah dilaksanakan seperti ditetapkan dan setiap ketidakpatuhan (*violation*) telah diambil tindakan pembaikan. Air dirawat yang didapati mengandungi bahan kimia melebihi standad ditetapkan adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Air Dirawat Yang Didapati Mengandungi
Bahan Kimia Melebihi Standad Ditetapkan

Bil.	Lokasi	Tarikh Ujian	Kandungan Bahan Kimia (Had Maksimum)	
			Fluorida (0.5 – 0.7 mg seliter)	Aluminium (0.2 mg seliter)
1.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	10.05.03	0.80	
2.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	21.05.03		0.25
3.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	23.05.03		0.35
4.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	27.05.03		0.25
5.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	01.12.04		0.23
6.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	10.12.04		0.23
7.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	11.12.04		0.25
8.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	13.12.04		0.25
9.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	08.04.05		0.23
10.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	09.08.04	0.85	
11.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	19.08.04	0.80	
12.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	04.03.05	0.75	
13.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	07.03.05	0.75	

Sumber: Laporan Pemeriksaan Physico-chemical Dan Bacteriological Oleh Bahagian Kawalan Mutu Air

Analisis mendapati kes kandungan fluorida dan aluminium pada tahap melebihi had maksimum merupakan kes yang terpencil. Oleh itu, kualiti air dirawat adalah tidak terjejas.

ii) Ujian Kandungan Bakteria

Ujian kandungan bakteria dilaksanakan untuk memastikan air minuman bebas daripada bakteria dan selamat digunakan. Untuk tujuan ini, Lembaga melaksanakan ujian *Coliform* dan ujian *E Coli* untuk mempastikan tiada kandungan *coliform* dan *E Coli* dalam setiap 100 milimeter sampel masing-masingnya. Ujian tersebut dilakukan sebanyak 2 hingga 3 kali seminggu terhadap sampel air mentah yang diambil dari sungai manakala ujian terhadap sampel air mentah dari *intake*, sampel air yang telah ditapis selepas proses penapisan dan sampel air dari tangki air bersih dilakukan sekali setiap hari. Semakan Audit terhadap laporan ujian kandungan bakteria untuk air dirawat di Loji Batu Kitang bagi 6 bulan mendapati sebanyak 30 kes mengandungi bakteria *Coliform* dan 20 kes mengandungi bakteria *E Coli*. Semakan lanjut mendapati tindakan pemberian telah dibuat dan direkod dengan kemas kini dan teratur. Lokasi sampel air yang mengandungi bakteria tersebut adalah seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Sampel Air Dirawat Yang Mengandungi Bakteria

Bil.	Parameter		<i>Coliform</i>	<i>E.Coli</i>
	<i>Standard</i>		<i>Must not be detected in any 100 ml sample (CFU/ml)</i>	<i>Absent in 100 ml sample (CFU/ml)</i>
	Lokasi di Loji Batu Kitang	Tarikh Ujian Air		
1.	Loji II Modul 4	05.05.03	8	2
2.	Loji II Modul 4	16.05.03	2	0
3.	Loji II Modul 4	21.05.03	2	2
4.	Loji II Modul 4	22.05.03	2	2
5.	Loji II Modul 4	23.05.03	8	8
6.	Loji II Modul 4	27.05.03	2	2
7.	Loji II Modul 4	03.12.04	4	4
8.	Loji II Modul 4	07.12.04	23	8
9.	Loji II Modul 4	09.12.04	8	8
10.	Loji II Modul 4	10.12.04	4	4
11.	Loji II Modul 4	11.12.04	4	4
12.	Loji II Modul 4	14.12.04	4	4
13.	Loji II Modul 4	15.12.04	2	2
14.	Loji II Modul 4	16.12.04	8	8
15.	Loji II Modul 4	17.12.04	2	2
16.	Loji II Modul 4	20.12.04	2	2
17.	Loji II Modul 4	22.12.04	2	0
18.	Loji II Modul 4	27.12.04	2	0
19.	Loji II Modul 4	28.12.04	16	16
20.	Loji II Modul 4	29.12.04	2	0
21.	Loji II Modul 4	01.04.05	4	4
22.	Loji II Modul 4	04.04.05	16	0
23.	Loji II Modul 4	05.04.05	4	0
24.	Loji II Modul 4	07.04.05	2	2
25.	Loji II Modul 4	08.04.05	4	2
26.	Loji II Modul 4	09.04.05	2	0
27.	Loji II Modul 4	11.04.05	2	0
28.	Loji II Modul 4	13.04.05	8	8
29.	Loji III Modul 5	01.03.05	2	0
30.	Loji III Modul 5	17.03.05	2	2

Sumber: Laporan Pemeriksaan Physico-chemical dan Bacteriological Oleh Bahagian Kawalan Mutu Air

Nota : ml - mililiter
 CFU/ml - Colony Forming Units/mililiter

Ujian kandungan bakteria yang dilaksanakan oleh Lembaga adalah berdasarkan ujian kehadiran/ketidakhadiran bakteria (*Colony Forming Units present/absent test*). Analisis Audit mendapati 30 kes kandungan bakteria tersebut belum pada tahap kritikal kerana pencemaran tidak berlaku secara berturusan.

iii) Ujian pH/Ujian Warna/Ujian Kekeruhan/Ujian Klorin/Ujian Florida

Ujian pH adalah untuk menentukan tahap pH air adalah antara 5.5 hingga 9. Ujian Warna dan Ujian Kekeruhan (*turbidity*) adalah untuk menentukan kejernihan air. Mengikut piawaian yang diluluskan, warna hendaklah antara 5 hingga 300 Hazen manakala kekeruhan hendaklah antara 5 hingga 1000

Nephelometric Turbidity Unit (NTU) bagi air yang belum dirawat dan kurang daripada 5 NTU bagi air dirawat. Ujian tersebut dilaksanakan sekali setiap 2 jam terhadap air mentah, air mendap (air dari tangki pemendapan), air tertapis (air dari petak loji penapisan) dan air dirawat. Manakala ujian klorin dan ujian florida dilakukan ke atas air dirawat sahaja. Ujian klorin adalah untuk menentukan kandungan klorin tidak melebihi 2.5 mg bagi seliter air dan ujian florida bagi menentukan kandungan florida tidak melebihi 0.7 mg bagi seliter air. Semakan Audit ke atas Laporan Analisis Air Bersih dan Laporan Analisis Air Mentah/Air Mendap/Air ditapis secara persampelan mendapat ujian tersebut telah dijalankan dan direkod sekali setiap 2 jam. Adalah didapati ketidakpatuhan yang paling kerap berlaku adalah berkaitan tahap kandungan klorin dalam air dirawat. Semakan lanjut mendapat tindakan pemberian telah diambil oleh Lembaga untuk menyesuaikan kandungan klorin seperti had maksimum yang ditetapkan. Butiran ketidakpatuhan adalah seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66
Air Dirawat Yang Didapati Mengandungi Tahap Klorin Yang Melebihi Had Yang Ditetapkan

Bil.	Lokasi	Tarikh Ujian	Jam	Klorin (Had Maksimum 2.0 – 2.5 mg Seliter)
1.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.11.03	1600	2.6
2.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	1.11.03	1000	2.6
3.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	1.11.03	0800	2.6
4.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	5.11.03	2200	2.6
5.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	5.11.03	2300	2.8
6.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	5.11.03	0200	2.8
7.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	4.11.03	2200	2.6
8.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	4.11.03	2400	2.6
9.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	4.11.03	0600	2.6
10.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	5.11.03	1000	2.6
11.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	5.11.03	1200	2.6
12.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	5.11.03	1400	2.6
13.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	5.11.03	1600	2.6
14.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	5.11.03	1800	2.7
15.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	8.11.03	2200	2.6
16.	Loji III Modul 6 Batu Kitang	8.11.03	2400	2.6
17.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.08.04	0600	2.6
18.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	3.08.04	1400	2.8
19.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	10.8.04	2200	2.6
20.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	11.8.04	2000	2.6
21.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	12.8.04	1600	2.6
22.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	12.8.04	1800	2.6
23.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	12.8.04	2000	2.6
24.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	12.8.04	0600	2.6
25.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	13.8.04	0800	2.6
26.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	17.8.04	0400	2.6
27.	Loji III Modul 5 Batu Kitang	18.8.04	1000	2.6
28.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	1.02.05	0800	2.6
29.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	1.02.05	2200	2.6
30.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	1.02.05	0600	3.0
31.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	2.02.05	2400	2.6
32.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	3.02.05	1200	2.8
33.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	3.02.05	1400	2.8
34.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	3.02.05	1800	3.0
35.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	3.02.05	2000	3.0
36.	Loji II Modul 3 Batu Kitang	3.02.05	0600	2.6
37.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	6.02.05	1200	2.8
38.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	6.02.05	1400	2.8
39.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	6.02.05	1600	2.8
40.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	6.02.05	1800	2.8
41.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	8.02.05	1000	2.6
42.	Loji II Modul 4 Batu Kitang	8.02.05	1200	2.6
43.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	1.02.05	0800	2.6
44.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	4.02.05	1800	2.6
45.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	4.02.05	2000	2.6
46.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	4.02.05	2200	2.6
47.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.02.05	1800	2.6
48.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.02.05	2000	2.6
49.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.02.05	2400	2.6
50.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	5.02.05	0200	2.6
51.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	6.02.05	2000	2.6
52.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	6.02.05	2200	2.6
53.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	6.02.05	0200	2.6
54.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	6.02.05	0400	2.6
55.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	7.02.05	0800	2.6
56.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	8.02.05	0800	2.6
57.	Loji I Modul 1 & 2 Batu Kitang	8.02.05	2400	2.6
58.	Loji Matang	1.02.05	1000	3.0
59.	Loji Matang	5.02.05	0600	3.0

Sumber: Laporan Analisis Air Bersih Lembaga Air Kuching

Analisis Audit terhadap 59 kes tersebut mendapati Lembaga menggunakan 1 hingga 3 hari untuk menyesuaikan kandungan klorin seperti had maksimum yang ditetapkan. Penggunaan air yang mengandungi klorin berlebihan had maksimum boleh mendedahkan pengguna kepada risiko kesihatan tertentu. Bagaimanapun, kes tersebut belum pada tahap kritis kerana tidak berlaku secara berterusan dalam tempoh yang panjang.

Pada pendapat Audit, ujian makmal telah dilaksanakan dengan memuaskan dan teratur selaras dengan kehendak dokumen ISO 9001:2000. Pihak Audit juga berpendapat ujian makmal boleh memberi jaminan bahawa kualiti air yang dirawat adalah bersih dan selamat diminum.

30.2.4 Pelaksanaan Kerja Kontrak

Semua kerja berhubung dengan pengurusan loji rawatan air harian dilaksanakan oleh kakitangan Lembaga kecuali kerja memotong rumput di kawasan loji, kerja mengisi, membancuh, menyediakan bahan kimia rawatan air dan kerja membersihkan tangki larutan bahan kimia serta kerja mengangkat dan menyusun bahan kimia diserahkan kepada kontraktor. Seksyen Operasi Loji bertanggungjawab menyelia pelaksanaan kerja mengangkat dan menyusun bahan kimia. Kerja penyediaan bahan kimia untuk rawatan air adalah di bawah penyeliaan Seksyen Kawalan Mutu Air. Pada tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 10 perjanjian telah ditandatangani dengan seramai 4 kontraktor yang dipilih secara sebut harga untuk tujuan tersebut.

Semakan Audit mendapati kepentingan Lembaga dilindungi dengan penetapan ikatan bon dan hak Lembaga untuk memanggil pihak ketiga untuk pelaksanaan kerja sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja ditetapkan. Perbelanjaan pihak ketiga akan ditanggung oleh kontraktor tersebut. Semakan lanjut mendapati kerja dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikuti perjanjian yang ditandatangani. Bagaimanapun, borang penyediaan bahan kimia untuk rawatan air yang digunakan oleh kontraktor tidak menepati borang yang ditetapkan dalam dokumen kualiti ISO 9001:2000. Pihak Audit dimaklumkan bahawa borang seperti ditetapkan dalam dokumen ISO digunakan pada masa kerja tersebut dilaksanakan oleh Lembaga sendiri.

Selain itu, semakan terhadap sampel Audit juga mendapati kuantiti bagi 4 jenis bahan kimia yang digunakan untuk rawatan air tidak menepati kuantiti yang ditetapkan oleh dokumen ISO. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kuantiti bahan kimia digunakan adalah bergantung kepada kualiti air mentah diperolehi. Penggunaan kuantiti bahan kimia yang tidak menepati dokumen ISO adalah seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Penggunaan Bahan Kimia Yang Tidak
Menepati Dokumen ISO Pada November 2004

Loji	Butiran Kerja Rawatan	Kuantiti		Perbezaan (kg)
		Ditetapkan oleh ISO (kg)	Purata Penggunaan Harian (kg)	
Loji I Batu Kitang	Penyediaan Aluminium Sulphate untuk rawatan	2,000	870	1,130
Loji II Batu Kitang	Penyediaan Aluminium Sulphate untuk rawatan	1,500	1,500	-
Loji III Batu Kitang	Penyediaan Aluminium Sulphate untuk rawatan	2,500	2,017	483
Loji I Batu Kitang	Penyediaan Hydrated Lime (primary)	750	628	122
Loji II Batu Kitang	Penyediaan Hydrated Lime (primary)	375	334	41
Loji III Batu Kitang	Penyediaan Hydrated Lime (primary)	450	450	-

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Pihak Audit berpendapat, kerja penyediaan bahan kimia untuk rawatan air tidak memerlukan kerja teknikal dan boleh dilaksanakan oleh Lembaga. Lembaga hendaklah mengambil kira ciri keselamatan dalam tindakan menyerahkan kerja mengisi dan membancuh bahan kimia kepada pihak swasta. Selain itu, Lembaga hendaklah mengkaji dokumen kualiti berkaitan dengan pelaksanaan kerja kontraktor dan menetapkan semula kuantiti bahan kimia yang diperlukan untuk rawatan air.

30.2.5 Pengeluaran Dan Kualiti Air

Penetapan sasaran adalah penting untuk memastikan pengurusan loji rawatan air dapat dilaksanakan dengan teratur dan mencapai objektifnya.

a) Pengeluaran Air

Lembaga menetapkan jumlah pengeluaran air dirawat harian adalah mencukupi dan tidak melebihi 5% daripada jumlah penggunaan harian. Pada tahun 2005 Lembaga mengeluarkan air dirawat sebanyak 115,439 juta liter untuk dibekalkan kepada 115,023 pengguna. Purata pengeluaran air dirawat bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 adalah antara 290 juta liter sehari hingga 316 juta liter sehari atau 67% hingga 73% daripada jumlah keupayaan pengeluaran loji seperti di **Jadual 68**.

Jadual 68
Purata Pengeluaran Air

Bil.	Loji Rawatan Air	Keupayaan (Jlh)	Purata Pengeluaran					
			2003 (Jlh)	%	2004 (Jlh)	%	2005 (Jlh)	%
1.	Loji I Batu Kitang	68	34	50	36	53	37	54
2.	Loji II Batu Kitang	96	93	97	95	99	101	105
3.	Loji III Batu Kitang	200	156	78	168	84	170	85
4.	Loji Matang	16	7	44	9	56	8	50
Jumlah		380	290	67	308	73	316	74

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

Nota: Jlh: Juta liter sehari

Semakan Audit mendapati pengeluaran air dirawat adalah mencukupi untuk dibekalkan dalam had kawasan bekalan Lembaga pada tahun 2003 hingga 2005. Selain itu, jumlah pengeluaran air dirawat harian tidak melebihi 5% daripada jumlah purata penggunaan seperti ditetapkan. Kedudukan pengeluaran dan penggunaan air dirawat adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Pengeluaran Dan Penggunaan Air

Tahun	Sasaran Pengeluaran Air Tahunan	Purata Pengeluaran Air Harian (Jlh)	Purata Penggunaan Air Harian (Jlh)
2003	288	290	290
2004	302	308	308
2005	324	316	316

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

Nota :JI – Juta liter, Jlh – Juta liter sehari

Pihak Audit berpendapat Lembaga telah berjaya mencapai sasaran pengeluaran air bersih yang ditetapkan.

b) Kualiti Air Dirawat

Lembaga menyediakan pelbagai laporan harian dan bulanan seperti dikehendaki oleh dokumen ISO untuk memastikan kualiti air dirawat adalah terjamin dan mengikut standard yang ditetapkan. Laporan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Laporan Persampelan Air Mentah
- Laporan Persampelan Air Reservoir
- Laporan Persampelan Air Sistem Pengagihan
- Laporan Analisis *Physico-Chemical* Loji Pembersihan Air
- Laporan Analisis *Physico-Chemical* Air Mentah Sungai Sarawak/Reservoir
- Laporan Analisis *Physico-Chemical* Sistem Pengagihan

- *Bacteriological, Biochemical Oxygen Demand & Suspended Solids Analysis Report*
- Laporan Analisis Harian
- Ringkasan Laporan Harian
- Laporan Kemajuan Harian/Laporan Operasi
- Laporan Rumah Bahan Kimia
- Laporan Tangki Percampuran
- Laporan Analisis Air Bersih
- Laporan Analisis Air Mentah/Air Mendap/Air Tertapis

Semakan Audit terhadap laporan tersebut mendapati ianya telah disemak dan dibuat pemantauan yang rapi oleh Lembaga. Selain itu, adalah didapati kualiti air yang dikeluarkan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan dan selamat untuk diminum.

Pada pendapat Audit, pengurusan loji rawatan air yang berkesan telah membantu Lembaga mencapai sasaran kualiti air dirawat yang ditetapkan.

30.2.6 Pengunaan Kemudahan Loji Rawatan Air

Kemudahan yang terdapat di Lembaga untuk rawatan air antaranya adalah terdiri daripada 3 buah *intake*, empat buah loji rawatan air, tujuh buah tangki air bersih dan 13 buah kolam air. Pemeriksaan Audit terhadap penggunaan loji mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a) Loji I Batu Kitang

Loji I Batu Kitang merangkumi 2 Modul iaitu Modul 1 dan Modul 2.

i) Kerja Menaik Taraf Loji

Pada tahun 1999, Lembaga telah menaiktaraf keupayaan pengeluaran Loji I Batu Kitang daripada 27 juta liter sehari menjadi 68 juta liter sehari dengan kos sejumliah RM15.65 juta. Bagaimanapun, pam air bersih yang mempunyai keupayaan mengeluarkan air dirawat sebanyak 40 juta liter sehari tidak dinaiktaraf. Oleh itu, Lembaga terpaksa mengurangkan pengeluaran air bagi Loji I Batu Kitang. Justeru itu, tangki pemendapan Modul 2 dibiar tidak digunakan. Keadaan ini menunjukkan berlaku pembaziran terhadap pembinaan dan naiktaraf Loji I Batu Kitang. Selain itu, Lembaga tidak menyediakan pam air bersih alternatif sekiranya berlaku kecemasan walaupun

pada sepanjang tempoh audit atau tahun sebelumnya didapati tiada kerosakan berlaku pada pam tersebut.

ii) Penapis

Lembaga menggunakan pasir sebagai media untuk menapis air yang telah dirawat. Bagi tujuan tersebut, Lembaga menggantikan dan mengisi pasir dengan kos sejumlah RM900,000 untuk 9 penapis di Loji I Batu Kitang semasa kerja menaiktaraf pada tahun 1998. Daripada jumlah tersebut, hanya 5 penapis digunakan manakala baki 4 penapis tidak digunakan kerana jumlah air yang dirawat terpaksa dikurangkan disebabkan ketidakupayaan pam di tangki air bersih untuk mengepam keluar air dirawat ke sistem pengagihan bagi mengelakkan air terlimpah. Keadaan ini menunjukkan kos naiktaraf sejumlah RM900,000 bagi menggantikan dan mengisi pasir untuk 9 penapis air tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya.

iii) Sistem Pembuangan Lumpur (*Desludging System*)

Sistem pembuangan lumpur yang berkesan membolehkan sesebuah loji beroperasi dengan cekap dan berkesan supaya tidak memerlukan pembersihan loji dari semasa ke semasa kecuali pembersihan yang dijadualkan. Mengikut perjanjian yang dimeterai, kontraktor dikehendaki untuk membekal dan memasang *sludge scrapper* yang sesuai berharga RM400,000 bagi membuang lumpur yang mendap di tangki pemendapan Loji I Batu Kitang. Pemasangan peralatan tersebut akan membolehkan pembuangan lumpur secara automatik. Bagaimanapun, atas cadangan kontraktor dan dipersetujui oleh Perunding, pihak kontraktor telah tidak memasang alat tersebut yang dianggarkan bernilai RM400,000 kerana alat tersebut dikatakan tidak sesuai digunakan di Loji I Batu Kitang. Justeru, pihak kontraktor dengan dipersetujui oleh Lembaga telah bersetuju untuk memasang sistem lain iaitu menggunakan kaedah sedutan untuk menggantikan *sludge scrapper*. Semakan Audit mendapati kaedah sedutan tersebut tidak berfungsi dengan sepatutnya kerana sering tersumbat. Pembuangan lumpur masih perlu dijalankan secara manual dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali setiap 2 bulan disebabkan sistem yang sedia ada sentiasa tersumbat dan tidak berkemampuan untuk membuang lumpur tersebut.

iv) Pemasangan *Actuator Elektronik*

Lembaga telah memasang 10 buah *actuator* elektronik berjumlah RM184,770 bagi membuka dan menutup *valve* penapis untuk mengeluarkan kotoran semasa pembersihan tangki pemendapan. Tujuan pemasangan tersebut adalah bagi

mengautomasikan sistem pembersihan tangki pemendapan. Bagaimanapun, adalah didapati 5 buah *actuator* daripada jumlah tersebut telah rosak dan belum diperbaiki pada masa pengauditan dijalankan. Pihak Audit dimaklumkan peralatan tersebut telah rosak sejak awal tahun 2005.

Petak loji penapis di Loji I Modul 1 Batu Kitang juga dipasang dengan 14 buah *actuator* elektronik bernilai RM258,678. Semakan Audit mendapati 4 buah daripada 14 buah *actuator* daripada jumlah tersebut yang bernilai RM73,908 telah rosak sejak awal tahun 2005. Pihak Audit dimaklumkan pemasangan *actuator* elektronik tidak sesuai dengan *valve* penapis yang lama dan berkarat di Loji I Modul 1 Batu Kitang. Pada masa pengauditan dijalankan, Lembaga menggunakan *actuator* manual sebagai ganti. **Foto 50** menunjukkan *actuator* elektronik digantikan dengan *actuator* manual dan **Foto 51** menunjukkan *valve* penapis di Loji I Batu Kitang yang berkarat.

Foto 50
Actuator Elektronik Yang Rosak Digantikan Dengan Actuator Manual



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Sawangan Sarawak
Tarikh : 13 Julai 2005
Lokasi : Loji I Batu Kitang

Foto 51
Valve Penapis Yang Berkarat
(Pandangan Dari Atas)



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh: 13 Julai 2005

Lokasi: Loji I Batu Kitang

v) ***Incline Plate***

Pada tahun 1999, Lembaga memasang 8 set *Incline Plate* dengan kos berjumlah RM2.50 juta semasa kerja menaiktaraf untuk memerangkap lumpur (*floc*) di tangki pemendapan Loji I Batu Kitang. Pemeriksaan Audit mendapati 1 set *incline plate* tidak dipasang di tangki pemendapan tetapi dibiarkan terbengkalai di tepi loji disebabkan *incline plate* tersebut telah runtuh sejak akhir tahun 2004. Pemeriksaan Audit dijalankan pada Julai 2005 mendapati, Lembaga belum mengambil tindakan untuk memasang semula *incline plate* tersebut seperti di **Foto 52** dan **Foto 53**.

Foto 52
Incline Plate Tidak Dipasang



Foto 53
Incline Plate Ada Dipasang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : Julai 2005

Lokasi: Loji I Batu Kitang

vi) Keupayaan *Switchboard* di *Intake I*

Menurut Perunding Mekanikal & Elektrik bagi Loji I Batu Kitang, *Intake I* hanya berupaya mencapai 68 juta liter sehari sekiranya 2 *low lift pump*, 2 submersible pump dan 1 *horizontal pump* beroperasi serentak pada sesuatu masa. Pemeriksaan selanjutnya oleh pihak perunding setelah meneliti ‘*as-built*’ drawings, mendapati keupayaan *switchboard* di *Intake I* hanya terhad kepada 700 Amp. Menurut Jurutera Eksekutif Lembaga, sekiranya keseluruhan set pam dan peralatan elektronik lain digunakan sepenuhnya semasa paras air sungai rendah, keupayaan yang diperlukan untuk menjalankannya adalah pada sekitar 800 Amp. Bagaimanapun Loji I Batu Kitang boleh dibekalkan dengan air mentah melalui *cross pipe* daripada *Intake III*.


Pihak Audit berpendapat Lembaga hendaklah mengambil tindakan segera bagi memastikan barang yang digunakan untuk pengurusan Loji I Batu Kitang adalah bersesuaian dengan keperluan serta mengambil kira keupayaan bekalan elektrik dan peralatan lain di *Intake I* sebelum kerja menaiktaraf loji dijalankan.

b) Kelemahan Di Loji II Batu Kitang

Loji II Batu Kitang dilengkapi dengan 2 buah *Sludge Travelling Bridge* dengan kos sejumlah RM466,752 untuk pembersihan tangki pemendapan. Pihak Audit mendapati 2 buah *Sludge Travelling Bridge* tersebut tidak berfungsi semenjak tahun 1998. Keadaan tersebut menyebabkan keperluan pembersihan manual sebanyak

sekali dalam tempoh 3 bulan berbanding sekali dalam tempoh 4 bulan sekiranya *Sludge Travelling Bridge* berkeadaan berfungsi. **Foto 54** menunjukkan *Sludge Travelling Bridge* yang tidak berfungsi.

Foto 54
Sludge Travelling Bridge Di Loji II



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 13 Julai 2005
Lokasi : Loji II, Batu Kitang

Pada pendapat Audit, peralatan *Sludge Travelling Bridge* adalah penting dalam pengurusan rawatan air dan haruslah dijaga dan disenggara dengan baik supaya dapat beroperasi dengan berkesan.

c) Perbandingan Kos Pasir Yang Diperolehi

Lembaga menggunakan penapis *multimedia* semasa proses penapisan untuk merawat air. Penapis tersebut menggunakan pasir untuk menapis dan mengasingkan *suspended matter* dan *micro organism* daripada air untuk dirawat. Semakan Audit mendapati gred dan spesifikasi pasir yang digunakan bagi Loji I, Loji II, Loji III dan Loji IV di Batu Kitang yang sedang dibina adalah sama berdasarkan kepada rekod BQ tetapi pada kos berlainan. Butiran jenis dan kos pasir adalah seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Kos Pasir (Media Penapis)

Loji Rawatan Air	Keupayaan (Juta Liter Sehari)	Kos (RM)	Gred Pasir			
			Minimum Depth	Uniformity Co-efficient	Grading	Kriteria Utama
Loji I (Modul 1 & 2) Batu Kitang	68 Jlh (9 filter)	900,000	1:600mm – 1:800mm	Not exceed 1.5 (BS sieve 14 to 25)	0.9mm – 1.0mm	Composed of hard durable grains quartz or silica sand free from clay, loam and organic material. Contain no iron or manganese.
Loji II (Modul 4) Batu Kitang	96 Jlh (6 filter)	100,138	1:1000mm	Less than 1.45	0.85mm – 0.95mm	Hard, durable, uncoated grains, and shall contain not more than 5% of flat particles and not more than a total of 1% of clay, loam, dust and other foreign matter.
Loji III (Modul 5 & 6) Batu Kitang	200 Jlh (16 filter)	390,000	1:650mm	Less than or equal to 1.4	0.55mm	Nil.
Loji IV (Modul 7) Batu Kitang - Dalam proses pembinaan	100 Jlh (8 filter)	153,839	1:900 mm	Less than 1.4 (8/22 BS 410 sieves)	0.8mm – 0.95mm	Hard grained quartz or silica sand having no constituent in any way friable or liable to mechanical breakdown during handling and use. The sand shall not contain organic matter, clay or silt.

Sumber: Rekod Kontrak Lembaga Air Kuching

Pihak Audit berpendapat kos pasir yang diperolehi untuk Loji I Batu Kitang adalah sangat tinggi dan tidak munasabah memandangkan Loji I Batu Kitang hanya menggunakan 9 buah penapis dengan kos pasir sejumlah RM900,000 berbanding Loji III yang menggunakan 16 buah penapis dengan kos pasir sejumlah RM390,000.

30.2.7 Pelaksanaan Pelan Kecemasan

a) Pelan Kecemasan Bagi Menghadapi Kemarau

Adalah didapati Lembaga telah menyediakan pelan kecemasan bagi menghadapi situasi ketidakcukupan sumber air mentah seperti berlakunya kemarau. Pelan kecemasan tersebut disediakan pada awal tahun 2004 dengan kerjasama pihak Cawangan Bekalan Air Jabatan Kerja Raya Sarawak, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd.. Antara lain, pelan tersebut memberi panduan untuk pemantauan kualiti air, memastikan penjana kuasa tunggu sedia dan pam berada dalam keadaan berfungsi dan memberi arahan untuk memberhentikan operasi semua pam air mentah bagi mengelakkan kerosakan kepada pam tersebut sekiranya tahap air di sungai menurun kepada tahap kritikal. Antara Agensi lain yang terlibat dalam keadaan kecemasan adalah Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar yang berperanan mengeluarkan notis memaklumkan orang awam terhadap

bahayanya penggunaan bahan kimia untuk aktiviti penangkapan ikan di sungai dan Lembaga Sungai-sungai Sarawak yang akan memberi bantuan untuk mengawal segala aktiviti haram di kawasan berhampiran *intake*. Pada tahun 2003 hingga 2005 sumber air mentah adalah mencukupi untuk penggunaan dan tiada berlakunya kemarau. Semakan Audit mendapati tiada analisis dibuat untuk mengenalpasti selama beberapa hari operasi kecemasan tersebut dapat dijalankan sekiranya berlaku kemarau.

Pihak Audit berpendapat, pelan kecemasan terhadap ketidakcukupan sumber air mentah disediakan dengan jelas dan teliti. Untuk mempertingkatkan lagi pelan yang telah dibuat, Lembaga boleh dilengkapkan dengan maklumat penting seperti bilangan hari sumber air mentah dapat menampung penggunaan sekiranya berlaku kemarau.

b) Pelan Kejadian Krisis

Lembaga mengguna pakai pelan yang diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Badan Bekalan Air Sarawak untuk menghadapi kejadian krisis seperti berikut:

- i) masalah kualiti air yang mengandungi tahap bakteria dan bahan kimia tinggi yang boleh menyebabkan risiko kesihatan pengguna;
- ii) masalah berleluasa berkaitan kualiti fizikal air; dan
- iii) gangguan bekalan air yang berpanjangan dan berleluasa yang diakibatkan oleh masalah di loji rawatan air atau sistem pengagihan bekalan air.

Antara lain, pelan tersebut merangkumi prosedur pengurusan krisis seperti prosedur penyebaran maklumat kepada orang awam semasa kejadian krisis, prosedur mengenalpastikan air telah dicemari, tindakan pemberian sekiranya air tidak selamat digunakan dan tindakan mengeluarkan bahan pencemar dari air.

Pihak Audit berpendapat Pelan Kejadian Krisis adalah memadai untuk menghadapi kejadian krisis tertentu.

30.2.8 Pengurusan Bahan Kimia Untuk Rawatan Air

Lembaga memperolehi bahan kimia seperti *Aluminium Sulphate*, *Hydrated Lime*, *Sodium Silicofluoride*, *Sodium Silicate*, Klorin, Amonia, *Polymer Coagulant (Superfloc)*, *Polymer Flocculant (Praestol 2530)*, *Natrium Bicarbonate* dan *Calcium Hypochloride* untuk rawatan air. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan bahan kimia mendapati:

a) Penyimpanan Bahan Kimia

Adalah didapati Lembaga menyediakan 5 stor berasingan untuk menyimpan bahan kimia rawatan air dan barang pejabat seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71
Stor Bahan Kimia

Stor	Bahan Kimia
1.	<i>Sodium Silicofluoride, Sodium Silicate & Superfloc</i>
2.	<i>Store Office & Other Items</i>
3.	<i>Anhydrous Ammonia & Hydrated Lime</i>
4.	<i>Aluminium Sulphate & Calcium Hypochloride</i>
5.	<i>Liquid Chlorine</i>

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Semakan Audit mendapati bahan kimia telah disimpan dengan baik dan teratur. Kad Stok yang diselenggara untuk stor masing-masing adalah kemas kini. Bagaimanapun, lawatan pemeriksaan ke Stor 1 mendapati bumbung stor bocor. Pihak Audit dimaklumkan kebocoran ini berlaku sejak tahun 2004. Keadaan ini boleh merosakkan kualiti bahan kimia sekiranya dimasuki air. Penyimpanan bahan kimia yang teratur adalah seperti di **Foto 55**.

Foto 55
Penyimpanan Bahan Kimia Yang Teratur Di Stor 3



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : Julai 2005

Lokasi: Stor Bahan Kimia Batu Kitang

Pihak Audit berpendapat penyimpanan bahan kimia yang teratur haruslah diteruskan. Bagaimanapun, tindakan segera hendaklah diambil untuk memperbaiki kebocoran bumbung stor yang bocor.

b) Perolehan Bahan Kimia

Pada tahun 2003 hingga 2005, Lembaga menandatangani sebanyak 7 perjanjian berjumlah RM8.78 juta untuk bekalan bahan kimia seperti di **Jadual 72**.

Jadual 72
Butiran Perolehan Bahan Kimia

Bil.	Jenis Bahan Kimia	Kuantiti	Harga/unit (RM)	Amaun (RM)	Pesanan No./ Tempoh
1.	Aluminium Sulphate	8100 M.T.	516.50	4,183,650	KWB/LI/174/2003 To KWB/LI/185/2003 (Sept.2003-April 2005)
2.	Hydrated Lime	2900 M.T.	358	1,038,200	KWB/LI/186/2003 To KWB/LI/195/2003 (Sept.2003-Mac 2005)
3.	Sodium Silicofluoride	222,000 Kg.	1.28	284,160	KWB/LI/196/2003 To KWB/LI/199/2003 (Sept.2003-Mac 2005)
4.	Polymer Flocculant (Praestol 2530)	9,000 Kg.	11.75	105,750	KWB/LI/200/2003 To KWB/LI/203/2003 (Sept.2003-Mac 2005)
5.	Polymer Coagulant (Superfloc)	15,200 Kg.	8.00	121,600	KWB/LI/204/2003 To KWB/LI/207/2003 (Sept.2003-Mac 2005)
6.	Amonia	197,880 Kg.	3.40	672,792	KWB/LI/289/2003 To KWB/LI/300/2003 (Mei 2004- Mac2006)
7.	Klorin (930 Kg. Pak) Klorin (68 Kg. Pak)	736,560 Kg. 13,192 Kg.	3.10 6.50	2,283,336 85,748	KWB/LI/3/2004 to KWB/LI/18/2004 (Mei 2004 – Mac2006)

Sumber: Rekod Kontrak Lembaga Air kuching

Semakan Audit mendapati perolehan dibuat melalui tender dan mengikuti peraturan kewangan yang ditetapkan. Penghantaran bahan kimia oleh kontraktor dibuat mengikut spesifikasi, kuantiti dan tarikh yang ditetapkan oleh perjanjian.

Pada pendapat Audit, perolehan bahan kimia telah dibuat dengan memuaskan.

c) Stok Bahan Kimia

Lembaga menggunakan kaedah *First In–First Out* untuk menyimpan dan mengeluarkan stoknya. Pada masa pengauditan dijalankan, stok *Sodium Silicofluoride* dan *Polymer Coagulant* (Superfloc) adalah masing-masing 290,350 kg dan 54,725 kilogram seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Stok Bahan Kimia Berlebihan

Bil.	Jenis Bahan Kimia	Unit	Stok pada 1.1.2005	Terimaan	Keluaran	Stok pada 15.07.2005
1.	Aluminium Sulphate	M.Ton	867.75	2,050	2,184	733.75
2.	Hydrated Lime	M.Ton	831	300	1,033	98
3.	Klorin (x 68 Kg.)	Kg.	1,496	5,304	5,508	1,292
4.	Klorin (x 930 Kg.)	Kg.	113,460	168,330	221,340	60,450
5.	Amonia (x 68 Kg.)	Kg.	10,268	65,280	54,060	21,488
6.	Sodium Silicofluoride	Kg.	246,450	58,000	14,100	290,350
7.	Polymer Flocculant (Praestol 2530)	Kg.	1,350	2,350	2,525	1,175
8.	Polymer Coagulant (Superfloc)	Kg.	50,725	4,000	-	54,725
9.	Sodium Silicate	Kg.	15,300	10,400	1,500	24,200
10.	Natrium Bicarbonate	Kg.	3,075	-	525	2,550
11	Calcium Hypochloride	Kg.	689	6,000	3,600	3,089

Sumber: Rekod Stok Bahan Kimia Lembaga Air Kuching

Analisis Audit mendapati pada tahun 2001 hingga Jun 2005, purata penggunaan bahan kimia *Sodium Silicofluoride* adalah sebanyak 37,438 kilogram setahun manakala purata penggunaan *Polymer Coagulant* (Superfloc) adalah sebanyak 789 kilogram setahun. Butiran penggunaan tahunan bahan kimia tersebut adalah seperti di **Jadual 74**.

Jadual 74
Penggunaan Bahan Kimia Sodium Silicofluoride Dan Polymer Coagulant Bagi Tahun 2001 hingga Jun 2005

Tahun	Sodium Silicofluoride			Polymer Coagulant (Superfloc)		
	Kos Se Kg (RM)	Perolehan (Kg)	Penggunaan (Kg)	Kos Se Kg (RM)	Perolehan (Kg)	Penggunaan (Kg)
2001	1.28	25,000	42,725	8	20,700	850
2002	1.28	73,490	62,650	8	22,770	525
2003	1.28	53,000	38,440	8	3,600	895
2004	1.28	111,000	29,275	8	7,600	1,675
2005 (Hingga Jun)	1.28	58,000	14,100	8	4,000	-
Purata Penggunaan Tahunan			37,438			789

Sumber: Rekod Stok Bahan Kimia Lembaga Air Kuching

Berdasarkan purata penggunaan *Sodium Silicofluoride* sebanyak 37,438 kilogram setahun, stok bahan yang sedia ada sebanyak 290,350 kilogram boleh mengambil masa 8 tahun, manakala stok *Polymer Coagulant* (Superfloc) sebanyak 54,725 kilogram akan mengambil masa sehingga 69 tahun untuk digunakan. Semakan Audit mendapati hayat penggunaan bahan kimia tersebut hanya 2 tahun sahaja. Oleh itu, simpanan stok yang terlalu banyak boleh menyebabkan berlakunya kerosakan dan *obsolescene* pada stok. Selain itu, ianya juga terdedah kepada risiko kecurian dan merugikan Lembaga kerana modalnya terikat dengan pembelian stok yang berlebihan.

Pada pendapat Audit, Lembaga hendaklah mengkaji dan mengenal pasti paras stok bahan kimia yang diperlukan dan memastikan stok bahan kimia pada paras bersesuaian dengan keperluan.

30.2.9 Penyenggaraan Mesin Dan Peralatan

a) Perolehan Peralatan Rawatan Air

Lembaga memperolehi peralatan rawatan air seperti *metering pump*, *chlorinators*, *submersible pump* dan *actuators* secara sebutharga dan tender. Perolehan barang dan perkhidmatan yang melebihi RM10,000 dan kurang daripada RM50,000 dibuat melalui sebut harga. Manakala proses tender adalah dibuat bagi perolehan barang atau kontrak kerja yang melebihi RM50,000. Pada tahun 2003 hingga 2005 sebanyak 29 perolehan berjumlah RM1.24 juta telah diperolehi melalui sebut harga dan 6 perolehan secara tender berjumlah RM2.66 juta seperti di **Jadual 75**.

Jadual 75
Perolehan Peralatan Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Perkara	2003		2004		2005	
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Sebut Harga	8	310,679	13	619,011	8	305,989
Tender	4	1,211,661	1	845,000	1	606,941
Jumlah	12	1,522,340	14	1,464,011	9	912,930

Sumber: Rekod Perolehan Lembaga Air Kuching

Semakan Audit mendapati proses sebut harga dan tender mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Sebut harga dibuka oleh Jawatankuasa Sebut Harga dan dinilai sebelum disetuju terima oleh Jawatankuasa Pemilihan. Manakala tender dinilai dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tender. Selain itu, Daftar Sebut Harga dan Daftar Tender telah direkod dan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan peralatan untuk rawatan air telah dibuat dengan teratur dan memuaskan.

b) Prestasi Penyenggaraan

Prestasi penyenggaraan diukur secara fizikal seperti pemeriksaan rutin telah dilaksanakan mengikut jadual dan pembaikan dijalankan seperti diperlukan. Semakan Audit terhadap 53 sampel pada 2 Ogos 2005 mendapati 8 kes untuk tindakan pembaikan belum dilaksanakan. Butiran kes tersebut adalah seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76
Butiran Kes Yang Belum Diambil Tindakan Pembaikan

Tarikh Laporan Dibuat	Tarikh Menerima Aduan	Bentuk Penyenggaraan	Jumlah Hari Belum Selesai
07.04.05	07.04.05	Lime Pump No.4 (Loji III Batu Kitang) -Minyak keluar	117
08.04.05	08.04.05	Saluran Hose Pri-Lime (Loji III Batu Kitang) - Sudah usang dan perlu ditukar	116
05.05.05	05.05.05	Hopper Aluminium No.2(Loji III Batu Kitang) -Sisa Aluminium Sulphat yang lekat	89
09.05.05	09.05.05	Coupling Rubber Water Pump No.1 -Keluar asap	85
29.05.05	29.05.05	Lantai Filter Gallery (Loji I Batu Kitang) -Dipenuhi air	65
21.06.05	21.06.05	Treated Water Pump Flowmeter (Loji III Batu Kitang) - Tidak berfungsi	42
25.06.05	25.06.05	Totaliser Treated Water Pump (Loji III Batu Kitang) - Tidak berfungsi	69
14.07.05	15.07.05	Pri lime Modul 5 (Loji III Batu Kitang) - Saluran ke dashing point tersumbat	17

Sumber: Rekod Lembaga Air Kuching

Pihak Audit dimaklumkan pembaikan belum dibuat kerana menunggu pesanan alat ganti dari luar negeri. Pada masa pengauditan dijalankan Lembaga menggunakan pam tunggu sedia supaya operasi harian loji tidak terjejas.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan mesin dan peralatan pada keseluruhannya adalah memuaskan.

c) Pelupusan Peralatan

Pemeriksaan fizikal ke tapak loji dan temu bual dengan kakitangan Lembaga mendapati sebahagian daripada mesin dan peralatan telah terbengkalai dan rosak dan tidak disenggarakan sejak tahun 1998. Pihak Audit mendapati peralatan tersebut tidak akan dibaiki atau disenggarakan lagi kerana Lembaga telah menggunakan kaedah manual sebagai ganti. Butiran peralatan yang tidak digunakan lagi adalah seperti di **Jadual 77**.

Jadual 77
Peralatan/Mesin Yang Tidak Disenggarakan Di Loji

Bil.	Jenis Peralatan/Mesin		
	Loji I	Loji II	Loji III
1.	4 Actuator	Sludge Tarvelling Bridge	Flouride Analyser
2.	Back-Wash Water Pump	Mimic Panel	Chlorine Analyser
3.	1 Chlorinator	2 Refrigerent Dryer	Treated Water Turbidity Analyser
4.	1 Ammoniator	2 Chlorinator	Settled Water Turbidity Analyser
5.		1 Ammoniator	Raw Water Turbidity Analyser
6.			Treated Water PH Analyser
7.			Settled Water PH Analyser
8.			Raw Water PH Analyser

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Pihak Audit berpendapat Lembaga tidak mengambil tindakan pelupusan bagi peralatan yang telah rosak dan tidak ekonomi untuk diperbaiki.

d) Pembersihan Tangki Pemendapan

Lembaga telah mendokumentasikan proses kerja bagi pembersihan tangki pemendapan bagi ketiga-tiga loji di Batu Kitang di dalam dokumen MS ISO 9002:1994. Antara lain, dokumen MS ISO 9002:1994 tersebut mengandungi arahan kerja seperti menyediakan jadual tahunan bagi pembersihan tangki pemendapan, mengeluarkan notis pembersihan dan memastikan sukatan air di kolam pada paras ditetapkan sebelum pembersihan dijalankan. Semakan Audit mendapati pembersihan tangki pemendapan telah dilaksanakan seperti dirancangkan seperti di **Jadual 78.**

Jadual 78

Jadual Dan Tarikh Sebenar Pembersihan Tangki Pemendapan Tahun 2003 Hingga 2005

LOJI	2003		2004		2005	
	Tarikh Jadual	Tarikh Sebenar	Tarikh Jadual	Tarikh Sebenar	Tarikh Jadual	Tarikh Sebenar
Loji I						
Modul 1	06 - 11.01.2003 07 - 12.04.2003 05 - 06.06.2003 29 - 30.09.2003	06 - 11.01.2003 07 - 12.04.2003 17 - 20.07.2003 01 - 02.10.2003	18 - 19.03.2004 05 - 10.05.2004 05 - 06.07.2004 01 - 02.11.2004	18 - 19.03.2004 21 - 25.06.2004 09 - 15.08.2004 01 - 04.12.2004	14 - 17.02.2005 06 - 09.06.2005 01 - 04.08.2005 03 - 06.10.2005	03 - 06.01.2005 06 - 10.06.2005 29 - 30.08.2005 14 - 17.11.2005
Modul 2	08 - 11.01.2003 09 - 11.04.2003	08 - 11.01.2003 09 - 11.04.2003	Tangki Pemendapan Modul 2 ditutup mulai 5.5.2003			
Loji II						
Modul 3	24 - 27.02.2003 26 - 29.05.2003 04 - 07.08.2003 03 - 06.11.2003	24 - 27.02.2003 09 - 12.05.2003 02 - 05.09.2003 15 - 18.12.2003	01 - 04.03.2004 07 - 10.06.2004 06 - 09.09.2004 06 - 09.12.2004	29 - 31.03.2004 19 - 22.07.2004 20 - 23.10.2004 17 - 20.10.2005	17 - 20.01.2005 11 - 14.04.2005 11 - 14.07.2005 17 - 20.10.2005	17 - 20.01.2005 11 - 14.04.2005 11 - 14.07.2005 17 - 20.10.2005
Modul 4	05 - 08.03.2003 16 - 19.06.2003 08 - 11.09.2003 08 - 11.12.2003	05 - 08.03.2003 16 - 19.06.2003 22 - 25.09.2003 22 - 27.12.2003	08 - 11.03.2004 14 - 17.06.2004 13 - 16.09.2004 13 - 16.12.2004	05 - 08.04.2004 26 - 27.07.2004 25 - 28.10.2004 24 - 27.01.2005	24 - 27.01.2005 18 - 23.04.2005 18 - 21.07.2005 24 - 27.10.2005	24 - 27.01.2005 18 - 23.04.2005 18 - 21.07.2005 24 - 27.10.2005
Loji III						
Modul 5	13 - 17.01.2003 19 - 23.05.2003 22 - 26.09.2003	13 - 17.01.2003 26 - 30.05.2003 13 - 17.10.2003	16 - 20.02.2004 17 - 21.05.2004 21 - 30.06.2004	21 - 23.04.2004 17 - 21.05.2004 16 - 27.08.2004	25 - 29.04.2005 03 - 07.05.2005 15 - 26.08.2005	25 - 29.04.2005 03 - 07.05.2005 12 - 16.09.2005
Modul 6	17 - 21.03.2003 21 - 25.07.2003 17 - 21.11.2003	17 - 21.03.2003 18 - 22.08.2003 14 - 18.01.2004	10 - 21.05.2004 20 - 30.09.2004 13 - 24.12.2004	06 - 16.07.2004 13 - 24.12.2004 13 - 24.12.2004	04.09.02.2005 09 - 20.05.2005 19 - 30.09.2005	10 - 15.02.2005 09 - 20.05.2005 19 - 30.09.2005
Loji Matang	04 - 07.03.2003 09 - 12.09.2003	12 - 15.03.2003 14 - 17.09.2003	04 - 07.03.2004 09 - 12.09.2004	14 - 17.03.2004 15 - 18.09.2004	04 - 07.05.2005 09 - 12.09.2005	11 - 14.05.2005 13 - 15.09.2005

Sumber : Rekod Penyenggaraan Lembaga Air Kuching

Pada pendapat Audit, kerja pembersihan tangki pemendapan telah dilaksanakan dengan memuaskan.

30.2.10 Peruntukan Kewangan

Sejumlah RM55.08 juta diluluskan untuk pengurusan loji rawatan air bagi tahun 2003 hingga 2005. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM45.69 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan aktiviti pengurusan loji rawatan air. Butiran kedudukan perbelanjaan pengurusan loji pada tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di **Jadual 79**.

Jadual 79
Kedudukan Perbelanjaan Pengurusan Loji Rawatan Air

Perkara	2003 (RM)		2004 (RM)		2005 (RM)	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
Gaji, Upah Dan Elaun	2,921,100	2,575,226	2,823,400	2,495,631	2,823,400	2,530,266
Bahan Kimia	5,006,300	4,105,199	5,078,700	4,605,675	5,078,700	4,507,009
Bekalan Letrik	6,740,300	7,395,345	7,108,000	7,221,919	7,108,000	6,138,239
Bahan Api	36,000	20,547	81,000	10,750	81,000	75,816
Kos Perjalanan	9,000	20,983	11,000	16,873	11,000	24,203
Penyenggaraan Dan Pembaikan	1,692,400	1,305,246	1,806,700	1,773,750	1,806,700	1,623,879
Perbelanjaan Pejabat	48,000	54,385	47,000	49,333	47,000	40,488
Tuntutan Hitungan Batu	35,500	20,221	27,000	17,197	27,000	31,202
Sundries/ Pembelian Runcit	33,000	9,440	25,500	7,200	25,500	6,686
Kerja Kontrak	387,000	279,201	368,000	451,924	368,000	236,979
Royalti Air Mentah	1,103,700	1,110,172	1,157,400	1,185,933	1,157,410	598,544
Jumlah	18,012,300	16,895,965	18,533,700	17,836,185	18,533,700	15,813,311

Sumber : Rekod Lembaga Air Kuching

Semakan Audit mendapati perbelanjaan keseluruhan adalah tidak melebihi peruntukan. Setiap pindah peruntukan diluluskan oleh Jemaah Lembaga Pengarah.

Pihak Audit berpendapat peruntukan yang disediakan adalah mencukupi dan prestasi perbelanjaan adalah memuaskan.

30.2.11 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Struktur Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal dan Kawalan Mutu Air dibahagikan kepada 3 seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Seksyen Kawalan Mutu Air dan Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal. Seksyen Pentadbiran, Pengeluaran Operasi Loji diketuai oleh Pengurus Loji (Gred J41) dan dibantu oleh 47 orang kakitangan sokongan. Seksyen Kawalan Mutu Air diketuai oleh Ahli Kimia Kanan (Gred C48) dan dibantu oleh 50 orang kakitangan sokongan manakala Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal diketuai oleh Jurutera Mekanikal (Gred J41) dan dibantu oleh 101 orang kakitangan sokongan. Beban seksyen dapat diukur dengan bilangan kakitangan. Semakan Audit mendapati sebanyak 30 orang kakitangan daripada Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal terlibat dalam pengendalian loji manakala baki 71 orang kakitangan bertugas di pejabat Lembaga. Adalah didapati sebanyak 40 jawatan daripada 130 jawatan yang telah diluluskan untuk pengurusan loji belum diisi seperti di **Jadual 80**.

Pihak Audit berpendapat Jurutera Mekanikal di Seksyen Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal mempunyai beban kerja yang berlebihan akibat kekurangan kakitangan teknikal.

Jadual 80
Jawatan Yang Diluluskan Belum Diisi Pada Mei 2005

Jawatan	Gred	Bilangan
Pembantu Teknik	J36	1
Juruteknik Mekanikal	J22	1
Tukang K2	R22	1
Tukang K3	R14	5
Tukang K3	R9	3
Operator Loji	R8	1
Operator Loji	R3	26
Pekerja Rendah Awam	R1	1
Pembantu Makmal	C17	1
Jumlah		40

Sumber : Rekod Perjawatan Lembaga Air Kuching

Pihak Audit ada dimaklumkan bahawa kekosongan jawatan tersebut tidak menjelaskan kelincinan pengurusan loji rawatan air. Pada tahun 2005, jawatan Pengurus Besar Gred J48 telah dinaiktaraf kepada Gred J52 semasa penggredan semula. Jawatan tersebut diluluskan oleh Kerajaan Negeri berkuatkuasa pada 1 Januari 2004. Bagaimanapun, jawatan Pengurus Besar Gred J52 belum diisi pada masa audit dijalankan. **Pihak Audit berpendapat jawatan tersebut hendaklah diisi dengan segera supaya pelan peralihan tidak terjejas.**

Pada pendapat Audit, pada masa kini Lembaga tidak mempunyai guna tenaga manusia yang mencukupi untuk menjalankan pengurusan loji rawatan air kerana masih terdapat 40 kekosongan jawatan yang belum diisi.

b) Kursus/Latihan

Pada tahun 2003 hingga 2005, Lembaga telah menghantar 65 kakitangan daripada Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Pengeluaran Dan Operasi Loji, Pengendalian Mekanikal Dan Elektrikal, dan Kawalan Mutu Air telah menghadiri 21 pelbagai jenis kursus. Antaranya ialah *Chemical Health And Risk Assesment*, *Laboratory Safety Manual*, *Waste Water Treatment Facilities Design Workshop* dan kursus teknikal untuk operasi loji seperti *Water Treatment Process And Safety In Potable Water Treatment Plant*.

Pihak Audit berpendapat kursus dan latihan yang diadakan adalah sesuai dan relevan dengan keperluan pengurusan loji rawatan air. Bagaimanapun, Lembaga hendaklah mengadakan lebih banyak latihan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran teknikal kakitangan.

30.2.12 Pengawasan Keselamatan Loji

Pengawasan keselamatan loji adalah menjadi tanggungjawab Seksyen Keselamatan yang terletak di bawah Bahagian Pentadbiran. Seksyen Keselamatan diketuai oleh seorang Pembantu Keselamatan Gred KP22 dan dianggotai oleh seramai 42 orang kakitangan. Antara lain tanggungjawab Seksyen merangkumi aspek berikut:

- a) mengawal dan memastikan bangunan pejabat, pejabat loji, kolam air, tangki air dan semua tempat utama bekalan air berada dalam keadaan selamat;
- b) memeriksa kenderaan keluar masuk di kawasan Lembaga;
- c) menentukan semua pekerja dan pelawat yang ingin memasuki kawasan Lembaga mempunyai pas dan kebenaran yang sah;
- d) memastikan semua pintu berkunci dan lampu serta peralatan elektrik dipadamkan selepas waktu pejabat dan pada hari kelepasan; dan
- e) membuat rondaan keselamatan pada setiap masa yang ditetapkan oleh Pembantu Keselamatan.

Pengawal Keselamatan Lembaga mengawasi keselamatan di sekitar kawasan loji rawatan air Batu Kitang dan Matang. Walaupun Laporan Kejadian Harian diselenggarakan oleh pengawal keselamatan tersebut, adalah didapati tiada bukti penyeliaan dibuat terhadap daftar tersebut. Semakan Audit juga mendapati Lembaga tidak memasang peralatan CCTV di kawasan loji rawatan air. Pengawal yang bertugas di pondok pengawal berhampiran pintu masuk ke loji tetapi tidak memeriksa kenderaan yang keluar dan masuk ke kawasan loji. Semakan lanjut mendapati terdapat 7 kes kecurian di kawasan loji dan kolam air bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Mei 2005. Butiran kes kecurian adalah seperti di **Jadual 81**.

**Jadual 81
Kekerapan Kes Kecurian Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga Bulan Mei 2005**

Bil.	Kawasan	Alat Yang Dicuri	Kekerapan kecurian berlaku (Kali)	Anggaran Kerugian (RM)
1.	Kolam Air Bukit Andau	8 kabel tembaga pengandang kilat dan besi plat penutup injap (26 keping)	2	18,178
2.	Kolam Air Haji Bakri	2 unit <i>booster pump</i> berkuasa 10 kw	1	Tiada Rekod
3.	Kolam Air Entingan	2 set pengatur air tembaga dan 2 set penutup <i>adjustment</i>	1	15,190
4.	Loji Rawatan Air Batu Kitang di tapak pembinaan (Modul 7)	Kabel	3	Tiada Rekod

Sumber: Rekod Unit Keselamatan Lembaga

Pada pendapat Audit, Lembaga perlu mempertingkatkan lagi sistem kawalan bagi menjamin keselamatan harta bendanya.

Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti kerja menaik Taraf Loji I Batu Lintang pada tahun 1999 dengan kos RM15.65 juta tidak beroperasi hingga kini, 4 penapis pasir dipasang pada tahun 1998 tidak digunakan, sistem pembuangan lumpur dengan kos RM400,000 tidak berfungsi dengan sempurna, 5 buah actuator rosak dan belum diperbaiki, 4 actuator elektronik dengan kos RM 73,908 yang rosak dan diganti dengan *actuator* manual dan satu set *incline plate* tidak dipasang ditangki pemendapan tetapi terbiar terbengkalai ditepi loji. Manakala di Loji II Batu Kitang pula, 2 buah *Sludge Travelling Bridge* dengan kos RM0.45 juta tidak berfungsi sejak tahun 1999 lagi.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan pengurusan Loji Rawatan Air Loji I, Loji II dan Loji III di Batu Kitang, Loji Rawatan Air Matang dan Pejabat Lembaga Air Kucing di Batu Lintang telah dilaksanakan dengan memuaskan.

30.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang cekap dan berkesan adalah penting bagi memastikan pengurusan loji rawatan air dilaksanakan dengan teratur dan mengikut perancangan. Lembaga tidak mempunyai unit yang khas untuk pemantauan sahaja. Bagaimanapun, pemantauan terhadap operasi loji dibuat melalui semakan pengurusan dan auditan kawalan dalam. Selain itu pemantauan rapi terhadap kualiti air dibuat oleh Seksyen Kawalan Mutu Air. Jawatankuasa juga ditubuhkan untuk pemantauan lanjut. Pemeriksaan terhadap aspek pemantauan adalah seperti berikut:

30.3.1 Semakan Pengurusan

Mengikut dokumen kualiti ISO, semakan pengurusan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan pengurusan Lembaga sentiasa mematuhi standad kualiti ISO 9001:2000. Semakan juga dilaksanakan untuk menilai pencapaian objektif dan menentukan tindakan diambil untuk menambahbaik pengurusan Lembaga. Pada tahun 2003 hingga 2005, Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Semakan Audit mendapati isu pengurusan loji seperti kualiti air, penyenggaraan peralatan loji dan keselamatan kawasan loji dibincangkan dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan.

30.3.2 Pengauditan Kawalan Dalaman

Pengauditan Kawalan Dalaman dijalankan oleh Lembaga untuk memastikan segala prosedur ISO ada dipatuhi, menentukan keberkesanan sistem pengurusan kualiti dan membuat rancangan untuk auditan dalaman. Pasukan auditan tersebut terdiri daripada

20 kakitangan dari pelbagai Bahagian/Seksyen Lembaga. Semakan Audit mendapati auditan tersebut dijalankan sekali setahun dan meliputi pemeriksaan sama ada operasi loji harian mematuhi prosedur ISO yang ditetapkan. Adalah didapati pelaksanaan auditan tersebut dibuat seperti dirancang.

30.3.3 Pemantauan Rapi Oleh Seksyen Kawalan Mutu Air

Seksyen Kawalan Mutu Air mengadakan mesyuarat pada setiap pagi untuk membuat analisis terhadap masalah yang dihadapi pada hari sebelumnya dan pada masa yang sama menentukan apakah tindakan dibuat pada hari yang sama. Semua perbincangan serta tindakan diambil direkod dengan sempurna. Amalan ini adalah satu kelebihan kerana tidak dinyatakan dalam standad ISO.

30.3.4 Jawatankuasa Aduan dan Perkhidmatan Pelanggan

Jawatankuasa Aduan dan Perkhidmatan Pelanggan ditubuhkan untuk memantau prestasi dan menyelesaikan sebarang permasalahan yang dikemukakan oleh pengguna serta menyediakan laporan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan untuk makluman, nasihat, resolusi dan keputusan. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh 12 orang ahli dan dipengerusikan oleh Setiausaha Lembaga. Antara skop Jawatankuasa ini ialah meliputi perkara yang digariskan dalam piagam pelanggan, objektif dan polisi kualiti Lembaga. Pada tahun 2003, Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebanyak 3 kali manakala sebanyak 2 kali diadakan pada tahun 2004. Bagaimanapun, Jawatankuasa Aduan dan Perkhidmatan Pelanggan belum mengadakan sebarang mesyuarat pada tahun 2005 (sehingga bulan Mei). Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah penubuhan Jawatankuasa Taskforce, Laporan Survei Kepuasan Pengguna, pengebilan, masa menunggu ketika membayar bil, gangguan bekalan air, tekanan air yang rendah dan operator telefon.

Pada tahun 2003 sebanyak 66 aduan diterima manakala pada tahun 2004 sebanyak 138 aduan. Pada tahun 2005 jumlah aduan yang diterima telah menurun sebanyak 12 aduan menjadi 126 aduan. Semakan Audit mendapati semua aduan pengguna dan tindakan pemberian telah direkod dengan teratur.

30.3.5 Jawatankuasa Taskforce

Pada tahun 2003, Jawatankuasa Aduan dan Perkhidmatan Pelanggan telah menubuhkan jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Taskforce untuk memantau dan mengurus semua perkara berkaitan dengan survei soal selidik yang diagihkan kepada pengguna. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 3 orang ahli dan dipengerusikan oleh seorang jurutera. Jawatankuasa Taskforce ini akan melapor kepada Jawatankuasa

Induk mengenai perkara yang berbangkit hasil daripada survei berkenaan. Jawatankuasa ini turut diamanahkan untuk menyediakan *terms of reference* dan mengenalpasti beberapa pakar runding yang bertauliah untuk dipilih bagi menjalankan survei berkenaan. Pada tahun 2003 dan 2004, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali masing-masingnya.

Soalselidik berkenaan kepuasan pengguna telah dijalankan pada tahun 2003 selaras dengan kehendak ISO 9001:2000. Objektif Lembaga mengeluarkan borang soal selidik adalah untuk memantau dan melapor kepuasan pengguna ke atas produk, perkhidmatan yang diberikan dan segala aktiviti yang berkaitan dengan kepuasan pengguna. Sebuah syarikat telah diamanahkan untuk menjalankan tugas yang berkenaan dengan bayaran RM9,900.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, Lembaga tidak mengedarkan soal selidik kepada pengguna. Manakala pada tahun 2005, Lembaga mengeluarkan borang soal selidik kepada orang ramai namun tidak menyentuh mengenai kualiti air yang dibekalkan oleh Lembaga.

Padapendapat Audit, pihak Lembaga telah memantau aktiviti pengurusan loji rawatan air dengan baik.

31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Lembaga telah berjaya mencapai objektifnya iaitu membekalkan air yang telah dirawat mengikut standard yang ditetapkan dalam had kawasannya. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pengurusan loji yang telah diaudit. Oleh itu pihak Audit mengesyorkan kepada Lembaga mengambil langkah-langkah sewajarnya seperti berikut:

- a) Mengambil tindakan segera bagi mengisi jawatan Pengurus Besar Gred J52 yang masih kosong supaya kelincinan pelan peralihan (*succession plan*) tidak terjejas. Begitu juga dengan kekosongan 40 jawatan pelbagai Gred hendaklah diisi segera supaya kerja-kerja operasi tidak terjejas;
- b) Mengkaji dan meluaskan skop dokumen prosedur kualiti MS ISO 9001:1994 rawatan air yang sedia ada kepada Loji Matang;
- c) Mengkaji dan mengenal pasti tahap kuantiti pesanan ekonomi (*economic order quantity*) dan tahap optima pesanan semula (*optimal re-order level*) untuk stok bahan kimia supaya stok adalah pada paras yang bersesuaian dengan penggunaan;

- d) Mengkaji dan mengambil tindakan segera untuk mengatasi pembaziran pembinaan dan naik taraf Loji I Batu Kitang dengan kos RM15.65 juta yang masih tidak beroperasi;
- e) Mengatasi kelemahan Loji II Batu Kitang di mana 2 buah *Sludge Travelling Bridge* dengan kos RM0.46 juta tidak berfungsi sejak tahun 1999, menyebabkan kerja pembersihan/rawatan air tidak mengikut standard ditetapkan;
- f) Mengambil tindakan segera bagi membaiki kerosakan atau kebocoran yang dilaporkan oleh pihak yang terbabit;
- g) Menambah perjawatan atau mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menambah baik kawalan keselamatan loji rawatan air/kolam air yang sedia ada;
- h) Mengkaji sama ada kerja yang dikontrakkan boleh diurus oleh Lembaga sendiri dan mengambil tindakan yang sewajarnya;
- i) Mengadakan latihan kecemasan supaya kakitangan boleh memahami sistem tindak balas kecemasan si samping mengenalpasti kelemahan sistem sekiranya ada;
- j) Menetapkan masa yang diperlukan untuk pembelian peralatan dalam dokumen kualiti supaya proses penyenggaraan lebih berkesan.
- k) Mempertingkatkan aktiviti pemantauan terutamanya terhadap pengurusan loji dari aspek kualiti air, penyenggaraan peralatan loji dan keselamatan loji.

MAJLIS DAERAH

PENGKOMPUTERAN DI MAJLIS DAERAH

32. LATAR BELAKANG

32.1 Pengkomputeran di 20 buah Majlis Daerah dilaksanakan dengan tujuan untuk mengadakan sistem pengurusan maklumat dan kewangan secara elektronik dengan sepenuhnya. Selain daripada membolehkan Majlis menyediakan penyata kewangan tahunan pada masa yang ditetapkan, mengawal aktiviti Majlis dan mempercepatkan proses kerja harian, pengkomputeran juga bertujuan untuk memberi khidmat serta sistem penyampaian yang lebih cekap kepada orang awam. Pada tahun 1996, Sistem Maklumat Kerajaan Tempatan (SMART 2000) mula diperkenalkan yang mengandungi 6 modul iaitu Sistem Pembilan Cukai Taksiran, Sistem Pelesenan, Sistem Pungutan Hasil, Sistem Maklumat Kakitangan, Sistem Bayaran Gaji dan Sistem Perakaunan. Bagaimanapun, hanya modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran diguna oleh Majlis Daerah Serian dan Majlis Daerah Sarikei untuk memudahkan pengeluaran bil cukai taksiran kepada orang awam. Manakala Majlis lain belum menggunakan SMART 2000 setakat tahun 1996. Pada awal tahun 2000 hingga 2002, lapan belas Majlis Daerah telah membeli SMART 2000. Majlis Daerah Luar Bandar Sibu dan Majlis Daerah Kanowit pula memilih untuk menggunakan sistem lain iaitu *Integrated Local Authority Information System (ILAIS)*.

32.2 Salah satu visi Kerajaan Negeri Sarawak ialah “*the State Government Services shall be available at any time, anywhere to anyone in Sarawak*”. Untuk mencapai visi ini, Kerajaan Negeri memperkenalkan sistem *Electronic-Local Authority* (e-LA) untuk digunakan secara dalam talian melalui rangkaian SarawakNet. Sebahagian dari rangkaian tersebut dihubung dengan SMART 2000 untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Majlis kepada orang awam seperti urusan pembayaran cukai taksiran secara dalam talian, membuat tempahan dewan, gelanggang sukan dan sebagainya. Pemasangan infrastruktur telekomunikasi di semua Majlis Daerah adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Bagi tempoh tahun 2003 sehingga 2005, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyumbang bantuan kewangan berjumlah RM794,435 untuk memasang SMART 2000 di 17 daripada 20 Pejabat Majlis Daerah dan 16 kawasan stesen. Kos sumbangan Kerajaan Negeri tersebut termasuk kos penyenggaraan serta latihan. Bagi tempoh tahun 2003 sehingga 2005, selain pembiayaan kewangan dari Kerajaan Negeri, lapan belas Majlis Daerah yang menerima pakai SMART 2000 telah membelanjakan sejumlah RM1.26 juta untuk perolehan serta penyenggaraan perkakasan komputer dan mengadakan latihan tambahan.

33. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengkomputeran bagi 18 Majlis Daerah diurus dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

34. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dalam aspek pengkomputeran di 18 Majlis Daerah yang menggunakan SMART 2000 bagi tempoh 2003 hingga 2005. Kajian ini dijalankan dengan memberi penekanan kepada kawalan dalaman terhadap pengurusan pengkomputeran sistem maklumat di Majlis Daerah. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data berkaitan yang berasaskan laporan, minit mesyuarat, dokumen perjanjian/kontrak dan rekod kewangan yang diselenggara oleh Majlis Daerah, Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (Kementerian) dan Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK) di Jabatan Ketua Menteri. Selain itu, lawatan terhadap 6 Majlis iaitu Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Betong, Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Subis juga dijalankan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan juga vendor yang terlibat dalam pelaksanaan pengkomputeran juga diadakan.

35. PENEMUAN AUDIT

35.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti merupakan aspek penting untuk menjayakan projek pengkomputeran di Majlis Daerah. Ia meliputi perancangan pengkomputeran, guna tenaga serta latihan, sumber kewangan, pelan pelaksanaan, keperluan perolehan, kaedah perolehan dan penyenggaraan bagi perkakasan serta perisian sistem dan program pemantauan. Aspek perancangan sistem maklumat berkomputer Majlis yang dikaji adalah seperti berikut:

35.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk mewujudkan penggunaan sistem maklumat secara elektronik dan seragam di semua Majlis Daerah. Dasar ini dibentuk adalah untuk memberi khidmat yang lebih cekap kepada orang awam untuk memperolehi maklumat dan juga perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti Majlis secara dalam talian melalui sistem berangkaian. Ini adalah selaras dengan program Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pentadbiran Negeri secara elektronik atau Kerajaan Elektronik sepenuhnya menjelang tahun 2008. Manakala objektif dasar keselamatan ICT Kerajaan adalah melindungi kepentingan pihak yang bergantung kepada sistem maklumat

daripada kesan kegagalan seperti kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan maklumat, komunikasi dan mencegah penyalahgunaan komputer Kerajaan.

35.1.2 Kajian Kemungkinan

Oleh kerana SMART 2000 yang sedang digunakan sejak tahun 2000 berupaya memproses maklumat dan melakukan transaksi kewangan Majlis secara automasi, maka Kerajaan telah memutuskan untuk terus mengguna pakai sistem tersebut. Ini boleh menjimatkan masa dan kos jika dibandingkan dengan membangun satu sistem yang baru. Selain itu, kesemua Majlis Daerah yang terlibat menggunakan SMART 2000 bersetuju untuk terus menggunakan sistem ini memandangkan sistem aplikasi yang digunakan adalah mudah untuk dikendalikan dan berupaya menepati keperluan sistem maklumat berkomputer. Bagaimanapun, pihak Kementerian dan UTMK dikehendaki mengkaji dengan lebih lanjut untuk menentukan sama ada sistem ini berupaya menepati keperluan semasa.

35.1.3 Sasaran Pencapaian

Kerajaan Negeri menetapkan pengkomputeran sistem yang seragam di 18 Majlis Daerah dan 16 kawasan stesen menggunakan sepenuhnya SMART 2000 pada akhir tahun 2005. Selain itu, sistem berkomputer di Majlis Daerah akan dilengkapi dengan menghubungkan SMART 2000 dengan rangkaian Kerajaan Negeri iaitu SarawakNet untuk berintegrasi dengan fungsi e-LA. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pentadbiran Negeri secara elektronik sepenuhnya menjelang tahun 2008.

35.1.4 Komponen Sistem

Pakej SMART 2000 mengandungi 7 modul iaitu Sistem Pembilan Cukai Taksiran, Sistem Pelesenan, Sistem Pungutan Hasil, Sistem Bayaran Gaji, Sistem Maklumat Kakitangan (PIS), Sistem Perakaunan dan Sistem Trek Bangunan. Setiap modul tersebut akan beroperasi secara kendiri (stand-alone) atau secara antara muka (interface) dengan modul yang lain melalui rangkaian kawasan setempat (LAN). Kesemua sistem akan berfungsi secara antara muka melalui Sistem Pentadbir SmartNet. Sistem Pentadbir tersebut boleh melakukan koordinasi terhadap fungsi semua sistem termasuk kawalan keselamatan, urusan bantuan (back-up), pemulihan data, mengawal akaun pengguna, mengatur tugas serta peranan pengguna sistem dan memperuntukkan program kawalan pencapaian pengguna. SMART 2000 ini juga akan dihubungkan dengan rangkaian Sarawak Net (WAN) untuk memudahkan pelaksanaan fungsi e-LA melalui *Smart Paybills Gateway*.

a) Modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran

Modul ini membenarkan penyimpanan maklumat perihal harta pegangan, pemilik harta, pembayar cukai taksiran, kadar taksiran dan perihal perkhidmatan pelbagai. Modul ini akan diguna untuk proses pengeluaran bil secara berkala dan ansuran, memproses rebat dan pengiriman, mengira surcaj secara automatik, membatal bil dan mengeluar laporan pengurusan dan statistik. Selain itu, modul ini juga boleh digunakan untuk penukaran hak milik harta dan mengemas kini maklumat pemilik harta. Sistem ini membenarkan pengguna mengambil maklumat tertentu melalui skrin atau mencetak maklumat yang diperlukan. Selain itu, modul ini juga boleh bertindak secara antara muka dengan modul Sistem Pungutan Hasil dan seterusnya mengemas kini maklumat terimaan hasil ke modul Sistem Perakaunan.

b) Modul Sistem Pelesenan (Lesen Perniagaan dan Hiburan)

Modul ini akan diguna untuk mengeluar bil air bagi penyewa pasar basah Majlis, sijil lesen perniagaan, bil serta resit lesen perniagaan. Pangkalan data pelesenan akan diwujudkan untuk menyimpan maklumat lesen seperti rekod pelesen dan kod awam, maklumat meter air, penggunaan air, kutipan bayaran lesen dan perihal pemeriksaan lesen. Modul ini akan berfungsi secara kendiri dan berintegrasi dengan sub-modul Akaun Hasil untuk mengakaun pungutan hasil lesen serta sewaan premis perniagaan Majlis. Dari segi laporan, modul ini boleh mengeluarkan laporan statistik pelesenan, laporan pemeriksaan dan notis kepada pelesen.

c) Modul Sistem Pungutan Hasil

Modul ini akan diguna untuk urusan pungutan harian seperti menerima bayaran bil untuk cukai taksiran, telefon, air dan elektrik, mengira baki untuk dibayar balik, merekod perihal bayaran dan membatal bil. Selain itu, modul ini juga boleh menyimpan maklumat sementara mengenai perihal resit, merekod kutipan dan mengeluar laporan kutipan harian untuk pihak pengurusan sebelum kutipan harian diperakaun ke dalam sistem lejar Majlis. Modul ini boleh beroperasi secara kendiri atau bertindak antara muka dengan sub-modul Akaun Hasil (Perakaunan) dan modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran sahaja.

d) Modul Sistem Maklumat Kakitangan

Modul Sistem Maklumat Kakitangan akan menyelenggara rekod kakitangan Majlis dan berintegrasi dengan modul Sistem Bayaran Gaji dan modul Sistem Perakaunan. Selain daripada menyimpan maklumat kakitangan Majlis, modul ini juga akan menunjuk perihal pengambilan kakitangan baru, kakitangan yang akan bersara, kakitangan yang layak untuk menerima pingat perkhidmatan lama, sejarah

perkhidmatan dan memproses rekod cuti kakitangan. Antara laporan yang akan dikeluarkan oleh modul ini adalah seperti laporan perihal perkhidmatan, Notis Perlantikan untuk kakitangan baru, Sijil Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Sijil Cuti, Sijil Kenaikan Gaji dan Notis Persaraan.

e) Modul Sistem Bayaran Gaji

Modul ini akan memproses bayaran gaji kakitangan Majlis, menyimpan maklumat bilangan hari bekerja, bayaran lebih masa dan bayaran tunggakan gaji. Selain itu, Modul ini akan membenarkan pengguna memberi definisi tetap atau berubah untuk membuat perkiraan elaun dan potongan gaji. Jumlah pendahuluan juga akan diambil secara *auto-pick* daripada modul Sistem Perakaunan untuk tujuan potongan melalui bayaran gaji. Selain daripada mengeluarkan penyata gaji, modul ini juga akan mengeluarkan laporan seperti Senarai Bayaran Kepada Bank, Retan Cukai Gaji dan sebagainya. Modul ini akan berfungsi secara antara muka dengan Sistem Maklumat Kakitangan untuk memperolehi maklumat kakitangan.

f) Modul Sistem Perakaunan

Modul ini akan mengandungi 4 sub-modul yang bersepada iaitu Akaun Lejar Am, Akaun Bayaran, Akaun Hasil dan *Sub-Accounting*. Sub-modul *Sub-Accounting* akan menyelenggara akaun Pendahuluan Khas, Rekod Pendahuluan Am, Aset Tetap, Deposit dan Deposit Tetap. Modul Sistem Perakaunan ini akan bertindak secara antara muka dengan modul Sistem Pungutan Hasil, modul Sistem Maklumat Kakitangan dan modul Sistem Bayaran Gaji. Akaun Lejar Am merupakan teras modul Sistem Perakaunan dan akan menyenggara baki bulanan untuk setiap kod perakaunan, anggaran belanjawan dan komitmen. Selain itu, pengguna Akaun Bayaran boleh memproses pesanan barang atau perkhidmatan, baucar bayaran dan mengeluarkan cek untuk pelbagai akaun bank. Sub-modul ini juga akan merekod perbelanjaan dan tuntutan perjalanan yang dilakukan oleh kakitangan dan berupaya menyedia baucar bayaran secara automatik untuk tujuan bayaran gaji dan tuntutan. Manakala Akaun Hasil akan menyimpan maklumat perihal bil yang telah dibayar dan membenarkan jumlah kutipan dipindah dari modul Sistem Pungutan Hasil untuk mengemas kini akaun. Pengguna modul ini juga boleh melakukan penyesuaian baki di Buku Tunai dengan baki di bank secara automasi. Modul Sistem Perakaunan juga akan mengeluarkan laporan kewangan seperti Penyata Bulanan Perbelanjaan, Penyata Bulanan Hasil, Penyata Harian Bank dan Penyata Akaun Pembangunan untuk pengurusan dan statistik.

g) Modul Sistem Trek Bangunan

Modul ini membantu pengguna untuk mengesan status permohonan pelan bangunan. Modul ini juga akan menyelenggara maklumat pemohon, status permohonan serta perihal jenis, kegunaan dan status bangunan. Modul ini akan mengeluarkan 3 borang khas iaitu Borang Kelulusan Pelan Pembangunan Baru, Kelulusan Memulakan Kerja dan Pengeluaran Sijil Layak Menduduki. Antara laporan yang akan dikeluarkan ialah Senarai Status Pemohon, Senarai Pelan Jenis Bangunan dan laporan statistik untuk kegunaan Jawatankuasa Lalu Lintas dan Pembangunan Infrastruktur jika diperlukan. Modul ini juga berfungsi secara kendiri dan tidak akan berintegrasi dengan mana-mana modul dalam sistem aplikasi SMART 2000.

35.1.5 Kaedah Perolehan

Pengurusan perolehan adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 di mana pembelian secara terus boleh dibuat jika harga perolehan adalah kurang daripada RM20,000. Bagi perolehan yang berjumlah RM20,000 dan ke atas, perolehan hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa Sebutharga dan Tender.

a) Perkakasan

Pihak Majlis akan bertanggungjawab untuk membuat perolehan perkakasan komputer yang diperlukan. Perolehan tersebut juga hendaklah memenuhi keperluan SMART 2000 seperti mengadakan komputer peribadi untuk setiap modul, pencetak ruang lajur, pencetak penyata, pencetak jurnal, pencetak berwarna dan pengimbas.

b) Perisian

Kerajaan Negeri bersetuju membuat perolehan perisian daripada PANSAR Computer Services Sdn. Bhd. (PANSAR) yang membekal perisian SMART 2000. Kerajaan Negeri akan mengadakan kontrak secara rundingan terus dengan PANSAR. Vendor tersebut dikehendaki memasang modul tertentu yang belum dipasang dan mengoperasikan modul yang belum diguna pakai di Majlis Daerah dan kawasan stesen yang berkenaan. Kontrak ini juga termasuk melatih kakitangan Majlis terhadap tata cara operasi dan pengtaulianan sistem secara keseluruhan.

35.1.6 Pelan Pelaksanaan Sistem Komputer

Pelan pengkomputeran di Majlis Daerah dirangka oleh pihak Kementerian, UTMK dan Majlis Daerah. Pelan dibuat untuk memasangkan 7 jenis modul dari SMART 2000 di 18 Majlis Daerah manakala hanya 3 jenis modul akan dipasang di 16 kawasan stesen. Ini bermakna sebanyak 174 bilangan modul dijangka akan digunakan oleh 18 Majlis

Daerah dan 16 kawasan stesen di seluruh Negeri Sarawak. Bagaimanapun, daripada 174 bilangan modul tersebut, sebanyak 91 modul dikenal pasti untuk dipasangkan di 17 Majlis Daerah dan 16 kawasan stesen yang belum lagi dipasangkan dengan modul berkenaan. Pemasangan modul tersebut tidak melibatkan Majlis Daerah Limbang kerana semua modul sudah dipasang dan digunakan sebelum ini. Jadual untuk memasang 91 bilangan modul tersebut adalah seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82

Bil.	Majlis Daerah Dan Stesen	Bilangan Modul Untuk Dipasang								
		Tarikh (Tahun 2003)	A	B	C	D	E	F	G	Jumlah modul
1.	Bau	19.09.03	1	-	1	-	-	-	1	3
2.	Betong, Pusa, Debak, Spaoh	28.10.03	3	-	1	-	-	3	4	11
3.	Dalat, Mukah ,Balingian	13.10.03- 28.10.03	2	-	1	-	-	2	3	8
4.	Kapit, Song, Belaga	06.10.03- 09.10.03	2	-	1	-	-	2	3	8
5.	Lawas	02.12.03-03.12.03	-	-	1	-	1	-	1	3
6.	Lubok Antu, Engkelili	29.10.03- 05.11.03	1	1	1	-	1	1	2	7
7.	Lundu	03.12.03	-	-	1	-	-	-	1	2
8.	Marudi	04.12.03- 09.12.03	-	1	1	-	-	-	1	3
9.	Matu, Daro	03.10.03	-	-	1	-	-	1	1	3
10.	Maradong, Julau, Pakan	03.11.03- 20.11.03	3	1	1	-	-	2	3	10
11.	Samarahan	09.09.03- 11.09.03	-	1	1	-	-	-	1	3
12.	Saratok, Roban, Kabong	06.11.03- 26.11.03	2	1	1	-	1	3	3	11
13.	Sarikei	29.10.03- 30.10.03	-	-	1	-	-	-	1	2
14.	Serian	15.09.03-18.09.03	-	1	1	-	-	-	-	2
15.	Simunjan, Sebuyau, Gedong	04.12.03- 11.12.03	2	1	1	1	1	2	3	11
16.	Sri Aman	22.09.03- 24.09.03	-	-	1	-	-	-	1	2
17.	Bekenu, Niah	01.12.03	-	-	1	-	-	-	1	2
Jumlah			16	7	17	1	4	16	30	91

Sumber: Surat Lantikan Vendor Daripada UTMK

Nota: A - Modul Sistem Pembilang Cukai Taksiran B - Modul Sistem Perakaunan C - Modul Trek Bangunan
D - Modul Sistem Bayaran Gaji E - Modul Sistem Maklumat Kakitangan
F - Modul Sistem Pungutan Hasil G - Modul Sistem Pelesen

Pemasangan modul dirancang akan bermula pada bulan September 2003 dan dijangka siap pada akhir tahun 2003. Jika perubahan pada jadual diperlukan, kelulusan Kementerian hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Pasukan Pengurusan Pengkomputeran dikehendaki untuk memberi bantuan serta maklumat yang diperlukan semasa pemasangan sistem, melakukan pemindahan data dan menetap tempoh percubaan selari atau titik henti (*cut-off point*). Pasukan ini juga akan menetapkan keperluan, tatacara dan tempoh untuk aktiviti pemindahan data, bantuan data (*back-up data*), bimbingan serta bantuan semasa ujian percubaan dan tempoh larian selari.

35.1.7 Keperluan Kewangan

Projek pengkomputeran ini memerlukan sumber kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Majlis Daerah. Adalah dianggarkan sejumlah RM500,000 akan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pemasangan perisian SMART 2000 di Majlis Daerah dan sejumlah RM160,000 untuk kos mengendalikan latihan pengkomputeran kepada kakitangan Majlis. Manakala dianggarkan sejumlah RM2.17 juta akan dibelanjakan oleh

Majlis untuk tujuan perolehan perkakasan komputer, sejumlah RM1.04 juta untuk kerja penyenggaraan perkakasan dan sejumlah RM2.61 juta untuk melatih kakitangan dalam pengkomputeran seperti di **Jadual 83**.

Jadual 83
Anggaran Keperluan Kewangan Majlis Daerah

Perkara	Anggaran Tahunan			Jumlah (RM juta)
	2003 (RM juta)	2004 (RM juta)	2005 (RM juta)	
1. Pembelian komputer	0.73	0.86	0.58	2.17
2. Penyenggaraan komputer	0.34	0.33	0.37	1.04
3. Latihan	0.80	0.96	0.85	2.61
Jumlah	1.87	2.15	1.80	5.82

Sumber: Rekod Kewangan Majlis

35.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi memastikan pengkomputeran dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur, struktur pengurusan projek perlu diwujudkan. Keperluan kakitangan yang akan terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek hendaklah dirancang dengan jelas. Selain itu, perancangan latihan akan disediakan untuk semua pengguna sistem bagi memastikan keberkesanannya pengoperasian secara keseluruhannya.

a) Struktur Pengurusan Pengkomputeran

Untuk melaksanakan projek ini dengan berkesan, Jawatankuasa Pemandu Projek akan ditubuhkan untuk merangka polisi, menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan pengkomputeran, menyelaras dan menyeragam pelaksanaan sistem di semua Majlis Daerah. Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab untuk memberi sokongan kepada Pasukan Pengurusan Komputer di peringkat pelaksanaan sistem dan memantau kemajuan projek. Keahlian Jawatankuasa Pemandu Projek ini hendaklah terdiri daripada pihak pengurusan daripada Kementerian, pihak UTMK dan lain-lain ahli yang berkaitan.

b) Pengurusan Sumber Manusia

Pihak Majlis tidak merancang untuk mewujudkan satu unit khas bagi tujuan mengendalikan sistem berkomputer disebabkan tiada keperluan untuk mewujudkan jawatan baru dalam bidang teknologi maklumat. Sebaliknya pihak Majlis akan menggunakan sepenuhnya sumber manusia yang sedia ada dan berpengalaman dalam melaksanakan aktiviti cukai taksiran, pelesenan, kutipan hasil, perakaunan dan kewangan. Untuk menangani urusan dan masalah berkaitan dengan sistem berkomputer, Majlis akan membentuk satu Pasukan Pengurusan Komputer yang akan bekerjasama dengan PANSAR untuk melaksanakan projek pengkomputeran.

Pasukan Pengurusan Komputer ini akan ditubuhkan di setiap Majlis dan dianggotai oleh Setiausaha Majlis dan kakitangannya yang terlibat dalam penggunaan sistem berkomputer. Pasukan ini akan mengenal pasti kakitangan yang perlu menghadiri latihan, menetap jadual latihan, melapor segala masalah berkaitan dengan pemasangan sistem dan penggunaan modul kepada Jawatankuasa Pemandu Projek. Setiausaha Majlis bertanggungjawab terhadap keselamatan sistem berkomputer selain daripada menentukan peruntukan kewangan dan kemahiran tenaga manusia adalah mencukupi. Seorang Ketua Pegawai Maklumat bagi setiap Majlis akan dilantik oleh Kerajaan Negeri dan akan bertanggungjawab untuk mengagih kerja yang berkaitan kepada pengguna sistem, melapor kemajuan dan masalah berkaitan dengan penggunaan sistem kepada Setiausaha Majlis. Sementara itu, semua kakitangan akan dimaklumkan terhadap akauntabiliti dan tanggungjawab mereka semasa menggunakan komputer milik Majlis.

c) Perancangan Latihan

Semua kakitangan Majlis yang terlibat dalam penggunaan sistem berkomputer akan dilatih sepenuhnya oleh PANSAR. Tujuan dan skop latihan yang akan diadakan hendaklah secara rasmi, dijadualkan dan meliputi perkara berikut:

- Memberi pendedahan kepada pengguna fungsi keseluruhan operasi SMART 2000;
- Pengguna akan dapat mentauliahkan operasi penggunaan sistem aplikasi dan juga pengurusan sistem dan data;
- Latihan amali akan dijalankan untuk mendedahkan pengguna kepada fungsi sistem secara praktikal;
- Sijil akan diberi kepada pelatih yang menghadiri semua sesi latihan; dan
- Pegawai bertanggungjawab atau penyelia digalakkan untuk menghadiri latihan supaya boleh membincangkan keperluan pemasangan sistem dan tahap kemahiran.

Tempoh jadual latihan adalah selama 30 hari dan akan bermula pada bulan September sehingga Oktober 2003. Latihan akan dibuat secara 3 pusingan iaitu selama 10 hari untuk satu pusingan yang masing-masingnya akan diadakan di Kuching, Sibu dan Limbang. Penekanan akan ditumpukan kepada modul Sistem Perakaunan di mana latihan akan mengambil masa selama 3 hari. Tempoh latihan untuk modul Cukai Taksiran dijadualkan selama 2 hari, manakala tempoh untuk setiap modul yang lain ialah selama setengah hingga satu hari. Jadual latihan untuk mengendalikan SMART 2000 akan ditetapkan dalam kontrak.

35.1.9 Kaedah Penyenggaraan Perkakasan Dan Perisian

Kaedah penyenggaraan perkakasan dan perisian adalah seperti berikut:

a) Perkakasan Komputer

Jika perkakasan komputer didapati rosak dalam tempoh jaminan, pihak Majlis akan berurusan terus dengan pembekal. Manakala laporan terhadap kerosakan seterusnya akan dirujuk kepada PANSAR atau dirujuk kepada agensi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pihak Majlis akan menyediakan jadual khas untuk kerja penyenggaraan perkakasan komputer bila diperlukan.

b) Perisian

Untuk tujuan perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan perisian, Kerajaan Negeri akan membuat satu perjanjian kontrak berasingan dengan PANSAR. Jenis dan skop kerja, masa dan tempoh perkhidmatan, bayaran dan lain-lain syarat berkaitan akan dinyatakan dalam kontrak tersebut.

35.1.10 Kaedah Pemantauan

Kaedah pemantauan perlu dikenal pasti untuk memastikan pengkomputeran dapat dilaksanakan dengan sempurna dari segi kos, jadual pelaksanaan, pematuhan syarat kontrak dan keselamatan sistem serta perkakasan komputer. Proses pemantauan termasuk menjajak dan meneliti pencapaian kesan terhadap perancangan pengkomputeran dan mengambil tindakan menyemak semula pelaksanaan projek jika diperlukan.

Pada keseluruhannya, pihak Kementerian adalah bertanggungjawab menyelia semua aktiviti pengkomputeran Majlis. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga mengarahkan pihak UTMK untuk membantu, menyelia dan memantau proses pengkomputeran di Majlis yang terlibat. Pada peringkat awal pemasangan sistem, UTMK dan Kementerian adalah bertanggungjawab untuk memantau dan membuat keputusan jika ada perubahan yang diperlukan dalam pengurusan pengkomputeran di Majlis Daerah. Pemantauan terhadap pelaksanaan pengkomputeran pula adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu Projek dan Pasukan Pengurusan Komputer. Pasukan Pengurusan komputer juga bertanggungjawab menyediakan manual dan tatacara menjaga keselamatan sistem dan perkakasan komputer. Kawalan yang berkesan diperlukan untuk melindungi sistem berkomputer daripada kesan kegagalan kerahsiaan maklumat, integriti data, kebolehsediaan, komunikasi dan penyalahgunaan komputer Kerajaan.

Pada pandangan Audit, perancangan pengkomputeran di Majlis untuk mewujudkan sistem maklumat yang seragam dan berguna adalah memuaskan. Perancangan telah mengambil kira elemen kos, komponen perisian, perkakasan komputer, sumber manusia, keselamatan data, penyenggaraan sistem dan telekomunikasi bagi mencapai matlamat pengkomputeran di Majlis Daerah.

35.2 PELAKSANAAN

Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengkomputeran di Majlis Daerah mendapati perkara seperti berikut:

35.2.1 Dasar Kerajaan

Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengkomputeran mendapati, sehingga bulan Disember tahun 2005, hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pengkomputeran sistem maklumat secara elektronik dan seragam tidak tercapai sepenuhnya. Ini kerana terdapat 63 pejabat di Majlis Daerah dan stesen di bawah kawalannya yang belum menjalankan sistem secara berkomputer dengan sepenuhnya walaupun sistem telah lengkap dipasang. Manakala 2 Majlis Daerah tidak menggunakan SMART 2000 kerana memilih untuk menggunakan sistem berkomputer yang lain. Selain itu, dasar keselamatan maklumat berkomputer belum dipenuhi memandangkan kawalan pengkomputeran di Majlis Daerah belum begitu mantap.

Pada pendapat Audit, dasar Kerajaan Negeri tidak dipatuhi sepenuhnya memandangkan tidak semua Majlis menggunakan sistem yang seragam dan masih ada Majlis yang belum menggunakan sistem berkomputer dengan sepenuhnya.

35.2.2 Kajian Kemungkinan

Semakan Audit mengenai kajian kemungkinan mendapati pihak Kementerian dan UTMK telah menjalankan penilaian terhadap SMART 2000 pada tahun 2002 untuk menentukan kesesuaian dan keupayaan sistem sebelum SMART 2000 dipasang di 17 Pejabat Majlis Daerah dan 16 kawasan stesen. Selain itu, pihak UTMK juga telah mendapat maklum balas daripada Majlis untuk meneruskan penggunaan SMART 2000.

Hasil kajian yang dijalankan, pihak UTMK mendapati SMART 2000 telah menepati piawaian sistem yang ditetapkan iaitu sistem ini mempunyai ciri yang menepati *Basic Business Needs* seperti sistem yang mudah difaham serta mudah dikendali, mempunyai bantuan secara dalam talian dan ada kawalan keselamatan data yang dapat menghalang pencapaian pengguna daripada dicapai oleh pengguna yang tidak dibenarkan. Ianya juga menggunakan menu yang dipaparkan secara *Graphical User*

Interface (GUI) dan pengguna boleh menggunakan kaedah yang mudah seperti tunjuk dan klik (point-and-click) untuk melakukan operasi melihat, memproses, menyemak dan sebagainya terhadap program yang dijalankan. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati kajian terhadap keperluan peningkatan terhadap perisian kurang diberi perhatian. Akibatnya, walaupun sistem telah beroperasi, khidmat PANSAR masih diperlukan secara berterusan sehingga penghujung tahun 2005 untuk melakukan penyesuaian dan peningkatan terhadap perisian.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan terhadap keupayaan perisian sistem kurang memuaskan kerana banyak kerja penyesuaian dan peningkatan terhadap sistem dilakukan.

35.2.3 Perolehan Perkakasan Komputer

Kerajaan Negeri telah mengesyorkan supaya perolehan perkakasan komputer dibuat daripada PANSAR yang membekal SMART 2000. Semakan Audit terhadap sistem perolehan mendapati kebanyakan perkakasan komputer yang diperlukan sudah sedia ada dan pihak Majlis telah membuat perolehan perkakasan secara terus mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, didapati semua borang bercetak yang diperlukan untuk sistem tersebut seperti sampul bayaran, penyata gaji, baucar bayaran, pelbagai bil, lesen perdagangan/ hiburan serta resit dan cukai taksiran telah dibekalkan oleh PANSAR. Semakan Audit seterusnya terhadap perolehan perkakasan yang dilakukan pada tahun 2003 sehingga 2005 mendapati perkara berikut:

- a) Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM650,785 telah dibelanjakan oleh 18 Majlis Daerah yang terlibat dengan sistem berkomputer untuk membeli perkakasan komputer yang diperlukan seperti komputer, pencetak, pengimbas, *Uninterrupted Power Supply (UPS)* dan server. Jumlah pembelian perkakasan bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 84**.

Jadual 84
Pembelian Perkakasan Komputer Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Majlis Daerah	2003		2004		2005		Jumlah
		Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	Bil.	(RM)	
1.	Bau	6	7,968	13	21,474	1	5,128	34,570
2.	Betong	2	3,149	1	8,564	4	7,077	18,790
3.	Dalat dan Mukah	1	3,088	1	3,188	1	3,688	9,964
4.	Kapit	0	0	0	0	2	4,080	4,080
5.	Lawas	1	580	6	8,887	4	4,067	13,534
6.	Limbang	2	3,173	4	10,774	0	0	13,947
7.	Lubok Antu	26	52,180	19	49,006	2	3,038	104,224
8.	Lundu	6	12,643	5	3,481	0	0	16,124
9.	Marudi	6	8,175	4	9,218	0	0	17,393
10.	Matu-Daro	3	6,280	3	11,500	0	0	17,780
11.	Maradong/Julau	20	47,068	3	10,052	0	0	57,120
12.	Samarahan	1	14,760	59	42,790	0	0	57,550
13.	Saratak	6	14,499	4	5,250	4	7,600	27,349
14.	Sarikei	7	21,295	8	23,290	4	3,954	48,539
15.	Serian	5	3,988	11	30,151	6	16,598	50,737
16.	Simunjan	17	54,022	0	0	2	440	54,462
17.	Sri Aman	16	20,282	9	21,113	10	18,680	60,075
18.	Subis	2	6,148	13	35,811	1	2,588	44,547
Jumlah		127	279,298	163	294,549	41	76,938	650,785

Sumber: Rekod Kewangan Majlis

Adalah didapati perolehan perkakasan komputer yang dilakukan oleh Majlis dibuat secara rundingan terus kecuali Majlis Daerah Lubok Antu yang membuat perolehan melalui sebut harga. Semakan Audit seterusnya mendapati Majlis yang membuat pembelian secara rundingan terus dikecualikan daripada proses sebut harga atau tender memandangkan jumlah harga perolehan untuk satu jenis perkakasan kurang daripada RM20,000. Selain itu, proses pembayaran kepada pembekal dilakukan dengan teratur iaitu bayaran adalah disah dan diluluskan, dibuat mengikut harga yang ditetapkan, dibayar dengan segera dan tidak melebihi peruntukan.

- b)** Pemeriksaan fizikal Audit terhadap pembelian perkakasan yang dilakukan oleh 6 Majlis Daerah yang dilawati mendapati perkakasan yang diperolehi telah menepati spesifikasi yang disyorkan oleh PANSAR.

- c)** Pemeriksaan Audit terhadap rekod yang diselenggara oleh 6 Majlis Daerah yang dilawati mendapati semua perkakasan komputer yang diperolehi telah direkod ke dalam Daftar Aset. Bagaimanapun, daftar yang diselenggara oleh Majlis Daerah Samarahan didapati tidak kemas kini. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati semua peralatan komputer yang diperolehi diberi nombor bersiri dan ditanda dengan

'Hak Milik Majlis'. Bagaimanapun adalah didapati tindakan pelupusan terhadap komputer yang rosak tidak teratur. Segala data dan maklumat peralatan yang dimusnahkan tidak direkod dengan kemas kini. Majlis Daerah Samarahan tidak membuat tindakan pelupusan terhadap perkakasan komputer yang telah rosak. Pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan dan nilai sebenar perkakasan yang perlu dilupuskan kerana tiada maklumat lengkap yang dapat diperolehi. Adalah diperhatikan bahawa perkakasan yang rosak hanya diletakkan di sekitar pejabat atau di dalam bilik pegawai dan ini menyebabkan bilik kelihatan tidak kemas dan tidak teratur seperti di

Foto 56.

Foto 56
Perkakasan Komputer Yang Telah Rosak Diletakkan Di Bilik Pegawai



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Lokasi: Bilik Pegawai Kesihatan, Majlis Daerah Samarahan
Tarikh: 8 September 2005

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perkakasan adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan pelupusan terhadap perkakasan yang rosak tidak memuaskan.

35.2.4 Perolehan Komponen Sistem

Memandangkan SMART 2000 dipersetujui untuk digunakan, Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan secara terus dengan PANSAR untuk perolehan sistem. PANSAR juga dikehendaki memasang SMART 2000 di Majlis termasuk stesen di bawah kawalannya yang belum mengguna pakai modul tertentu. Pada bulan Disember 2003, Kementerian membuat permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk mendapat pengecualian daripada proses tender. Bagaimanapun, adalah didapati pihak Kementerian telah menandatangani kontrak yang bernilai RM498,600 pada bulan

Oktober 2003 untuk tujuan pemasangan sistem walaupun kelulusan pengecualian daripada tender diperolehi pada bulan Januari 2004.

a) Dokumen Kontrak

i) Syarat Perjanjian

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati syarat yang dinyatakan dalam kontrak adalah seperti berikut:

- PANSAR adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemasangan sistem. Skop kerja termasuk menentukan perisian dan perkakasan komputer yang dipasang, menentukan keperluan dan membantu semasa melakukan pemindahan data dan melatih pengguna sistem. Jika ada perubahan yang diperlukan, laporan *Inception* hendaklah disediakan oleh PANSAR;
- Bayaran untuk pemasangan sistem adalah berjumlah RM498,600;
- PANSAR dikehendaki untuk memberi maklumat berkaitan dengan pengurusan pemasangan sistem kepada pihak Kerajaan Negeri bila diperlukan;
- PANSAR dikehendaki untuk menyenggara akaun bank dan rekod pembayaran kepada Kerajaan Negeri dengan lengkap dan kemas kini serta memberi maklumat berkenaan jika diperlukan;
- Kerahsiaan maklumat hendaklah dipelihara oleh kedua-dua pihak; dan
- Tempoh perjanjian ditamatkan jika ada pihak yang melanggar syarat perjanjian dan gagal memberi notis secara bertulis bagi tempoh 14 hari.

Semakan Audit seterusnya mendapati ada syarat yang tidak ditetapkan dalam kontrak perjanjian seperti amaun deposit sekuriti dan bayaran denda jika kerja pengkomputeran tidak disiapkan pada tempoh yang ditetapkan. Syarat ini adalah untuk menjamin bahawa projek dapat beroperasi dengan lancar.

Pada pendapat Audit, syarat perjanjian kontrak adalah tidak mencukupi untuk memelihara kepentingan Kerajaan Negeri.

ii) Spesifikasi Perisian, Kerja Pemasangan Dan Caj Penyenggaraan

Jadual Pertama dalam kontrak menyenaraikan spesifikasi dan ciri modul yang dipasangkan, keperluan guna tenaga dan peranan jawatankuasa dan pasukan yang ditubuhkan. Jadual ini juga menyatakan vendor dikehendaki memberi perkhidmatan sokongan melalui telefon, fax atau e-mel secara percuma bagi tempoh selama 3 bulan selepas pemasangan sistem. Selepas tamat tempoh ini, perkhidmatan penyenggaraan terhadap perisian dikenakan caj 10% setahun ke atas nilai perisian

sistem. Bagaimanapun, khidmat penyenggaraan di Majlis dikenakan caj seperti dalam Kontrak Perjanjian Untuk Perkhidmatan Sokongan Dan Penyenggaraan Sistem yang berkuatkuasa pada bulan April tahun 2004.

Jadual Kedua dalam kontrak menetapkan tempoh pemasangan sistem dan latihan yang diadakan serentak pada bulan September hingga Oktober tahun 2003. Manakala Jadual Ketiga mengandungi senarai kos dan bilangan modul yang dipasangkan. Jadual Keempat dalam kontrak menyenaraikan Majlis Daerah/stesen dan modul untuk dipasang bermula pada bulan September 2003 dan untuk disiapkan pada bulan Oktober 2003. Harga caj penyenggaraan perisian adalah berjumlah RM106,250 iaitu 10% setahun ke atas nilai perisian ditetapkan dalam Jadual Kelima.

Semakan Audit mendapati spesifikasi seperti di kontrak menetapkan tempoh latihan selari dengan tempoh pemasangan sistem. Pihak Audit mendapati amalan biasa bagi urus tadbir yang baik ialah latihan terhadap penggunaan sistem sepatutnya dilaksanakan setelah sistem siap dipasang di semua Majlis. Tempoh perkhidmatan sokongan percuma dari PANSAR selama 3 bulan juga didapati sangat singkat memandangkan tahap kemahiran pengguna dalam operasi teknikal komputer masih rendah. Pihak Majlis juga tidak diberitahu mengenai skop khidmat percuma pada kontrak kerana dokumen kontrak tidak disalinkan kepada Majlis. Selain itu, spesifikasi kerja pemasangan tidak meliputi ujian terhadap sistem yang dipasang.

Pihak Audit berpendapat, spesifikasi perisian dan caj penyenggaraan adalah memuaskan. Bagaimanapun, tempoh latihan dan tempoh pemasangan sistem yang telah ditetapkan adalah tidak munasabah.

b) Bayaran

Jumlah kos perolehan dan pemasangan perisian yang ditetapkan dalam kontrak bernilai RM498,600. Harga pemasangan perisian mengikut modul adalah seperti di **Jadual 85.**

Jadual 85
Harga Pemasangan Perisian

Bil.	Modul	Bilangan Modul Dipasangkan	Harga Se Unit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Sistem Pembilan Cukai Taksiran	16	4,900	78,400
2.	Sistem Pelesenan (Hiburan)	21	5,900	123,900
3.	Sistem Pelesenan (<i>upgrade</i>)	10	1,000	10,000
4.	Sistem Pungutan Hasil	15	4,900	73,500
5.	Sistem Maklumat Kakitangan	4	4,900	19,600
6.	Sistem Bayaran Gaji	1	4,900	4,900
7.	Sistem Perakaunan	7	15,000	105,000
8.	Sistem Trek Bangunan	17	4,900	83,300
Jumlah		91		498,600

Sumber: Jadual Harga Perolehan Sistem

Semakan Audit mendapati harga yang sama dikenakan untuk setiap modul yang sama dalam pakej SMART 2000. Memandangkan PANSAR tidak membangunkan sistem yang baru sebaliknya menggunakan modul yang sama di semua 18 pejabat Majlis Daerah dan 16 kawasan stesen, kos yang ditetapkan adalah tidak berpatut. Untuk tujuan perbelanjaan yang berhemah, pihak Kementerian seharusnya berusaha untuk mengadakan rundingan untuk mendapat potongan/diskaun terhadap harga modul.

Jadual Ketiga dalam kontrak menetapkan 50% daripada RM498,600 perlu dibayar selepas tamat latihan diberikan kepada pengguna sistem dan bakinya dibayar selepas tamat pemasangan dan penyerahan sistem kepada semua Majlis terlibat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bayaran sejumlah RM498,600 telah dibuat sekali gus pada bulan Januari 2004 walaupun 57 daripada 91 modul belum siap dipasang. Pemasangan sistem hanya siap sepenuhnya pada bulan Januari 2005. Semakan Audit seterusnya mendapati PANSAR telah mengemukakan invois pada pertengahan bulan Disember tahun 2003 kepada Kementerian dan dipanjangkan ke UTMK pada bulan Januari 2004. Memandangkan kesuntukan masa bagi membuat bayaran daripada peruntukan tahun 2003, UTMK tidak mengeluarkan waran kepada Kementerian. Sebaliknya UTMK membuat pembayaran terus kepada PANSAR pada bulan Januari 2004.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perisian kurang memuaskan kerana perjanjian kontrak tidak menetapkan syarat deposit sekuriti dan denda kelewatan siap kerja. Selain itu, tempoh ujian sistem tidak ditetapkan, rundingan harga perisian tidak dilakukan dan bayaran dibuat tidak mengikut syarat seperti yang dinyatakan dalam kontrak.

35.2.5 Komponen Sistem Dan Pemasangan Modul

Semakan Audit mendapati semua 7 komponen sistem yang dikenal pasti untuk digunakan dalam sistem pengkomputeran Majlis telah dipertingkatkan keupayaan pemprosesan secara berperingkat pada tahun 2003 sehingga 2005 dan kos ini ditanggungkan oleh pihak Majlis. Pemasangan semua 91 modul di 17 Majlis Daerah terlibat dan stesen di bawah kawalannya hendaklah disiapkan pada bulan Oktober 2003.

a) Pemasangan Modul

Pemeriksaan Audit mendapati kaedah pemasangan sistem ialah dengan melatih pengguna sistem tatacara untuk memasang sistem dan seterusnya dilatih untuk melaksanakan operasi sistem berkenaan. Kaedah ini dibincang dalam mesyuarat pelaksanaan bersama dengan pihak Majlis, Kementerian, UTMK dan PANSAR pada bulan Ogos 2003. Mesyuarat bersetuju pegawai diberi cakera padat untuk tujuan pemasangan sistem di Majlis masing-masing setelah pegawai tersebut tamat sesi latihan. Perakuan siap kerja pemasangan sistem telah dibuat oleh Majlis dengan menandatangani borang yang disediakan oleh PANSAR.

Semakan Audit terhadap laporan pemasangan sistem oleh PANSAR mendapati kesemua 18 Majlis telah dipasang dengan SMART 2000 dan siap sedia untuk dihubungkan dengan *Smart Paybills Gateway* dan SarawakNet. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit seterusnya mendapati modul Sistem Trek Bangunan dan modul Sistem Perakaunan hanya siap dipasang di Majlis Daerah Serian pada bulan Januari tahun 2005. Selain itu, didapati tiada laporan disediakan oleh PANSAR kepada Kementerian atau UTMK untuk melaporkan sebab kelewatan pemasangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati pengguna yang ada masalah untuk melakukan pemasangan telah menghubungi PANSAR melalui telefon untuk bantuan. Adalah didapati PANSAR juga telah membuat lawatan ke Majlis Daerah yang mempunyai masalah kerja pemasangan dan kos tuntutan dari PANSAR bagi kerja tersebut ditanggung oleh Majlis. Pemeriksaan Audit terhadap salinan Laporan Khidmat Penyenggaraan yang dikemukakan oleh PANSAR mendapati banyak masalah dihadapi oleh pihak Majlis berkaitan dengan pemasangan sistem. Akibatnya, Majlis perlu membaik pulih pangkalan data, melakukan semula konfigurasi sistem dan sebagainya. Perkara ini berlaku di Majlis Daerah Samarahan, Bau, Kapit dan Sarikei.

Pemeriksaan lanjut Audit mendapati sehingga penghujung tahun 2005, sebanyak 63 pejabat Majlis Daerah dan kawasan stesen yang belum sepenuhnya beroperasi

walaupun semua modul sudah dipasang. Perkara ini berlaku kerana ada Majlis yang belum melakukan pemindahan data, tiada transaksi untuk dikendalikan atau Majlis belum bersedia untuk melaksanakan sepenuhnya sistem berkomputer. Sehingga bulan Disember tahun 2005 sebanyak 20 daripada 63 Majlis Daerah dan stesen belum melakukan pemindahan data. Modul yang telah siap dipasang adalah seperti di **Jadual 86**.

Jadual 86
Modul Sistem SMART 2000 Yang Belum
Beroperasi Setakat Bulan Disember 2005

Bil.	Modul Belum Beroperasi	Majlis Daerah /Stesen	Bilangan Majlis/Stesen
1.	Sistem Pembilan Cukai Taksiran	Saratok, Roban, Kabong, Gedong, Song, Belaga, Mukah, Dalat, Balingian	9
2.	Sistem Pelesenan	Samarahan, Saratok, Belaga, Song, Dalat, Mukah, Balingian, Gedong, Sarikei	9
2.	Sistem Pungutan Hasil	Dalat, Mukah, Balingian, Song, Julau, Saratok, Roban, Pakan, Belaga, Kabong, Simunjan, Maradong, Sebuyau	13
3.	Sistem Maklumat Kakitangan	Bau, Samarahan, Sri Aman, Kapit, Mukah, Serian, Betong, Limbang	8
4.	Sistem Bayaran Gaji	Samarahan, Mukah	2
6.	Sistem Perakaunan	Samarahan, Marudi, Saratok, Simunjan, Sarikei, Matu, Mukah, Maradong, Betong	9
7.	Sistem Trek Bangunan	Bau, Mukah, Kapit, Lawas, Limbang, Matu, Saratok, Sarikei, Betong, Maradong, Samarahan, Subis, Sri Aman	13
Jumlah			63

Sumber: Laporan Status Pemasangan Sistem SMART 2000 Setakat Bulan Disember 2005

Pada pendapat Audit, pemasangan sistem ini adalah tidak sempurna dan telah menimbulkan banyak masalah terutamanya kepada pengguna yang kurang mahir dalam operasi teknikal komputer.

b) Ujian Sistem

Proses ujian sistem sepatutnya dilakukan dengan menetapkan tempoh untuk melakukan ujian terhadap sistem dan prosedur melindungi keselamatan data. Selain itu, semua masalah, kesilapan seperti pepijat sistem dan ketidakpatuhan terhadap spesifikasi yang ditetapkan semasa ujian dilaksanakan hendaklah direkodkan. Rekod ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk Pasukan Pengurusan Komputer dan PANSAR bagi menentukan tindakan penyelesaian selanjutnya.

Temu bual pihak Audit dengan wakil PANSAR mendapati ujian terhadap sistem tidak dilaksanakan bagi memastikan sistem berkenaan boleh berfungsi dan beroperasi sepenuhnya. Maklum balas daripada PANSAR menyatakan ujian tidak perlu dilakukan kerana SMART 2000 tidak melibatkan aspek pembangunan sistem.

Sebaliknya, pihak Majlis terus menjalankan operasi sebaik sahaja SMART 2000 dipasang. Bagaimanapun, temu bual Audit dengan kakitangan yang terlibat mendapati pelbagai masalah telah dihadapi semasa SMART 2000 dilaksanakan. Akibatnya ada kakitangan telah menggunakan semula sistem manual apabila berlaku masalah dan operasi SMART 2000 tergendala. Selain itu, didapati pihak Majlis masih mengamalkan percubaan selari secara berterusan iaitu menjalankan operasi sistem secara berkomputer dan penyenggaraan secara manual dilakukan serentak terutamanya dalam pengurusan kewangan Majlis. Semakan Audit mendapati Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Betong, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Lubok Antu masih menyimpan rekod perakaunan secara manual dan juga mengoperasikan modul Sistem Perakaunan sehingga kini. Ini adalah kerana pengguna merasa lebih selesa jika rekod secara manual terus dikelaskan kerana bimbang tentang kekurangan pada perisian sistem yang dibekalkan oleh PANSAR.

Pada pendapat Audit, PANSAR tidak mengadakan ujian percubaan terhadap sistem dengan sempurna bagi menjamin keupayaan dan kualiti perisian sistem yang dibekal oleh PANSAR dan memastikan operasi SMART 2000 berjalan dengan lancar dan berterusan.

c) Pemindahan Data

Semakan Audit mendapati proses pemindahan data dari rekod manual ke format digital tidak termasuk dalam spesifikasi kontrak. Dengan itu proses pemindahan data dilakukan oleh kakitangan Majlis sendiri. Kawalan perlu diwujudkan semasa proses pemindahan data kerana ianya penting untuk memastikan tiada kesilapan berlaku seperti ketinggalan data atau rekod yang diubah. Langkah yang perlu diambil semasa pemindahan dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Kelulusan diperolehi terlebih dahulu sebelum proses pemindahan data dimulakan;
- ii) Proses semak semula data yang telah dipindah dengan rekod asal; atau
- iii) Menyelenggara laporan ketidaksamaan untuk merekod laporan oleh pengguna.

Lawatan Audit ke 6 Majlis Daerah mendapati Majlis tidak menyelanggara rekod sejak tahun 2003 untuk tujuan merekod jenis data yang dipindah, prosedur pemprosesan dan langkah kawalan yang telah diambil. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada proses kawalan ada dilakukan untuk menentukan keselamatan dan kesahihan data dan tempoh pemindahan dijalankan. Semakan Audit terhadap prestasi pemindahan data oleh Majlis yang dilaporkan oleh PANSAR

mendapati 16 Majlis belum melakukan pemindahan data setakat bulan Februari 2005.

Pada pendapat Audit, pengurusan pemasangan sistem adalah kurang memuaskan. Ini kerana pemasangan tidak mengikut jadual yang ditetapkan, ujian sistem tidak dijalankan dan tiada kawalan terhadap pemindahan data yang dilakukan.

35.2.6 Kawalan Sistem Berkomputer

Sistem maklumat mengandungi elemen manusia, perisian, peralatan komputer, telekomunikasi, maklumat dan data. Memandangkan sistem ini terdedah kepada ancaman dan risiko, pihak Majlis perlu mewujudkan kawalan terhadap komputer dan persekitarannya seperti berikut:

a) Kawalan Am

Pihak pengurusan hendaklah menetapkan polisi dan piawaian kawalan am yang meliputi kawalan fizikal, kawalan persekitaran, kawalan pengurusan, kawalan keselamatan, kawalan capaian dan kawalan operasi. Kawalan am di persekitaran sistem berkomputer adalah untuk menentukan keselamatan dan integriti data terpelihara serta operasi boleh dijalankan secara cekap, berkesan dan berterusan. Semasa lawatan Audit dijalankan di 6 Majlis Daerah adalah didapati perkara seperti berikut:

i) Kawalan Capaian

SMART 2000 mempunyai kawalan akses logikal yang dibentuk untuk peringkat pentadbir, penyelia dan operator. Setiap peranan pentadbir, penyelia dan operator ditentukan sama ada dibenarkan atau tidak untuk akses kepada modul dan program yang ditetapkan. Kawalan juga dihadkan terhadap penyata perbelanjaan bulanan dalam sistem lejar dan akses hanya dibenarkan untuk pegawai tertentu sahaja. Bagaimanapun, temu bual pihak Audit dengan kakitangan yang terlibat mendapati kawalan tersebut tidak digunakan sepenuhnya kerana ada kakitangan mengguna akses pentadbir dalam kerja operasi sistem di mana pengguna dapat mengemas kini, mengubah atau membatal sesuatu maklumat tanpa had akses. Pemeriksaan Audit di Majlis Daerah Bau dan Majlis Daerah Sri Aman mendapati Majlis tidak menghapus penggunaan akses logikal bagi pegawai yang telah berpindah tempat kerja. Ketiadaan kawalan akses yang berperingkat atau ketiadaan kerahsiaan kata laluan memberi kesan terhadap integriti data dan akauntabiliti di mana pengguna

boleh mengubah, menghapus atau mendedahkan maklumat penting kepada pihak yang tidak dibenarkan.

ii) Kawalan Pengurusan

Tugas menerima kutipan lesen dan kerja membuat pindaan data, pembatalan resit atau rekod pelesen didapati tidak diasingkan. Prinsip pengasingan tugas bermaksud bahawa semua tugas mewujud, membatal, kemas kini, mengubah dan mengesahkan data diasingkan. Ia bertujuan untuk mengelak akses yang tidak dibenarkan dan melindungi maklumat daripada kesilapan, kebocoran, dimanipulasi dan di samping itu dapat mengekalkan integriti dan kesahihan maklumat. Adalah didapati tugas mengutip wang di kaunter Majlis Daerah Sri Aman, Majlis Daerah Betong dan Majlis Daerah Bau, dilakukan oleh pegawai yang juga menyelenggara rekod pelbagai lesen dan sewaan. Kata laluan yang sama digunakan bagi semua pengguna sistem tersebut. Kata laluan khas di peringkat penyelia tidak disediakan atau tidak digunakan bagi mengawal penggunaan dan pencapaian terhadap data pelesen.

iii) Kawalan Pengurusan Perubahan

Kawalan ini perlu diwujudkan bagi menghadapi perubahan pada konfigurasi perkakasan komputer, perubahan perisian, perubahan prosedur pada manual atau perubahan lain yang boleh menjelaskan penyampaian perkhidmatan Majlis. Adalah didapati semua Majlis tidak mengamalkan kawalan pengurusan perubahan di mana segala kesilapan, masalah dan perubahan diberitahu kepada PANSAR melalui telefon atau e-mel pengguna tanpa kelulusan daripada pihak pengurusan Majlis. Ketiadaan kawalan yang berkesan boleh mengakibatkan ketiadaan jaminan terhadap kesahihan maklumat dan juga boleh mengakibatkan kehilangan jejak audit (*audit trails*).

iv) Kawalan Operasi Berterusan

Pemeriksaan Audit mendapati 3 Majlis memuatkan bantuan data (*back-up*) ke dalam cakera padat atau disket. Manakala 3 Majlis lain hanya menyimpan bantuan data dan program di dalam server. Adalah didapati 5 Majlis menyimpan peralatan bantuan data di pejabat sahaja dan hanya Majlis Daerah Subis menyimpan salinan kedua bantuan data di tempat berasingan. Semua Majlis tersebut tidak merekod operasi bantuan data dalam daftar. Selain itu, empat Majlis tidak menyediakan *Uninterrupted Power Supply* (UPS) atau tidak menyediakan peralatan UPS yang mencukupi untuk memastikan operasi bantuan data sempat dijalankan semasa bekalan elektrik terputus. Kawalan ini

penting dalam merancang operasi yang berterusan untuk memastikan operasi dan pemprosesan maklumat dilaksanakan secara berterusan walaupun ada berlaku gangguan operasi komputer yang lain bagi tempoh tertentu.

v) Kawalan Keselamatan

Lawatan Audit ke Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Bau dan Majlis Daerah Samarahan mendapati komputer yang dipasangkan dengan SMART 2000 tidak mempunyai program *anti virus* untuk melindungi maklumat daripada rosak atau dihapuskan oleh virus. Majlis juga telah memasang rangkaian WAN seperti SarawakNet atau internet bersama SMART 2000 pada komputer yang sama termasuk komputer di kaunter kutipan wang. Penggunaan yang kerap terhadap rangkaian bersama SMART 2000, mendedahkan sistem kepada risiko serangan virus dan boleh mengakibatkan kerosakan pada keseluruhan sistem maklumat Majlis, menjelas proses kerja dan melibatkan perbelanjaan tambahan. Semakan Audit terhadap polisi kawalan keselamatan di semua Majlis mendapati panduan mengenai kawalan keselamatan dari aspek keselamatan pengguna dan sistem keseluruhannya tidak disediakan.

vi) Kawalan fizikal


Lawatan Audit mendapati kawalan capaian fizikal ke bilik server adalah sangat lemah di mana kawalan tidak dibentuk untuk memelihara perkakasan komputer daripada kecurian, kemusnahan harta benda dan capaian terhadap sistem yang tidak dibenarkan. Adalah didapati hanya Majlis Daerah Lubok Antu menyimpan server di bilik khas, manakala 5 Majlis yang lain meletakkan server mereka di ruang seksyen. Pemerhatian Audit juga mendapati tiada halangan bagi kakitangan untuk keluar dan masuk ke kawasan tersebut seperti **di Foto 57**. Majlis Daerah Subis meletakkan server mereka di ruang yang terbuka dan terdedah kepada banyak bahan mudah terbakar seperti **di Foto 58**.

Foto 57
Server Yang Digunakan Untuk Rangkaian Sarawak Net



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Lokasi: Seksyen Pentadbiran, Majlis Daerah Subis
Tarikh: 14 Julai 2005

Foto 58
Server Yang Digunakan Untuk Sistem SMART 2000



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Lokasi: Seksyen Akaun, Majlis Daerah Subis
Tarikh: 14 Julai 2005

vii) Kawalan persekitaran

Kesemua 6 Majlis tidak menyediakan peralatan pengesan kebakaran seperti alat jangka suhu, alat pengesan asap, alat sistem penggera dan pelan

tindakan keselamatan kebakaran. Selain itu, didapati pelan kecemasan tidak diwujudkan untuk kawalan persekitaran. Pelan tindakan keselamatan perlu diuji sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menentukan keberkesanannya dan didokumentasikan. Ketiadaan kawalan terhadap keselamatan data dan persekitaran boleh menyebabkan peralatan komputer dirosakkan atau diganggu oleh sesuatu kejadian luar jangka atau disengajakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

b) Kawalan Aplikasi

Kawalan aplikasi mempunyai impak secara langsung semasa pengguna memproses setiap transaksi dalam sistem maklumat. Kawalan tersebut digunakan bagi memastikan integriti dan ketepatan transaksi atau data. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i) Rekod Jejak Audit

Lawatan Audit ke Majlis Daerah Samarahan dan Majlis Daerah Betong, mendapati Majlis tidak mempunyai rekod jejak audit pada modul sistem Pembilan Cukai Taksiran dan Sistem Pelesenan kerana program tidak dikemas kini. Analisis Audit terhadap rekod jejak audit bagi Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Lubok Antu dan Majlis Daerah Subis mendapati ianya ada menunjukkan identiti pengguna, tarikh dan masa transaksi diubah, jenis transaksi dan dokumen yang berkaitan. Bagaimanapun, didapati amaun lesen yang dibayar oleh pelesen tidak ditunjukkan pada rekod jejak audit terhadap Sistem Pelesenan. Oleh kerana didapati sistem hanya ada rekod jejak audit mengenai cukai taksiran, pungutan wang harian dan pelesenan, adalah wajar rekod jejak audit juga diwujudkan untuk menjelaskan perubahan pada maklumat sensitif terhadap program utama hasil, perbelanjaan, lejar am, gaji kakitangan dan maklumat kakitangan di semua Majlis. Rekod tersebut juga berkesan untuk mewujudkan akauntabiliti.

ii) Kawalan Input Dan Output

Semakan Audit terhadap rekod Majlis mendapati penyesuaian input dan output tidak dilakukan. Analisis Audit terhadap rekod Majlis Daerah Sri Aman mendapati sebanyak 115 resit lesen dan 1,444 bil lesen yang berjumlah RM299,498 telah dibatal. Pengesahan atau penyemakan penyelia tidak dilakukan terhadap sebarang pindaan data dan pembatalan rekod cukai atau pelesenan. Majlis Daerah Sri Aman telah mengeluarkan bil yang sama secara berganda, resit pelesen yang sama dibatalkan berulang kali bagi tempoh

bayaran dan tarikh yang sama. Selain itu, didapati jumlah kutipan harian yang dilaporkan tidak bersamaan dengan amaun dalam penyata bulanan. Perkara ini berlaku kerana kecuaian kakitangan Majlis, kurang akauntabiliti, tiada kawalan capaian yang berkesan dan juga kesilapan pada sistem. Ini membawa risiko tinggi seperti manipulasi maklumat dan kesilapan ketara pada penyata kewangan tahunan Majlis. Oleh yang demikian, kawalan secara manual juga perlu dilakukan oleh pengguna terhadap SMART 2000 dengan memeriksa maklumat yang dikeluarkan. Kawalan secara manual dari semasa ke semasa oleh pengguna adalah kawalan yang sangat berkesan di peringkat aplikasi. Ini adalah untuk mencapai kepastian yang munasabah sama ada keluaran dari sistem yang diguna pakai adalah lengkap, tepat dan berintegriti. Ketiadaan kawalan secara manual oleh pengguna boleh memberi gambaran yang tidak tepat terhadap penyata kewangan tahunan.

iii) Kawalan Output

Semakan Audit terhadap laporan tunggakan mendapati laporan tersebut tidak digunakan untuk dikaji, dianalisis dan diambil tindakan pembetulan oleh pihak yang diberi tanggungjawab dan juga tidak dikeluarkan pada masa yang ditetapkan. Pengguna perlu menentukan maklumat berkenaan adalah sedia untuk digunakan pada bila-bila masa. Ketiadaan kawalan dalaman yang cukup boleh menyebabkan pihak Majlis kehilangan hasil.

iv) Kawalan Prosesan

Adalah didapati penggunaan bil/resit lesen Majlis tidak sesuai kerana nombor bersiri tidak dicetak pada bil lesen walaupun nombor bil ada wujud dalam sistem lesen berkomputer. Nombor bil yang bersiri perlu diwujudkan untuk bil lesen bagi mengawal pengeluaran bil serta resit lesen serentak pada dokumen yang sama. SMART 2000 didapati tidak berupaya untuk mencetak nombor bil yang dijanakan daripada sistem tersebut pada cetakan dokumen bil yang sedia ada untuk tujuan penyesuaian. Ketiadaan kawalan yang berkesan boleh mengakibatkan penyalahgunaan bil untuk mendapatkan bayaran berganda tanpa ada kelulusan.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman pengurusan risiko dan akauntabiliti di Majlis Daerah adalah tidak memuaskan.

35.2.7 Penyenggaraan Perisian dan Perkakasan

a) Penyenggaraan Perisian Sistem

Pada awal tahun 2004, Kerajaan Negeri telah membuat satu perjanjian dengan PANSAR untuk perkhidmatan sokongan dan penyenggaraan perisian. Perjanjian ini adalah sah untuk tempoh 1 tahun dan akan dilanjutkan secara automatik pada tahun selanjutnya kecuali jika ada pihak berkenaan memutuskan untuk membatal perjanjian dengan memberi 2 bulan notis. Perkara yang terkandung di dalam perjanjian adalah mengenai jenis dan skop khidmat, masa perkhidmatan, bayaran dan kerja peningkatan terhadap sistem.

i) Jenis Dan Skop Khidmat

PANSAR menyediakan 2 jenis khidmat sokongan iaitu khidmat nasihat melalui telefon, e-mel atau faks dan khidmat penyenggaraan di Majlis. Manakala skop khidmat adalah termasuk memberi panduan seperti menu meja bantuan, menyedia manual panduan pengguna yang komprehensif dan kemas kini terhadap penggunaan modul dan operasi sistem. Selain itu, ia juga dapat membetulkan kesilapan atau kekurangan dalam SMART 2000 dan membaik pulih data yang rosak tetapi dengan syarat pengguna ada membuat bantuan data dengan sempurna. Bagaimanapun, didapati tiada rekod diselenggarakan oleh Majlis pada tahun 2003 hingga 2005. PANSAR juga tidak menyelenggara rekod pada tahun 2003 kerana sesi latihan dan pemasangan dilaksanakan pada tempoh tersebut dan rekod hanya mula diselenggara mulai bulan Julai 2004. Semakan Audit terhadap Laporan Khidmat Penyenggaraan yang disedia oleh PANSAR mendapati perkara berikut:

- Khidmat Nasihat Melalui Telefon**

Semakan Audit mendapati sebanyak 618 panggilan telah dibuat oleh pihak Majlis kepada PANSAR mengenai penggunaan SMART 2000 dan masalah berkaitan bagi tempoh tahun 2004 sehingga bulan Disember 2005. Maklumat lanjut mengenai khidmat penyenggaraan sistem melalui panggilan telefon adalah seperti di **Jadual 87**.

Jadual 87
Penyenggaraan Perisian Bagi Tempoh 2003 Sehingga Disember 2005

Bil.	Majlis Daerah/Stesen	Bilangan Panggilan		
		2003	2004	Jan-Jul 2005
1.	Bau	Tiada Rekod Diselenggarakan	16	28
2.	Betong dan Debak		8	14
3.	Dalat dan Mukah		-	5
4.	Kapit		2	21
5.	Lawas		6	12
6.	Limbang		14	26
7.	Lubok Antu/ Engkelili		11	38
8.	Lundu		8	36
9.	Marudi		7	27
10.	Matu-Daro		3	16
11.	Maradong dan Pakan		14	42
12.	Samarahan		7	18
13.	Saratok, Roban dan Kabong		1	24
14.	Sarikei		5	24
15.	Serian		8	28
16.	Simunjan		7	28
17.	Sri Aman		15	54
18.	Subis/ Bekenu dan Niah		10	35
Jumlah			142	476

Sumber : Laporan Penyenggaraan Perisian

Analisis Audit mendapati pada tahun 2004, PANSAR mengambil masa antara 1 hingga 85 hari untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan. Manakala bagi tempoh bulan Januari sehingga Julai tahun 2005, tempoh yang diambil untuk menyelesaikan masalah adalah antara 1 hingga 79 hari. Bagaimanapun, didapati 81% daripada kes berkenaan mengambil masa 1 hari sahaja untuk diselesaikan.

Semakan Audit seterusnya mendapati masalah berkaitan dengan perisian adalah seperti pengguna tidak dapat mencapai sistem dan tidak dapat membuat bantuan data melalui Fail ZIP, format laporan tertentu perlu di ubah suai, tatacara menerima cek atau wang tunai untuk bayaran bil berganda, jalan pintas ke menu tertentu dan kesilapan pengendalian masa larian yang dipamerkan di skrin. Manakala masalah yang dibangkitkan mengenai penggunaan modul adalah seperti mengimbang transaksi hasil pada penghujung hari, mengeluarkan bil ansuran, jumlah pada laporan tidak sama dengan statistik di pangkalan data, mengubah suai program untuk surc妖, tidak dapat memadam rekod lesen dalam pangkalan data, tidak dapat mengembalikan data selepas proses menyingkir bil, tatacara menyedia cek

untuk bayaran gaji secara *auto pick* dan sebagainya. Selain itu, pengguna juga meminta khidmat nasihat untuk menyelesaikan masalah berkaitan dengan perkakasan seperti pencetakan, kesilapan kesesakan komputer dan prosedur *rebooting*.

- **Khidmat Penyenggaraan Di Majlis**

PANSAR membuat lawatan ke Majlis untuk menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui telefon. Semakan Audit terhadap Laporan Khidmat Penyenggaraan mendapati sebanyak 114 lawatan telah dibuat oleh PANSAR bagi tempoh bulan Oktober tahun 2003 sehingga bulan Disember 2005 dan melibatkan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis berjumlah RM123,181. Laporan statistik mengenai khidmat penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 88**.

Jadual 88
Khidmat Penyenggaraan Perisian Di Majlis
Bagi Tempoh Tahun 2003 Sehingga Tahun 2005

Bil.	Majlis Daerah/ Stesen	Okt-Dis 2003		2004		2005	
		Bil. Lawatan	Caj (RM)	Bil. Lawatan	Caj (RM)	Bil. Lawatan	Caj (RM)
1.	Bau	4	3,800	4	880	1	1,020
2.	Betong, Pusa, Debak dan Spaoh	0	0	6	5,580	1	1,695
3.	Dalat Dan Mukah	1	976	3	1,900	1	1,130
4.	Kapit	1	1,600	4	1,900	2	3,360
5.	Lawas	2	3,665	1	1,800	2	6,260
6.	Limbang	-	0	2	2,400	1	3,480
7.	Lubok Antu dan Engkelili	1	1,620	3	870	2	4,800
8.	Lundu	-	620	2	0	2	1,200
9.	Marudi	1	3,100	0	0	1	4,220
10.	Matu-Daro	1	0	2	1,850	4	6,100
11.	Maradong/Julau	0	0	3	3,050	0	0
12.	Samarahan	1	1,160	8	2,120	8	4,905
13.	Saratok, Roban dan Kabong	0	0	6	7,840	2	4,860
14.	Sarikei	1	0	6	1,900	6	11,150
15.	Serian	0	0	5	1,160	1	3,500
16.	Simunjan dan Gedong	1	620	1	0	0	0
17.	Sri Aman	0	0	2	200	2	2,650
18	Subis /Bekenu	0	0	4	6,500	2	5,740
Jumlah		14	17,161	62	39,950	38	66,070

Sumber : Laporan Penyenggaraan Perisian

Analisis Audit terhadap Laporan Khidmat Penyenggaraan mendapati PANSAR mengambil tempoh antara 1 hingga 8 hari untuk menyelesaikan masalah. Bagaimanapun, didapati 56% daripada masalah tersebut dapat diselesaikan pada tempoh 1 hari. Semakan Audit seterusnya terhadap Laporan Khidmat Penyenggaraan mendapati masalah komputer seperti

pengguna tidak dapat akses data lain apabila program SMART 2000 sedang digunakan, modul tidak boleh akses ke server, tiada output, tidak dapat membaik pulih pangkalan data dan tidak dapat membuat bantuan data. Selain itu, PANSAR juga membuat penyenggaraan berkaitan dengan perkakasan komputer seperti menyambung sistem komputer dengan server, menyelesai masalah mencetak, membuat *hardware troubleshooting*, menyelesaikan masalah berhubung dengan sistem rangkaian, membuat konfigurasi semula terhadap server dan menukar perkakasan komputer.

ii) Masa Perkhidmatan

PANSAR dikehendaki melakukan kerja penyenggaraan mengikut waktu kerja biasa atau pada masa lain yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Tempoh perkhidmatan yang diberi adalah sama untuk semua Majlis kecuali jika ada permohonan khas. Temu bual Audit dengan pengguna mendapati perkhidmatan PANSAR adalah memuaskan walaupun kadang kala PANSAR lewat untuk memberi perkhidmatan dan ini menyebabkan kerja di Majlis tertangguh.

iii) Bayaran Tetap

Kos penyenggaraan untuk perisian ditetapkan sebanyak 10% setahun ke atas nilai keseluruhan perisian. Bagaimanapun, bayaran ini adalah tertakluk kepada jumlah sebenar lesen perisian yang dipasang dan kadar yang sama dikenakan terhadap tambahan perisian selanjutnya. Perubahan terhadap kadar ini boleh dibuat pada tahun berikutnya tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati kos penyenggaraan tahun pertama sehingga suku akhir tahun kedua berjumlah RM185,938 telah dibayar seperti ditetapkan dalam Jadual Pertama kontrak.

Selain itu, adalah didapati PANSAR mengenakan caj perkhidmatan, kos tambang, elaun makan, penginapan dan elaun lebih masa pada kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua jika kerja penyenggaraan perlu dilakukan di Majlis. Kadar bayaran yang dikenakan adalah mengikut tempoh masa kerja dilakukan, lokasi Majlis dan kategori kakitangan PANSAR yang melakukan kerja penyenggaraan.

Pihak Audit berpendapat, bayaran penyenggaraan perisian berjumlah RM106,250 setahun merupakan khidmat asas sahaja seperti menyediakan khidmat bantuan, panduan pengguna yang terkini, membetulkan kesilapan perisian atau sistem dan membaik pulih pangkalan data yang rosak.

Bagaimanapun, skop ini tidak termasuk penyenggaraan sistem secara berkala oleh PANSAR yang sepatutnya ditetapkan dalam spesifikasi kontrak penyenggaraan. Selain dari kos perisian yang perlu dibayar oleh Kerajaan Negeri, pihak Majlis juga telah menanggung perbelanjaan iaitu sejumlah RM123,181 untuk menyelesaikan masalah teknikal dan operasi sistem. Perbelanjaan penyenggaraan boleh dikawal sekiranya Majlis mempertingkatkan kemahiran pengguna untuk mengendalikan operasi sistem.

iv) Peningkatan Terhadap Sistem

PANSAR mengenakan caj berlainan terhadap permintaan Majlis untuk melakukan pengubahsuaian atau peningkatan terhadap modul yang sedia ada. Bagaimanapun, PANSAR tidak terikat dan boleh menolak permintaan ini. PANSAR dibenarkan untuk menurunkan kuasa secara bertulis kepada kontraktor lain untuk kerja penyenggaraan perisian bagi pihaknya. Semakan Audit mendapati PANSAR hanya melakukan peningkatan terhadap fungsi sistem pada tahun 2005 dengan mengedarkan *patches* terkini bersama panduan pengguna kepada semua Majlis. Program ini adalah untuk dipasang sendiri oleh Majlis. Adalah didapati *patches* tersebut terdiri daripada program pembetulan terhadap perisian yang bermasalah yang mana telah dibangkitkan oleh Majlis semenjak SMART 2000 diguna pakai pada tahun 2000. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Peningkatan Sistem bagi tempoh tahun 2004 sehingga 2005 mendapati sebanyak 17 *patches* telah dilakukan terhadap 6 modul di 14 Majlis terlibat. Bagaimanapun, diperhatikan tindakan pengubahsuaian dan penambahbaikan ini hanya dilakukan terhadap modul di mana Majlis ada membuat aduan sahaja. Manakala bagi Majlis yang tidak memberitahu PANSAR dianggap tidak bermasalah dan tiada tindakan lanjut diperlukan. PANSAR tidak mengambil langkah untuk membuat pengubahsuaian atau penambahbaikan secara menyeluruh melalui *patches* yang sama untuk semua Majlis terlibat. Penambahbaikan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- Mengemas kini program Sistem Pembilan Cukai Taksiran seperti penyenggaraan data, surcaj terhadap taksiran, kadar perkhidmatan dan pengubahsuaian terhadap laporan;
- Program tambahan untuk modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran dan Sistem Pelesenan untuk memadam pemilik berpendua, lesen dan nombor resit berpendua dan menambah laporan iaitu Daftar Bil Yang Aktif, Bil Belum Dijelas dan Senarai Penilaian;

- Menyedia aplikasi baru untuk membenar pengguna melihat dan mencetak penyata Perbelanjaan Bulanan mengikut seksyen;
- Menambah laporan untuk modul Sistem Pelesenan iaitu Rujukan Kelulusan Lesen daripada pangkalan data lesen; dan
- Menambah laporan untuk modul Sistem Bayaran Gaji iaitu Penyata Ringkasan Gaji untuk menunjukkan gaji bersih.

Selain itu, didapati tiada kawalan diwujudkan terhadap pengubahaian dan peningkatan sistem yang dilakukan untuk menyenggara keselamatan data dan integriti sistem. Versi terbaru sistem yang diedarkan kepada Majlis pada tahun 2005 tidak dilakukan melalui kawalan pengurusan perubahan. Kesan ketiadaan kawalan tersebut boleh mengakibatkan ketiadaan jaminan terhadap kesahihan maklumat dan juga boleh mengakibatkan kehilangan jejak Audit.

Pihak Audit berpendapat, PANSAR telah mengambil masa selama 5 tahun untuk melakukan pengubahaian dan penambahbaikan terhadap kelemahan perisian. Pada tempoh tersebut, pengurusan maklumat dan kewangan Majlis sering tertangguh dan Majlis juga telah menanggung perbelanjaan penyenggaraan yang tinggi.

b) Penyenggaraan Perkakasan Komputer

Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan perkakasan hanya dilakukan apabila ada kerosakan atau perkakasan perlu disenggarakan. Kerja penyenggaraan perkakasan yang telah dilakukan seperti memperbaiki kerosakan serta penyenggaraan komputer dan pencetak, meningkatkan keupayaan perkakasan, menggantikan peralatan yang rosak seperti modem dan sebagainya. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sejumlah RM378,396 telah dibelanjakan oleh Majlis untuk menyenggarakan perkakasan komputer. Adalah didapati setiap Majlis telah membelanjakan antara RM4,000 hingga RM95,000 pada tempoh berkenaan. Selain itu, Majlis juga didapati tidak perlu membuat perolehan kerja penyenggaraan melalui proses sebut harga atau tender oleh kerana kos penyenggaraan perkakasan komputer yang ditanggung oleh Majlis pada tahun berkenaan kurang daripada RM20,000.

c) Rekod Penyenggaraan

Dokumen berkaitan sepatutnya disimpan dalam Fail Komputer (Am) atau dengan menyelenggarakan Buku Log yang mengandungi maklumat setiap aktiviti operasi sistem yang tergendala atau perkakasan komputer yang tidak berfungsi. Selain

daripada tujuan pemantauan oleh pihak Majlis, ianya juga merupakan dokumen rujukan untuk tujuan Audit. Lawatan Audit ke 6 Majlis Daerah mendapati pihak Majlis tidak menyenggara rekod yang teratur untuk merekod kerja penyenggaraan terhadap sistem dan juga perkakasan komputer. Pihak Audit mendapati sukar untuk menentukan kelincinan operasi atau mengesan kekerapan kerja penyenggaraan yang telah dilakukan oleh pembekal, kontraktor atau Majlis sendiri disebabkan tiada rekod penyenggaraan yang sempurna untuk rujukan.

Pada pendapat Audit, PANSAR perlu melakukan kerja penyenggaraan sistem secara berkala sebagai sebahagian daripada khidmat sokongan. Selain itu, pihak Majlis tidak mengenal pasti masalah sebelum menyerahkan kerja kepada PANSAR. Majlis juga tidak menyimpan rekod penyenggaraan yang teratur dan kemas kini.

35.2.8 Prestasi Kewangan

Semakan Audit terhadap rekod kewangan Kerajaan Negeri mengenai pelaksanaan pengkomputeran mendapati sejumlah RM795,035 telah dibelanjakan bagi melaksanakan SMART 2000 dan sejumlah RM432,030 telah dibelanjakan bagi projek awal e-LA. Daripada jumlah RM795,035 tersebut sejumlah RM185,935 merupakan perbelanjaan berulang tahunan untuk menanggung kos penyenggaraan tahunan perisian SMART 2000 dan sejumlah RM110,500 untuk mengendalikan latihan tambahan. Sementara itu, daripada peruntukan sejumlah RM5.82 juta, Majlis juga telah membelanjakan sejumlah RM1.32 juta untuk melaksanakan pengkomputeraan. Butiran perbelanjaan ditunjukkan di **Jadual 89**.

**Jadual 89
Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005**

Bii.	Jenis Perbelanjaan	Kerajaan Negeri (RM)	Majlis (RM)
1.	Perolehan Perisian SMART 2000	498,000	Tiada
2.	Perolehan Perkakasan Komputer	Tiada	650,785
3.	Khidmat Penyenggaraan oleh PANSAR	185,935	123,181
4.	Penyenggaraan Perkakasan Komputer	Tiada	378,396
5.	Latihan SMART 2000	110,500	102,803
6.	Pemasangan Sistem e-LA termasuk latihan	432,030	Tiada
7.	Latihan untuk e-LA	-	66,660
Jumlah		1,227,065	1,321,825

Sumber: Rekod Kewangan UTMK dan Majlis Daerah

Pada pendapat Audit, perbelanjaan adalah terkawal dan tidak melebihi peruntukan bagi sistem pengkomputeran.

35.2.9 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Pengurusan Pengkomputeran

Jawatankuasa Pemandu Projek dianggotai oleh Setiausaha Tetap, Penolong Kanan Setiausaha dan Ketua Pegawai Maklumat daripada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam, Pengarah UTMK dan 2 ahli daripada PANSAR iaitu Pengarah Eksekutif dan Pengurus Projek. Adalah didapati Jawatankuasa ini telah melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang dirancang. Bagaimanapun, matlamat Jawatankuasa ini untuk menyeragamkan pengkomputeran SMART 2000 di semua 20 Majlis Daerah tidak dapat tercapai kerana didapati 2 Majlis iaitu Majlis Daerah Luar Bandar Sibu dan Majlis Daerah Kanowit sedang menggunakan sistem ILAIS yang dibekal dan diselenggara oleh Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS). Lazimnya ILAIS diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di peringkat Bandaraya dan Perbandaran memandangkan ILAIS berupaya untuk memproses jumlah data dan transaksi yang besar dan kos pemasangan ILAIS adalah tinggi. PANSAR dan SAINS dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk membekal SMART 2000 dan ILAIS masing-masingnya. Bagaimanapun, adalah didapati kedua Majlis Daerah tersebut masih menggunakan 2 modul dari SMART 2000 iaitu modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran dan Sistem Pungutan Hasil untuk tujuan pengurusan kewangan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini juga tidak menentukan langkah keselamatan terhadap projek pengkomputeran dan tidak menyelaras perolehan perkakasan komputer Majlis untuk tujuan mengurus perbelanjaan wang awam yang lebih berhemah.

b) Sumber Manusia

Semakan Audit mendapati kakitangan Majlis adalah mencukupi untuk melaksanakan operasi SMART 2000 walaupun beban kerja meningkat semasa melakukan pemindahan data. Majlis tidak menu buhkan Unit Teknologi Maklumat dan tidak perlu mengambil kakitangan tambahan yang mahir dalam bidang teknologi maklumat memandangkan kakitangan yang sedia ada sudah berpengalaman dengan aktiviti Majlis dan mereka hanya perlu dilatih dengan penggunaan sistem berkomputer. Untuk tujuan melaksana dan menyelaras sistem berkomputer, pihak Majlis telah menu buhkan Pasukan Pengurusan Komputer.

Pasukan Pengurusan Komputer ini dianggotai oleh Setiausaha Majlis, Ketua Pegawai Maklumat dan sekurang-kurangnya 6 pengguna modul berkenaan bagi setiap Majlis. Setiausaha Majlis bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan kewangan, pelaporan, memastikan kakitangan memahami keperluan standad dan keselamatan aset Kerajaan. Setiausaha Majlis boleh mencapai seluruh sistem

secara dalam talian untuk merancang, mengawal dan membuat keputusan mengenai aktiviti Majlis. Selain daripada Setiausaha, hak akses pada seluruh sistem berkomputer juga diberi kepada Ketua Pegawai Maklumat. Seramai 18 orang daripada kakitangan Majlis telah dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tanggungjawab Ketua Pegawai Maklumat di Majlis masing-masing di samping melaksanakan tugas harian mereka.

Adalah didapati semua Ketua Pegawai Maklumat yang dilantik mempunyai latar belakang pengalaman yang berbeza seperti mengendalikan urusan pentadbiran, cukai taksiran, kesihatan awam dan kewangan. Malahan ada juga yang baru dilantik memegang jawatan di Majlis. Semua pengguna bertanggungjawab di atas tindakan masing-masing terhadap komputer Majlis seperti tidak mendedahkan maklumat kepada pihak yang tidak dibenarkan, memeriksa ketepatan maklumat dari semasa ke semasa, menentukan maklumat sedia untuk digunakan, menjaga kerahsiaan kata laluan dan langkah keselamatan.

c) Latihan

Sesi Latihan SMART 2000 yang ditetapkan pada bulan September hingga Oktober 2003 dalam 3 pusingan telah dilaksanakan mengikut jadual. Latihan pertama telah dijalankan di Kuching selama 11 hari dan melibatkan 90 kakitangan dari 9 Majlis Daerah. Latihan kedua selama 13 hari telah diadakan di Sibu dan dihadiri oleh 91 peserta daripada 7 Majlis. Manakala latihan ketiga diadakan di Limbang selama 5 hari dan dihadiri oleh 34 peserta daripada 3 Majlis Daerah. Semakan Audit terhadap rekod latihan mendapati setiap Majlis menghantar antara 7 hingga 18 orang peserta untuk menghadiri latihan tersebut. Majlis telah menanggung sejumlah RM53,595 untuk tujuan kos perjalanan dan penginapan peserta kursus dan kos lain berkaitan.

Semakan lanjut Audit di 6 Majlis yang dilawati mendapati 18 pegawai yang tidak pernah terlibat dengan operasi SMART 2000 dan e-LA tetapi telah menghadiri kursus. Ketua Pegawai Maklumat Majlis terlibat menjelaskan pegawai berkenaan dipilih untuk menghadiri latihan kerana pegawai yang sepatutnya hadir latihan telah mengambil cuti, telah bertukar tempat bekerja atau menghadiri mesyuarat dan latihan lain. Selain itu, ada di antara pegawai ini akan mengambil alih tugas pegawai yang akan bertukar stesen. Sementara itu, seramai 15 pengguna dari Majlis Daerah Lubok Antu, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Bau yang terlibat langsung dalam operasi SMART 2000 dan e-LA, tidak pernah menghadiri latihan termasuk Setiausaha Majlis.

Selain itu, didapati ramai kakitangan terlibat telah memohon untuk latihan lanjutan diadakan kerana memerlukan lebih pendedahan terhadap penggunaan modul dan operasi sistem secara keseluruhannya. Latihan tambahan yang kedua telah dijalankan pada akhir bulan Julai hingga pertengahan Oktober tahun 2004. Latihan ini dibuat dalam 4 pusingan dan melibatkan 150 kakitangan daripada 18 Majlis berkenaan. UTMK telah membayar sejumlah RM110,500 kepada PANSAR untuk mengadakan latihan tambahan tersebut dan kos yang ditanggung oleh Majlis untuk kos perjalanan dan penginapan peserta kursus dan kos lain berkaitan ialah sejumlah RM49,207.

Semakan Audit terhadap Laporan Khidmat Penyenggaraan bagi tempoh bulan Oktober 2003 sehingga bulan Disember 2005 mendapati selain dari melakukan penyenggaraan perisian di Majlis, PANSAR juga telah diminta untuk mengadakan latihan. Kos latihan tambahan ini ditanggung oleh 13 Majlis berkenaan. Bagaimanapun, kos sebenar untuk latihan tambahan ini tidak dapat ditentukan kerana telah dicaj bersama kos kerja penyenggaraan. Pihak Audit juga telah menemu bual pengguna terlibat dan mendapati masih ramai pengguna yang kurang faham terhadap operasi sistem khasnya dan juga penggunaan perisian komputer secara amnya serta memerlukan pendedahan lanjut. Perkara ini telah diketengahkan semasa mesyuarat Audit bersama dengan UTMK, Kementerian dan PANSAR. UTMK telah bersetuju untuk mengkaji dan menimbang sama ada latihan tambahan secara rasmi perlu diadakan oleh PANSAR. Adalah didapati penilaian mengenai prestasi latihan tidak dilakukan oleh pihak UTMK atau Kementerian.

Selain daripada latihan terhadap SMART 2000, bengkel terhadap penggunaan e-LA juga telah dijalankan pada bulan Mac 2005 dan melibatkan 277 pegawai dan kakitangan semua Majlis. Sejumlah RM45,360 telah dibayar oleh UTMK kepada SAINS untuk mengadakan latihan sistem e-LA dan Majlis terlibat menanggung perbelanjaan sejumlah RM66,660 untuk kos latihan e-LA. Semakan Audit terhadap rekod latihan kakitangan Majlis mendapati mereka juga ada menghadiri latihan, kursus, bengkel dan seminar berkaitan dalam bidang komputer seperti kursus Perancangan Strategik ICT, *ICT In Libraries*, *Workshop On Disaster Recovery* dan perihal program serta perisian komputer. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 pihak Majlis telah membelanjakan sejumlah RM11,000 bagi pelbagai kursus komputer.

Pada pendapat Audit, konsep pengkomputeran yang seragam tidak dapat dilaksanakan di Majlis Daerah. Manakala latihan yang dijalankan adalah kurang

berkesan kerana tempoh latihan terlalu singkat dan penilaian terhadap setiap sesi latihan tidak pernah dilakukan untuk mengukur prestasi latihan. Selain itu, pengguna bukan sahaja perlu mentauliahkan sistem tetapi juga dilatih untuk memasang sistem.

35.2.10 Rangkaian Pengkomputeran

Untuk memantapkan pengkomputeran di Majlis secara keseluruhannya, sistem e-LA diperkenalkan untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam secara dalam talian dan boleh dicapai melalui laman SarawakNet. Sistem e-LA adalah *web-based* dan sebahagian daripada fungsi sistem e-LA boleh berintegrasi dengan sistem SMART 2000. Di peringkat awal pelaksanaannya, sistem ini mengandungi 3 modul iaitu *e-Booking System*, *e-Request System* dan *e-Payment System*. Manakala modul lain seperti *e-Submission* dan *e-Licensing* akan diperkenalkan kemudian. Pada bulan November tahun 2004, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM432,030 untuk melantik SAINS melakukan pembangunan sistem, latihan dan pemasangan 3 modul tersebut. Pada akhir tahun 2004, sistem ini mula dipasang di semua Majlis Daerah dan siap dipasang sepenuhnya pada tahun 2005. Semakan Audit mendapati skop kerja pemasangan di semua Majlis merangkumi penyiapan keperluan pengguna, konfigurasi sistem, latihan dan penyediaan akaun pengguna. Fungsi sistem e-LA secara ringkasnya adalah seperti berikut:

a) *e-Booking*

Adalah didapati pelanggan boleh membuat tempahan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Majlis seperti tempat sukan dan dewan awam melalui laman SarawakNet. Pengguna juga boleh menyemak sama ada kemudahan tersebut belum ditempah, sedang diguna, aktiviti yang sedang atau akan berlangsung di tempat berkenaan. Selain itu, pihak Majlis boleh memantau kegunaan kemudahan yang disediakan kepada orang awam. Sistem ini juga boleh mengeluarkan laporan atau dokumen seperti Borang Permohonan Tempahan, Surat Pengesahan Tempahan, Penyata untuk pembayaran, laporan bil belum dijelaskan dan laporan statistik bulanan dan tahunan.

b) *e-Request*

Sistem ini menerima pertanyaan pengguna dan disalurkan terus kepada pegawai yang berkenaan. Orang awam atau pelanggan boleh menyemak status permohonan secara dalam talian. Selain daripada mengeluarkan laporan statistik bulanan dan tahunan, pengguna sistem juga boleh mencapai menu melalui skrin untuk melihat

atau menyemak status laporan. Sistem ini juga boleh diguna untuk menghantar notis dan peringatan kepada pelanggan.

c) e-Payment

Sistem ini berupaya menjimatkan kos mencetak serta menghantar bil kepada pengguna dan juga berupaya menerima bayaran daripada pengguna secara dalam talian. Selain itu, ianya juga menyenggara rekod pelanggan sama ada untuk melanggan atau membuat pembatalan tempahan, mengeluar maklumat bil cukai taksiran atau kompaun letak kereta dan mencetak rekod bayaran harian.

Pada pendapat Audit, e-LA memudahkan komunikasi untuk penyampaian perkhidmatan Majlis kepada orang awam secara dalam talian. Bagaimanapun, Majlis perlu memastikan kawalan dalaman yang berkesan dipatuhi.

35.2.11 Pencapaian Pengkomputeran

Analisis telah dijalankan oleh pihak UTMK untuk mengukur prestasi pencapaian pengkomputeran melalui soal selidik yang diedarkan kepada semua pengguna sistem. Maklum balas dari pengguna menjelaskan bahawa sistem dan dokumentasi sistem mudah digunakan, latihan adalah efektif dan perkhidmatan sokongan yang diberikan oleh PANSAR adalah memuaskan. Bagaimanapun, hasil analisis Audit terhadap rekod khidmat penyenggaraan dan temu bual dengan pengguna mendapati ramai pengguna belum mahir dengan fungsi keseluruhan modul yang digunakan dan banyak permintaan untuk latihan lanjutan telah dipohon oleh pengguna. Masalah yang dihadapi pengguna adalah seperti memindahkan jumlah kutipan cukai dan lesen ke Sistem Hasil (Lejar Am), tatacara memproses data selanjutnya apabila program pada sistem tidak lengkap, melakukan imbalan kepada akaun dan sebagainya. Selain itu, temu bual dengan pengguna mendapati sistem masih bermasalah walaupun kerja penyenggaraan perisian telah dilakukan oleh PANSAR. Kelemahan sistem yang ditemui adalah seperti berikut:

- a)** Program untuk mengemas kini jumlah lesen yang dikutip melalui Kelompok Lejar Am mengikut kod perakaunan dan tarikh transaksi dari Sistem Pelesenan kepada Akaun Lejar Am adalah tidak sesuai kerana program tersebut menggunakan kaedah akrual sedangkan Majlis masih menggunakan kaedah tunai. Sesuai dengan perkembangan semasa, Majlis perlu mengubah kepada perakaunan kaedah akrual.
- b)** Sistem Pelesenan menyimpan maklumat pelesenan dan penggunaan meter air di Pasar Basah Majlis. Pihak Audit mendapati Majlis tidak pernah memproses bil air tersebut daripada penyewa Pasar Basah Majlis kerana penggunaan air ditanggung

sendiri oleh penyewa berkenaan. Sistem tersebut sepatutnya mengambil kira keperluan Majlis masa kini.

- c) Senarai Tunggakan masih menunjukkan bil yang sudah dibayar dan kutipan tersebut tidak dapat dikemas kini bagi setiap pertengahan tahun ke Sistem Perakaunan. Tunggakan cukai yang dikira secara manual didapati berbeza dengan ketara daripada jumlah pada laporan komputer. Perkara ini berlaku disebabkan ada kesilapan semasa kemasukan data, laporan terperinci tidak dapat dikeluarkan dan fungsi baki bawa ke hadapan pada sistem kurang berkesan. Perbezaan amaun tunggakan sering dibangkit semasa pengauditan penyata kewangan tahunan Majlis dan kesannya menyukarkan kerja penyesuaian atau laporan komputer tidak tepat untuk tujuan analisis. Selain itu, pengubahsuaian dilakukan terhadap Sistem Bayaran Gaji seperti elauan tetap tidak diambil kira semasa memproses bayaran gaji dan perkiraan bayaran elauan wilayah yang tidak menggenapkan tempoh kerja sebulan. Pengubahsuaian juga dibuat terhadap Sistem Perakaunan seperti mengimbang akaun dan menyelaraskan urusniaga melalui baucar jurnal dalam laporan deposit tahunan.
- d) Sebanyak 16 kawasan stesen dipasang dengan modul Sistem Pembilan Cukai Taksiran, Sistem Pelesenan dan Sistem Pungutan Hasil. Bagaimanapun, adalah didapati pangkalan data cukai dan pelesenan bagi kawasan stesen tidak bersepadan dengan pangkalan induk di Pejabat Majlis. Ini menjelaskan kesahihan maklumat kewangan kerana terimaan hasil dari pembayar cukai dan pelesen di kawasan stesen tidak diambil kira dalam pangkalan induk.
- e) Kawalan aplikasi kurang berkesan seperti rekod jejak audit tidak lengkap, kutipan harian dilaporkan berlainan dengan amaun bulanan dan Sistem Pelesenan tidak berupaya menghasilkan nombor kawalan pada bil lesen.

Semakan Audit seterusnya mendapati sistem pengkomputeran belum dilaksanakan dengan sepenuhnya walaupun pemasangan sistem telah siap dilakukan. Ini kerana proses pemindahan data belum dilaksanakan sepenuhnya dan ada transaksi masih dilakukan secara manual. Perkara ini berlaku kerana pegawai terlibat belum mahir mengendalikan modul berkenaan atau tiada data untuk dimasuk ke dalam sistem.

Penggunaan Sistem Perakaunan dalam pakej SMART 2000 memberi kesan terhadap penyediaan dan pengesahan penyata kewangan tahunan bagi setiap Majlis Daerah. Daripada 9 Majlis yang menggunakan sepenuhnya Sistem Perakaunan, adalah didapati

5 Majlis dapat menyediakan penyata kewangan tahunan lebih awal dan seterusnya mendapat pengesahan yang lebih awal daripada Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 dan 2004. Majlis yang mendapat pengesahan akaun yang lebih awal daripada pihak Audit adalah Majlis Daerah Bau, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Lundu, Majlis Daerah Sri Aman dan Majlis Daerah Subis. Walaupun 5 Majlis tersebut telah menyediakan penyata kewangan lebih awal dengan menggunakan Sistem Perakaunan, beberapa aspek proses penyediaan akaun masih memerlukan rekod perakaunan diselenggarakan secara manual seperti Penyata Amanah Khas/Deposit, Akaun Pembangunan, Penyata Tunggakan Cukai dan Lejar Am. Jadual penyerahan penyata kewangan tahunan yang diselenggara oleh pihak Audit mendapat penyata untuk diaudit adalah lewat bagi 15 Majlis Daerah yang masih menyediakan penyata kewangan tahunan secara manual. Analisis Audit mendapat antara 7 modul, Sistem Maklumat Kakitangan dan Sistem Trek Bangunan adalah tidak berkesan untuk menyumbang kepada prestasi kewangan Majlis kerana 2 modul tersebut hanya berguna untuk rujukan dan tujuan pentadbiran sahaja.

Bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Julai 2005 pemeriksaan Audit terhadap prestasi penggunaan sistem e-LA di 6 Majlis yang dilawati mendapat hanya ada 3 pendaftaran sebagai pengguna sistem dibuat oleh orang awam dan belum ada transaksi dilakukan melalui 3 fungsi sistem tersebut. Walaupun kemudahan infrastruktur rangkaian komunikasi seperti satelit di kawasan luar bandar telah disediakan oleh Kerajaan Negeri, tahap pendedahan terhadap penggunaan internet oleh orang awam adalah rendah dan capaiannya masih terhad. Memandangkan saiz Negeri Sarawak sangat luas dan taburan penduduk yang merata, Majlis perlu membelanjakan wang awam dengan berhemah. Mekanisme kawalan yang berkesan terhadap pengurusan sistem berkomputer juga perlu diwujudkan dan dipertingkatkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya objektif pengkomputeran di Majlis Daerah belum mencapai matlamat untuk mengadakan sistem pengurusan maklumat dan kewangan secara elektronik dengan sepenuhnya. Ini adalah disebabkan perisian yang kurang berkualiti dan memerlukan banyak peningkatan, keperluan pengguna secara terperinci tidak dikenalpasti sebelum sistem diguna pakai, perkakasan komputer yang sering gagal untuk berfungsi, kawalan sistem berkomputer yang belum mantap dan tenaga pekerja yang kurang mahir dalam pengurusan pengkomputeran. Selain itu, sistem e-LA belum mencapai sepenuhnya matlamat Kerajaan Negeri walaupun sudah 2 tahun e-LA diwujudkan.

Pada pendapat Audit, pengkomputeran di Majlis Daerah secara keseluruhannya tidak mencapai tahap yang memuaskan. Tahap keberkesanan SMART 2000 boleh dimaksimumkan lagi jika ada langkah diambil untuk meningkatkan kemahiran pengguna supaya sistem boleh digunakan dengan sepenuhnya. Ini juga dapat mengurangkan kos penyenggaraan oleh Majlis terhadap operasi SMART 2000. Selain itu, pencapaian matlamat Kerajaan Negeri dengan memberi khidmat secara dalam talian hanya mampu dilaksanakan dengan sepenuhnya di kawasan bandar kerana ramai orang awam di kawasan luar bandar masih kekurangan komputer dan tiada khidmat internet. Tahap ilmu pengetahuan dan pendedahan kepada teknologi canggih yang agak rendah juga merupakan salah satu faktor yang melambatkan pencapaian matlamat Kerajaan Negeri dan wujudnya jurang celik komputer yang sangat ketara.

35.3 PEMANTAUAN

Pemeriksaan Audit terhadap rekod yang diselenggara oleh pihak Majlis Daerah, Kementerian dan UTMK mendapati tahap pemantauan yang dijalankan adalah seperti berikut:

35.3.1 Jawatankuasa Pemandu Projek

Semakan Audit mendapati mesyuarat bersama yang diadakan untuk membincang pelaksanaan pengkomputeran di Majlis telah diwakili oleh Ketua Pegawai Maklumat bagi pihak Majlis Daerah, dua pegawai daripada Kementerian, tiga pegawai daripada UTMK dan juga dihadiri oleh 2 wakil dari PANSAR. Semakan Audit terhadap rekod mesyuarat mendapati ketiga pihak ini telah bermesyuarat sebanyak 1 kali sahaja iaitu sebelum pelaksanaan SMART 2000 dilaksanakan. Antara isu yang telah dibincangkan adalah mengenai keperluan perkakasan komputer yang berkaitan, cadangan pemasangan sistem secara rangkaian, pemasangan SMART 2000 untuk dilakukan oleh pihak Majlis sendiri melalui cakera padat dan kos terlibat. Tiada mesyuarat selanjutnya diadakan. Selain itu, temu bual dengan pengguna di Majlis Daerah yang dilawati mendapati tiada lawatan pernah dilakukan oleh pihak Kementerian dan UTMK untuk memantau pelaksanaan SMART 2000 di Majlis Daerah.

35.3.2 Pasukan Pengurusan Komputer

Semakan Audit mendapati ahli Pasukan Pengurusan Komputer terdiri dari Setiausaha Majlis, Ketua Pegawai Maklumat dan kakitangan Majlis yang terlibat. Adalah didapati Pasukan ini tidak menyediakan laporan terperinci terhadap kemajuan dan masalah berkaitan dengan pengkomputeran. Selain itu, Majlis hanya mengemukakan laporan kepada Kementerian atau UTMK bila diminta.

35.3.3 Buku Log Khas

Selain itu, didapati pihak Majlis tidak menyelenggara rekod atau Buku Log khas untuk merekodkan semua masalah operasi SMART 2000 serta kerosakan yang berlaku terhadap perkakasan dan gangguan operasi sistem.

35.3.4 Tindakan Susulan

Adalah didapati pengawasan kurang dilakukan oleh pihak UTMK dan Kementerian dalam pengurusan sistem berkomputer Majlis Daerah. Jika ada masalah berkaitan dengan penggunaan SMART 2000, pihak Majlis hanya dinasihatkan untuk berhubung terus dengan PANSAR untuk penyelesaian.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh Kementerian dan UTMK adalah kurang memuaskan. Tindakan hendaklah diambil untuk membuat lawatan berkala ke Majlis Daerah terlibat untuk memastikan sistem berjalan dengan lancar dan berkesan.

36. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, tahap pencapaian pengkomputeran di Majlis Daerah kurang memuaskan. Beberapa aspek pengurusan berkaitan dengan pelaksanaan dan pemantauan seperti yang disebutkan dalam laporan ini perlu diberi perhatian dan diambil tindakan pembetulan. Keberkesan pengurusan boleh dipertingkatkan lagi jika pihak Majlis, Kementerian dan UTMK mengambil tindakan berikut:

- i) Satu Jawatankuasa ditubuhkan khas untuk melakukan *Post Implementation Review* secara berkala untuk membincang langkah penyelesaian isu atau masalah pengkomputeran, mengenal pasti keperluan baru oleh pengguna sistem, membentuk pengurusan risiko dan menjamin matlamat sistem maklumat Majlis tercapai;
- ii) Pihak Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi atau Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam perlu mengadakan latihan secara berterusan untuk mengendalikan operasi sistem aplikasi dan juga meningkatkan pengetahuan terhadap sistem berkomputer dan kawalan yang diperlukan. Kemahiran pengguna adalah elemen yang sangat penting dalam melancarkan operasi sistem berkomputer. Latihan juga perlu melibatkan pihak pengurusan seperti Setiausaha/ Penolong Setiausaha Majlis;
- iii) Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam perlu menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan sistem maklumat berkomputer iaitu SMART 2000 bagi semua Majlis Daerah. Ini juga termasuk menubuhkan Pasukan Naziran untuk memantau dan mengawas pematuhan terhadap peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa;

- iv) Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam terlibat dalam pengurusan perolehan peralatan komputer yang sesuai untuk dibekalkan kepada Majlis Daerah. Ini termasuk menimbang keperluan perkakasan komputer tambahan dan peningkatan keupayaan perkakasan yang sedia ada;
- v) Menyemak semula keperluan pengguna masa kini. Keperluan tersebut ialah kaedah integrasi antara modul boleh berfungsi sepenuhnya, mengambil kira kaedah tunai yang digunakan oleh Majlis, memperluaskan fungsi rekod jejak audit, menyemak semula keperluan maklumat pengguna air bagi Modul Pelesenan dan menyemak semula penggunaan bil/ resit lesen perniagaan yang tidak mempunyai nombor bersiri bil setelah nombor tersebut dijana dari Sistem Pelesenan. Selain itu, pengiraan *Annual Rate Valuation* perlu dibentuk mengikut formula yang ditetapkan dan untuk dimasukkan ke dalam Sistem Pembilan Cukai Taksiran;
- vi) Setelah kutipan cukai taksiran dan lesen dilakukan, pangkalan data di kawasan stesen perlu dikemas kini dengan pangkalan induk di pejabat Majlis Daerah sama ada secara dalam talian atau dipindahkan secara manual. Koordinasi antara pejabat Majlis Daerah dan kawasan stesen yang berkaitan perlu diwujudkan untuk memantapkan kawalan terhadap kesahihan maklumat kewangan;
- vii) Majlis perlu menyelenggara Buku Log untuk merekod kerja penyenggaraan komputer dan merekod operasi sistem yang tergendala;
- viii) Semua pihak terlibat mengadakan program promosi yang lebih agresif untuk menggalakkan penggunaan sistem e-LA; dan
- ix) Semua Majlis hendaklah melaksanakan perakaunan berdasarkan kaedah akrual dan tidak secara tunai lagi memandangkan Sistem Pengkomputeran yang dibangunkan sesuai dengan perakaunan berdasarkan akrual.

MAJLIS BANDARAYA MIRI

PROJEK PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH

37. LATAR BELAKANG

37.1 Pengurusan sampah merupakan sebahagian daripada infrastruktur moden yang bertujuan untuk memastikan kebersihan, kesihatan manusia dan alam sekitar sentiasa dilindungi. Akhir-akhir ini peningkatan sisa-sisa buangan sampah merupakan masalah yang perlu ditangani segera khususnya perkhidmatan pelupusannya. Sekiranya tidak ditangani dengan segera dan teratur, peningkatan isipadu sampah boleh menjadi penyumbang utama pencemaran alam sekitar dan juga membahayakan kesihatan awam seperti penduduk di bandar Miri.

37.2 Pihak Berkuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk memungut, melupus dan merawat sampah dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Tunggungjawab ini termaktub dalam Peraturan 15, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996. Kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Miri (Majlis) meliputi kawasan seluas 4,708 kilometer persegi dan mempunyai 250,000 penduduk. Pada tempoh 2003 hingga 2005, Majlis mengendalikan pelupusan sampah domestik antara 130 tan hingga 150 tan sehari dan dijangka meningkat menjadi 160 tan sehari. Memandangkan peningkatan dalam pembuangan sampah, Majlis telah membina tapak pelupusan sampah yang lebih sistematik, terkawal dan mesra alam pada tahun 2002. Tapak pelupusan sampah baru ini adalah seluas 100 hektar dan terletak di kawasan Bekenu iaitu kira-kira 62 kilometer dari pusat bandar Miri dan dijangka boleh digunakan selama 50 tahun. Sistem pelupusan sampah ditapak ini adalah menggunakan teknologi daripada Australia. Tapak pelupusan sampah ini adalah digunakan bersama oleh Majlis Daerah Subis.

37.3 Pembinaan tapak pelupusan ini telah dilaksanakan dalam 3 Fasa di mana fasa 1 melibatkan kawasan seluas 15 hektar dan mula beroperasi pada tahun 2003. Tapak pelupusan sampah ini menggunakan kaedah pemampatan dan penimbusan tanah setiap hari dan perawatan air kumbahan sebelum dilepaskan ke sungai. Fasa 2 dan 3 pula adalah penambahan petak sampah dan infrastruktur lain bagi menambah baik sistem pelupusan sampah. Manakala penyenggaraan tapak pelupusan dilakukan oleh kontraktor pada tempoh tahun 2003 hingga 2005. kos pembinaan dan pengendalian tapak pelupusan ini adalah berjumlah RM12 juta.

38. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pembinaan dan pengendalian tapak pelupusan sampah Majlis telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan memenuhi matlamat yang ditetapkan.

39. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Kajian terhadap Projek Pembinaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah Majlis dipilih kerana akhir-akhir ini isu tapak pelupusan dan pencemaran alam sekitar telah menjadi perhatian umum. Selain itu, tapak pelupusan juga mempengaruhi kualiti udara dan alam sekitar. Skop pengauditan meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pengendalian tapak pelupusan sampah dari tahun 2003 sehingga 2005. Bagaimanapun dalam keadaan perlu, fail dan dokumen bagi tahun sebelum tahun 2003 juga dirujuk bagi mendapat maklumat yang tepat. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data seperti minit mesyuarat, dokumen perancangan projek, Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar, rekod tawaran kontrak, dokumen kontrak dan buku harian tapak. Semakan juga dibuat terhadap arahan perubahan kerja, proses pembayaran, Laporan Pemantauan Alam Sekitar dan perkara lain yang berkaitan dengan projek ini. Selain itu, pihak Audit juga menemu bual pegawai Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Daerah Subis untuk mendapat maklumat. Lawatan ke tapak pelupusan sampah juga dibuat untuk memeriksa sejauhmana tapak ini dibina dan disenggara mengikut spesifikasi kontrak dan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

40. PENEMUAN AUDIT

40.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk memastikan pelaksanaan projek dilaksanakan dengan teratur dan tersusun.

40.1.1 Dasar Majlis

Majlis berhasrat untuk menyediakan kawasan persekitaran yang selesa dan bersih kepada penduduk di kawasan pentadbirannya. Selain itu, Majlis juga ingin menyediakan tapak pelupusan yang sesuai dan sistematik. Ini adalah seiring dengan hasrat kerajaan yang berusaha mengawal kualiti udara dan alam sekitar dari tercemar.

40.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Semua Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sarawak tertakluk kepada Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996, Undang-undang Kecil Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 1999, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994 bagi melupus dan merawat sampah. Peruntukan undang-undang berkaitan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

a) Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996

Menurut Seksyen 105 Ordinan ini, Majlis bertanggungjawab memungut, melupus dan merawat sampah.

b) Undang-undang Kecil Kebersihan PBT 1996

Melalui undang-undang ini, Majlis boleh menggunakan sebarang cara untuk melupus dan merawat sampah.

c) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Akta ini menetapkan keluasan, kedudukan dan lokasi tapak pelupusan, kaedah melupus sampah dan juga kaedah merawat bahan kumbahan.

d) Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994

Di bawah Seksyen 11A, Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Sumber Asli Sarawak memantau sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran udara dan kepupusan habitat dalam air. Dengan demikian, Majlis dikehendaki mengemukakan Laporan Kesan Alam Sekitar kepada Lembaga Sumber Asli Sarawak untuk dinilai.

40.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian Kemungkinan adalah perlu untuk menentukan sama ada tapak yang dipilih sesuai dijadikan tapak pelupusan sampah. Ini adalah untuk memastikan kawasan persekitaran dan habitatnya terpelihara. Sehubungan itu, perunding dilantik untuk menjalankan kajian kemungkinan kesan terhadap alam sekitar di persekitaran tapak yang dicadangkan.

40.1.4 Pemilihan Tapak Pelupusan Sampah

Menurut piawai Jabatan Alam Sekitar sekurang-kurangnya 1 tapak pelupusan sampah perlu diwujudkan bagi setiap 30,000 penduduk ataupun dalam lingkungan 10 kilometer bagi sesebuah penempatan atau perumahan serta tidak melebihi $\frac{1}{2}$ hari perjalanan kerana sisa tersebut cepat busuk. Setiap tapak pelupusan sampah ini pula perlulah

mempunyai sokongan beberapa tapak pengumpulan dalam lingkungan 5 kilometer dan dihadkan kepada pembuangan sisa pepejal. Selain itu, kesesuaian tapak dengan kawasan persekitarannya perlu diambilkira iaitu tapak pelupusan hendaklah berada di aras 100 meter dari aras laut. Tapak pelupusan ini juga tidak boleh berada di sekitar kawasan aliran air (sungai dan paya) dan jangka hayat tapak pelupusan ialah 12 tahun. Keluasan minimum tapak pelupusan ialah 22 ekar dan mudah mendapat bekalan tanah untuk menimbus tapak serta mempunyai laluan keluar dan masuk yang sempurna. Manakala Lembaga Sumber Asli Dan Persekutaran Sarawak juga menetapkan perkara berikut untuk dipatuhi:

- a) Jarak tapak pelupusan sampah dari kawasan kediaman, sungai dan kolam adalah:
 - i) sekurang-kurangnya 400 meter dari kawasan kediaman yang terdekat.
 - ii) sekurang-kurangnya 8 kilometer dari landasan penerbangan terdekat.
 - iii) sekurang-kurangnya 3 meter atas paras air bawah tanah.
 - iv) sekurang-kurangnya 300 meter dari kemudahan jalan awam.
 - v) sekurang-kurangnya 100 meter dari sungai.
- b) Mempunyai laluan keluar dan masuk yang sempurna bagi memudahkan pengangkutan sampah.
- c) Lokasi tapak hendaklah terpelihara daripada berlakunya banjir. Bagaimanapun, jika ada kemungkinan berlakunya banjir, tindakan pencegahan boleh dibuat dengan membina benteng dan perparitan yang sempurna. Pada tahun 1996, Majlis ada mengemukakan permohonan kepada Jabatan Tanah dan Survei untuk mendapatkan tapak pelupusan sampah yang sesuai seluas 300 hektar bagi kegunaan untuk tempoh selama 50 tahun.

40.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Pihak Majlis telah memutuskan bahawa analisis kesan terhadap alam sekitar, survei, pemetaan, rekabentuk dan penyeliaan projek akan dikendalikan oleh perunding swasta yang dilantik oleh Kementerian. Sejajar dengan keperluan prosedur kewangan, kerja pembinaan projek akan ditawarkan kepada kontraktor Kelas BX, B atau A yang berdaftar dengan Unit Pendaftar Kontraktor. Pelawaan akan dibuat secara tender terbuka dan pemilihan kontraktor akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tender Majlis. Jurutera Kanan Majlis juga dilantik sebagai Pengurus Projek dan bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan melapor perkembangan projek kepada Jawatankuasa Penuh Majlis Bandaraya Miri.

a) Pembinaan Tapak Pelupusan

i) Perunding Alam Sekitar

Fungsi perunding ini adalah untuk mengkaji impak terhadap alam sekitar terutamanya udara dan kualiti air anak sungai yang berdekatan jika projek ini dilaksanakan. Perunding dikehendaki menyediakan Laporan Penilaian Kesan terhadap Alam Sekitar untuk dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak selaras dengan kehendak Seksyen 18(s), Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar (Pindaan) 2001 serta Perkara 18(b)(iv) dalam *Environmental Quality (Prescribed Activities)* (*Environmental Impact Assessment*), Order 1987. Agensi Kerajaan berkaitan akan membuat keputusan berdasarkan penilaian dan analisis yang dilaporkan oleh perunding.

ii) Perunding Kejuruteraan Awam / Struktur

Perunding Kejuruteraan Awam ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan data geologi tanah, hidrogeologi dan hidrologi di permukaan tanah di tapak yang dicadangkan. Selain itu, perunding ini akan menyediakan dokumen sebut harga kerja penyiasatan tanah (boreholes and lab tests) dan merekabentuk tapak pembuangan khas sampah, struktur dan semua kerja yang berkaitan dengan kejuruteraan awam. Perunding ini juga akan menyediakan dokumen dan pelawaan tender serta penyeliaan kerja semasa pembinaan.

iii) Perunding Ukur

Skop kerja Perunding Ukur adalah menyediakan pelan topo dan cadastral secara digital bagi seluruh kawasan tapak yang dicadangkan. Tugas yang lain meliputi pengukuran sempadan keseluruhan tapak atau hanya untuk Fasa 1 sahaja dan menyediakan peta.

b) Pelantikan Kontraktor

Menurut Peraturan 169 dan 200, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, tender hendaklah dipelawa bagi bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM50,000. Manakala Peraturan 221 pula menghendaki kelulusan Menteri hendaklah diperolehi bagi bekalan atau perkhidmatan jika untuk pengecualian daripada tender. Pembinaan dan pengendalian tapak pelupusan Majlis akan dilaksanakan oleh kontraktor.

c) Pembinaan Tapak Pelupusan

Pembinaan tapak pelupusan sampah akan diurus oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis. Pemilihan kontraktor akan dibuat melalui panggilan tender terbuka yang berdaftar serta syarat lain yang ditetapkan.

40.1.6 Jadual Pelaksanaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah

a) Pembinaan Tapak Pelupusan Sampah

Projek pembinaan tapak pelupusan sampah Majlis seluas 100 hektar di Bekenu akan dilaksanakan melalui 3 fasa iaitu Fasa 1- Projek Pembinaan Tapak Pelupusan Sampah seluas 15 hektar. Manakala Fasa 2 dan 3 pula adalah pembinaan petak sampah tambahan, kolam sisa sampah dan infrastruktur untuk menambah baik sistem pelupusan sampah.

b) Penyelenggaraan Tapak Pelupusan

Tapak pelupusan sampah perlu disenggara dengan teratur dan sempurna. Kontraktor dikehendaki mengambus sampah dengan tanah serta memampatkannya sebanyak 3 ke 5 kali sehari. Selain itu, kontraktor hendaklah menanam rumput di kawasan rumput di kawasan sekitar tapak pelupusan sampah dan memastikan sistem perparitan serta sistem kawalan hakisan adalah memuaskan.

c) Rawatan Kumbahan

Majlis melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja di loji rawatan kumbahan. Laporan pengawasan pelepasan dari perangkap mendap di loji hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar setiap 3 bulan. Kemudahan pengumpulan air resapan juga hendaklah disediakan di mana sebarang pelepasan air kurasan tidak boleh dilepaskan ke mana-mana alur air kecuali diolah terlebih dahulu seperti yang dikehendaki dalam Piawai B, Jadual Ketiga, Peraturan Kualiti Alam Sekitar, 1979.

40.1.7 Komponen Projek Pembinaan Tapak Pelupusan

Komponen projek yang dirancangkan bagi Fasa 1 dengan kos RM9.01 juta adalah seperti pembinaan petak sampah, kolam air sisa sampah, kuarters, bengkel, pembinaan sistem perparitan, jambatan timbang, sistem bekalan air, sistem rawatan air sisa sampah dan pagar. Manakala Fasa 2 dan 3 adalah untuk pembinaan tambahan bagi petak sampah, kolam *leachate* atau infrastruktur. Projek untuk Fasa 2 dan 3 akan dilaksanakan selepas petak sampah atau kolam di Fasa 1 digunakan sehingga maksima. Mengikut perkiraan perunding, jangka hayat setiap petak adalah 4 tahun jika diuruskan dengan teratur. Selain itu, kos kerja menaik taraf jalan masuk ke tapak

pelupusan sampah baru ini dianggarkan berjumlah RM2.30 juta dan akan dilaksanakan melalui kontrak berasingan pada masa akan datang. Sistem rawatan sisa sampah (*leachate*) yang dirancang pada peringkat ini adalah berdasarkan kaedah penapisan menggunakan lapisan karbon melalui pembinaan rangkaian peparitan khas di bawah tanah. Tiada perancangan disediakan untuk menggunakan loji penapisan walaupun telah dicadangkan oleh pihak perunding.

40.1.8 Keperluan Kewangan


Anggaran kos projek Fasa 1 berjumlah RM12 juta untuk kerja kajian kemungkinan, bayaran perunding, pembinaan, pembelian dan peralatan jentera seperti kompaktor, jentera penggali dan jambatan timbang. Pembinaan tapak pelupusan sampah ini akan dibiayai bersama oleh Majlis Perbandaran Miri dengan Majlis Daerah Subis yang akan menyumbang sejumlah RM8 juta dan RM4 juta. Bagaimanapun, Majlis Daerah Subis tidak mampu menyediakan sejumlah RM4 juta. Oleh yang demikian, Majlis Bandaraya Miri akan menanggung keseluruhan kos projek tersebut.

40.1.9 Keperluan Guna Tenaga dan Latihan

a) Keperluan Guna Tenaga Di Tapak Pelupusan Sampah

Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Daerah Subis bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia operasi di tapak pelupusan sampah ini. Seksyen Kesihatan dan Kebersihan Awam bertanggungjawab terhadap pengendalian tapak pelupusan sampah. Seksyen ini diketuai oleh Penolong Pegawai Kesihatan Gred U27. Manakala Seksyen Kerja Raya yang diketuai oleh Jurutera Gred J48 bertanggungjawab terhadap pembinaan tapak pelupusan sampah tersebut. Struktur pengurusan yang dicadangkan adalah seperti **Carta 3**.

Carta 3
Profil Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah Bekenu



Sumber : Fail Majlis Bandaraya Miri

Pihak Majlis merancang untuk mewujudkan 9 jawatan baru untuk jawatan di tapak berkenaan.

b) Latihan Kakitangan

Untuk memastikan tapak pelupusan sampah disenggarakan dengan cekap dan teratur, Majlis bersetuju untuk menghantar 5 kakitangan untuk mengikuti latihan secara sangkut di Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pulau Pinang selama 3 bulan. Latihan yang dicadangkan adalah mengenai *System Semiaerobic Sanitary Landfill, Leachate And Gas Venting System* dan *Leachate Treatment*. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menggunakan sistem *Sanitary Landfill* sejak tahun 1985 dan dianggap telah mahir dalam pengendaliannya.

40.1.10 Kaedah Pemantauan

Majlis memantau perkembangan projek dengan menubuhkan Pasukan Petugas Tapak Pelupusan Sampah yang dianggotai oleh Pegawai Daerah Miri, Pegawai Kesihatan Bahagian Miri, Pegawai Tanah dan Survei, Pegawai dari Lembaga Sumber Asli dan Persekutuan, Pegawai dari Majlis Bandaraya Miri serta Majlis Daerah Subis. Pasukan ini diberi mandat bagi memantau dan membincang segala bentuk permasalahan yang berkaitan dengan penawaran tapak pelupusan sampah oleh Kerajaan Negeri. Segala

keputusan yang dibuat oleh pasukan ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Penuh Majlis.

Majlis juga menubuhkan Jawatankuasa *Sanitary Landfill And Transfer Station* yang dianggotai oleh 5 orang Ahli Majlis dan 5 orang pegawai daripada Majlis Bandaraya Miri serta Majlis Daerah Subis. Jawatankuasa ini akan membuat perancangan dan menentukan jadual pelaksanaan serta pemantauan projek. Jawatankuasa ini membincang dan mengikuti perkembangan projek melalui maklumat yang dikemukakan oleh Bahagian Pekhidmatan dan Penyenggaraan Awam serta Bahagian Kejuruteraan Majlis yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memantau kerja di tapak pembinaan secara langsung.

Pada pandangan Audit, perancangan Majlis untuk membina dan mengendali tapak pelupusan adalah memuaskan.

40.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek pembinaan dan pengendalian tapak pelupusan sampah di Bekenu hendaklah sejajar dengan perancangan yang telah dipersetujui bagi memastikan matlamatnya tercapai.

40.2.1 Dasar Majlis

Majlis telah membina serta menyenggara tapak pelupusan sampah yang lebih sistematik selaras dengan Dasar Majlis untuk memastikan kebersihan, kesihatan dan alam sekitar sentiasa dilindungi. Ia juga ketetapan alam sekitar mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekutaran 1994. Ini dapat memastikan sampah dirawat dan seterusnya dapat menjaga kualiti udara dan alam sekitar serta habitat di sekitarnya.

40.2.2 Peraturan Dan Undang-undang

Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak (Lembaga) ialah peneraju utama dalam pengurusan alam sekitar bagi semua bandar di Sarawak. Selaras dengan pindaan terhadap Ordinan Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada pertengahan tahun 2001, Seksyen 18(s) telah memberi tanggungjawab kepada Lembaga untuk mengatur dan mengawal pembinaan, pengurusan serta operasi mana-mana tapak penyimpanan, pelupusan, rawatan, guna semula atau pereputan sampah dari kawasan perbandaran. Sebelum ini aktiviti yang berkaitan adalah di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar. Bagaimanapun, Majlis masih perlu mematuhi syarat daripada kedua agensi berkenaan

iaitu menjalankan kajian terhadap kesan alam sekitar sebelum pembinaan tapak boleh diteruskan.

Sebelum pemilihan kawasan di Bekenu diputuskan, Majlis juga telah meminta kerjasama dan pandangan daripada beberapa agensi Kerajaan lain yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar. Pasukan Petugas Tapak Pelupusan Sampah telah ditubuhkan yang diwakili oleh pegawai daripada Jabatan Tanah Dan Survei, Jabatan Kajibumi Sarawak, Lembaga Air Kawasan Utara, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kesihatan Sarawak dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar. Fungsi pasukan petugas adalah untuk memilih 1 daripada 3 kawasan yang ditawarkan oleh Jabatan Tanah Dan Survei untuk dijadikan tapak pelupusan sampah. Dengan berpandukan maklumat dan kemahiran daripada agensi berkaitan, pasukan petugas telah memilih tapak seluas 100 hektar di Bekenu untuk dijadikan kawasan pelupusan sampah.

Pada bulan Mac tahun 2001 Kerajaan Negeri telah meluluskan 100 hektar tanah Kerajaan Negeri di Bekenu yang jaraknya 62 kilometer dari Pusat Bandar Miri. Semakan Audit mendapati Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia, Cawangan Sarawak megesahkan tapak ini sesuai untuk pembangunan tapak pelupusan dan berada di luar kawasan tadahan hujan.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pembinaan tapak pelupusan sampah sebelum memulakan pembinaan.

40.2.3 Laporan Kajian Kemungkinan

Pihak Kementerian telah melantik 3 syarikat perunding swasta yang berpengkalan di Kuching iaitu Chemsain Konsultan Sdn. Bhd. bagi menjalankan penilaian kesan terhadap alam sekitar, EDS Konsultan Sdn. Bhd. untuk pemeriksaan tanah dan reka bentuk dan Jurukur Tanah Masa, untuk menjalankan survei serta pemetaan di tapak yang dicadangkan seluas 100 hektar di Bekenu. Hasil daripada kajian kemungkinan ini, satu Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar telah disediakan pada bulan November 2001. Perunding berpendapat bahawa pada keseluruhannya, tapak tersebut sesuai digunakan sebagai tapak pelupusan sampah dengan syarat Majlis mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa pembinaan projek, mengawal *buffer zone*, mengawal kualiti air, udara, bunyi bising serta pengawalan keselamatan dan kesihatan.

Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar telah dikemukakan kepada Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan telah diluluskan pada pertengahan Mei 2002.

Kelulusan ini menghendaki Majlis mengemukakan Laporan Pemantauan Alam Sekitar kepada Lembaga setiap 3 bulan iaitu semasa pembinaan dan pada peringkat operasi. Pada pertengahan September 2002 Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Subis dan perunding memaklumkan Lembaga bahawa mereka setuju dengan syarat tersebut

Semakan Audit mendapati laporan ini juga telah menyatakan kemungkinan akan timbulnya masalah tuntutan ganti rugi tanah dan tanaman serta rungutan daripada penduduk tempatan yang tidak mahu kawasan mereka dijadikan tempat pembuangan sampah. Sehubungan itu, Majlis telah dinasihatkan supaya mengambil tindakan yang positif dengan mengadakan dialog dengan penduduk tempatan dan memenuhi tuntutan mereka dengan adil dan saksama.

Selain itu, Majlis juga memerlukan stesen pemindahan sampah kerana jarak tapak pelupusan yang agak jauh boleh mengganggu jadual pembuangan sampah oleh kontraktor yang berkaitan. Seterusnya, Majlis telah memaklumkan kepada Jabatan Tanah Dan Survei bahawa pihaknya memerlukan satu tapak lagi seluas 20 ekar untuk stesen pemindahan sampah. Oleh kerana tapak ini belum dikenalpasti lagi, pada awal November 2002 Unit Perancangan Negeri telah meluluskan tapak untuk Stesen Pemindahan Sampah sementara dengan menggunakan kawasan tapak semaihan Majlis Bandaraya Miri seluas 2 ekar kira-kira 14 kilometer dari bandar Miri.

Pada pendapat Audit, kajian kemungkinan telah dijalankan dengan memuaskan dengan mengambil kira kehendak dan syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan juga sensitiviti mesyarakat setempat.

40.2.4 Masalah Peneroka Haram

Proses pengukuran, penyiasatan dan pembersihan tanah bermula selepas tapak pelupusan sampah tersebut diluluskan oleh Unit Perancangan Negeri pada akhir Mac 2000. Kelulusan ini hanya sah untuk tempoh 2 tahun sahaja dan berakhir pada bulan Mac 2002. Dengan yang demikian, pihak Majlis perlu bertindak segera. Memandangkan tanah untuk tapak ini adalah hakmilik Kerajaan Negeri. Bayaran premium tidak dikenakan kepada Majlis kerana tidak melibatkan, pertukaran hakmilik. Bagaimanapun, tanah tersebut akan diambil balik oleh Kerajaan Negeri apabila tempoh penggunaannya telah tamat.

Pada akhir bulan Februari 2001, kerja pengukuran dan penyiasatan telah dilaksanakan oleh Jurukur Tanah Masa. Pada masa kerja tersebut dijalankan, adalah didapati 60% daripada tanah berkenaan telah ditanam dengan kelapa sawit oleh peneroka haram.

Pada bulan Mac 2002, Majlis telah membuat 2 laporan polis kerana ancaman dan halangan daripada peneroka haram yang tidak membenarkan kontraktor menjalankan kerja pembersihan tanah. Bagaimanapun, pihak Majlis telah menyelesaikan masalah tersebut dengan mengadakan dialog dengan peneroka haram berkenaan. Pihak Majlis telah bersetuju membenarkan peneroka haram berkenaan menikmati hasil kelapa sawit sehingga kawasan tersebut diperlukan oleh Majlis kelak. Keputusan ini berdasarkan cadangan pihak Majlis hendak melaksanakan projek tersebut dalam 3 Fasa dan memerlukan tempoh yang panjang. Semakan Audit mendapati tidak ada perjanjian dibuat hanya berdasarkan cacatan dalam minit mesyuarat sahaja. Tanaman kelapa sawit yang masih terdapat di kawasan tapak pelupusan sampah adalah seperti di **Foto 59**.

Foto 59
Tanaman Kelapa Sawit Di Kawasan Tapak Pelupusan Sampah



Sumber : Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak

Tarikh : 6 Oktober 2005

Lokasi : Bekenu, Sibuti

Pihak Audit berpendapat Majlis bertindak wajar kerana telah mengadakan sesi dialog dengan peneroka haram.

40.2.5 Bantahan Penduduk Tempatan

Majlis telah menerima bantahan daripada 7 buah kampung yang diketuai oleh Penghulu Sibuti dan 7 orang Ketua Kaum. Penduduk kampung tidak bersetuju tapak pelupusan ditempatkan di Bekenu kerana sebahagian daripada mereka masih bergantung kepada sungai untuk mendapat sumber air minuman. Selain itu, tapak berkenaan juga berdekatan dengan kawasan perkampungan di mana yang terdekat ialah Kampung

Subak di mana jaraknya kira-kira 2 kilometer dari tapak pelupusan sampah. Manakala jalan masuk ke tapak adalah melalui jalan kampung berkenaan. Pendudukan kampung khuatir pencemaran udara akan berlaku apabila lori sampah menggunakan jalan tersebut. Mereka juga berpendapat bahawa penempatan tapak pelupusan sampah di kawasan perkampungan mereka boleh merendahkan imej dan martabat kampung berkenaan.

Bagi menyelesaikan masalah tersebut, sesi dialog telah diadakan pada bulan Februari 2001 antara Penghulu, Ketua Kaum dan pegawai daripada Majlis Bandaraya Miri, Majlis Daerah Subis termasuk Konselar serta Wakil Rakyat. Perbincangan telah berjalan dengan lancar dan wakil penduduk tempatan telah bersetuju projek diteruskan dengan syarat seperti berikut:

- a) Ketua Kaum meminta supaya diberi peluang untuk melawat tapak pelupusan sampah di Puchong, Selangor supaya dapat melihat dengan sendiri keberkesanan pelupusan sampah secara *sanitary landfill*.
- b) Pekerja di tapak hendaklah dilantik dari Miri dan Bekenu sahaja.
- c) Rawatan air sisa sampah di kolam tapak perlu diberi perhatian supaya tidak menjaskan kesihatan dan pencemaran anak sungai yang berdekatan.

Susulan daripada sesi dialog ini, Majlis telah mengatur lawatan pada bulan Februari 2001 ke Tapak Pelupusan Sampah Seberang Perai, *Alam Flora Waste Management Sdn. Bhd.* Kuala Lumpur, Stesen Pemindahan Sampah Taruka dan Tapak Pelupusan Sampah Ulu Tiram di Johor Bahru. Rombongan terdiri daripada pegawai Majlis serta 2 orang Konselar mewakili Majlis Bandaraya Miri dan Majlis Daerah Subis. Bagaimanapun, Penghulu dan Ketua Kaum hanya dibawa melawat ke Tapak Pelupusan Sampah Kemuyang Sibu oleh Majlis Daerah Subis.

Pada pendapat Audit, Majlis telah berjaya menyelesaikan masalah bantahan penduduk tempatan.

40.2.6 Kaedah Pelaksanaan

Semakan Audit mendapati pelantikan perunding EDS Konsultan Sdn. Bhd., Chemsain Konsultan Sdn. Bhd. dan Juruukur Tanah Masa diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri kerana pembiayaan kos projek adalah melebihi 50%. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja yang dikendalikan oleh perunding ialah pemetaan, lukisan reka bentuk dan penyediaan dokumen tender. Perunding berkenaan juga terlibat dalam penyeliaan projek secara berkala. Kerja pembinaan telah dipelawa kepada Paling Construction Sdn. Bhd. dengan harga kontrak RM8.68 juta melalui pemilihan secara pelawaan

tender. Majlis telah mematuhi Peraturan 178 hingga 189 dalam Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997.

Pada pendapat Audit, kaedah perlaksanaan projek ini telah dilaksanakan dengan baik.

40.2.7 Pelantikan Perunding

Majlis telah mencadangkan kepada Kementerian 3 syarikat perunding untuk menjalankan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar bagi projek ini. Majlis memilih juruperunding berdasarkan kriteria berikut:

- a)** Berdaftar dengan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak.
- b)** Berdaftar dengan Unit Pendaftar Kontraktor.
- c)** Berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.
- d)** Berpengkalan di Miri.

Bagaimanapun, Kementerian telah melantik perunding yang tidak tersenarai oleh Majlis untuk menjalankan penilaian ini. Selain itu, Kementerian juga telah melantik perunding untuk menjalankan kerja pemeriksaan tapak dan rekabentuk serta kerja pemetaan dan semuanya berpengkalan di Kuching. Pelantikan ini telah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri pada bulan Oktober 2000. Semakan Audit mendapati tiada sebarang ulasan diberi oleh pihak Kementerian bagi menolak perunding yang dicadangkan oleh Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis boleh menjimatkan kos dan memudahkan penyeliaan terhadap perlaksanaan projek jika perunding yang dilantik adalah yang berpengkalan di Miri.

40.2.8 Pelantikan Kontraktor Utama

Pihak Majlis telah menawarkan pembinaan Fasa 1 tapak pelupusan sampah dan kerja yang berkaitan melalui tender terbuka. Semasa tawaran yang pertama pada awal Ogos 2001, sebanyak 5 kontraktor telah menawarkan harga antara RM11.33 juta hingga RM18.21 juta. Oleh kerana harga terendah yang ditawarkan telah melebihi anggaran RM9 juta yang ditetapkan oleh Majlis, maka komponen projek terpaksa diubahsuai sebanyak 2 kali untuk tawaran semula. Penawaran tender yang ketiga telah dibuat pada akhir bulan November 2001. Sebanyak 5 kontraktor telah menawarkan harga antara RM8.68 juta hingga RM9.31 juta. Majlis telah memilih Paling Constructionn Sdn. Bhd. yang menawarkan harga yang terendah iaitu RM8.68 juta. Komponen utama dalam projek ini adalah seperti berikut:

- a) pembersihan tapak dan penambakan tanah.
- b) pembinaan jalan dalam kawasan tapak.
- c) pembinaan sistem bekalan elektrik dan air.
- d) satu unit petak sampah.
- e) empat unit kuarters untuk kakitangan.
- f) *gate house* dan asas untuk jambatan timbang serta.
- g) tiga kolam takungan iaitu *anaerobic,aerobic* dan *settling*.

Proses membuka tender dan seterusnya memilih kontraktor telah diurus oleh Jawatankuasa Tender yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan ahlinya terdiri daripada 9 orang konselar Majlis. Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan adalah 7 orang pegawai Majlis.

Pihak Audit berpendapat, proses pemilihan kontraktor oleh Majlis adalah memuaskan kerana mengikut peraturan kewangan.

40.2.9 Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak pembinaan tapak pelupusan sampah di Bekenu untuk Fasa I telah ditandatangani oleh Datuk Bandar serta Setiausaha Majlis pada awal Disember 2001 mengikut peraturan yang ditetapkan. Perjanjian kontrak adalah jelas, lengkap dan merangkumi syarat am kontrak, speksifikasi kerja, lukisan dan pelan kontrak dan harga kontrak. Majlis telah menetapkan projek mesti disiapkan dalam tempoh 8 bulan dari tarikh penyerahan tapak kepada kontraktor. Tempoh Tanggungan Kecacatan ditetapkan selama 18 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut atau selepas lanjutan masa yang diluluskan, denda sejumlah RM1,000 sehari akan dikenakan.


Kontraktor juga telah mengemukakan jaminan bank sejumlah RM434,000 iaitu 5% daripada harga kontrak pada bulan Januari tahun 2002 iaitu sebelum memulakan kerja pembinaan. Kontraktor juga telah mengambil insurans *Workmen Compensation Insurance* dan *Public Liability Insurance for properties and persons* bagi melindungi tuntutan pampasan oleh mana-mana pihak. Selain itu, pihak Majlis bersetuju mengeluarkan bayaran minimum RM500,000 sebulan bagi setiap tuntutan kemajuan kerja projek oleh pihak kontraktor. Perjanjian kontrak tersebut pada umumnya telah disediakan dengan lengkap dan teratur serta butiran syarat kontrak adalah memadai untuk menjamin kepentingan Majlis.

Pihak Audit berpendapat perjanjian kontrak telah diuruskan dengan teratur dan memuaskan.

40.2.10 Pencapaian Sasaran Kerja

Projek pembinaan Tapak Pelupusan Sampah di Bekenu bernilai RM8.68 juta dan tapak telah diserahkan kepada kontraktor pada bulan Januari 2002 dan dijangka siap dalam tempoh 8 bulan iaitu pada bulan September 2002. Pelan projek tapak pelupusan sampah yang telah diluluskan adalah seperti di **Gambarajah 1**.

Gambarajah 1
Pelan Projek Tapak Pelupusan Sampah Bekenu



Sumber : Rekod Majlis Bandaraya Miri

Bagaimanapun, lanjutan masa boleh diberi sekiranya kelewatkan disebabkan oleh keadaan yang dibenarkan di bawah Klausula 29 dalam syarat am kontrak seperti keadaan cuaca yang tidak mengizinkan, pertambahan kerja, masalah mendapatkan bahan binaan dan perkara lain yang tidak dapat dilakukan. Semakan Audit seterusnya menunjukkan kelemahan seperti berikut::

a) Lanjutan Masa

Kontraktor telah 2 kali memohon perlanjutan masa. Permohonan yang pertama pada pertengahan bulan Ogos 2002 untuk tempoh selama 90 hari iaitu dari 2 September 2002 hingga 30 November 2002. Alasan yang diberikan oleh kontraktor adalah Majlis telah mengambil masa sehingga 76 hari untuk meluluskan jenis *lining*

system yang sepatutnya digunakan. Masa yang diambil untuk membuat pesanan sehingga bekalan diterima di tapak projek memerlukan masa sekurangnya 1 bulan. Selain itu, kontraktor juga berhadapan dengan masalah memasuki tapak pembinaan kerana bantahan daripada peneroka haram yang menanam kelapa sawit di kawasan berkenaan. Masalah tersebut melambatkan kerja pembersihan tapak selama 121 hari. Permohonan yang kedua dibuat pada awal April 2003 untuk tempoh 6 bulan iaitu dari 30 November 2002 hingga 30 Mei 2003. Alasan kontraktor kali ini adalah kerana Syarikat Pembekalan Letrik Sarawak lambat membuat pengesahan untuk menentukan kedudukan tiang elektrik.

Semakan Audit mendapati permohonan lanjutan masa tersebut tidak diluluskan oleh Majlis dalam tempoh pembinaan. Bagaimanapun, pada pertengahan bulan Mei 2005, Majlis telah bersetuju melanjutkan tempoh kontrak sehingga 15 Julai 2003 sungguhpun pihak kontraktor cuma memohon lanjutan masa sehingga 30 Mei 2003. Pihak Majlis memberitahu kelewatan meluluskan masa lanjutan ini adalah kerana masalah teknikal dan lambat mendapat nasihat perundangan mengenai perkara yang melibatkan terma kontrak.

b) Arahan Perubahan Kerja

Mengikut Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 perubahan kerja hendaklah yang berkaitan dengan kerja kontrak dan tidak mengubah sebahagian besar skop kerja asal. Sebanyak 26 Arahan Perubahan Kerja telah dikeluarkan yang melibatkan kerja mekanikal, elektrikal dan jalan masuk ke petak sampah. Perubahan kerja ini telah menyebabkan nilai kontrak menjadi RM8.48 juta. Semakan Audit mendapati 23 daripada Arahan Perubahan Kerja tersebut hanya diluluskan pada bulan Julai tahun 2005. Pihak Majlis mengambil masa 24 bulan untuk membuat keputusan kerana projek berkenaan telah siap pada bulan Julai 2003. Ini adalah salah satu faktor yang melambatkan penyiapan kerja kontrak pada keseluruhannya. Perubahan kerja kepada sesuatu kontrak sepatutnya dilaksanakan hanya setelah mendapat kelulusan dan bukan sebaliknya.

Selain itu, nilai kontrak yang diubah menjadi RM8.48 juta tersebut tidak termasuk Arahan Perubahan Kerja Khas untuk membekal dan memasang Loji Rawatan Air Sisa Sampah yang bernilai RM1.48 juta. Perubahan kerja untuk loji ini tidak melibatkan khidmat perunding swasta secara langsung. Walaupun demikian, Majlis telah membayar sejumlah RM45,862 kepada perunding yang berkaitan pada akhir tahun 2005 sebagai caj masa kerana menghadiri perbincangan mengenainya dan juga bayaran balik belanja poket.

c) Sijil Siap Kerja

Majlis telah mengeluarkan Sijil Siap Kerja pada 16 Mei 2005 dan secara rasminya menetapkan bahawa kerja kontrak telah disiapkan pada 15 Julai 2003. Pengeluaran sijil ini mengambil masa kira-kira 22 bulan sedangkan Tempoh Tanggungan Kecacatan mengikut perjanjian adalah selama 18 bulan mulai 15 Julai 2003 dan tamat pada 15 Januari 2005.

Tapak projek sepatutnya digunakan selepas penyerahan tapak secara rasmi oleh pihak kontraktor dan seterusnya Sijil Siap Kerja perlu dikeluarkan oleh pihak majikan. Setiap kerosakan yang berlaku semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor. Dalam kes ini, pihak Majlis tidak boleh membuat apa-apa tuntutan jika berlaku sebarang kecacatan kerja kontrak kerana tapak telah digunakan sebelum Sijil Siap Kerja dikeluarkan. Semakan Audit mendapati tidak ada laporan mengenai kerosakan yang berlaku dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, mengikut Minit Menyuarat Tapak yang ke-10 pada awal Disember 2003, kerja berikut belum dilaksanakan oleh kontraktor:

- i) *Road kerb and guard rail*
- ii) *Hot dip galvanised M.S.Grill untuk penutup perparitan*
- iii) *30mm & 50mm Charcoal Stick mengikut lukisan kontrak*
- iv) *Silt Trap without stone No. 20*
- v) *Pump House – without stainless steel guide bar for submersible pump and pump tank cover.*
- vi) *Vent pipes septic tank manholes not yet supplied with anti vermin netting and RC slab for septic tank not yet constructed.*
- vii) *Outlet HDPE pipe not buried.*

Lawatan Audit di tapak pada pertengahan bulan Oktober 2005 mendapati semua kerja di atas telah siap dilaksanakan kecuali *30mm & 50mm Charcoal Stick* mengikut lukisan kontrak masih belum dipasang dalam *Filter Bed* dan batu No. 20 masih belum disimpan dalam *Silt Trap*.

d) Laporan Analisis Air Sisa Sampah

Mengikut perjanjian kontrak, pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan Laporan Analisis Air Sisa Sampah kepada Majlis pada setiap bulan mulai November 2003 hingga November 2005. Laporan ini adalah penting bagi mempastikan bahawa sistem perparitan bawah tanah di petak sampah dan juga sistem rawatan *leachate* telah dibina dengan sempurna oleh pihak kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Semakan Audit mendapati sampel air sisa sampah dari kolam *anaerobic* dan *aerobic* hanya dibuat sebanyak 8 kali dari bulan November 2003 hingga Ogos 2004. Selain itu, sampel air yang diambil oleh kontraktor pada bulan November 2003, Januari, Februari dan April 2004 tidak disaksikan oleh pegawai Majlis bagi mempastikan kesahihannya dan ini telah menimbulkan keraguan. Bagaimanapun, Majlis telah mengambil tindakan tegas dengan memotong sejumlah RM61,565 daripada harga kontrak.

Pada pendapat Audit, Majlis kurang memberi perhatian terhadap pelaksanaan pembinaan tapak pelupusan.

40.2.11 Prestasi Kewangan

Mengikut Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997, pegawai utama Majlis hendaklah mengawal setiap perbelanjaan supaya tidak melebihi anggaran yang diluluskan. Selain itu, Klausus 35 Syarat Am Kontrak menyatakan bahawa pihak majikan boleh memotong Wang Tahanan daripada jumlah berkenaan sebagai cagaran.

Majlis telah menganggarkan sejumlah RM9.01 juta untuk projek tapak pelupusan sampah di Bekenu. Bagaimanapun, nilai sebenar kontrak yang ditawarkan adalah RM8.68 juta dan setelah beberapa perubahan kerja, nilainya telah berkurangan menjadi RM8.48 juta. Dengan yang demikian, Wang Tahanan yang perlu dipotong daripada pembayaran kontrak adalah sejumlah RM424,068. Semakan Audit mendapati jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor adalah RM8.56 juta di mana RM434,000 masih dipegang oleh Majlis sebagai Wang Tahanan. Sejumlah RM9,932 telah terlebih dibayar dan perlu dipotong semasa membayar balik daripada Wang Tahanan.

Semasa proses pembinaan, Majlis telah mencadangkan supaya loji rawatan bagi air sisa sampah dibina untuk menambah baik kualiti air yang dilepaskan ke sungai. Kontrak pemasangan loji ini berjumlah RM1.48 juta. Selain itu, Majlis juga telah membina Stesen Pemindahan Sampah yang sementara di kawasan Lambir yang melibatkan kos RM1.01 juta. Perbelanjaan untuk khidmat juruperunding adalah berjumlah RM659,155 dan kontrak untuk pemeriksaan tanah pula berjumlah RM95,420. Pada keseluruhannya, jumlah perbelanjaan bagi pembinaan projek pelupusan sampah di Bekenu dan stesen pemindahan di Lambir adalah berjumlah RM11.92 juta. Majlis telah menerima pemberian sejumlah RM14.19 juta daripada Kementerian untuk projek ini termasuk pembelian alat dan jentera seperti kompaktor dan jentera penggali yang masih belum diperolehi.

Pihak Audit berpendapat Majlis telah berjaya membelanjakan peruntukan dengan baik.

40.2.12 Keperluan Guna Tenaga

Jurutera Kanan Majlis telah dilantik sebagai Pengurus Projek dan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penyeliaan pembinaan projek pada keseluruhannya. Seramai 4 orang pegawai daripada Bahagian Kejuruteraan iaitu Jurutera Kanan, seorang Jurutera, seorang Penolong Jurutera dan seorang Pembantu Teknikal telah terlibat secara langsung dalam projek ini. Mereka bertanggungjawab untuk menyelia kerja di tapak, menyedia buku harian tapak, menyelaras, mengawal serta memberi arahan kepada kontraktor dan juruperunding dari masa ke masa.

Semakan Audit mendapati, Buku Harian Tapak telah disediakan dengan baik dan semakan telah dibuat oleh jurutera yang menyelia projek. Pengurus Projek juga telah mempengerusikan mesyuarat tapak bagi menyelaras dan memantau perkembangan projek. Selain itu, Pengurus Projek juga telah mengemukakan laporan projek kepada Jawatankuasa *Sanitary Landfill And Transfer Station* mengenai masalah teknikal dan perkara am seperti perkara gangguan atau ugutan peneroka haram, aduan penduduk tempatan dan sebagainya.

Pada bulan Julai 2003, pengendalian tapak pelupusan sampah telah diambilalih oleh Seksyen Penyenggaraan dan Perkhidmatan Awam. Seksyen ini diketuai oleh Pegawai Perkhidmatan Bandaraya yang bertanggungjawab kepada Setiausaha Majlis. Bagi melicinkan pengurusan, Seksyen ini telah menukuhan Sub-Unit Pengurusan Tapak Pelupusan Sanitari/*Transfer Station* yang diketuai oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran. Beliau dibantu oleh seorang Pembantu Kesihatan Awam, seorang Pekerja Am Rendah dan seorang Pemandu Kenderaan Bermotor serta seorang Pekerja Am Rendah dari Majlis Daerah Subis. Seorang Pekerja Am Rendah dari Majlis Bandaraya Miri telah ditempatkan sepenuh masa di tapak sebagai mandor.

Majlis telah memohon kepada pihak Kementerian untuk pengambilan 2 orang Pembantu Tadbir Gred N9 (Sementara) pada akhir tahun 2001 tetapi tidak diluluskan. Pada pertengahan tahun 2002, Majlis Bandaraya Miri sekali lagi memohon untuk pengambilan pegawai sementara iaitu seorang Pembantu Tadbir Gred N9, dua orang Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dan seorang Tukang K2 Gred R6 untuk ditempatkan di tapak pelupusan sampah Bekenu. Permohonan tersebut juga tidak diluluskan kerana Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya semua pengambilan baru pekerja sementara diberhentikan. Oleh kerana masalah kekurangan tenaga pekerja,

pengendalian dan penyenggaraan tapak di Bekenu terpaksa diswastakan dan pihak Majlis hanya terlibat dalam penyeliaan sahaja. Dengan yang demikian, profil pengurusan seputar yang dirancangkan sebelum ini tidak dapat dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mengambil tindakan yang baik untuk menambah perjawatan.

40.2.13 Kaedah Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah

Pengendalian tapak pelupusan sampah telah diswastakan kepada First Corridor Sdn. Bhd. selama 30 bulan bagi tempoh bulan Julai 2003 hingga Disember 2005. Kontraktor bersetuju mengendalikan sampah dengan kadar RM8.71 setiap tan. Kontraktor hendaklah menyelenggarakan tapak mengikut spesifikasi khas di mana sampah hendaklah dirata dan dimampat dengan jentolak tidak kurang daripada 3 kali setiap masa. Kontraktor juga dikehendaki mematuhi Klausa 8 dan 10 dalam *Bekenu (Sibuti) Sanitary Landfill Operations Manual* iaitu menimbus sampah dengan tanah setebal 6 inci atau 15 sentimeter pada setiap hari. Tujuannya adalah untuk mengawal vektor, kekotoran, kebakaran dan kelembapan serta mengindahkan kawasan. Selain itu, pihak kontraktor dikehendaki memotong rumput 3 kali sebulan, membersih parit 2 kali sebulan dan mengutip sampah sarap di kawasan tapak setiap hari.

Semakan Audit secara rambang terhadap *Sanitary Landfill Waste and Cell Daily Checklist* yang disenggarakan oleh pegawai Majlis di tapak pelupusan mendapati purata hari tapak pelupusan tidak ditimbus dengan tanah seperti yang dikehendaki ialah 22 hari. Ini kerana Majlis hendak menjimatkan kos pelupusan dan penggunaan petak sampah

Temu bual Audit dengan pegawai Majlis mendapati Pegawai Perkhidmatan Bandaraya Miri telah mengarahkan secara lisan kepada kontraktor pada bulan Jun 2004, supaya sampah dimampatkan sehingga 20 kaki atau 4 kaki di bawah corong pengudaraan gas (*Gas Ventilation Chimney*) sebelum ditimbus dengan tanah. Surat perjanjian jelas menyatakan bahawa sampah hendaklah ditimbus mengikut spesifikasi dan jika berlaku sebaliknya adalah dianggap sebagai kerja yang tidak memuaskan mengikut Klausa 5.4 dalam Spesifikasi Khas Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah. Kegagalan ini menyebabkan kontraktor boleh dikenakan penalti mengikut Klausa 10 dalam surat perjanjian iaitu mengikut budi bicara Majlis.

Pihak Audit berpendapat Kontraktor tidak mematuhi perjanjian dan spesifikasi Pengurusan Tapak Pelupusan.

Lawatan Audit ke tapak pelupusan sampah pada awal bulan Oktober 2005 mendapati sampah tidak ditimbus, kawasan persekitaran tapak berbau busuk, kotor dan kelihatan tidak berbeza dengan pembuangan sampah secara terbuka. Mengikut maklumat yang diperolehi semasa temu bual dengan pegawai penyelia Majlis di tapak tersebut, sampah telah tidak ditimbus sejak awal bulan September 2005 seperti di **Foto 60** dan **Foto 61**.

Foto 60
Sebahagian Petak Sampah Yang Ditimbus



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak .

Tarikh : 6 Oktober 2005

Lokasi : Tapak Pelupusan Sampah

Foto 61
Sampah Tidak Ditimbus Dengan Tanah



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak .

Tarikh : 6 Oktober 2005

Lokasi : Tapak Pelupusan Sampah

Pihak Audit juga telah menyemak secara lebih lanjut tahap pengurusan dan penyeliaan oleh Majlis terhadap kontraktor penyenggaraan tapak dan mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Pembayaran Kontrak Pengendalian Tapak

Mengikut rekod Majlis, sebanyak 97,393 tan sampah telah dilupuskan di tapak tersebut bagi tempoh Julai 2003 hingga Ogos 2005 dan sejumlah RM850,000 telah dibayar kepada kontraktor mengikut kadar yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit mendapati kontraktor tidak dikenakan penalti walaupun kerja penimbusan tidak dibuat setiap hari mengikut surat perjanjian kerana arahan tersebut diberi oleh pegawai Majlis. Sebanyak 528 hari kerja penimbusan tanah tidak dilaksanakan oleh pihak kontraktor dari bulan November 2003 hingga Ogos 2005. Bagaimanapun, Majlis hanya mengenakan penalti sejumlah RM30,996 ke atas kerosakan jentera sebanyak 8 kali dalam tempoh tersebut akibat kontraktor tidak menyediakan jentera gantian. Majlis tidak mengenakan sebarang penalti kepada kontraktor kerana gagal menimbus tanah.

Majlis tidak mempunyai kriteria atau penetapan kadar yang tertentu untuk menentukan jumlah penalti yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor mengikut Klausula 10 dalam surat perjanjian. Pengiraan penalti adalah atas budi bicara Majlis iaitu pemotongan antara 10% hingga 15% daripada jumlah bayaran bulanan kepada kontraktor.

Pihak Audit berpendapat Majlis tidak mengenakan penalti mengikut perjanjian terhadap kontraktor akibat kegagalan kerja penimbusan tanah.

b) Jentera Di Tapak Pelupusan

Mengikut surat perjanjian, kontraktor hendaklah memastikan jentera dan kenderaan yang digunakan di tapak pelupusan berada dalam keadaan baik pada setiap masa. Bagaimanapun, semasa perbincangan dengan kontraktor pada bulan Jun 2004 Majlis telah bersetuju supaya tempoh kerosakan jentera hendaklah tidak melebihi 4 jam dan sekiranya melebihi, kenderaan ataupun jentera gantian hendaklah disediakan oleh kontraktor.

Semakan rambang Audit terhadap Senarai Semak Harian Jentera/Kenderaan mendapati jentera dan kenderaan yang digunakan oleh kontraktor untuk membuat operasi harian selalu rosak. Semakan Audit selanjutnya mendapati jentera pengorek mengalami kerosakan sebanyak 210 kali, jentera tolak 16 kali manakala lori

sebanyak 78 kali. Semakan Audit juga mendapati tempoh kerosakan jentera atau kenderaan yang melebihi 4 jam tidak disediakan gantian oleh kontraktor. Pihak kontraktor sepatutnya mengambil initiatif untuk mendapatkan jentera pengganti selepas diberitahu oleh pegawai Majlis. Tiada surat amaran dikeluarkan kepada kontraktor. Majlis telah berhadapan dengan masalah tersebut sebanyak 8 kali dan terpaksa menyewa jentera daripada kontraktor yang lain untuk menyempurnakan kerja tersebut. Bagaimanapun, kos sewaan telah dipotong daripada bayaran bulanan kepada kontraktor asal.

Pada pendapat Audit, pengendalian Majlis terhadap pengendalian tapak pelupusan sampah adalah kurang memuaskan.

40.2.14 Jambatan Timbang

Majlis mempunyai 2 jambatan timbang berkomputer iaitu satu di tapak pelupusan sampah di Bekenu dan satu lagi di Stesen Pemindahan Sampah di Lambir. Jambatan timbang di tapak pelupusan sampah Bekenu adalah yang dipindah dari tapak pelupusan sampah lama Tudan, Kuala Baram dengan kos pengangkutan dan pemasangan sejumlah RM90,000. Jambatan timbang di Stesen Pemindahan Sampah Lambir adalah yang dibekal dan dipasang melalui kontrak turnkey yang bernilai RM183,815.

Semakan Audit mendapati Majlis telah menggunakan perkhidmatan Ng Ah Foo Transport Company untuk mengendalikan jambatan timbang berkenaan tetapi di bawah penyeliaan pegawai Majlis. Jambatan timbang tersebut adalah untuk mendapat berat bersih sampah yang telah dibawa masuk melalui lori kontena dan lori sampah. Majlis membayar kontraktor penyenggaraan tapak pelupusan sampah mengikut berat. Bagi menentukan ketepatan sukanan timbangan berkenaan, timbang tersebut telah diuji setahun sekali oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Kerja penyenggaraan jambatan timbang juga dibuat secara sebut harga setahun sekali.

Pada pendapat Audit, pengendalian alat timbang adalah teratur dan memuaskan.

40.2.15 Rawatan Air Sisa Sampah

Loji rawatan air sisa sampah adalah untuk merawat dan menjaga kualiti air sampah yang dilepaskan ke sungai mencapai tahap yang ditetapkan oleh Peraturan Kualiti Alam Sekitar (*Sewage & Industrial Effluents*) 1979. Perancangan di peringkat awal adalah supaya rawatan air sisa sampah dibuat dengan kaedah penapisan melalui arang

(charcoal stick) dan pengoksidaan yang menggunakan mesin *aerator* di setiap kolam. Reka bentuk kolam air sampah yang dibuat adalah berdasarkan kaedah yang awal ini, iaitu mempunyai saluran *overflow* di antara satu kolam dengan yang lain. Semakan Audit seterusnya mendapati perkara seperti berikut.

a) Pembinaan Loji Rawatan

Semasa proses rawatan air sisa sampah, air tersebut disimpan dalam 3 kolam takungan iaitu kolam *anaerobic*, kolam *aerobic* dan kolam *settling*. Kandungan logam berat seperti *cadmium*, *arsenic*, *chromium*, *copper*, *manganese*, *dan *phenol* dapat dikurangkan pada tahap yang sangat minima jika menggunakan kaedah rawatan penapisan melalui arang dan pengoksidaan. Dengan kehendak ini, proses pengoksidaan tidak dapat memenuhi kehendak piawaian dalam Jadual Ketiga, Peraturan Kualiti Alam Sekitar (*Sewage & Industrial Effluents*) 1979.*

Sebagai langkah untuk mencapai tahap piawaian seperti yang ditetapkan, Majlis telah memutuskan untuk menggunakan kaedah rawatan *QED Tangential Flow Separator* (QTFS), iaitu sebuah loji penapisan yang diperkenalkan oleh sebuah syarikat dari Australia untuk merawat air sisa sampah. Kaedah rawatan seumpama ini telah digunakan oleh Majlis Perbandaran Sibu untuk merawat air sisi sampah. Sehubungan itu, Majlis telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk tidak membuat pelawaan tender secara terbuka bagi pembinaan projek ini kerana kerja berkenaan memerlukan kepakaran khas. Dengan yang demikian pada bulan Julai 2003, Arahan Perubahan Kerja Khas telah diluluskan bagi melaksanakan pembinaan loji rawatan QTFS yang bernilai RM1.48 juta dan disiapkan pada bulan September tahun yang sama. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Majlis tidak membuat analisis terhadap kemampuan loji rawatan tersebut berbanding pengeluaran air sisa sampah yang disimpan dalam kolam *anaerobic*. Selain itu, tiada sebarang perubahan dibuat terhadap rekabentuk kolam yang asal supaya selaras dengan rawatan yang menggunakan loji dan bahan kimia. Akibatnya loji rawatan QTFS tidak mampu merawat air sisi dengan baik.

Pada pendapat Audit, pembinaan loji rawatan adalah tidak dirancang dengan teliti.

b) Operasi Loji Rawatan

Mengikut Jadual Ketiga dalam Peraturan Kualiti Alam Sekitar (*Sewage and Industrial Effluents*) 1979, untuk mencapai ke tahap Piawai A, antara lain dalam kepekatan *phenol* hendaklah tidak melebihi 0.001 miligram bagi setiap liter dan

kepekatan *chlorine* tidak lebih daripada 1 miligram bagi satu liter. Oleh itu, hanya rawatan air sisa sampah yang baik sahaja mampu mencapai kualiti seperti yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati kapasiti loji rawatan adalah untuk merawat 80 liter air sisa sampah setiap satu minit. Bagaimanapun, untuk tujuan keselamatan keupayaan ini telah dikurangkan ke tahap 60 liter bagi satu minit sahaja. Perkara lain yang diperhatikan adalah seperti berikut.

- i) Operasi loji rawatan air sisa sampah berfungsi setiap hari mulai jam 8 pagi hingga 5 petang. Bahan kimia yang digunakan semasa proses rawatan adalah *Hydrated Lime*, *Ferric Sulphate* dan *Polymer*. Loji rawatan memerlukan purata 2,500 kilogram *Hydrated Lime* dengan kos RM228, sebanyak 3120 liter *Ferric Sulphate* dengan kos RM4,696 dan 15 kilogram *Polymer* dengan kos RM112 sebulan. Semakan Audit mendapati Majlis ada menyimpan rekod bahan kimia dengan kemas kini. Bagaimanapun pemeriksaan Audit mendapati stok bahan kimia tersebut tidak disimpan dengan teratur di mana hanya diletak secara terbuka bersebelahan loji rawatan. Amalan ini boleh menjadikan kualiti bahan kimia tersebut.
- ii) Kolam *anaerobic* bertujuan untuk menakung air sisa sampah yang mengalir melalui sistem perparitan bawah tanah dari petak sampah. Kolam ini mampu menakung sebanyak 14 juta liter air. Air sisa sampah dari kolam tersebut dirawat melalui Loji Rawatan dan air yang telah dirawat akan dialirkan ke kolam *aerobic*. Kualiti air di kolam ini sepatutnya memenuhi keperluan piawaian A. Pam *aerator* di kolam ini akan melakukan proses pengoksidaan di mana kualiti air akan bertambah baik dan sterusnya mengalir ke kolam *settling*. Air di kolam ini akan melalui proses pemendapan dan hasilnya air yang bersih akan dilepaskan ke sungai berdekatan.

Lawatan Audit ke loji rawatan pada Oktober 2005 mendapati kadar air sisa sampah yang dirawat hanya pada sekitar 56 hingga 60 liter satu minit. Pegawai Majlis memaklumkan terdapat kotoran yang melekat pada saluran paip yang menyebabkan pam tidak boleh mencapai tahap maksimanya. Dengan keupayaan merawat kira-kira 60 liter air seminit bermakna loji ini hanya mampu merawat 3,600 liter air pada satu jam dan sudah semestinya tidak mampu merawat air sejumlah 14 juta liter dalam kolam *anaerobic* dalam masa yang ditetapkan. Lawatan Audit juga mendapati air di kolam *anaerobic* telah melimpah ke kolam *aerobic* tanpa melalui proses rawatan. Ini adalah kerana kemampuan loji rawatan tidak seimbang dengan isipadu air sisa sampah di kolam *anaerobic*.

Selain itu, reka bentuk kolam tidak diubah supaya bersesuaian dengan kaedah rawatan melalui loji. Keadaan menjadi bertambah serius jika hujan yang turun secara berterusan. Jika hujan berterusan, air dari sungai akan melimpah dan menimbulkan kesan kepada alam sekitar dan juga penduduk di sekitarnya. Kedudukan kolam tersebut adalah seperti di **Foto 62**.

Foto 62
Kedudukan Kolam Tapak Pelupusan Sampah



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak.
Tarikh : 17 Oktober 2005
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah

Sungguhpun air di kolam *aerobic* dan kolam *settling* sudah tercemar disebabkan limpahan air yang tidak dirawat dari kolam *anaerobic*, proses rawatan masih diteruskan. Keadaan ini menyebabkan pembaziran penggunaan bahan kimia bernilai kira-kira RM5,036 bagi sebulan.

Pada pendapat Audit keadaan ini berlaku adalah disebabkan Majlis tidak memberi perhatian dalam proses rawatan air sisa sampah.

c) Pengendalian Loji Rawatan

Pada tahun 2004, Loji rawatan dikendalikan oleh First Corridor Sdn. Bhd. Manakala pada tahun 2005, pengedalian dilakukan oleh Bu Huat Kee secara kontrak dengan kadar bayaran RM2,778 sebulan. Kontraktor tersebut menyediakan 2 orang pekerja. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan kepada harga tawaran yang paling rendah dan bukannya mengikut kemahiran pekerja. Pekerja yang ditempatkan oleh kontraktor mengharapkan tunjuk ajar daripada pihak kakitangan Majlis yang masih kurang mahir.

Semakan Audit mendapati First Corridor Sdn. Bhd. yang dilantik hanya mampu melaksanakan tugas selama 5 bulan sahaja. Akibatnya Majlis telah menamatkan kontrak tersebut kerana kerja yang dilaksana tidak memuaskan. Di antara masalah lain yang ditimbulkan oleh kontraktor berkenaan adalah pekerja yang tidak berpengalaman dan loji rawatan yang kerap rosak disebabkan pengendalian yang tidak betul.

Semasa pembayaran kepada kontraktor bagi bulan Mei 2004 hingga Julai 2004, Majlis telah mengenakan penalti sebanyak 20% daripada jumlah bayaran RM2,778 setiap bulan kerana kerja yang tidak memuaskan. Penalti yang dikenakan tidak ada kriteria perkiraan yang tertentu untuk memudahkan penguatkuasaan. Majlis hanya mengenakan penalti berpandukan cadangan daripada Penolong Pegawai Kesihatan Gred U29.

Pada pendapat Audit, kontraktor yang dilantik tidak merawat air sisa sampah dengan memuaskan.

40.2.16 Keselamatan Tapak Pelupusan Sampah

Pembinaan tapak pelupusan sampah Bekenu melibatkan kawasan seluas 15 hektar di mana kawasan Fasal 1 telah dipagar bagi manjaga keselamatan di tapak pelupusan sampah. Selain itu, Majlis juga telah menggunakan khidmat pengawal keselamatan swasta untuk menjaga kawasan pelupusan yang memerlukan kawalan 24 jam.

Pada pendapat Audit keselamatan di tapak pelupusan sampah pada keseluruhannya adalah memuaskan.

40.2.17 Stesen Pemindahan Sampah

Sepertimana dicadangkan dalam laporan kajian kemungkinan pada peringkat awal projek, Majlis memang memerlukan stesen pemindahan sampah supaya tidak mengganggu jadual pengutipan sampah oleh semua kontraktor pemungut sampah di Bandaraya Miri. Dengan yang demikian, pada tahun 2003 Majlis telah membina Stesen Pemindahan Sampah di Lambir yang terletak kira-kira 14 kilometer di Jalan Miri/Bintulu. Fungsi stesen ini adalah sebagai tempat pengumpulan sampah sebelum ianya dihantar ke tapak pelupusan di Bekenu.

Pembinaan stesen ini telah dibuat secara kontrak bagi tempoh 7 tahun di mana pihak kontraktor dikehendaki menyediakan jentera, peralatan dan kontena yang berkaitan bagi menerima, memadatkan dan mengangkut sampah ke tapak pelupusan di Bekenu.

Kontraktor mengenakan caj dengan kadar RM26.48 bagi setiap tan sampah yang diproses dan diangkut ke tapak pelupusan di Bekenu.

Bagi tempoh Julai 2003 hingga Julai 2005 sebanyak 88,820 ton sampah telah diangkut ke tapak pelupusan sanitari dan sejumlah RM2.35 juta telah dibayar oleh Majlis. Semakan Audit terhadap *Lambir Transfer Station Daily Checklist* dan *Lambir Transfer Station Contractor Performance Checklist* mendapati kontraktor telah mengendalikan stesen pemindahan sampah dengan teratur.

Pihak Audit berpendapat pengendalian stesen pemindahan sampah di Lambir adalah memuaskan.

40.2.18 Laporan Pemantauan Alam Sekitar

Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah meluluskan tapak pelupusan sampah di Bekenu berdasarkan Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar yang disediakan oleh perunding. Kelulusan ini diberikan dengan syarat Majlis menyedia dan mengemukakan kepada Lembaga, Laporan Pemantauan Alam Sekitar setiap 3 bulan sekali semasa pembinaan dan seterusnya pada peringkat operasi.

Majlis telah melantik perunding untuk menyediakan laporan mengenai penilaian air sisa sampah yang dialirkan ke anak sungai yang berdekatan. Majlis telah membelanjakan sejumlah RM13,712 untuk penyediaan laporan berkenaan oleh pihak perunding pada tahun 2002 hingga 2005. Perunding telah menjalankan pemeriksaan di tapak pelupusan seperti berikut:

- a) Mengambil sampel air di hulu dan hilir sungai yang berdekatan dengan tapak pelupusan bagi mengesan sebarang perubahan kepada sumber air selepas air sisa sampah dilepaskan.
- b) Perunding juga telah mengambil sampel air dari Kolam *Settling* dan Kolam *Aerobic* bagi menilai sama ada kualiti air mencapai tahap Piawaian A seperti di Jadual Ketiga dalam Peraturan Kualiti Alam Sekitar (*Sewage & Industrial Effluents*) 1979.
- c) Mengambil sampel air bawah tanah di tapak pelupusan serta kawalan pengeluaran bunyi semasa pembinaan tapak baru.

Mengikut laporan suku tahun ketiga 2005, sampel air yang diambil di Kolam *Aerobic* dan Kolam *Settling* mengandungi 6 unsur utama seperti BOD,COD, *Total Suspended Solids*, *Oil & Grease*, *Iron* dan *Manganese* dan kadarnya melebihi piawaian yang telah ditetapkan. Kualiti air di kolam tersebut didapati masih tidak mematuhi piawaian A

kerana limpahan air yang tidak dirawat dari kolam *anaerobic*. Ini disebabkan Loji rawatan tidak mampu menampung kapasiti air sisa sampah dalam kolam *anaerobic*. Tidak ada tindakan diambil oleh pihak Majlis bagi mengatasi masalah tersebut. Selain itu, Majlis tidak mengeluarkan surat peringatan kepada perunding walaupun laporan bagi suku tahun keempat 2003, suku tahun kedua 2004 dan suku tahun kedua 2005 tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, rawatan air sisa sampah adalah kurang memuaskan.

Pada keseluruhanya, pihak Audit berpendapat projek pembinaan dan pengendalian Tapak Perlupusan Sampah tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Terdapat kelemahan dalam rawatan air sisa sampah, proses rawatan air sisa sampah, pembinaan Loji rawatan tidak dirancang dengan teliti, pengedalian tapak perlupusan sampah dan kontraktor gagal mematuhi perjanjian dan spesifikasi pengurusan tapak perlupusan.

40.2.19 Latihan Pekerja

Bagi menjamin perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti, Majlis menitikberatkan aspek latihan terhadap kakitangan yang terlibat dalam pengendalian tapak perlupusan dan loji rawatan air sisa sampah. Semakan Audit mendapati seramai 6 orang kakitangan termasuk seorang daripada Majlis Daerah Subis telah menghadiri lawatan sambil belajar selama 4 hari di Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pulau Pinang. Dua orang kakitangan telah melawat sambil belajar di Stesen Pemindahan Sampah Taman Beringin, Kuala Lumpur selama 2 hari pada tahun 2002. Selain itu, semua kakitangan di Sub-Unit Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah/*Transfer Station* telah menghadiri latihan rawatan loji air sisa sampah yang dianjurkan oleh Majlis sendiri pada tahun 2005.

Pada pendapat Audit, latihan yang diberikan kepada kakitangan adalah mencukupi.

40.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting supaya kelemahan dan masalah pada peringkat awal dapat dikenalpasti dan seterusnya diambil tindakan segera untuk menyelesaiannya. Jurutera Kanan Majlis selaku Pengurus Projek adalah bertanggungjawab untuk memantau kerja pembinaan secara langsung. Segala perkembangan projek dan permasalahan yang timbul dibincang semasa mesyuarat

Jawatankuasa *Sanitary Landfill And Transfer Station*. Keputusan jawatankuasa ini dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Penuh Majlis Bandaraya Miri bagi memberitahu perkembangan projek pada keseluruhannya.

40.3.1 Buku Harian Tapak

Pegawai penyelia adalah terdiri daripada kakitangan Majlis yang di bawah arahan Pengurus Projek. Penyelia projek mencatat segala aktiviti harian di tapak pembinaan dalam Buku Harian Tapak. Buku ini diperiksa oleh jurutera bertugas dan disemak oleh Pengurus Projek dari semasa ke semasa. Antara catatannya adalah mengenai bahan binaan yang digunakan, kerja yang dilakukan seperti menanam cerucuk, arahan yang dikeluarkan kepada kontraktor, kemajuan projek dan perkara luar jangka yang berlaku di tapak projek.

Semakan Audit terhadap 6 buah Buku Harian Tapak yang disediakan mendapati catatan harian adalah lengkap dan memuaskan. Pihak pegawai penyelia Majlis telah memantau kerja kontraktor dan antara teguran yang timbul adalah gangguan oleh pekerja sub-kontraktor, kesilapan penggunaan jenis batu dan saiz besi, gangguan daripada peneroka haram penanam kelapa sawit dan sebagainya.

40.3.2 Mesyuarat Tapak

Mesyuarat Tapak telah diadakan sebanyak 8 kali sejak awal bulan Mac 2002 hingga awal bulan Disember 2003. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Jurutera Kanan Majlis selaku Pengurus Projek dan dihadiri oleh beberapa orang pegawai penyelia Majlis, Juruperunding dan pihak kontraktor. Tujuan mesyuarat tapak adalah untuk membincangkan perkara mengenai perkembangan pembinaan dan masalah yang berbangkit di tapak projek. Isu yang dibincangkan adalah seperti kemajuan kerja bulanan, program kerja, lanjutan masa, Arahan Perubahan Kerja dan kerja yang belum diselesaikan.

40.3.3 Mesyuarat Penyelaras Projek

Selain daripada Mesyuarat Tapak, Pengurus Projek juga menjadi Pengerusi Mesyuarat Pelaras Projek bagi memantau kemajuan kerja projek. Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 12 kali iaitu bermula sejak bulan Mac 2002 hingga awal Disember 2003. Mesyuarat ini dihadiri oleh jurutera Majlis, Penolong Jurutera dan Pegawai Teknikal dan juga Juruperunding swasta. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan perkembangan terkini projek seperti masalah tapak diceroboh yang menyebabkan kerja pembinaan lambat dan terganggu, pelaras jadual harga, kontrak dokumen, program

kerja, perkhidmatan elektrik, kemudahan di tapak, lanjutan masa dan Arahan Perubahan Kerja.

40.3.4 Jawatankuasa Kecil *Sanitary Landfill And Transfer Station*

Jawatankuasa *Sanitary Landfill and Transfer Station* dianggotai oleh 3 orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Miri dan 2 orang Ahli Majlis dari Majlis Daerah Subis serta 5 orang pegawai dari kedua-dua Majlis berkenaan. Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau projek pembinaan tapak pelupusan di Bekenu dan pembinaan Stesen Pemindahan Sampah di Lambir. Setakat Disember 2001, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 15 kali sejak ditubuh pada bulan Ogos 2000 untuk membincangkan perkara mengenai perancangan dan pelaksanaan projek berkenaan. Jawatankuasa ini menerima laporan daripada Jurutera Majlis selaku Pengurus Projek dan juga mengkaji laporan daripada juruperunding mengenai perkembangan projek. Jawatankuasa ini bertindak selaku badan pelaksana tetapi perlu melapor kepada Jawatankuasa Penuh Majlis Bandaraya Miri mengenai perkembangan projek terutama sekali yang melibatkan tambahan pembinaan dan keperluan kewangan.

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ialah berkenaan dengan masalah tapak, masalah penduduk di kawasan berhampiran tapak, hasil sessi dialog dengan penduduk, lawatan ke tapak projek pelupusan sampah di tempat lain dan masalah kelewatan pembinaan projek disebabkan oleh gangguan penanam sawit haram dan kekurangan mesin di tapak projek.

40.3.5 Jawatankuasa Penuh Majlis Bandaraya Miri

Jawatankuasa Penuh Majlis adalah peringkat yang mencadang dasar Majlis dan memberi kuasa menambah atau mengurang skop projek, menentukan peruntukan kewangan dan lain-lain perkara yang asas bagi perlaksanaan projek. Mesyuarat ini dipengerusi oleh Datuk Bandar Majlis dan dihadiri oleh semua konselar, Setiausaha serta semua pegawai kanan Majlis. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan. Semua perkara mengenai perkembangan projek dilaporkan untuk dibincang dalam mesyuarat pentadbiran Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mewujudkan kawalan dan pemantauan yang memuaskan semasa pembinaan projek dilaksanakan. Selain itu, Majlis tidak meningkatkan kebersihan di kawasan pentadbirannya.

41. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pandangan Jabatan Audit Negara, Majlis telah membuat keputusan yang baik bila memilih sistem pelupusan sampah secara *sanitary landfill* dan seterusnya merawat air sisa sampah atau *leachate* dengan menggunakan teknologi penapisan dan rawatan dari Australia. Sistem pelupusan ini dapat mengekalkan kebersihan alam sekitar dan tapak yang telah digunakan boleh dijadikan taman rekreasi dan sebagainya pada masa akan datang.

Bagaimanapun, proses pelupusan sampah seperti ini memerlukan kawasan yang besar dan kos penyenggaraannya adalah tinggi. Hakikat ini sepatutnya difahami sebelum projek dilaksanakan kerana pengendalian pelupusan yang tidak mengikut standard tidak akan menghasilkan Kualiti Alam Sekitar yang dibenarkan. Semakan Audit pada keseluruhannya mendapati ada kelemahan dalam rawatan *leachate* dan pengendalian tapak tidak mengikut sistem *landfill* yang sebenarnya. Adalah disyorkan supaya pihak Majlis Bandar raya Miri mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Kerja yang belum selesai sepenuhnya seperti meletak *charcoal stick* dalam *Filter Bed* hendaklah disiapkan segera supaya air sisa sampah yang mengalir dari petak sampah menjalani tapisan awal sebelum masuk ke kolam *anaerobic*.
- b) Jawatan tambahan bagi mengendalikan tapak pelupusan di Bekenu dan Stesen Pemindahan Sampah di Lambir perlu pertimbangan semula oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan.
- c) Pelupusan sampah hendaklah mengikut sistem *sanitary landfill* yang sebenar iaitu memampatkan sampah dan menimbusnya dengan tanah setiap hari. Tindakan penalti hendaklah diambil terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan kerja penimbusan setiap hari mengikut surat perjanjian.
- d) Keupayaan loji merawat air sisa sampah hendaklah tingkatkan supaya selaras dengan kapasiti air sampah yang ada.
- e) Stor khas untuk menyimpan bahan kimia perlu disediakan bersebelahan dengan Loji rawatan.
- f) Majlis sepatutnya berusaha mengatasi masalah limpahan air sisa sampah dari kolam *anaerobic* ke kolam *aerobic* dengan membina sistem perparitan bertapis bagi limpahan air sampah dari satu kolam ke kolam yang lain.
- g) Majlis hendaklah meneliti Laporan Pemantauan Alam Sekitar yang dikemukakan oleh juruperunding dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap teguran yang dilaporkan.

BAHAGIAN II
PERKARA AM

42. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. **Bahagian** ini mengandungi perkara berikut :

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004
- b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri.

43. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2004

43.1 KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Pada tahun 2004, sebanyak 10 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan telah dipilih untuk diaudit.

43.1.1 Jabatan Kerja Raya

Projek Pembinaan Jalan Raya Pesisiran Pantai Dari Balingian Ke Bintulu

- i) Cadangan projek pembinaan jalan sepanjang 29.3 kilometer yang bermula dari persimpangan Projek Jalan Raya Balingian/Kuala Balingian menuju ke Kuala Tatau belum lagi dilaksanakan. Selain itu, cadangan Pembinaan Pejajaran Semula Jalan Raya Balingian/Kuala Balingian juga belum dilaksanakan walaupun telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri pada bulan Februari 2001.
- ii) Kontraktor lama belum lagi menjelaskan sejumlah RM7.53 juta bayaran ganti rugi kepada Kerajaan akibat kegalannya menyiapkan projek pada tempoh yang ditetapkan kerana masih dalam proses perbicaraan mahkamah.

Kedudukan Masa Kini

- i) Projek Pembinaan Pejajaran Semula Jalan Raya Balingian/Kuala Balingian telah dilaksanakan pada pertengahan bulan Jun tahun 2005. Projek ini dipecahkan kepada 2 kontrak pembinaan yang berasingan. Projek pertama ialah pembinaan sebuah jambatan sepanjang 336 meter dengan kos pembinaan berjumlah RM22.60 juta. Manakala projek kedua pula ialah pembinaan jalan yang menghubungkan jambatan tersebut dengan Jalan Kuala Balingian/Balingian dengan kosnya berjumlah RM12.40 juta. Bagaimanapun bagi cadangan projek pembinaan jalan sepanjang 29.3 kilometer yang bermula dari persimpangan Projek Jalan Raya Balingian/Kuala Balingian menuju ke Kuala Tatau belum dilaksanakan dan masih di peringkat menunggu kelulusan tender.
- ii) Kontraktor belum lagi menjelaskan sejumlah RM7.53 juta seperti yang dituntut oleh pihak Kerajaan akibat kegalannya menyiapkan projek Jalan Balingian/Kuala Balingian dalam tempoh yang ditetapkan.

43.1.2 Jabatan Kerja Raya

Projek Pembinaan Pejabat Pentadbiran Gedong

- i) Rekaan berlaku di beberapa bahagian hadapan dan belakang lantai kaki lima bangunan Pejabat.
- ii) Keadaan permukaan jalan di pintu pagar masuk mendap.
- iii) Sekitar kawasan Pejabat belum ditanam dengan rumput seperti yang dinyatakan dalam kontrak.
- iv) Pagar perimeter belum dibina di sekeliling bangunan Pejabat dan pintu pagar masuk kurang memuaskan.
- v) Perabot dan alat kelengkapan pejabat belum dibekalkan sepenuhnya.
- vi) Pejabat lain yang dicadangkan untuk ditempatkan di Pejabat Pentadbiran Gedong masih belum ada sebarang maklumat berkaitan dan ruangan tersebut masih kosong.
- vii) Pejabat tidak diberi kuasa mengutip wang dan sebarang pembayaran bil.

Kedudukan Masa Kini

Kedudukan perkara yang dilaporkan masih belum diambil tindakan oleh Jabatan Kerja Raya.

43.1.3 Jabatan Perhutanan Sarawak

Pembangunan Dan Pengurusan Taman Negara

- i) Bangunan terminal yang sedia ada yang dibina oleh kakitangan Jabatan telah rosak teruk kesan daripada hakisan arus dan boleh membahayakan pengunjung yang berada di sekitar terminal.
- ii) *Pontoon* yang terletak di seberang Sungai Niah merupakan tempat untuk pengunjung turun atau naik ke sampan sebelum atau selepas mengunjungi Gua Niah. *Pontoon* berkenaan yang dibina dengan kos RM20,000 telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2001.

Kedudukan Masa Kini

- i) Jabatan Hutan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM1 juta kepada Dewan Bandaraya Kuching Utara untuk membina sebuah terminal baru. Bagaimanapun, peruntukan ini tidak mencukupi kerana melibatkan bayaran pampasan untuk tapak projek. Projek ini dijangka siap pada Februari 2006. Dewan Bandaraya Kuching Utara sedang berusaha untuk mendapat peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Pembangunan Bandar dan hingga kini peruntukan tersebut belum diluluskan oleh Kerajaan Negeri.
- ii) Jabatan Hutan telah menerima peruntukan berjumlah RM1.8 juta daripada pihak Kementerian Pelancongan Malaysia untuk projek mengganti titian papan di Taman Negara Niah. Jabatan akan menggunakan sebahagian peruntukan tersebut iaitu RM150,000 untuk membina sebuah pontoon baru.

43.1.4 Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian Kuching

Pengurusan Pengeluaran Lesen Dan Kutipan Royalti Bahan Batuan

- i) Jabatan tidak mengambil sebarang tindakan untuk memantau kuantiti bahan batuan yang dikeluarkan dari tapak pemindahan. Jabatan hanya menggunakan penyata bulanan pengeluaran bahan batuan yang dikemukakan oleh pihak pelesen sebagai asas pengiraan royalti untuk dikutip.
- ii) Adalah didapati hampir kesemua penyata tidak mempunyai tandatangan pengawai penyemak. Ruang untuk mencatat keputusan dan pengesahan tidak lengkap. Pegawai Penguatkuasa sepatutnya memeriksa setiap penyata yang diterima bagi menentukan maklumat yang diberikan oleh pelesen adalah betul dan bayaran royalti dapat dikenakan dengan sewajarnya.

Kedudukan Masa Kini

- i) Ibu Pejabat telah mengeluarkan arahan kepada semua Jabatan Tanah Dan Survei Bahagian supaya rondaan dan pemeriksaan ke kawasan operasi dijalankan

sekurang-kurang 1 kali seminggu bagi tujuan pemantauan dan untuk mendapatkan anggaran bulanan kuantiti bahan batuan yang dipindah.

- ii) Ibu Pejabat telah mengeluarkan arahan kepada semua Penguasa Bahagian yang menghendaki semua penyata bulanan yang diserahkan oleh pelesen disemak sebelum disahkan oleh Penguasa.

43.1.5 Jabatan Pertanian Sarawak

Program Latihan Institut Pertanian Sarawak

- i) Pihak Institut perlu menyediakan surat perjanjian untuk ditandatangani antara Institut dengan pelatih bagi memastikan pelatih menamatkan kursus atau denda sewajarnya akan dikenakan sekiranya pelatih gagal menamatkan kursus yang diikuti.
- ii) Keadaan tempat penginapan adalah kurang memuaskan dan kerosakan kemudahan haruslah diperbaiki bagi memberi keselesaan kepada para pelatih di samping menjaga imej Institut.
- iii) Peralatan untuk keperluan latihan/mengajar serta peralatan pertanian lain di Institut belum mencukupi dan sebahagiannya telah usang.

Kedudukan Masa Kini

- i) Instrumen Perjanjian Biasiswa telah diluluskan oleh Pejabat Peguam Negeri dan akan dilaksanakan pada bulan Julai 2006 untuk pengambilan pelatih sesi 2006-2008.
- ii) Semua kerja pembaikan tempat penginapan dan kerosakan kemudahan telah dilaksanakan.
- iii) Pihak Institut telah memulakan pelupusan terhadap peralatan latihan/mengajar yang telah usang. Peralatan yang diperlukan untuk muzium telah diasingkan. Manakala peralatan usang lain menunggu kelulusan Lembaga Pelupusan. Peralatan keperluan latihan akan ditambah/diganti sebelum sesi Julai 2006 bermula.

43.1.6 Pejabat Pertanian Bahagian Miri

Pengurusan Aktiviti Penternakan Di Pusat Ternakan Karabungan

- i) Kadar kelahiran anak lembu, anak kambing, ayam dan khinzir adalah tidak mencapai sasaran tahunan iaitu 120 ekor setahun untuk lembu, sebanyak 180 ekor untuk kambing, 200,000 ekor untuk ayam dan 300 ekor untuk khinzir. Kadar kelahiran ternakan yang rendah disebabkan oleh faktor makanan, penyakit berjangkit, kemudahan di bangsal ternakan serta bibit induk yang telah tua.

- ii) Rumput yang ditanam tidak subur menyebabkan lembu ternakan tidak mendapat sumber makanan yang berkualiti. Makanan ayam lambat diperolehi dari pembekal kerana faktor lokasi sehingga menjaskan kualiti makanan yang dibekalkan.
- iii) Kemudahan di bangsal ayam masih menggunakan sistem palung untuk pemberian makanan ayam serta bangsal ayam juga tidak disediakan kemudahan untuk mengawal suhu udara.
- iv) Pembangunan padang ragut tidak memuaskan. Pembajaan tidak dibuat mengikut jadual.

Kedudukan masa kini

- i) Pusat telah merancang program makanan serta kesihatan dengan lebih teratur agar kualiti ternakan dapat ditingkatkan. Pengubahsuaian bangsal ternakan dan mendapat bibit induk yang baru juga telah dirancang bersesuaian dengan keadaan di Pusat serta peruntukan kewangan yang disediakan.
- ii) Lembu ternakan telah diberikan lebih makanan tambahan seperti abuk *concentrate* dan tidak hanya akan bergantung kepada rumput. Bekalan makanan ayam masih juga lambat diperolehi kerana tiada pengeluaran makanan ayam di kawasan berhampiran.
- iii) Sistem palung bagi pemberian makanan ayam juga dicadangkan diganti dengan sistem *automatic feeder*. Selain itu, Pusat akan menambahkan kelengkapan agar suhu pengudaraan dapat distabilkan.
- iv) Pusat memaklumkan jadual pembajaan akan dipatuhi bagi meningkatkan kualiti rumput yang ditanam.

43.1.7 Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak

Program Pembangunan Pusat Pertubuhan Desa (RGC)

- i) Kementerian hendaklah menyedia dan menetapkan satu garis panduan khusus sebagai rujukan dan panduan bagi kegunaan pihak kementerian dan semua Agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan Program Pembangunan RGC.
- ii) PELITA bertanggungjawab untuk menyelaras 3 daripada 4 komponen Program Pembangunan RGC iaitu Pembangunan Ekonomi, Pembangunan Prasarana dan Pembangunan Pusat Perkhidmatan di semua RGC. Pihak Audit mendapati tidak ada Memorandum Persefahaman atau arahan/panduan secara bertulis ditandatangani di antara Kementerian dan PELITA bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh PELITA.
- iii) Koordinasi antara Kementerian dan Agensi Pelaksanaan kurang memuaskan.

Kedudukan Masa Kini

- i) Kementerian tidak mempunyai cadangan untuk menyediakan sebarang garis panduan sebagai rujukan dan panduan dalam pelaksanaan program pembangunan kawasan RGC dengan alasan setiap RGC mempunyai keperluan yang berbeza dan Kementerian tidak menyediakan program pembangunan yang sama setiap tahun. Kementerian berpuas hati dengan peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang sedia ada dan digunakan sebagai panduan dalam pelaksanaan program pembangunan kawasan RGC.
- ii) Memorandum Persefahaman belum diadakan antara Kementerian dan PELITA. Pelantikan dan peranan PELITA sebagai agensi pelaksana adalah hanya berdasarkan perbincangan mengenai RGC yang telah dibincang dan dicatat pada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek RGC Bilangan 1/2003 bertarikh 17 Mac 2003 dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PELITA Bilangan 37 bertarikh 30 Januari 2003.
- iii) Kerajaan Negeri telah melantik satu Agensi Pelaksana Utama bagi mengurangkan berlaku perkara yang serupa berulang dan mengatasi masalah kurang koordinasi.

43.1.8 Lembaga Kemajuan Bintulu

Pembangunan Tapak Dan Penjualan Lot Industri Estet Perindustrian Kemen

- i) Pewartaan Kawasan Perindustrian Kemen I, II dan Jepak belum dilaksanakan.
- ii) Penetapan sasaran tidak didokumenkan oleh Lembaga sebagai rujukan kepada pihak luar.
- iii) Daripada 12 Surat Perjanjian Jual Beli yang belum dimeterai, tiga perjanjian tersebut belum dimeterai sejak tahun 1992.
- iv) Kakitangan yang ada masih tidak mencukupi untuk menjalankan tugas dan fungsi yang ditetapkan.
- v) Pencapaian penjualan lot industri di Kawasan Perindustrian Kemen II adalah lembab.

Kedudukan Masa Kini

- i) Keluasan kawasan perindustrian yang telah diwartakan sehingga kini adalah seluas 470 hektar. Cadangan untuk mewartakan yang selebihnya telahpun dihantar ke Jabatan Tanah Dan Survei yang terdiri daripada sebahagian Kawasan Perindustrian Kemen I, keseluruhan Kawasan Perindustrian Kemen II dan sebahagian Kawasan Perindustrian Jepak.
- ii) Penetapan sasaran ini tidak didokumentasikan kerana ianya merupakan polisi Kerajaan yang diterima pakai oleh Lembaga dan tidak dianggap sebagai prosedur atau rujukan.

- iii) Berkenaan dengan 3 perjanjian bagi Kawasan Perindustrian Kawasan I yang belum dimeterai, dua daripadanya telahpun dimeterai dan 1 perjanjian masih lagi belum dimeterai disebabkan oleh pertukaran hakmlik.
- iv) Pembeli mempunyai pilihan untuk membeli kawasan perindustrian yang sesuai. Memandangkan tanah di Kawasan Perindustrian Kemenetra I telah habis dijual, pembeli lebih beminat untuk membeli tanah di Kawasan Perindustrian Jepak berbanding Kawasan Perindusrtian Kemenetra I kerana ianya berhampiran dengan jalan utama. Bagaimanapun, Lembaga telah mengubah polisi terhadap jenis industri di Kawasan Perindusrtian Kemenetra II daripada berasaskan kayu kepada *mixed development area*.

43.1.9 Majlis Daerah Luar Bandar Sibu

Penyenggaraan Jalan Kampung, Laluan Dan Jambatan Di Luar Bandar Sibu

- i) Majlis tidak menyediakan rekod yang menunjukkan maklumat mengenai kerja penyenggaraan jalan raya, laluan dan jambatan yang telah dibuat.
- ii) Daftar Kontrak tidak diselenggarakan untuk merekod kontrak yang telah ditandatangani seperti kehendak perenggan 218, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997.
- iii) Fail Kontrak tidak diselenggarakan dengan memuaskan di mana dokumen kontrak seperti sijil insurans, Jadual Kerja, Bon Pelaksanaan, sijil pendaftaran dengan Unit Pendaftaran Kontraktor, salinan baucar bayaran serta inbois daripada kontraktor tidak disimpan didalam fail dan tidak dapat dikemukakan untuk tujuan pengauditan.
- iv) Sehingga akhir tahun 2004, cadangan yang dikemukakan oleh Majlis kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam untuk menambah 1 jawatan Pembantu Teknik Awam Gred J29 dan 1 jawatan Juruteknik Awam Gred J29 dan 1 jawatan Juruteknik Awam Gred J22 belum diluluskan.
- v) Majlis tidak menyelenggarakan daftar lawatan tapak untuk tujuan merekod tarikh lawatan dan ulasan pegawai memantau projek berkenaan dengan prestasi kerja yang telah dilaksanakan oleh JKKK.
- vi) Majlis tidak menetapkan had tempoh masa bagi projek yang dilaksanakan oleh JKKK.
- vii) Majlis tidak menyelenggarakan Daftar Aduan Awam yang diterima melalui panggilan telefon atau surat.

Kedudukan Masa Kini

- i) Majlis belum menyediakan rekod yang menunjukkan maklumat mengenai kerja penyelenggaraan jalan raya,laluan dan jambatan yang sedang dibina.
- ii) Majlis belum menyelenggarakan Daftar Kontrak.

- iii) Fail kontrak belum diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- iv) Masih belum diluluskan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam.
- v) Majlis masih tidak menetapkan had tempoh masa bagi projek yang dilaksanakan oleh JKKK.
- vi) Majlis belum menyelenggara Daftar Aduan Awam bagi tujuan memantau aduan awam yang diterima melalui panggilan telefon atau surat.

44. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian Dan Jabatan Negeri Sarawak bagi tahun 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada awal bulan November 2005.

45. MESYUARAT JAWATANKUASA AKAUN AWAM NEGERI

Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak telah membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Sarawak Tahun 2003. Pada tahun 2005, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 6 kali membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003. Jawatankuasa juga membuat lawatan kerja ke 4 Agensi sepanjang tahun 2004. Laporan Jawatankuasa telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada pertengahan bulan Jun 2005. Butiran ringkas mesyuarat dan lawatan kerja adalah seperti di **Lampiran I**. Jawatankuasa telah bermesyuarat pada pertengahan bulan Mac 2005 untuk mengenal pasti perenggan/isu dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004 yang hendak diperiksa. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk mempastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak Syarikat Kerajaan, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

PENUTUP

Secara keseluruhannya tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Kementerian/ Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

31 Julai 2006

LAMPIRAN I

**Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Mengenai Aktiviti
Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri Sepanjang Tahun 2005**

Tarikh	Kementerian/ Jabatan/Agenzi	Perkara
7 September 2005	Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar sewa kemudahan sukan tidak seragam • Kebocoran yang serius di bilik kawalan siaraya, bilik kawalan keselamatan, bilik pemeriksaan, bilik persalinan dan bilik gymnasium di Stadium Sarawak. Semua bilik tersebut tidak dapat digunakan kerana siling dan saluran hawa dingin jatuh, pintu reput dan terdapat takungan air pada lantai. Masalah ini berlaku sejak stadium siap dibina sehingga sekarang. Kementerian telah memaklumkan masalah tersebut pada awal tahun 2002 kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan tetapi tiada tindakan diambil. • Papan skor elektronik telah rosak dan lampu limpah tidak berfungsi sejak tahun 1998 di Stadium Negeri Sarawak. Jabatan Kerja Raya telah dilantik untuk memasang papan skor elektronik yang baru pada akhir tahun 2002 tetapi sehingga akhir tahun 2003 kerja tersebut belum dimulakan. • Balapan Stadium Tun Zaidi, Sibu rosak mulai awal tahun 2002 disebabkan struktur tanah yang tidak kukuh kerana dibina atas kawasan berpaya. Walaupun Kementerian telah meminta Jabatan Kerja Raya membaiki balapan pada awal tahun 2002 tetapi tindakan membaiki hanya disiapkan pada awal bulan Januari 2004. Selain itu, peralatan sukan seperti <i>landing mat</i> dan <i>hurdle</i> yang dianggarkan bernilai RM5,000 disimpan di bilik persalinan kerana stor yang ada kecil untuk menampung peralatan sukan. Ini menyebabkan bilik persalinan tersebut tidak dapat digunakan sepertimana tujuan asal ianya dibina. • Kerja mencuci balapan Mini Stadium Terbuka dan Kompleks Kolam Renang,Samarahan dibuat dengan menggunakan pencuci air tekanan tinggi (<i>water jet spray</i>) menyebabkan balapan cepat rosak. Pihak Kementerian tidak mengemukakan garis panduan penyenggaraan balapan kepada penyenggara Kompleks Sukan Samarahan. Kerosakan ini telah dilaporkan kepada Kementerian pada pertengahan tahun 2002 tetapi sehingga kini belum ada tindakan diambil. Sebahagian besar peralatan sukan seperti <i>hurdles</i>, <i>landing mat</i> dan <i>starting block</i> yang dianggarkan bernilai RM40,300 disimpan di bawah platform tempat duduk penonton kerana stor peralatan sukan sesak dan tiada ruang untuk menyimpan peralatan sukan mengakibatkan kerosakan terhadap peralatan sukan tersebut. Sebahagian jubin di sekeliling kolam renang sudah pecah kesan daripada mendapan tanah yang membahayakan penggunaannya. Masalah ini telah dimaklumkan kepada Kementerian pada pertengahan tahun 2001 tetapi tiada tindakan diambil sehingga kini. Selain itu, pihak pengurusan telah menukar bilik gimnasium menjadi pejabat. Akibatnya peralatan gimnasium yang diterima daripada Ibu Pejabat disimpan di bilik persalinan Mini Stadium Terbuka dan ruang pejabat di Kompleks Kolam Renang menyebabkan peralatan gimnasium tidak dapat digunakan. • Tandas dan bilik kuliah Stadium Tertutup Miri mengalami kebocoran sejak tahun 2001 dan tidak dapat digunakan lagi. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Kementerian pada tahun 2002 tetapi belum ada tindakan diambil untuk membaiki kerosakan. Bagaimanapun, pengurusan Stadium Tertutup diambilalih oleh Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Bahagian Miri pada tahun 2003.
	Jabatan Hutan	<ul style="list-style-type: none"> • Pada akhir tahun 2003, semua aktiviti projek hutan tani di Niah telah diarah oleh Jabatan ditangguhkan pada awal tahun 2002 kerana berlakunya kes perbicaraan perbalahan tuntutan hak tanah (<i>land dispute</i>) oleh penduduk. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perbelanjaan berjumlah RM173,720 telah dibuat bagi projek ini bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003. Perbelanjaan adalah untuk bayaran gaji dan upah, perolehan bekalan dan bahan, kos kerja penyenggaraan dan kos melaksanakan projek pembangunan masyarakat. Lawatan Audit mendapati peserta hanya menyenggara pokok buah-buahan dan 1,464 kolam ikan. Pihak Audit tidak dapat menentukan hasil daripada kedua aktiviti ini kerana rekod

Tarikh	Kementerian/ Jabatan/Agensi	Perkara
		<p>tidak disimpan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, temu bual dengan peserta mendapati secara keseluruhannya kebanyakan hasil tanaman dan ternakan adalah untuk kegunaan sendiri dan selebihnya dijual secara runcit.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Prestasi Projek • Pencerobohan Hutan Simpan
8 September 2005	Jabatan Kerja Raya	<ul style="list-style-type: none"> • Kehilangan Air • Kawasan Tadahan Air
	Kementerian Pelancongan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Produk Pelancongan • Projek Menyediakan Kemudahan Pelancongan • Projek Menaik Taraf Tempat Perkelahan • Program Homestay • Pembangunan Sumber Manusia • Program Yang Dilaksanakan • Program Kesedaran Pelancongan • Program Yang Belum Dilaksana • Kajian dan Penyelidikan
	Jabatan Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian • Perjanjian Peserta • Perjanjian Kontrak Pembekal Utama • Pengagihan Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan • Input Pertanian Untuk Tanaman • Kebun Sayur Jejaring • Input Pertanian Bagi Ternakan Ikan • Harga Input Pertanian • Penggunaan/Perbelanjaan Peruntukan Input Pertanian • Jawatankuasa Pemandu Jabatan • Laporan Kemajuan Pelaksanaan Sistem Perolehan Input Pertanian
	Kementerian Pembangunan Perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Pengkalan Data Usahawan IKS • Kriteria Skim Pinjaman IKS • Sambutan Terhadap Kemudahan Skim Pinjaman IKS • Prestasi Bayaran Balik Pinjaman • Program Promosi Produk IKS • Program Kilang Bimbingan • Program Pembinaan Kilang Jus Perisa, Kampong Gadong, Limbang • Prestasi Perbelanjaan • Pemantauan di Peringkat Kementerian • Pemantauan di Peringkat Agensi Pelaksana
29 September 2005	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan Hasil • Kawalan Perbelanjaan • Taklimat pengurusan Aset/Inventori
	Lembaga Kemajuan Bintulu	<ul style="list-style-type: none"> • Kawalan Hasil • Kawalan Perbelanjaan • Taklimat pengurusan Aset/Inventori
21 Mac 2006		<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenal pasti perenggan/isu dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004
15-17 Mac 2006		<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Muhibbah/Sambil belajar Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah
3-6 April 2006		<ul style="list-style-type: none"> • Seminar Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri di Langkawi, Kedah